PEMBANGUNAN MODUL PEDAGOGI KOMUNIKASI NONVERBAL AL QURAN DALAM PENGAJARAN BAHASA ARAB

MOHD ALA-UDDIN BIN OTHMAN

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2020

PEMBANGUNAN MODUL PEDAGOGI KOMUNIKASI NONVERBAL AL QURAN DALAM PENGAJARAN BAHASA ARAB

MOHD ALA-UDDIN BIN OTHMAN

TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH PENDIDIKAN

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2020

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama Calon: MOHD ALA-UDDIN BIN OTHMAN

No. Pendaftaran / Matrik: PHA110032

Nama Ijazah: DOKTOR FALSAFAH

Tajuk Kertas/Laporan Pengkajian/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja Ini"):

PEMBANGUNAN MODUL KOMUNIKASI NONVERBAL AL QURAN DALAM PENGAJARAN BAHASA ARAB

Bidang Pengkajian : PENDIDIKAN BAHASA ARAB

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

(1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
(2) Hasil kerja ini adalah asli;
(3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
(4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
(5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
(6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon: ..... Tarikh: .....

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi: ..... Tarikh: .....

Nama:
Jawatan :

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membangunkan Modul Pedagogi Komunikasi Nonverbal al-Quran (MPKNVQ) berasaskan model ADDIE yang telah diubahsuai. Objektif kajian ialah untuk (i) mengenal pasti komunikasi non-verbal al-Quran untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab, (ii) Mengenal pasti reka bentuk MPKNVQ yang dibangunkan untuk pengajaran BA, (iii) membangunkan MPKNVQ (iv) menilai keberkesanan MPKNVQ dari aspek sikap, motivasi dan pencapaian pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran BA. Kajian ini adalah kajian rekebentuk dan pembangunan yang melibatkan 3 fasa utama iaitu (a) fasa analisis keperluan berdasarkan kajian literatur dan analisis dokumen. Ayat-ayat Quran telah dianalisis dan disaring berdasarkan 10 saluran nonverbal untuk pengajaran yang dinyatakan oleh Richmond dan McCroskey (2000) (b) fasa kedua melibatkan proses mereka bentuk dan membangunkan MPKNVQ menggunakan teknik Delphi ubahsuaian dua pusingan. 17 orang pakar terlibat untuk menentukan saluran KNV yang sesuai dalam pengajaran BA. Ujian Wilcoxon (Wilcoxon Signed-rank Test) telah digunakan untuk melihat aras konsistensi antara persetujuan pakar dalam pusingan pertama dan kedua, dan (c) fasa ketiga adalah fasa pelaksanaan dan penilaian keberkesanan dengan menggunakan kaedah soal selidik dan ujian pencapaian bagi mengetahui tahap sikap, motivasi dan pencapaian. Kaedah kuasi eksperimen yang melibatkan 2 kumpulan iaitu kumpulan rawatan seramai 22 orang dan kumpulan kawalan seramai 28 orang telah dijalankan selama 12 minggu. Ujian-*t* telah dijalankan bagi menguji tahap sikap, motivasi dan pencapaian untuk melihat perbezaan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Dapatan fasa pertama menunjukkan di dalam al-Quran terdapat 8 sub saluran penampilan fizikal, 19 sub isyarat gerakan anggota badan, 13 sub saluran ekspresi wajah, 12 sub saluran okulesik, 15 sub saluran vokalik, 13 sub saluran proksemik, 6 sub saluran haptik, 9 sub saluran persekitaran, 4 sub saluran olfaktik dan 7 sub saluran kronemik. Dapatan fasa kedua menunjukkan tiada perbezaan signifikan bagi jawapan panel pakar dan membuktikan konsistensi jawapan panel pakar bagi kedua-dua pusingan. Dapatan fasa ketiga

menunjukkan Modul Pedagogi Komunikasi Nonverbal Al-Quran (MPKNVQ) dapat meningkatkan tahap sikap, motivasi dan pencapaian. Kajian ini telah berjaya membangunkan sebuah modul MPKNVQ yang mampu meningkatkan tahap sikap, motivasi dan pencapaian pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab.

DEVELOPMENT OF AL-QURAN NONVERBAL COMMUNICATION PEDAGOGICAL MODULE IN THE TEACHING OF ARABIC LANGUAGE

ABSTRACT

This study aims to develop the Nonverbal Communication Pedagogy Module of the Al Quran (MPKNVQ) based on the modified ADDIE model. The objectives of the study are to (i) identify non-verbal communication of Al Quran for teaching and learning Arabic, (ii) recognize the MPKNVQ design developed for BA teaching, (iii) develop MPKNVQ (iv) assess the effectiveness of MPKNVQ in terms of attitude, motivation and student achievement in the Arabic language teaching and learning. This study is a study of design and development that involves 3 main phases. The first phase is the needs analysis based on literature review and document analysis. Verses in the Quran were analysed and screened based on the 10 channels for non-verbal pedagogy as recommended by Richmond and McCroskey (2000). The second phase involves the process of designing and developing MPKNVQ using a two-stage modified circle of the Delphi technique. Wilcoxon Signed-rank Test was performed to measure inter rater consistency in the two stages. The third phase is the phase of implementation and evaluation of effectiveness using questionnaire and achievement test to find out their level of attitude, motivation and achievement. In this phase, a Quasi experimental study, involving 2 groups was conducted for 12 weeks. The experiment group involved 22 respondents while the control group involved 28 respondents. *T-test* was conducted to measure the differences in the attitude, motivation and student achievement in the Arabic language between the two groups. The first phase finding shows that in the Al Quran there are 8 sub channels of physical appearance, 19 sub channels of limbs, 13 sub channels of facial expressions, 12 sub

oculesics channels, 15 sub vocalic channels, 13 sub proxemics channels, 6 sub haptic channels, 9 sub environmental channels, 4 olfactics sub channels and 7 chronemics sub channels. The second phase findings show that there is no significant difference in the expert panel responses and demonstrates the consistency of the expert panel responses for both rounds. The third phase shows that the Quranic Nonverbal Communication Pedagogical Module (MPKNVQ) can improve attitudes, motivation and achievement. The study has successfully developed the MPKNVQ module which could potentially be used to increase the attitude, motivation and student achievement in the Arabic language teaching and learning.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Segala puji bagi Allah swt. yang telah melimpahkan kurnianya dan setinggi-tinggi rasa kesyukuran dipanjatkan ke hadrat-Nya kerana dengan izin-Nya tesis ini berjaya disiapkan. Salawat dan salam ke atas junjugan besar Nabi Muhammad saw.

Sebesar-besar penghargaan diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Zawawi Ismail yang merupakan penyelia kajian ini atas segala tunjuk ajar, bantuan, nasihat, bimbingan yang telah diberikan sepanjang tempoh perjuangan menyiapkan penulisan kajian ini. Terima kasih dan penghargaan juga diucapkan kepada Dr. Muhammad Azhar Zailani dan Prof. Madya Dr. Muhammad Faizal Abd Ghani atas nasihat dan semakan beliau terhadap penulisan kajian ini. Jutaan terima kasih dan penghargaan juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan dalam mengharungi lautan PhD Dr. Nordin Halias, Dr Che Mohd Zaid Yusof, Dr. Muhammad Rusdi Abd. Majid, Dr. Habibah, Dr. Norhanan, Dr. Harun Baharuddin, Dr. Nazri Abd. Rahman, Dr. Nik Mohd Norfadzilah Nik Mohd Rashid dan Ust. Mohd Ali Mohd Yusuf. Sesungguhnya nasihat, bimbingan, bantuan dan motivasi yang berterusan dari kalian semua menjadikan pengkaji mempunyai kekuatan menempuh perjuangan ini hingga selesai.

Jutaan terima kasih diucapkan juga kepada Dekan Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Prof. Madya Dr. Zulazhan Ab Halim dan rakan-rakan pensyarah Pusat Pengajian Bahasa Arab serta semua pensyarah FBK atas nasihat dan suntikan semangat yang membolehkan penulis menyiapkan kajian. Penghargaan yang besar dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada isteri dan anak-anak tercinta Nor ‘Aini Binti Harun@Zakaria, Muhammad Umairu Salimi, Usamah, Puteri Balqis, Uwais al Qarni dan Urwah yang memahami perjuangan yang dilalui dalam tempoh yang panjang ini. Semoga Allah swt melimpahkan rahmat dan kasih sayangNya kepada kalian semua.

Akhirnya, pengkaji mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan kajian ini. Diharapkan tesis ini dapat dijadikan sebagai ilmu yang dimanfaatkan oleh para ilmuan dan masyarakat. semoga mendapat keberkatan dari Allah swt.

Mohd Ala-Uddin Othman

SENARAI KANDUNGAN

KANDUNGAN **HALAMAN**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

ABSTRAK iii

ABSTRACT v

PENGHARGAAN vii

SENARAI KANDUNGAN ix

SENARAI RAJAH xvii

SENARAI JADUAL xviii

SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN xxii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 1

1.3 Penyataan Masalah Kajian 7

1.4 Objektif kajian 16

1.5 Soalan kajian 17

1.6 Kepentingan kajian 18

1.7 Batasan Kajian 19

1.8 Kerangka konspetual 20

1.9 Definisi Operasional 22

1.9.1 Pembangunan Modul Pedagogi 23

1.9.2 Komunikasi Nonverbal Al Quran 23

1.9.3 Pengajaran Bahasa Arab 24

1.10 Rumusan 24

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan 25

2.2 Perkembangan Dan Isu-Isu Pengajaran Bahasa Arab Di Malaysia 25

2.2.1 Kelemahan Pelajar 27
2.2.2 Kelemahan Guru 29
2.2.3 Kelemahan Komunikasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran 30
2.3 Perkembangan Komunikasi Nonverbal 32
2.3.1 Kajian Sarjana Islam Tentang Komunikasi Nonverbal 36
2.3.2 Kajian Sarjana Barat Tentang Komunikasi Nonverbal 38
2.4 Fungsi Komunikasi Nonverbal 41
2.5 Komunikasi Nonverbal Dalam Pengajaran 56
2.6 Saluran Komunikasi Nonverbal Dalam Pengajaran 59
2.6.1 Penampilan Fizikal 64
2.6.2 Gerakan Anggota Badan (Gestur) 65
2.6.3 Ekspresi Wajah 66
2.6.4 Okulesik (Kontak Mata) 68
2.6.5 Vokalik (Paralinguistik) 69
2.6.6 Proksemik 69
2.6.7 Haptik (Sentuhan) 71
2.6.8 Enviromen (Persekitaran) 72
2.6.9 Olfaktik (Bau) 75
2.6.10 Kronemik (Masa) 76
2.7 Komunikasi Nonverbal Al Quran Untuk Pengajaran 77
2.7.1 Penampilan Fizikal 79
2.7.2 Gerakan anggota badan (*Gesture*) 81
2.7.3 Ekspresi Wajah 87
2.7.4 Okulesik (Kontak Mata) 91
2.7.5 Vokalik (Paralinguistik) 99
2.7.6 Proksemik (Ruang Dan Jarak) 107
2.7.7 Haptik (Sentuhan) 115
2.7.8 Enviromen (Persekitaran) 116
2.7.9 Olfaktik (Bau) 118

2.7.10 Kronemik (Masa) 119
2.8 Model ADDIE 125
2.9 Model Pembinaan Modul Sidek 126
2.10 Motivasi, Sikap Dan Pencapaian Pelajar 127
2.10.1 Pengaruh KNV Terhadap Sikap Pelajar Dan Pencapaian Pelajar 127
2.10.2 Pengaruh KNV Terhadap Motivasi Pelajar Dan Pencapaian Pelajar 129
2.11 Reka Bentuk Pengajaran 138
2.12 Kerangka Teori 140
2.12.1 Teori Behaviorisme 140
2.12.1.1 Teori Pelaziman Klasik 141
2.12.1.2 Teori Pelaziman Operan 142
2.12.2 Teori Kognitif 143
2.12.3 Teori Pembelajaran Sosial 144
2.13 Model Pengajaran 147
2.13.1 Model Pengajaran Sim. 148
2.13.2 Model Pengajaran Behaviorisme 150
2.14 Kajian Lepas 152
2.14.1 Kajian Komunikasi Nonverbal Dalam Negara 152
2.14.2 Kajian Luar Negara 157
2.14.3 Kajian Komunikasi Nonverbal Al Quran Dalam Negara 159
2.14.4 Kajian Nonverbal Al Quran Luar Negara 160
2.15 Rumusan 162

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan 164
3.2 Reka bentuk kajian 164
3.2.1 Fasa Analisis Keperluan 169
3.2.2 Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan 173
3.2.3 Fasa Pelaksanaan dan Penilaian 180

3.3 Populasi dan persampelan kajian 181
3.4 Instrumen kajian 183
3.4.1 Soal Selidik Persetujuan Pakar 184
3.4.2 Soal Selidik Sikap 184
3.4.3 Soal Selidik Motivasi 186
3.4.4 Ujian pencapaian 187
3.5 Prototaip MPKNVQ 189
3.6 Kajian Rintis 190
3.7 Kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik sikap dan soal selidik motivasi 194
3.8 Prosedur pengumpulan data kajian 197
3.8.1 Pengumpulan Data Analisis. 198
3.8.2 Pengumpulan Data Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan 200
3.8.3 Pengumpulan Data Fasa Pelaksanaan dan Penilaian 202
3.8.4 Penganalisisan Data Kajian 203
3.8.5 Ujian Normaliti 204
3.9 Rumusan 206

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan 207
4.2 Dapatan Kajian Fasa Analisis Keperluan 208
4.2.1 Penampilan fizikal dalam al Quran 208
4.2.2 Gerakan Anggota Tubuh dalam al Quran 209
4.2.3 Ekspresi Wajah dalam al Quran 211
4.2.4 Okulesik (Kontak Mata) dalam al Quran 212
4.2.5 Vokalik dalam al Quran 213
4.2.6 Proksemik dalam al Quran 214
4.2.7 Haptik dalam al Quran 215
4.2.8 Persekitaran dalam al Quran 215
4.2.9 Olfaktik dalam al Quran 216
4.2.10 Kronemik dalam al Quran 217

4.3 Dapatan Kajian Fasa Reka Bentuk Dan Pembangunan 218
4.3.1 Dapatan Kajian Teknik Delphi Ubahsuaian Pusingan 1 219
4.3.1.1 Penampilan Fizikal Yang Dipersetujui Pakar 220
4.3.1.2 Gerakan Anggota Tubuh Yang Dipersetujui Pakar 222
4.3.1.3 Ekspresi Wajah Yang Dipersetujui Pakar 224
4.3.1.4 Okulesik (Kontak Mata) Yang Dipersetujui Pakar 225
4.3.1.5 Vokalik Yang Dipersetujui Pakar 227
4.3.1.6 Proksemik Yang Dipersetujui Pakar 229
4.3.1.7 Haptik Yang Dipersetujui Pakar 231
4.3.1.8 Persekitaran Yang Dipersetujui Pakar 232
4.3.1.9 Olfaktif Yang Dipersetujui Pakar 233
4.3.1.10 Kronemik Yang Dipersetujui Pakar 235
4.3.2 Dapatan Kajian Teknik Delphi Ubahsuaian Pusingan 2 236
4.3.2.1 Penampilan Fizikal 237
4.3.2.2 Gerakan Anggota Tubuh 238
4.3.2.3 Ekspresi Wajah 240
4.3.2.4 Okulesik (Kontak Mata) 241
4.3.2.5 Vokalik (Paralinguistik) 243
4.3.2.6 Proksemik 245
4.3.2.7 Haptik 247
4.3.2.8 Persekitaran 248
4.3.2.9 Olfaktik (Wangian) 249
4.3.2.10 Kronemik 250
4.3.3 Dapatan Fasa Pembangunan MPKNVQ 251
4.3.3.1 Penetapan Objektif. 252
4.3.3.2 Pemilihan Media 252
4.3.3.3 Pemilihan Isi Kandungan Dan Strategi 254
4.3.3.4 Pemilihan logistik 257
4.4 Dapatan Fasa Pelaksanaan dan Penilaian 258

4.4.1 Demografi responden 259

4.4.2 Demografi responden kumpulan kawalan 259

4.4.3 Demografi responden kumpulan rawatan 262

4.4.4 Sikap Pelajar Kumpulan Kawalan Sebelum Dan Selepas pengajaran. 264

4.4.4.1 Sikap Pelajar Kumpulan Kawalan Sebelum Pelaksanaan MPKNVQ. 264

4.4.4.2 Sikap Pelajar Kumpulan Kawalan Selepas Pengajaran 267

4.4.5 Sikap Pelajar Kumpulan Rawatan Sebelum Dan Selepas Pelaksanaan MPKNVQ 270

4.4.5.1 Sikap pelajar kumpulan rawatan sebelum pelaksanaan MPKNVQ 270

4.4.5.2 Sikap Pelajar kumpulan rawatan Selepas Pelaksanaan MPKNVQ 273

4.4.6 Perbandinngan Skor Min Sikap Kumpulan Kawalan Dan Rawatan 276

4.4.7 Motivasi Pelajar Kumpulan Kawalan Sebelum Dan Selepas Pelaksanaan PdanP. 277

4.4.7.1 Motivasi Pelajar Kumpulan Kawalan Sebelum Menjalani Proses PdanP 277

4.4.7.2 Motivasi Pelajar Kumpulan Kawalan Selepas Pelaksanaan MPKNVQ 280

4.4.8 Motivasi Pelajar Kumpulan Rawatan Sebelum Dan Selepas Pelaksanaan MPKNVQ. 283

4.4.8.1 Motivasi Pelajar Kumpulan Rawatan Sebelum Pelaksanaan MPKNVQ 284

4.4.8.2 Motivasi Pelajar Kumpulan Rawatan Selepas Pelaksanaan MPKNVQ 286

4.4.9 Perbandinngan Skor Min motivasi Pra Dan Pasca Bagi Kumpulan Kawalan Dan Rawatan 289

4.4.10 Ujian Pencapaian Pelajar Kumpulan Rawatan 290

4.4.10.1 Keputusan Ujian Pra Kumpulan Rawatan 291

4.4.10.2 Keputusan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan 293

4.4.10.3 Perbandingan Keputusan Ujian Pra Dan Ujian Pasca ... 294

4.4.11 Ujian Pencapaian Pra Dan Pasca Kumpulan Kawalan 296
4.4.11.1 Keputusan Ujian Pra Kumpulan Kawalan 297
4.4.11.2 Keputusan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan 298
4.4.11.3 Perbandingan Keputusan Ujian Pra Dan Ujian Pasca ... 299
4.4.12 Perbandingan Skor Min Ujian Pra Dan Pos Bagi Kumpulan Kawalan Dan Rawatan 301
4.4.13 Ujian T 302
4.4.13.1 Prasyarat Ujian – T 302
4.4.13.2 Ujian-t Bagi Elemen Pencapaian MPKNVQ 302
4.4.13.3 Ujian-t Bagi Elemen Sikap MPKNVQ 303
4.4.13.4 Ujian-t Bagi Elemen Motivasi MPKNVQ 304
4.5 Rumusan 305

BAB 5 PERBINCANGAN KAJIAN

5.1 Pendahuluan 306
5.2 Ringkasan Kajian 306
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian 311
5.3.1 Perbincangan Dapatan Kajian Analisis Keperluan 311
5.3.1.1 Penampilan fizikal 312
5.3.1.2 Gerakan Anggota Badan 313
5.3.1.3 Ekspresi Wajah dalam al Quran 314
5.3.1.4 Okulesik Dalam Al Quran 314
5.3.1.5 Vokalik Dalam al Quran 315
5.3.1.6 Proksemik dalam al Quran 315
5.3.1.7 Haptik dalam al Quran 316
5.3.1.8 Persekitaran dalam al Quran 316
5.3.1.9 Olfaktik dalam al Quran 317
5.3.1.10 Kronemik dalam al Quran 317
5.4 Perbincangan Fasa Reka Bentuk Dan Pembangunan 318
5.5 Perbincangan Dapatan Kajian Fasa Pelaksanaan Dan Penilaian 322
5.6 Kesimpulan Dapatan Kajian 330

5.7 Implikasi Kajian 331

5.7.1 Implikasi Dari Segi Teori 331

5.7.2 Implikasi Dari Segi Amalan 336

5.7.2.1 Implikasi dan cadangan Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia..... 337

5.7.2.2 Implikasi Dan Cadangan Kepada Para Guru 339

5.7.2.3 Implikasi Dan Cadangan Kepada Pelajar 342

5.7.2.4 Implikasi Kepada Ilmu Bidang 342

5.8 Cadangan Kajian Lanjutan 343

5.9 Rumusan 344

RUJUKAN 346

LAMPIRAN 1 PERKATAAN DAN IBARAH YANG DIGUNAKAN DALAM MPKNVQ 370

LAMPIRAN 2 SENARAI NAMA PAKAR 376

LAMPIRAN 3 SURAT LANTIKAN PAKAR 378

LAMPIRAN 4 SURAT KEBENARAN MEMBUAT KAJIAN DARI EPRD 381

LAMPIRAN 5 SURAT KEBENARAN MEMBUAT KAJIAN DARI JPNT 382

LAMPIRAN 6 SOAL SELIDIK MOTIVASI DAN SIKAP 383

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1 : Kerangka konseptual kajian modul Komunikasi nonverbal al Quran (MPKNVQ) 22

Rajah 2.1 : Model pembinaan modul Sidek 126

Rajah 2.2 : Model socioeducational yang diadaptasi dari Gardner (2001) 132

Rajah 3.1 : Proses analisis keperluan bagi MPKNVQ 172

Rajah 3.2 : Fasa reka bentuk dan pembangunan MPKNVQ 173

Rajah 3.3 : Integrasi teori behaviorisme, kognitif dan teori pembelajaran sosial Bandura dalam MPKNVQ 176

Rajah 3.4 : Model Pengajaran Sims, (1970) 177

Rajah 5.1 : Model Modul Komunikasi Nonvewrbal Al Quran Gabungan Model ADDIE dan Model Pembinaan Modul Sidek (2001) 333

Rajah 5.2 : Model Modul Pedagogi Komunikasi Nonverbal al Quran gabungan 3 teori 335

Rajah 5.3 : Kerangka cadangan MPKNVQ Bahasa Arab di sekolah 341

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1 : Rekabentuk Kajian Kuasi-Eksperimen Kaedah Ujian Pra-Pos Tidak Seimbang 167

Jadual 3.2 : Latarbelakang Guru bahasa Arab kumpulan kawalan dan rawatan 168

Jadual 3.3 : Teori dan ciri-cirinya dalam MPKNVQ 174

Jadual 3.4 : Kerangka Pmbangunan MPNVQ 181

Jadual 3.5 : Jumlah sampel MPKNVQ 183

Jadual 3.6 : Interpretasi skor min (Nunnally dan Bernstein, 1994) 185

Jadual 3.7 : Interpretasi skor min untuk kajian ini. 186

Jadual 3.8 : Faktor Motivasi 187

Jadual 3.9 : Instrumen Kajian 190

Jadual 3.10 : Jadual Nilai Alpha Cronbach dan Indikator 193

Jadual 3.11 : Jadual Pemboleh Ubah dan Nilai Alpha Cronbach Instrumen Kajian 193

Jadual 3.12 : Pekali Saiz Cronbach's Alpha Hair et al. (2006) 197

Jadual 3.13 : Prosedur Pengumpulan data 198

Jadual 3.14 : Nilai Skewness dan Kurtosis MPKNVQ Bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan 205

Jadual 4.1 : Penampilan fizikal dalam al Quran 209

Jadual 4.2 : Isyarat gerakan anggota tubuh dalam al Quran. 210

Jadual 4.3 : Ekspresi Wajah dalam al Quran 211

Jadual 4.4 : Okulesik (Kontak Mata) dalam al Quran 212

Jadual 4.5 : Vokalik dalam al Quran 213

Jadual 4.6 : Proksemik dalam al Quran 214

Jadual 4.7 : Haptik dalam al Quran 215

Jadual 4.8 : Persekitaran dalam al Quran 216

Jadual 4.9 : Olfaktik dalam al Quran 217

Jadual 4.10 : Kronemik dalam al Quran 217

Jadual 4.11 : Saluran penampilan fizikal 221

Jadual 4.12 : Gerakan Anggota Tubuh 222

Jadual 4.13 : Ekspresi Wajah 225

Jadual 4.14 : Okulesik (Kontak Mata) 226

Jadual 4.15 : Vokalik 228

Jadual 4.16 : Proksemik 230

Jadual 4.17 : Haptik 232

Jadual 4.18 : Persekitaran 233

Jadual 4.19 : Olfaktik 234

Jadual 4.20 : Kronemik 235

Jadual 4.21 : Penampilan Fizikal Pusingan 2 238

Jadual 4.22 : Gerakan Anggota Tubuh 239

Jadual 4.23 : Ekspresi Wajah 241

Jadual 4.24 : Okulesik (Kontak Mata) 242

Jadual 4.25 : Vokalik 244

Jadual 4.26 : Proksemik 246

Jadual 4.27 : Haptik 247

Jadual 4.28 : Persekitaran 249

Jadual 4.29 : Olfaktik 250

Jadual 4.30 : Kronemik..... 251

Jadual 4.31 : Topik-topik MPKNVQ. 255

Jadual 4.32 : Contoh perkataan dan ungkapan untuk KNVQ 256

Jadual 4.33 : Maklumat yang terdapat dalam perancangan pengajaran. 257

Jadual 4.34 : Demografi responden kumpulan kawalan..... 260

Jadual 4.35 : Demografi responden kumpulan rawatan 262

Jadual 4.36 : Sikap Pelajar Kumpulan Kawalan sebelum pengajaran..... 265

Jadual 4.37 : Sikap Pelajar Kumpulan Kawalan selepas pengajaran. 268

Jadual 4.38 : Sikap pelajar kumpulan rawatan sebelum pelaksanaan MPKNVQ 271

Jadual 4.39 : Sikap pelajar kumpulan rawatan selepas pelaksanaan MPKNVQ 274

Jadual 4.40 : Perbandingan skor Min sikap pra dan pasca kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. 276

Jadual 4.41 : Motivasi Pelajar Kumpulan Kawalan Sebelum Menjalani Proses PdanP 278

Jadual 4.42 : Motivasi Pelajar Kumpulan Kawalan Selepas Pelaksanaan MPKNVQ 281

Jadual 4.43 : Motivasi Pelajar Kumpulan Rawatan Sebelum Pelaksanaan MPKNVQ 284

Jadual 4.44 : Motivasi Pelajar Kumpulan Rawatan Selepas Pelaksanaan MPKNVQ 287

Jadual 4.45 : Perbandingan skor Min motivasi pra dan pasca kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. 289

Jadual 4.46 : Standard peratusan markah, gred dan tafsirannya..... 291

Jadual 4.47 : Keputusan ujian pra kumpulan rawatan. 292

Jadual 4.48 : keputusan ujian pasca kumpulan rawatan 293

Jadual 4.49 : Perbandingan pencapaian ujian pra dan ujian pasca kumpulan rawatan. 295

Jadual 4.50 : Keputusan ujian pra kumpulan kawalan 297

Jadual 4.51 : Keputusan ujian pasca kumpulan kawalan. 298

Jadual 4.52 : Perbandingan pencapaian ujian pra dan ujian pasca kumpulan kawalan 299

Jadual 4.53 : Perbandingan skor Min ujian pra dan ujian pasca kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. 301

Jadual 4.54 : Perbezaan Nilai Min, Sisihan Piawai Elemen Pencapaian bagi Ujian Pra dan Pasca MPKNVQ 303

Jadual 4.55 : Perbezaan Nilai Min, Sisihan Piawai Elemen Sikap bagi Ujian Pra dan Pasca MPKNVQ 304

Jadual 4.56 : Perbezaan Nilai Min, Sisihan Piawai Elemen Motivasi bagi Ujian Pra dan Pasca MPKNVQ 305

SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

MPKNVQ	Modul Pedagogi Komunikasi Nonverbal Al Quran
KNV	Komunikasi Nonverbal
KNVQ	Komunikasi Nonverbal Al Quran
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
SPSS	Statistical Package For Social Science
KAA	Kelasan Aliran Agama
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
BAK	Bahasa Arab Komunikasi
BAT	Bahasa Arab Tinggi
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
KUIS	Kolej Universiti Islam Selangor
JAPIM	Jabatan Pedidikan Islam Dan Moral
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPT	Institut Pendidikan Tinggi
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
JQAF	Jawi, AL Quran Arab dan Fardu Ain
BPI	Bahagian Pendidikan Islam
SMTSLQ	Measures Students Motivation Toward Science Learning Questionnaire
MSLQ	The Motivated Strategies for Learning Questionnaire
JPU	Jadual Penentu Ujian
JSU	Jadual Spesifikasi Ujian

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian, penyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, kerangka konseptual kajian, definisi operasional dan penutup.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bahasa Arab adalah salah satu daripada enam bahasa rasmi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (Mohammad Abu Shariah, Raja Ainon, Roziati Zainuddin, Moustafa Elshafei, Othman Khalifa, 2012). Menurut Gordon (2005), 206 juta orang daripada penduduk dunia adalah penutur jati bahasa Arab yang menduduki tangga keempat paling ramai penuturnya selepas bahasa Mandarin, Sepanyol dan Inggeris, manakala 24 buah negara menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa rasmi. 1.6 bilion umat Islam Cooperman (2011) di seluruh dunia menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa ibadat.

Al Quran sangat banyak membicarakan tentang konsep-konsep komunikasi nonverbal dan membekalkan banyak contoh-contoh yang tidak mampu diperolehi oleh Pengkaji melalui kajian lapangan. Menurut Ahmad (2003), jelas sekali bahawa al Quran membawa contoh yang banyak tentang saluran komunikasi nonverbal yang berkaitan secara langsung dengan kajian ini. Al Quran juga membekalkan ensiklopedia lambakan perbendaharaan kata bagi saluran-saluran komunikasi nonverbal secara khusus.

Keistimewaan bahasa Arab juga dibuktikan dengan 11 ayat al Quran yang menjelaskan bahawa bahasa Arab bahawa sebagai bahasa pilihan Allah, yang menjadi sumber rujukan yang paling berwibawa kepada umat Islam. Ayat-ayat tersebut ialah ayat 2 surah Yusuf, ayat 12 surah al Ahqaf, ayat 105 surah al Syu‘ara’, ayat 4 surah Ibrahim, ayat 103 surah al Nahl, ayat 113 Taha, ayat 28 surah al Zumar, ayat 3 surah Fussilat, ayat 7 surah al Syura, ayat 3 surah al Zukhruf dan ayat 37 surah al Ra‘d. Al Quran adalah panduan utama umat Islam. Oleh sebab itu, penguasaan bahasa Arab amatlah diperlukan dan ini menjadikan bahasa Arab tidak dapat dipisahkan dari umat Islam.

Para ulama’ menggunakan pelbagai kaedah untuk memahami dan mengeluarkan hukum fikah yang berpaksikan kekuatan kefahaman bahasa Arab yang merupakan bahasa pengantar bagi al Quran al Karim (Kamarul Shukri Mat Teh, 2005). Di dalam bidang pentafsiran ayat al Quran, Al Suyuti (1991) telah meletakkan syarat utama yang perlu dikuasai oleh ahli tafsir iaitu penguasaan ilmu-ilmu bahasa Arab.

Menurut Ibn Taymiyyah (1979), mempelajari bahasa Arab adalah wajib dan mempelajarinya adalah satu juzuk dari urusan agama kerana al Quran dan al Sunnah tidak dapat difahami melainkan dengan mengetahui bahasa Arab. Al Zamakhshari (1993) pula menegaskan bahawa menguasai bahasa Arab untuk memahami syariat adalah satu kemestian yang jelas, tidak boleh ditolak dan tidak boleh disembunyikan. Al Suyuti (1984) dan Al Shatibi (1995) menyatakan bahawa seorang mujtahid wajib menguasai kemahiran bahasa Arab dan tidak dibenarkan berijtihad melainkan dia berbangsa Arab atau menguasai bahasa Arab.

Manakala Ibn Khaldun (t.t) menegaskan bahawa pengetahuan tentang linguistik, sintaksis dan retorik adalah satu kemestian bagi ilmuan Islam kerana sumber syariat datang dari al Quran dan al Sunnah yang berbahasa Arab. Ibn Othaimin dalam

‘Fatawa Nur ‘ala al Darbi’ menyatakan tidak boleh dijadikan alasan oleh orang bukan Arab untuk tidak mempelajari bahasa Arab bahkan wajib atas mereka mempelajari bahasa al Quran kerana bahasa Arab adalah wasilah untuk memahami al Quran dan al Sunnah yang wajib dipelajari oleh setiap muslim.

Syeikh Abdullah Ibn Jibrin dalam ‘fatawa al Islam Sual wa Jawab no 6524’ menegaskan bahawa wajib bagi nonarab mempelajari bahasa Arab yang melibatkan lafaz-lafaz yang wajib seperti Takbiratul Ihram, Fatihah dan tasbih-tasbih yang perlu dibaca dalam ibadat solat.

Al Albani pula menyatakan bahawa belajar bahasa Arab adalah wajib. Sebagaimana para ulama’ sering mengemukakan kaedah “Tidaklah sempurna sesuatu yang wajib kecuali dengannya maka sesuatu itu menjadi wajib”. Sangat tidak mungkin seseorang penuntut ilmu memahami al Quran dan al Sunnah kecuali dengan jalan mempelajari bahasa Arab (Salim, 2006)

Mustapha Che Omar (2004) menyatakan bahawa al Quran telah menjadikan bahasa Arab bahasa yang terus hidup, menyatukan pelbagai dialek dan menjadikannya sebagai bahasa intelektual dan ketamadunan. Menurut Kamarul Shukri Mat Teh (2005) bahasa Arab tersebar luas meliputi dua pertiga dunia selaras dengan perkembangan Islam atas dasar bahasa al Quran. Kehebatan bahasa Arab boleh dilihat pada kemampuannya berjaya mengubah dan menguasai bahasa pertuturan rasmi penduduk sesuatu kawasan seperti bahasa Aramiyyah di Iraq, bahasa Qibtiyyah di Mesir dan bahasa Barbariyyah di utara Afrika (Makram, 1995). Sebagai bahasa yang unggul bahasa al Quran ini telah menjadi pencetus proses asimilasi bahasa. Contohnya bahasa Parsi dan Urdu telah banyak terpengaruh dengan perbendaharaan kata bahasa Arab dan bentuk tulisannya yang hampir sama(Zarzur, 1995)

Al Quran merupakan kalam Allah swt. yang mencakupi dan meliputi segala bidang ilmu pengetahuan. Para ulama' dan ilmuan tidak pernah jemu menelaah dan mengkaji al Quran. Mereka menemukan pelbagai maklumat dalam pelbagai disiplin ilmu pengetahuan,teori-teori,hukum-hakam dalam pelbagai aspek seperti ilmu astronomi, fizik, kimia, biologi, kedoktoran, ekonomi dan linguistik (Ahmad, 2003). Penerokaan terhadap ilmu pengetahuan yang terdapat dalam al Quran al Karim tidak berkesudahan hingga ke hari ini. Tidak syak bahawa al Quran juga merupakan sumber ilmu yang berkaitan dengan sains kemanusiaan khususnya yang berkait dengan komunikasi.

Ayat-ayat al Quran yang berbentuk tulisan adalah salah satu bentuk komunikasi. Menurut (Asmah Haji Omar, 1989), Bahasa bertulis adalah satu bentuk komunikasi. Komunikasi dalam al Quran merupakan komunikasi yang berlaku sama ada antara Allah dengan manusia, manusia sesama manusia, manusia dengan makhluk Allah yang lain. Kajian terhadap ayat-ayat al Quran menunjukkan wujudnya komunikasi nonverbal (Mohd Farid Mohd Sharif, 2009).

Menurut Mohd Farid Mohd Sharif (2009) terdapat lima bentuk komunikasi yang berlaku antara Allah swt dan para nabinya di dalam al Quran, tiga daripadanya dalam bentuk nonverbal iaitu dalam bentuk inspirasi, melalui fenomena alam semula jadi dan melalui fenomena sejarah. Manakala dua lagi bentuk verbal iaitu melalui perantaraan Jibril dan melalui perantaraan hijab.

Mansor Ahmad Saman, Ramli Mohamed, dan Shawaluddin Alias (1984), menyatakan bahawa komunikasi merupakan proses sesuatu idea, nilai, sikap dan sebagainya, disalur dan disampaikankan serta dikongsi oleh seseorang individu dengan orang lain. Kajian tentang komunikasi sebenarnya kajian tentang mesej dan bagaimana ia dihantar dan bagaimana ia diterima. Justeru, perkataan hanyalah

merupakan salah satu perantara mesej, kerana dalam pelbagai keadaan perantaraan mesej lain adalah sama pentingnya atau mungkin lebih penting daripada perantaraan bahasa(Asep Dadan Wildan, 2003). Komunikasi inilah yang dikatakan nonverbal atau bentuk penyampaian mesej tanpa perantaraan bahasa sebagaimana yang dikatakan oleh Tubbs dan Moss (2000).

Komunikasi boleh dikategorikan kepada dua iaitu komunikasi lisan (*verbal*) dan komunikasi bukan lisan (*non-verbal*). Menurut Nor Shafrin Ahmad, Fadzilah Amzah, dan Rahimi Che Aman (2009) dan Moore (2001)komunikasi secara lisan atau bukan lisan amat penting untuk memastikan kelancaran dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan banyak aktiviti komunikasi di antara pelajar dengan guru serta pelajar dengan pelajar. Tanpa komunikasi yang berkesan objektif dan matlamat sesuatu pengajaran dan pembelajaran tidak mungkin dapat dicapai dengan sepenuhnya.

McAuley (1992) menyatakan bahawa dalam perbualan antara dua orang, makna mungkin dapat disampaikan tidak melalui perkataan yang diucapkan tetapi melalui cara pengucapan dan juga melalui perwatakan mereka. Beliau menjelaskan beberapa elemen komunikasi nonverbal yang dapat memberi makna kepada pendengar seperti pergerakan badan,air muka, tingkah laku mata, ruang , laras bahasa dan perwatakan fizikal, termasuk juga tanda nonverbal seperti lambang, pengilustrasian, pemaparan rasa, pengawal dan penyesuai. Menurut Asep Dadan Wildan (2003), Kedua-dua elemen ini merupakan faktor yang sangat penting dalam mencipta keberkesanan komunikasi. Kenyataan ini menunjukkan betapa penting gandingan elemen verbal dan nonverbal dalam penyampaian mesej atau makna.

Menurut Mehrabian (1977), komponen perasaan nonverbal merangkumi 90 peratus daripada makna dalam berkomunikasi. Kajian ini menunjukkan betapa

pentingnya komunikasi nonverbal ketika berinteraksi. Pakar psikologi mendapati bahawa kesan komunikasi nonverbal lima kali ganda lebih baik berbanding hanya menggunakan komunikasi verbal (Williams, 2008 ; Bani Yunus, 2007).

Komunikasi nonverbal merupakan salah satu bidang ilmu yang penting dan berkait rapat dengan kehidupan manusia. Matlamat daripada Pengkajian komunikasi nonverbal ini ialah untuk menzahirkan elemen-elemen yang tersembunyi yang akan melengkapkan komunikasi manusia (Ahmad, 2003). Bahasa nonverbal ini telah pun wujud sejak penciptaan manusia dalam rahim ibunya dan berlaku sepanjang hayatnya sehingga dia berpisah dari kehidupan.

Ilmu ini sudah lama berkembang luas dalam masyarakat barat dan sudah lama diterokai oleh sarjana-sarjana mereka khususnya di Amerika, Britain dan Jerman. Tidak banyak kajian yang dilakukan oleh sarjana Islam khususnya dalam kajian nonverbal al Quran. Menurut kajian Ahmad (2003) mendapati 4480 ayat atau 72 peratus daripada keseluruhan ayat-ayat al Quran terlibat dengan komunikasi nonverbal. Ini adalah jumlah yang besar, yang menunjukkan bahawa Allah swt memberi perhatian dan meletakkan komunikasi nonverbal pada kedudukan yang tinggi. Oleh kerana itu, umat Islam perlu memberi perhatian yang serius dan penekanan yang khusus dalam aspek komunikasi nonverbal ini.

Menurut Rabayi'ah (2010), pemerhatian dan kajian terhadap ayat-ayat al Quran mendapati istilah bahasa badan banyak digunakan pakai dalam al Quran. Bahasa badan merupakan salah satu daripada komponen komunikasi nonverbal.

Sebenarnya al Quran telah banyak menyebut dan mengambarkan kepada kita tentang komunikasi nonverbal. Contohnya firman Allah taala (surah Yusuf ayat 84): yang bermaksud: *"Dan Ya'qub berpaling dari mereka (anak-anaknya) seraya berkata: "Aduhai duka citaku terhadap Yusuf", dan kedua matanya menjadi putih Karena*

kesedihan dan dia adalah seorang yang menahan amarahnya (terhadap anak-anaknya).”

Beberapa kata kunci komunikasi nonverbal yang menunjukkan berlakunya penyampaian mesej komunikasi terdapat di dalam ayat-ayat al Quran al Karim antaranya interaksi sosial, keadaan air muka, pergerakan badan dan tingkah laku mata. Semua ini membawa mesej atau makna tertentu yang boleh diintepretasikan dalam bentuk yang positif atau negatif.

Al Quran sangat banyak membicarakan tentang konsep-konsep komunikasi nonverbal dan membekalkan banyak contoh-contoh yang tidak mampu diperolehi oleh Pengkaji melalui kajian lapangan. Menurut Ahmad (2003), jelas sekali bahawa al Quran membawa contoh yang banyak tentang saluran komunikasi nonverbal yang berkaitan secara langsung dengan kajian ini. Al Quran juga membekalkan ensiklopedia lambakan perbendaharaan kata bagi saluran-saluran komunikasi nonverbal secara khusus.

1.3 Penyataan Masalah Kajian

Pada tahun 1991 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memutuskan agar mata pelajaran Bahasa Arab ditukar kepada Bahasa Arab Komunikasi (BAK) dan mula dilaksanakan pada tahun berikutnya 1992 (Muhammad Zahidi Arifin, 2003). Suasana semasa menunjukkan pendidikan bahasa Arab semakin berkembang namun tahap penguasaan pelajar masih lagi dipersoal dan perbincangkan. Beberapa kajian menunjukkan bahawa penguasaan pelajar bahasa Arab di Malaysia adalah lemah dan tidak memuaskan.

Tarmizi Ahmad (1997) dan Saupi Man (2003) mendapati majoriti para pelajar sangat lemah dalam kemahiran bertutur berbanding dengan kemahiran-kemahiran lain. Kajian Nik Mohd Rahimi Nik Yusof (2000) pula mendapati bahawa hanya 5% sahaja pelajar berinteraksi dalam bahasa Arab dengan guru di dalam kelas. Lebih mengejutkan lagi, beliau mendapati tiada seorang pun pelajar yang berkomunikasi dalam bahasa Arab di luar bilik darjah dengan guru dan rakan-rakan. Menurut Muhammad Zahidi Arifin (2003), walaupun Bahasa Arab Komunikasi ini sudah begitu lama diperkenalkan namun kemahiran para pelajar khususnya dalam berkomunikasi adalah kurang baik.

Ekoran daripada penguasaan bahasa Arab yang lemah, kajian-kajian yang melibatkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam juga mendapati keputusan pelajar dalam mata pelajaran bahasa Arab adalah tidak memuaskan. Menurut Che' Pee Che Hanafi (1991), laporan Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia pencapaian bahasa Arab di sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) di Malaysia masih rendah walaupun telah mempelajari bahasa Arab selama lima tahun di peringkat menengah.

Analisis keputusan bahasa Arab Komunikasi PMR bagi tahun 1997,1998 dan 1999 menunjukkan peratus pelajar yang memperoleh pencapaian yang lemah dan gagal adalah besar (Kamarul Shukri Mat Teh, 2009). Menurut Misnan Jemali (1999), 66 peratus pelajar memperoleh pencapaian sederhana, lemah dan gagal, Ini membuktikan pencapaian BAK pelajar adalah tidak memberangsangkan.

Menurut Kamarulzaman, Abdul Ghani dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusof (2005), penurunan peratusan keputusan dalam matapelajaran bahasa Arab komunikasi dan bahasa Arab tinggi dua tahun berturut-turut menunjukkan kelemahan pelajar dalam penguasaan bahasa Arab. Keputusan pencapaian BAK dalam PMR 2004 di

SMKA negeri Selangor yang kurang memuaskan kerana masih terdapat pelajar yang mendapat gred D dan E. Manakala di peringkat nasional pula, hanya 9 buah sekolah daripada 53 buah sekolah sahaja yang mencatatkan keputusan 100% (Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004). Semua keputusan ini menjadi bukti bahawa para pelajar yang mengambil subjek Bahasa Arab adalah lemag adri aspek pencapaian.

Kajian Abdul Ghani Jalil (1993), Nik Mohd Rahimi Nik Yusof (1999) dan Nasimah Abdullah (2006) mendapati minat pelajar terhadap bahasa Arab adalah sederhana. Mereka kurang menggunakan bahasa Arab di luar kelas, kurang membuat rujukan bahasa Arab dan kurang berkebolehan bertutur dalam bahasa Arab. Perkara ini adalah penyumbang kepada kemerosotan penguasaan bahasa.

Kajian yang dilakukan Nasimah Abdullah (2006) ke atas pelajar Diploma Pengajian Islam (bahasa Arab) Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) mendapati sebahagian besar pelajar berminat dengan pengajian bahasa Arab namun minat tersebut tidak selari dengan usaha mereka. Kebanyakan mereka kurang berinteraksi dengan rakan-rakan dan pensyarah dan kurang membaca bahan bacaan bahasa Arab.

Dalam mana-mana proses pengajaran dan pembelajaran, guru merupakan aset penting dalam kejayaan proses tersebut. Bahkan ada kajian menunjukkan hubungan antara kualiti seorang guru dengan pencapaian muridnya (Darling dan Youngs, 2002 dan Smith dan Gorard, 2007). Justeru, persoalan mengenai kualiti guru dan keberkesanan sentiasa ditimbulkan sebagai faktor yang memberi kesan kepada pembelajaran pelajar (Walsh, 2001).

Menurut Ab Halim Mohamad (2005), Azhar Ahmad, Hossen Marip, dan Morsalin Pawi, (2008) dan Kamarulzaman Abdul Ghani dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusof (2005), antara faktor penyebab kelemahan penguasaan bahasa Arab ialah faktor

guru yang lebih cenderung menggunakan kaedah pengajaran yang berpusatkan guru serta kurangnya penglibatan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam aktiviti kemahiran bahasa dalam kelas. Guru tidak dapat memahami dengan baiknya pendekatan pengajaran bahasa Arab komunikasi dan kemahiran-kemahiran berkaitan (Jefridin Pilus, 2002).

Peranan guru sangat besar bagi memastikan keberkesanan dan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai. Guru yang berkesan ialah seseorang yang mampu memperlihatkan pencapaian hasil pembelajaran yang dikehendaki. Itulah yang maksudkan oleh Cooper (1999):

"Teachers who can demonstrate the ability to bring about intended learning outcomes".

Abdul Razak Habib dan Khalid Abdullah (2000) menyimpulkan bahawa 4 aspek perlu ada kepada guru berkesan iaitu personaliti iaitu berperwatakan sebagai seorang guru, penyampaian iaitu cara guru menyampaikan pengajarannya, peneguhan iaitu bagaimana guru memberi peneguhan terhadap pelajarnya dan penilaian pencapaian iaitu bagaimana guru menilai pencapaian pembelajaran pelajarnya.

Isu pengajaran bahasa Arab dibincangkan secara berterusan oleh pakar-pakar pendidikan dalam pengkhususan ini. Cabaran yang dihadapi oleh mereka yang terbabit dengan perancangan untuk menarik minat pencinta bahasa Arab bukannya sedikit. Pelbagai usaha dijalankan untuk memastikan pengajaran bahasa ini berkesan dan mendatangkan manfaat semaksima yang mungkin. Di antara usaha tersebut termasuklah program latihan untuk para pengajar, meluaskan pengajaran bahasa ini ke sekolah menengah kebangsaan dan sekolah rendah, penghasilan bahan bantu mengajar yang sesuai dan lain-lain.

Pelbagai pendekatan dan teori-teori perolehan bahasa dalam pengajaran bahasa Arab namun pendekatan komunikatif dicadangkan untuk dilaksanakan di sekolah kerana sifat dan tujuan bahasa itu sendiri adalah untuk berkomunikasi. Matlamat pengajaran dan pembelajaran bahasa adalah untuk membentuk keupayaan berkomunikasi sesuai dengan keadaan dan persekitaran (Mustapha Che Omar, 2004).

Salah satu pendekatan yang dirasakan mampu untuk membantu guru dan pelajar mencapai objektif ini ialah pendekatan komunikatif. Menurut Zulkifli Abdullah (1999) kejayaan sesuatu komunikasi bergantung kepada kebolehan komunikator menyampaikan mesej dan kefahaman penerima mesej tentang perkara yang hendak disampaikan. Salah tafsir mesej oleh penerima mesej boleh berlaku dalam proses komunikasi sekiranya penerima mesej tidak memberi penumpuan terhadap mesej nonverbal.

Komunikasi adalah satu bidang ilmu yang sangat luas perbincangannya terutama apabila melibatkan penggunaan bahasa untuk berkomunikasi (Zawawi Ismail, 2008) . Dalam pendidikan bahasa Arab aspek komunikasi sama ada verbal atau nonverbal merupakan antara elemen terpenting yang perlu diambil kira oleh setiap guru dalam proses pengajaran mereka. Menurut Rusydi To'imah (2004), kegagalan pelajar berkomunikasi dengan baik disebabkan dua faktor iaitu faktor guru mengajar yang terdiri daripada guru tempatan yang bukan penutur bahasa Arab. Faktor ini menyebabkan keupayaan mereka berkomunikasi adalah terbatas dan sekaligus kefahaman dan penggunaan bahasa adalah terhad dan faktor pengajaran yang berlaku di dalam kelas. Kebanyakan aktiviti yang bejalan di dalam kelas hanya aktiviti yang menyediakan pelajar untuk berkomunikasi sebenar selepas masa pembelajaran tanpa meraikan kemampuan aktiviti semasa di dalam kelas.

Tu'aymah (2004) mencadangkan empat elemen penting yang perlu disempurnakanuntuk mewujudkan komunikasi yang baik dan berkesan, iaitu mesej, penyampai, media dan penerima. i) Mesej perlu berdiri dengan konsep yang jelas dan istilah yang betul. Mesej juga perlu mempunyai susunan pemikiran secara lojik, bahasa yang betul, ketepatan perkataan dan ayat dalam menjelaskan mesej yang ingin disampaikan, struktur ayat yang mudah dan tidak terlalu abstrak. ii) Penyampai perlu mempunyai idea dan pengalaman yang jelas tentang subjek yang ingin disampaikan. Penyampai juga bijak memilih perkataan yang sesuai dengan menggabungkan cara penyampaian yang pelbagai dan menarik. iii) Media mestilah mampu menarik minat penerima untuk memastikan mesej yang hendak disampaikan mampu difahami. Media juga perlu tepat dalam menyampaikan mesej sama ada dalam bentuk bunyi atau cetekan tanpa diganggu oleh kesalahan, iv) Penerima mesti mempunyai kemampuan untuk menerima mesej paling tidak mesti mempunyai mata dan telingan yang baik di samping mengetahui dengan baik bahasa yang sedang digunakan.

Dalam konteks pengajaran bahasa Arab, guru hendaklah bersedia dengan pedagogi yang sesuai agar matlamat untuk menguasai kemahiran berbahasa ini akan tercapai. Tu'aymah (1989), Pedagogi yang digunakan harus sesuai dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan supaya pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua ini akan menjadi satu pengajaran yang hidup dan bukan hanya menghafal tatabahasa dan perkataan semata. Kepentingan untuk memastikan pelajar menguasai keupayaan komunikasi ini adalah berdasarkan saranan Tu'aymah (1986) yang berpendapat menguasai keupayaan komunikasi adalah syarat pertama sebelum menguasai keupayaan bahasa. Memenuhi saranan ini akan lebih menjelaskan lagi peranan guru dalam melaksanakan kaedah pedagogi komunikasi dalam pengajaran bahasa Arab.

Isyarat nonverbal boleh menggambarkan emosi, personaliti, tujuan dan status sosial seseorang individu. Komunikasi nonverbal jika digemblengkan dengan komunikasi verbal meningkatkan lagi keberkesanan penyampaian sesuatu mesej. Isyarat nonverbal akan digunakan oleh ahli komunikasi untuk memperkuatkan hujah dan mendapat maklum balas dengan membaca maksud tersirat melalui isyarat nonverbal yang ditunjukkan oleh penerima mesej (Zulkifli Abdullah, 1999).

Hasil kajian Juliana Othman (2007) mendapati hanya 44.7% daripada 215 orang guru menggunakan bahasa badan, alat visual dan realia untuk memastikan topik pengajaran mudah difahami. Kajian ini juga mendapati 83.3 % guru baru yang bertugas antara 1-5 tahun tidak menggunakan bahasa badan dalam pengajaran mereka.

Tungku Mohani Tungku Mohtar dan Mohd Rashid Mohd Saad (2007), guru bahasa perlu memfokuskan perhatian kepada kaedah nonverbal dalam pengajaran jika guru itu percaya bahawa komunikasi nonverbal adalah kunci kejayaan kepada pembelajaran.

Nor Shafrin Ahmad, Fadzilah Amzah, dan Rahimi Che Aman (2009) menegaskan bahawa penggabungjalinan antara komunikasi verbal dan nonverbal secara serentak akan menjadikan pengajaran yang disampaikan oleh guru akan lebih berkesan. Ini menunjukkan bahawa kemahiran komunikasi nonverbal sangat penting bagi menjamin pengajaran guru yang efektif. Menurut beliau lagi kesesuaian dan kesahihan penggunaan komunikasi nonverbal dalam pengajaran dapat menyampaikan mesej yang tepat, seterusnya dapat mewujudkan suasana interaksi yang dapat menarik minat dan meningkatkan motivasi pelajar. Pengaplikasian komunikasi nonverbal dalam pengajaran membuktikan Keseriusan dan kesungguhan guru dalam penyampaiannya.

KNV berperanan penting dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran bahasa asing (Macedonia & Knosche, 2011). Namun kajian tentang nonverbal tidak menjadi fokus kajian secara khusus. Kajian Juliana Othman (2007), guru di malaysia tidak memberi perhatian khusus, tidak sedar dan tidak peka terhadap kepentingan mesej KNV dalam proses pengajaran. Contohnya nonverbal haptik tidak dilakukan dengan sewajarnya dalam sesi pengajaran sedangkan haptik merupakan saluran yang penting untuk mewujudkan hubungan baik dengan pelajar (McCroskey, Sallinen, Fayer, Richmond, & Barraclough, 1996)

Zanaton Iksan (2011) pula mendapati guru sering mengabaikan mesej masa dalam sesi soal jawab, guru sering menjawab sendiri soalan lisan yang dikemukakannya tanpa memberikan masa menunggu secukupnya untuk pelajar memikirkan jawapan dengan alasan yang mudah iaitu mengganggu proses pengajarannya. Pengabaian terhadap KNV dalam pengajaran telah merugikan keberkesanan pengajaran guru Nordin Halias (2016). Nur Shafrin Ahmad et al. (2009), berpendapat sentuhan adalah merupakan satu kelakuan yang dilihat dapat memberikan galakan dan dorongan kepada murid untuk menjawab soalan.

KNV berperanan menjayakan objektif pengajaran dan pembelajaran dan boleh mewujudkan pengajaran berkesan (Juliana Othman, 2007; McCroskey et al., 1996; Mohd Safiee Idris et al., 2008). Oleh itu kajian tentang KNV dalam pengajaran juga perlu dijalankan. Malah menurut Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2002), seseorang guru perlu mempelajari KNV untuk menampilkan kemahiran dan kepakaran kita sebagai seorang guru dengan membaca tingkah laku orang lain dan belajar mengawal bahasa badan kita supaya komunikasi kita lebih afektif. Kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku nonverbal guru bahasa Inggeris

dengan peningkatan motivasi pelajar untuk belajar bahasa Inggeris, semakin tinggi nonverbal guru semakin tinggi motivasi pelajar (Lisa, 2010).

Menurut Nordin Halias (2016), komunikasi nonverbal guru adalah sangat berkait rapat dengan motivasi pelajar. Beliau mendapati kecekapan guru menggunakan Komunikasi nonverbal dalam proses pengajaran dan pembelajaran akan meningkatkan tahap motivasi. Kekerapan penggunaan guru terhadap komunikasi nonverbal sangat mempengaruhi motivasi pelajar. Semakin kerap dan cekap guru menggunakan komunikasi nonverbal semakin tinggi motivasi yang akan ditunjukkan oleh pelajar.

Disamping peningkatan motivasi KNV juga mampu mengubah sikap pelajar menjadi lebih positif terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab (Nordin Halias (2016). Jika guru mempunyai kemahiran KNV yang tinggi maka sikap terhapa guru dan mata pelajaran bahasa Arab adalah tinggi (Nordin Halias, 2016).

Dari sudut hasil pembelajaran pula Nordin Halias (2016) mendapati saluran-saluran KNV menjadi penyumbang kepada pencapaian pelajar. Beliau mendapati 4 saluran utama KNV iaitu olfaktik, kronemik, okulesik dan penampilan fizikal memain peranan penting dalam pencapaian pelajar. Kajian Mohd Ala-Uddin Othman, Zawawi Ismail, Che Mohd Zaid dan Mohammad Rusdi Ab Majid (2020) mendapati KNV memberi kesan yang besar terhadap pencapaian pelajar. Ini adalah kerana penggunaan KNV dalam penyampaian guru akan meningkatkan motivasi dan menjadikan pelajar bersikap lebih positif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.

Kajian Zawawi Ismail, Nordin Halias, Rahimi Md Saad & Mohd Faisal Mohamed (2020) membuktikan terdapat hubungan antara KNV Guru Bahasa Arab dan pembentukan motivasi pelajar. Guru Bahasa Arab perlu mengamalkan semua saluran KNV iaitu 1) Penampilan fizikal, 2) Kinesik, 3) Kronomik, 4) Haptik 5) Ekspresi wajah, 6) Okulesik, 7) Proksemik, 8) Paralinguistik 9) Persekitaran/ruang dan

10) Olfaktik dalam pengajaran mereka. Dapatan kajian Nordin Halias (2016) menunjukkan bahawa motivasi menjadi penengah dalam hubungan antara KNV dan hasil pembelajaran. dapatan ini membuktikan bahawa KNV guru dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran adalah penting bagi meningkatkan motivasi dan pencapaian. Guru yang mahir dalam KNV mempunyai keupayaan untuk meningkatkan motivasi pelajar dan seterusnya memudahkan pembelajaran bahasa Arab.

Bertitik tolak daripada kelemahan penguasaan, prestasi pelajar dalam peperiksaan di pelbagai peringkat, kelemahan guru dalam usaha meningkatkan motivasi dan minat pelajar terhadap bahasa Arab, disamping kelemahan guru dalam mengemukakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang berkesan dan ditambah lagi dengan kepentingan dan kelebihan pengaplikasian komunikasi nonverbal dalam pengajaran yang mampu melahirkan pendekatan pengajaran dan meningkatkan kemahiran guru dalam berkomunikasi untuk menyampaikan mesej yang berkesan dalam penyampaiannya. Maka Pengkaji berusaha membangunkan satu modul pedagogi pengajaran nonverbal yang berasaskan al Quran al Karim dalam pengajaran bahasa Arab untuk dilaksanakan di Malaysia.

1.4 Objektif kajian

Berasaskan penyataan masalah kajian di atas penulis telah merangka objektif kajian berdasarkan tiga fasa utama iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan dan fasa pelaksanaan dan penilaian. Perincian objektif kajian adalah seperti berikut:

Fasa 1 : Analisis keperluan.

1) Mengenal pasti komunikasi nonverbal al Quran yang sesuai digunakan oleh guru dalam pengajaran Bahasa Arab.

Fasa II : Reka bentuk Dan Pembangunan Modul

2) Mengenal pasti reka bentuk MPKNVQ yang dibangunkan sesuai untuk pengajaran Bahasa Arab
3) Membangunkan MPKNVQ berdasarkan dapatan fasa analisis dan reka bentuk.

Fasa III: Pelaksanaan dan penilaian modul

4) Menilai keberkesanan MPKNVQ dari aspek sikap, motivasi dan pencapaian pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

1.5 Soalan kajian

Pengkaji telah membina soalan kajian berdasarkan objektif kajian yang telah dirangka seperti berikut:

Fasa I: Analisis keperluan

1) Apakah saluran komunikasi nonverbal al Quran (KNVQ) yang sesuai digunakan oleh guru dalam pengajaran Bahasa Arab?

Fasa II: Reka bentuk dan Pembangunan modul

2) Apakah reka bentuk MPKNVQ yang dibangunkan sesuai untuk pengajaran Bahasa Arab?
3) Bagaimanakah MPKNVQ dibangunkan?

Fasa III: Pelaksanaan dan penilaian

4) Apakah tahap sikap pelajar kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sebelum pelaksanaan MPKNVQ?

5) Sejauh mana pelaksanaan MPKNVQ berkesan dalam meningkatkan tahap sikap pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab?

6) Apakah tahap motivasi pelajar kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sebelum pelaksanaan MPKNVQ?

7) Sejauh manakah pelaksanaan MPKNVQ berkesan dalam meningkatkan motivasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab?

8) Apakah tahap pencapaian pelajar kumpulan kawalan dan rawatan sebelum dan selepas pelaksanaan MPKNVQ?

9) Sejauh mana pelaksanaan MPKNVQ dapat meningkatkan pencapaian pelajar?

1.6 Kepentingan kajian

Kajian ini menyerlahkan kehebatan al Quran dalam bidang komunikasi nonverbal. Banyak kajian dalam pelbagai bidang telah diterokai oleh pengkaji-pengkaji, namun tidak ramai yang membuat kajian dalam bidang ini. Kajian ini membuktikan wujudnya komunikasi nonverbal dalam al Quran dan komunikasi nonverbal yang terdapat dalam al Quran adalah bersifat universal bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji barat yang telah menjalankan kajian ini sejak dahulu hingga zaman mutakhir ini.

Pengajaran adalah satu bentuk komunikasi di mana pertukaran mesej antara guru sebagai penyampai dan pelajar sebagai penerima menjadi perkara asas dalam pengajaran dan pembelajaran. Penguasaan guru terhadap komunikasi verbal dan

nonverbal adalah sangat penting. Kadang-kadang penguasaan komunikasi nonverbal dilihat lebih utama dari komunikasi verbal. Penyampaian guru yang disepadukan dengan unsur verbal dan nonverbal banyak mempengaruhi pelajar untuk terus belajar.

Kajian ini penting dalam mengemukakan satu teknik baru dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang memberikan penekanan kepada komunikasi nonverbal berasaskan al Quran sebagai satu elemen yang penting disamping komunikasi verbal yang disampaikan para guru. Kajian ini juga menjadi panduan kepada para guru untuk mempertingkatkan kemahiran mereka agar dapat menarik minat dan meningkatkan motivasi serta mengurangkan kebosanan para pelajar dalam mempelajari bahasa Arab.

Dengan terhasilnya kajian ini para perancang kurikulum tidak hanya memberi penekanan kepada komunikasi verbal sahaja tetapi juga memasukkan elemen-elemen komunikasi nonverbal dalam kurikulum bahasa Arab. Pengkaji mengharapkan agar kajian ini dapat didedahkan dan dimanfaatkan oleh para guru dan para pensyarah dari institut pendidikan guru (IPG) dan institut pengajian tinggi (IPT) yang terlibat secara khusus dalam pendidikan pedagogi bahasa Arab. Hasil kajian ini juga sesuai untuk dimasukkan dalam kurikulum atau sukatan pelajaran bagi guru-guru pra perkhidmatan dan guru-guru yang mengikuti kursus jangka pendek bagi meningkatkan kemahiran mereka dalam pengajaran dan pembelajaran.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini hanya tertumpu kepada komunikasi nonverbal al Quran yang terpilih sahaja. Pengkaji akan mengeluarkan komunikasi nonverbal dari al Quran dan akan mendapat pengesahan dan persetujuan pakar bagi mengenal pasti komunikasi nonverbal yang bersesuaian untuk diterapkan dalam pembangunan modul yang akan digunakan dalam

kajian kuasi eksperimen. Model yang telah digunakan oleh Richmond dan McCroskey (2000) dalam pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan 10 saluran utama KNV menjadi asas dalam menentukan KNVQ yang sesuai dgunakan untuk MPKNVQ.

Kajian ini juga akan melibatkan guru dan para pelajar tingkatan 2 di dua buah sekolah menengah kebangsaan di negeri Terengganu yang terpilih yang mengambil mata pelajaran bahasa Arab kelas Aliran Arab (KAA) sahaja. Kajian diperingkat pelaksanaan dann penilaian hanya melibatkan seramai 22 orang pelajar berada dalam kumpulan rawatan dan 28 orang pelajar berada dalam kumpulan kawalan. manakala Pemilihan ini adalah berdasarkan pelajar-pelajar ini adalah pelajar yang baru mempelajari bahasa Arab dan mereka memerlukan semangat dan motivasi yang tinggi untuk mereka meneruskan kesinambungan belajar bahasa Arab di peringkat seterusnya. Oleh kerana elemen-elemen komunikasi nonverbal ini mampu meningkatkan motivasi, lahirlah dari dalam diri para pelajar keseronokan dan semangat mempelajari bahasa Arab dengan lebih tekun.

1.8 Kerangka konspetual

Kajian ini mengandungi dua bahagian utama (a) pembinaan kerangka teori kajian (b), kajian pembangunan Modul Pedagogi Komunikasi Nonverbal al Quran Dalam Pengajaran Bahasa Arab (MPKNVQ) di Malaysia yang melibatkan tiga fasa. Pada bahagian pertama, kajian dijalankan dengan membuat tinjauan literatur kerangka teori-teori kajian ini yang menyokong konstruk-konstruk dalam kajian ini. Pembinaan kerangka teori kajian ini menggabungkan 3 teori pembelajaran iaitu teori behaviorisme, teori kognitif dan teori pembelajaran social.

Tedapat dua model pengajaran yang menjadi asas kepada kajian ini iaitu model pengajaran behaviorisme dan model pengajaran SIM. Model ADDIE pula merupakan

model umum dalam membina rekabentuk MPKNVQ, manakala model Sidek (2001) telah digunakan oleh pengkaji untuk pembangunan modul ini. Ini adalah kerana model ADDIE tidak menentukan secara khusus kaedah bagi membangunkan modul.

Bahagian kedua kajian ini dilaksanakan dalam tiga fasa iaitu fasa analisis keperluan, fasa rekabentuk dan pembangunan dan fasa pelaksanaan dan penilaian. Fasa pertama analisis keperluan MPKNVQ dijalankan melalui kaedah analisis dokumen iaitu dengan meneliti kandungan ayat al Quran yang terlibat dengan nonverbal. Seterusnya hasil analisis dokumen ini digunakan untuk mendapat persetujuan pakar tentang keperluan KNVQ dalam MPKNVQ.

Fasa kedua fasa reka bentuk dan pembangunan pula menggunakan Modul Sidek (2001) sebagai asas kepada pembinaan MPKNVQ. Fasa ketiga pula melibatkan pelaksanaan dan penilaian keberkesanan yang melibatkan 2 soal selidik motivasi dan sikap serta ujian pencapaian.

Kerangka konseptual kajian ini menggabungkan kerangka teori dan proses kajian mengikut fasa. Kerangka kajian ini menunjukkan MPKNVQ dibangunkan dengan kerangka teori yang menyokong kajian dan proses pelaksanaan kajian yang melibatkan tiga fasa iaitu fasa analisis, fasa reka bentuk dan pembangunan serta fasa pelaksanaan dan penilaian. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian bagi pembangunan MPKNVQ.

Rajah 1.1 Kerangka konseptual kajian modul Komunikasi nonverbal al Quran (MPKNVQ)

Dalam kajian ini pengkaji hanya memfokuskan kepada pengajaran bahasa Arab yang terdapat dalam buku teks bahasa Arab tingkatan dua yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Dari segi penilaian keberkesanan pula pengkaji akan menilai tiga aspek sahaja iaitu iaitu sikap, motivasi dan pencapaian pelajar.

1.9 Definisi Operasional

Pengkaji telah menggunakan beberapa istilah dalam tajuk kajian ini. Istilah ini adalah berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Perincian istilah tersebut adalah seperti berikut:

1.9.1 Pembangunan Modul Pedagogi

Pembangunan modul pedagogi bermaksud menghasilkan dan mereka cipta modul pengajaran yang mewakili satu set pakej pengajaran yang lengkap meliputi satu unit konsep atau mata pelajaran (Husen dan Postlethwaite, 1985).

Pakej ini terdiri dari unit-unit media dalam satu rancangan pengajaran untuk memudahkan pemahaman pelajar, ia mencakupi bahan, alat dan sumber yang mengandungi pelbagai aktiviti yang telah dirancang secara sistematik bagi memudahkan guru dan pelajar mencapai dan menguasai objektif-objektif modul yang telah ditetapkan (Chin, 2005 dan Sidek Mohd Noah dan Jamaluddin Ahmad, 2005).

Dalam konteks kajian ini, Pembangunan Modul Pedagogi bermaksud menghasilkan atau membina satu pakej pengajaran yang yang lengkap yang berbentuk satu rancangan pengajaran meliputi maklumat, objektif, langkah-langkah, isi kandungan, aktiviti guru dan murid yang melibatkan komunikasi nonverbal.

1.9.2 Komunikasi Nonverbal Al Quran

Komunikasi nonverbal bermaksud menyampaikan makna yang merupakan mesej tanpa suara yang meliputi simbol-simbol bukan linguistik seperti ekspresi wajah, kinesik, haptik dan sebagainya dan simbol bukan verbal yang berstruktur seperti tanda soal, koma, noktah dan sebagainya (Yanti Setianti, 2007 dan Mohd Farid Mohd Sharif, 2009).

Dalam kajian ini komunikasi Nonverbal al Quran bermaksud sepuluh saluran komunikasi nonverbal atau mesej tanpa suara berasaskan al Quran yang telah dipersetujui pakar.

1.9.3 Pengajaran Bahasa Arab

Pengajaran merujuk kepada perihal mengajar dan segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar seperti cara dan sistem mengajar. Menges et al. (2001) mendefinisikan pengajaran sebagai penyusunan situasi yang dikehendaki bagi membantu guru mewujudkan pembelajaran sebenar. Terdapat tiga fasa dalam pengajaran iaitu perancangan, pelaksanaan dan penilaian. Bahasa Arab ialah Bahasa Arab baku yang diajar di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. Pengajaran bahasa Arab dalam konteks kajian ini merujuk kepada proses membimbing dan memudahcara pembelajaran bagi membolehkan pelajar belajar dan menentukan keadaan atau suasana untuk belajar bahasa Arab.

1.10 Rumusan

Secara umumnya bab ini membincangkan topik asas yang mendasari kajian tentang pembangunan modul pedagogi komunikasi nonverbal al Quran dalam pengajaran bahasa Arab di Malaysia. Perkara yang dibincangkan ini terdiri daripada latar belakang kajian, penyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingam kajian, batasan kajian, kerangka kondeptual kajian dan definisi operasional. Perbincangan dalam bab ini merupakan suatu pengenalan kajian. Perbahasan bab ini boleh dijadikan panduan dalam mendapatkan gambaran keseluruhan kajian yang akan dikaji oleh pengkaji.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan tentang perkembangan bahasa Arab di Malaysia, nonverbal secara umum, nonverbal dalam al Quran, Modul pedagogi nonverbal al Quran dalam pengajaran bahasa Arab dan kajian-kajian berkaitan di dalam dan luar negara.

Bahagian pertama membincangkan tentang isu-isu pengajaran bahasa Arab yang melibatkan pelajar, guru dan pengajaran dan pembelajaran berkesan. Dalam bahagian kedua dibincangkan perkembangan nonverbal, fungsi-fungsi nonverbal, nonverbal dalam pengajaran dan saluran nonverbal yang sesuai digunakan dalam pengajaran.

Bahagian ketiga pula membincangkan tentang nonverbal al Quran dan saluran-saluran nonverbal al Quran yang sesuai digunakan dalam pengajaran bahasa Arab. Bahagian keempat dibincangkan reka bentuk MPNVQ dan kerangka teori yang mendasari kajian. Bahagian kelima membincangkan tentang kajian-kajian berkaitan nonverbal dalam pengajaran dan pembelajaran.

2.2 Perkembangan Dan Isu-Isu Pengajaran Bahasa Arab Di Malaysia

Menurut Abd. Rahim Ismail (1993) pengajian bahasa Arab telah dimulakan sejak abad 14 atau 15. Institusi pondok adalah institusi terawal yang memperkenalkan pendidikan bahasa Arab di Malaysia. Pengajaran sistem pondok dilaksanakan di masjid atau

rumah tuan guru melalui pembacaan kitab dan dihuraikan dalam bahasa Melayu dalam bentuk halaqah (Rosnani Hashim, 1996; Wan Zahidi Wan Teh, 1988)

Kurikulum pendidikan bahasa Arab pada ketika itu bergantung pada kemampuan guru-guru dan para pelajarnya. Menurut Abdullah Hassan(1987), guru-guru menggunakan kaedah tatabahasa terjemahan yang memberi tumpuan khusus kepada pengajaran tatabahasa dan morfologi. Beberapa buah kitab menjadi bahan pengajaran dan pembelajaran seperti Matn al-'Ajrumiyyah (متن الأجرومية) , Matn 'Alfiyyah Ibni Malik (متن ألفية ابن مالك), Matn al 'Izzi (متن العز), Sharh Ibni 'Aqil (شرح ابن عقيل), Shudhur al Dhahab (شذور الذهب) (Abd. Rahim Ismail, 1993).

Pada awal kurun ke 20 munculnya sistem persekolahan yang lebih bersistem dibandingkan dengan sistem pondok di mana ia mempunyai kurikulum yang jelas dan teratur, dilengkapi pula dengan bangunan, bilik darjah yang khusus, kelengkapan dan keperluan guru dan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab (Mustapha Che Omar, 2004).

Pada tahun 1977 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkenalkan subjek bahasa Arab di sekolah-sekolah kelolaannya (JAPIM, 2003). Menurut (Kamarulzaman Abdul Ghani dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, 2004) terdapat tiga bentuk kurikulum yang dominan di Malaysia iaitu kurikulum bahasa Arab Komunikasi(BAK), kurikulum bahasa Arab Tinggi (BAT) dan kurikulum bahasa Arab al Azhar. KPM telah menawarkan subjek bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah harian dengan pembukaan Kelas Aliran Agama (KAA) dan kurikulum bahasa Arab digubal semula dengan diberi penekanan kepada pendekatan komunikasi setelah memperkenalkan KBSM (JAPIM, 2003)

Pada tahun 1991 Kementerian Pelajaran Malaysia telah memutuskan agar mata pelajaran Bahasa Arab ditukar kepada Bahasa Arab Komunikasi (BAK) dan mula dilaksanakan pada tahun berikutnya 1992(Muhammad Zahidi Arifin, 2003).

Mutakhir ini perkembangan bahasa Arab sangat memberangsangkan sehingga pihak kementerian membuka lebih banyak kelas-kelas aliran agama yang menawarkan mata pelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah kebangsaan (SMK). Ini adalah disebabkan sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) tidak mampu menampung lebihan pelajar yang terlalu ramai untuk memasuki sekolah aliran agama ini. Di peringkat sekolah rendah pula program JQAF telah diwujudkan di mana bahasa Arab adalah salah satu dari komponennya.

Terdapat beberapa isu pengajaran Bahasa Arab di Malaysia yang telah dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Antara isu-isu tersebut ialah:

2.2.1 Kelemahan Pelajar

Suasana semasa menunjukkan pendidikan bahasa Arab semakin berkembang namun tahap penguasaan pelajar masih lagi dipersoal dan perbincangkan. Beberapa kajian menunjukkan bahawa penguasaan pelajar bahasa Arab di Malaysia adalah lemah dan tidak memuaskan.

Tarmizi Ahmad (1997) dan Saupi Man (2003) mendapati majoriti para pelajar sangat lemah dalam kemahiran bertutur berbanding dengan kemahiran-kemahiran lain. Kajian Nik Mohd Rahimi Nik Yusof (2000) mendapati bahawa hanya 5% sahaja pelajar berinteraksi dalam bahasa Arab dengan guru di dalam kelas. Lebih mengejutkan lagi, beliau mendapati tiada seorang pun pelajar yang berkomunikasi dalam bahasa Arab di luar bilik darjah dengan guru dan rakan-rakan. Menurut

Muhammad Zahidi Arifin (2003) walaupun bahasa Arab Komunikasi ini sudah begitu lama diperkenalkan namun kemahiran para pelajar khususnya dalam berkomunikasi adalah kurang baik.

Ekoran daripada penguasaan bahasa Arab yang lemah, kajian-kajian yang melibatkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam juga mendapati keputusan pelajar dalam mata pelajaran bahasa Arab adalah tidak memuaskan. Menurut Che' Pee Che Hanafi (1991), laporan Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia pencapaian bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Malaysia masih rendah walaupun telah mempelajari bahasa Arab selama lima tahun di peringkat menengah.

Analisis keputusan bahasa Arab Komunikasi PMR bagi tahun 1997,1998 dan 1999 menunjukkan peratus pelajar yang memperoleh pencapaian yang lemah dan gagal adalah besar (Kamarul Shukri Mat Teh, 2009). Menurut Misnan Jemali (1999), 66 peratus pelajar memperoleh pencapaian sederhana, lemah dan gagal, Ini membuktikan pencapaian BAK pelajar adalah tidak memberangsangkan.

Penurunan sebanyak 5% dalam Keputusan BAK SPM tahun 2000 berbanding tahun 1999 dan 3% dalam subjek bahasa Arab Tinggi BAT 2002 berbanding tahun 2001 membayangkan kelemahan pelajar secara amnya dalam penguasaan bahasa Arab (Kamarulzaman abdul Ghani dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, 2005).

Keputusan pencapaian BAK dalam PMR 2004 di SMKA negeri Selangor adalah kurang memuaskan dan masih terdapat pelajar yang gagal. Terdapat 65 orang calon daripada 423 telah mendapat gred D dan E. Manakala di peringkat nasional pula, hanya 9 buah sekolah daripada 53 buah sekolah sahaja yang mencatatkan keputusan 100% (Lembaga peperiksaan KPM, 2004).

Laporan Bahagian Pendidikan Islam (BPI) 2010 Menunjukkan keputusan SPM BAT bagi tahun 2009 menunjukkan sebanyak 23.6% pelajar yang memperoleh gred D, E dan F di SMKA. Manakala pada tahun 2010 peratusan pelajar yang memperoleh gred D, E dan F meningkat kepada 28.0%. Keputusan peperiksaan STPM tahun 2010 menunjukkan sebanyak 52% pelajar gagal dalam subjek bahasa Arab.

2.2.2 Kelemahan Guru

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru merupakan aset penting dalam menjayakan proses tersebut. Dapatan kajian menunjukkan hubungan bagaimana kualiti seorang guru dengan pencapaian muridnya (Darling, Hammond dan Youngs, 2002 ; Gorard, 2007) dari dua aspek iaitu kualiti guru dan keberkesanan pengajaran adalah faktor utama dalam pembelajaran pelajar (Walsh, 2001)

Peranan guru sangat besar bagi memastikan keberkesanan dan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai. Guru yang berkesan ialah seseorang yang mampu memperlihatkan pencapaian hasil pembelajaran yang dikehendaki. Itulah yang maksudkan oleh Cooper (1999) :

"Teachers who can demonstrate the ability to bring about intended learning outcomes".

Menurut Ab Halim Mohamad (2005), Azhar Ahmad et al. (2008) dan Kamarulzaman Abdul Ghani dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusof (2005) antara faktor penyebab kelemahan penguasaan bahasa Arab ialah faktor guru yang lebih cenderung menggunakan kaedah pengajaran yang berpusatkan guru serta kurangnya penglibatan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam aktiviti kemahiran bahasa dalam kelas. Guru tidak dapat memahami dengan baiknya

pendekatan pengajaran bahasa Arab komunikasi dan kemahiran-kemahiran berkaitan (Jefridin Pilus, 2002).

Abdul Razak Habib dan Khalid Abdullah (2000) menyimpulkan bahawa 4 aspek perlu ada kepada guru berkesan 1) Personaliti iaitu berperwatakan sebagai seorang guru. 2) Penyampaian iaitu cara guru menyampaikan pengajarannya. 3) Peneguhan iaitu bagaimana guru memberi peneguhan terhadap pelajarnya dan 4) Penilaian pencapaian iaitu bagaimana guru menilai pencapaian pembelajaran pelajarnya.

Guru perlu mengeksploitasi penggunaan komunikasi nonverbal dalam pengajaran untuk memastikan kefahaman pelajar terhadap sesuatu topik. Hasil kajian Juliana Othman (2007) mendapati hanya 44.7% daripada 215 orang guru menggunakan komunikasi nonverbal dalam pengajaran. Kajian ini juga mendapati 83.3 % guru baru yang bertugas antara 1-5 tahun tidak menggunakan bahasa badan dalam pengajaran mereka.

2.2.3 Kelemahan Komunikasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran

Pelbagai pendekatan dan teori-teori perolehan bahasa dalam pengajaran bahasa Arab namun pendekatan komunikatif dicadangkan untuk dilaksanakan di sekolah kerana sifat dan tujuan bahasa itu sendiri adalah untuk berkomunikasi. Matlamat pengajaran dan pembelajaran bahasa adalah untuk membentuk keupayaan berkomunikasi sesuai dengan keadaan dan persekitaran (Mustapha Che Omar, 2004).

Pendekatan ialah cara penyampaian (Salleh Mohd Akib, Ismail Idris dan Hamzah Mahmmd, 1997). Salah satu pendekatan yang dirasakan mampu untuk

membantu guru dan pelajar mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran ialah pendekatan komunikatif.

Menurut Zulkifli Abdullah (1999) kejayaan sesuatu komunikasi bergantung kepada kebolehan komunikator menyampaikan mesej dan kefahaman penerima mesej tentang perkara yang hendak disampaikan. Salah tafsir dan mesej yang disampaikan tidak difahami oleh penerima mesej boleh berlaku dalam proses komunikasi sekiranya penerima mesej tidak memberi penumpuan terhadap mesej nonverbal.

Isyarat nonverbal boleh menggambarkan emosi, personaliti, tujuan dan status sosial seseorang individu. Komunikasi nonverbal jika digembelingkan dengan komunikasi verbal akan meningkatkan lagi keberkesanan penyampaian sesuatu mesej. Isyarat nonverbal akan digunakan oleh ahli komunikasi untuk memperkuatkan hujah dan mendapat maklum balas dengan membaca maksud tersirat melalui isyarat nonverbal yang ditunjukkan oleh penerima mesej (Zulkifli Abdullah, 1999).

Menurut Tungku Mohani Tungku Mohtar dan Mohd Rashid Mohd Saad (2007), guru bahasa perlu membiasakan diri dengan bahasa yang dia ajar, jika seseorang guru itu percaya bahawa komunikasi nonverbal adalah kunci kejayaan kepada pembelajaran bahasa kedua, dia seharusnya memfokuskan perhatian kepada kaedah nonverbal dalam pengajarannya. Penggunaan komunikasi nonverbal dalam pengajaran akan membantu guru menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan dan memudahkan guru memastikan topik pengajaran mudah difahami (Juliana Othman, 2007).

Nor Shafrin Ahmad, Fadzilah Amzah, dan Rahimi Che Aman (2009) menegaskan bahawa penggabungjalinan antara komunikasi verbal dan nonverbal secara serentak akan menjadikan pengajaran yang disampaikan oleh guru akan lebih berkesan. Ini menunjukkan bahawa kemahiran komunikasi nonverbal sangat penting

bagi menjamin pengajaran guru yang efektif. Menurut beliau lagi kesesuaian dan kesahihan penggunaan komunikasi nonverbal dalam pengajaran dapat menyampaikan mesej yang tepat, seterusnya dapat mewujudkan suasana interaksi yang dapat menarik minat dan meningkatkan motivasi pelajar. Pengaplikasian komunikasi nonverbal dalam pengajaran membuktikan Keseriusan dan kesungguhan guru dalam penyampaiannya.

Bertitik tolak daripada kelemahan penguasaan, prestasi pelajar dalam peperiksaan di pelbagai peringkat, kelemahan guru dalam usaha meningkatkan motivasi dan minat pelajar terhadap bahasa Arab, disamping kelemahan guru dalam mengemukakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang berkesan dan ditambah lagi dengan kepentingan dan kelebihan pengaplikasian komunikasi nonverbal dalam pengajaran yang mampu melahirkan pendekatan pengajaran dan meningkatkan kemahiran guru dalam berkomunikasi untuk menyampaikan mesej yang berkesan dalam penyampaiannya. Maka Pengkaji berusaha membangunkan satu modul pedagogi pengajaran nonverbal yang berasaskan al Quran dalam pengajaran bahasa Arab untuk dilaksanakan di Malaysia.

2.3 Perkembangan Komunikasi Nonverbal

Komunikasi merupakan cara bagaimana kita mempersembahkan pertukaran idea pandangan, maklumat, perhubungan yang mempunyai tujuan melalui simbol atau isyarat untuk mencapai matlamat (Rosenblatt, 1983). Menurut Sulaiman Masri (1997) komunikasi bermula apabila satu mesej (maklumat) daripada pengirim (penutur atau Pengkaji) dihantar menerusi alat atau saluran tertentu kepada penerima (pembaca atau pendengar) yang kemudiannya memberikan maklum balas (mengekod dan mentafsir) mesej tersebut. Menurut Zulkifli Abdullah (1999), komunikasi ialah perkongsian

maklumat antara penghantar atau sumber kepada penerima. Perkongsian dan penghantaran maklumat ini adalah melalui bahasa atau bukan bahasa.

Mansor Ahmad Saman et al. (1984), menyatakan bahawa komunikasi merupakan proses sesuatu idea, nilai, sikap dan sebagainya, disalur dan dihantar serta dikongsikan oleh seseorang individu dengan orang lain. Kajian tentang komunikasi sebenarnya kajian tentang mesej dan bagaimana ia dihantar dan bagaimana ia diterima. Justeru, perkataan hanyalah merupakan salah satu perantara mesej kerana dalam pelbagai keadaan perantaraan mesej lain adalah sama pentingnya atau mungkin lebih penting daripada perantaraan bahasa (Asep Dadan Wildan, 2003). Komunikasi inilah yang dikatakan nonverbal atau bentuk penyampaian mesej tanpa perantaraan bahasa sebagaimana yang dikatakan oleh (Tubbs dan Moss, 2000).

Komunikasi nonverbal ialah menyampaikan makna yang merupakan mesej (pesan) yang meliputi ketidakhadiran symbol-simbol suara atau tanpa suara (Yanti Setianti, 2007). Komunikasi bukan lisan merangkumi semua aspek komunikasi kecuali penggunaan perkataan (Fatemeh Bambaeeroo dan Nasrin Shokrpour, 2017). Menurut Hasuria Che Omar, Rokiah Awang, Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin, dan Noriah Mohamed (2009) komunikasi nonverbal adalah sama dengan ekspresi muka, gerak isyarat badan dan turut terdapat dalam literatur naratif seperti dalam teks-teks naratif multimedia. Bahasa bukan verbal secara khusus dikaitkan dengan komunikasi tanpa kata atau yang melibatkan simbol bukan linguistik yang sebahagian besarnya tiada struktur formal seperti kinesik, haptik, proksemik, kronemik, dan sebagainya. Ia melibatkan juga simbol bukan verbal yang berstruktur iaitu tanda bacaan seperti tanda soal, koma, noktah dan sebagainya dalam teks (Hasuria Che Omar et al., 2009).

Menurut Portch (1985) Komunikasi nonverbal ialah kod yang rumit dan rahsia yang tidak tertulis di mana-mana, tidak diketahui oleh sesiapa, dan difahami oleh semua. Menurut Zulkifli Abdullah (1999), Dr Elaine Morais mendefinisikan komunikasi nonverbal sebagai komunikasi tanpa bahasa atau bukan bahasa yang meliputi bunyi bukan bahasa seperti nada, ketawa, simbol senyap, bunyi suara hairan, pergerakan-pergerakan badan, tangan, kepala, kontak mata, jarak dan sebagainya. Komunikasi bukan lisan adalah proses menggunakan mesej senyap untuk menjana makna. Komunikasi bukan lisan termasuk bunyi suara bukan perkataan seperti nada suara dan bunyi bukan perkataan seperti "ah" dan "hmm." Komunikasi adalah kompleks.

Amalan nonverbal dilihat penting dan perlu dibudayakan melalui epembelajaran sejajar dengan arus perubahan pengajaran era baharu ini. Guru Bahasa Arab sewajarnya memiliki kompetensi nonverbal untuk mengoptimumkan keberkesanan pengajaran Bahasa Arab. (Norul'Azmi, N. A., & Zakaria, N. S., 2019). Para guru perlu mempersiapkan diri dengan kemahiran dalam bidang inovasi, komunikasi, teknologi maklumat dan kemahiran hidup untuk menghadapi cabaran abad yang ke 21 (Ismail & Othman, 2017).

Perkembangan yang pantas dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi telah mempengaruhi bidang pendidikan. Istilah *e-education* dan *e-learning* yang dijalankan secara maya telah muncul. Era baru dalam dunia pendidikan yang dikenali Revolusi Industri 4.0 juga melibatkan bidang pendidikan. Arus perubahan yang berkait proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku tidak dapat dielak oleh para guru. Pengamalan nonverbal secara konvensional akan sukar dilaksanakan namun jika guru mempunyai penguasaan yang baik terhadap kemahiran verbal dan nonverbal semasa melaksanakan pengajaran secara bersemuka, guru hanya perlu melakukan perkara

yang sama semasa melakukannya secara atas talian (Norul'Azmi, N. A., & Zakaria, N. S., 2019).

Kajian oleh Ghamdi, et. al. (2016) mengenai persepsi pelajar terhadap kemahiran komunikasi (lisan dan bukan lisan) dan penyertaan mereka secara atas talian dalam pendidikan jarak jauh bagi program yang ditawarkan oleh Universiti Saudi mendapati bahawa komunikasi verbal dan nonverbal dalam pengajaran secara atas talian sangat signifikan dalam menyumbang ke arah mengurangkan jurang dan perbezaan, menggalakkan kebergantungan penuh pelajar kepada guru dan mempromosikan pengajaran secara atas talian.

Menurut Husain (2014), guru perlu melakukan perubahan dan pembaharuan dalam amalan pengajaran yang berbentuk tradisional kerana cara sedemikian kurang relevan dengan perkembangan teknologi dan komunikasi yang berubah secara intensif. Pelaksanaan teknologi dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran ini dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran dari aspek hasil pembelajaran murid serta mutu para pendidik dalam penggunaan teknologi secara lebih tepat dan bermanfaat (Norul'Azmi, N. A., & Zakaria, N. S., 2019).

Kajian-kajian tentang pengajaran abad ke-21 di Malaysia membuktikan bahawa guru dan murid berupaya untuk mengadakan pengajaran alaf baharu ini, iaitu penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi walaupun pelaksanaannya masih di peringkat permulaan dengan kaedah yang paling asas (Radin & Yasin, 2018)**.** **P**embudayaan nonverbal dalam pengajaran BA sama ada melalui dalam bilik darjah tradisional dan secara atas talian mesti menampakkan kesan yang positif kepada guru dan murid. Guru perlu membudayakan amalan nonverbal dalam pengajaran dan pembelajaran dengan dua cara yang berbeza memandangkan arus perubahan pengajaran dan pembelajaran era baharu ini yang menjadikan pendidikan sentiasa

berubah dari semasa ke semasa sepertimana Revolusi Industri 4.0 yang berlaku (Norul'Azmi, N. A., & Zakaria, N. S., 2019).

Komunikasi nonverbal bukanlah sesuatu yang baru. Bahkan sejarah dan perkembangannya seiring dengan kewujudan manusia. Namun dalam kajian ini pengkaji hanya menjelaskan perkembangan komunikasi nonverbal berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh sarjana Islam dan sarjana barat.

2.3.1 Kajian Sarjana Islam Tentang Komunikasi Nonverbal

Al Jahiz (1990).seorang sarjana ilmu retorik Arab yang masyhur membicarakan tentang nonverbal dalam *al Bayan Wa al Tabyiin. 'Al Bayan'* yang dimaksudkan oleh al Jahiz meliputi keterangan dengan lafaz dan tanpa lafaz. Beliau membahagikan *al Bayan* kepada lima: *Al Lafz* (lafaz), al *Isyarah* (isyarat), *al 'Aqd* (kelu), *al Khat* (tulisan) dan *al Hal* (perwatakan). Jelas dari kelima-lima bahagian *al Bayan* yg dinyatakan oleh al Jahiz hanya *'al Lafz'* sahaja yang melibatkan komunikasi verbal dan empat lagi adalah komunikasi nonverbal. Menurut Al Jahiz (1990) isyarat kerdipan mata, kening dan anggota mempunyai makna yang tertentu yang membolehkan seseorang itu saling memahami antara satu sama lain.

Al Tha'alibiy (1997) sarjana ensiklopedik Arab banyak membincangkan tentang komunikasi nonverbal dalam bukunya *Feqh al Lughah* yang merupakan ensiklopedia leksikal Arab seperti cara berjalan dengan dua belas bentuk leksikal. Sarjana linguistik Arab Ibn Jinniy (1990) menyatakan dalam bukunya *al Khasa'is*:

"Tidakkah engkau melihat kepada ungkapannya dengan menyaksikan wajahnya dan menjadikannya sebagai bukti apa yang tersirat dalam jiwanya. Tentang perkara ini mereka berkata "*mungkin isyarat lebih difahami maknanyan daripada*

ungkapannya" sebahagian guruku berkata: *aku tidak dapat bercakap dengan baik dengan manusia dalam kegelapan*"

Petikan ini menggambarkan keprihatinan Ibn Jinniy terhadap komunikasi nonverbal di mana sukar untuk difahami kontaks ucapan seseorang tanpa melihat kepada orang yang bercakap. Menurut Ibn Jinniy (1990) dua orang yang berkomunikasi hendaklah saling melihat antara satu sama lain termasuk perwatakan dan bahasa badan yang ditonjolkan semasa berkomunikasi.

Ulama' *al Usul* juga mengambil berat tentang komunikasi nonverbal. Al Imam Al Ghazaliy (1994) memberi perhatian terhadap kehendak sesuatu ungkapan yang berbentuk nas yang berkemungkinan mempunyai pelbagai makna, yang tidak diketahui kehendak ungkapan tersebut secara tepat melainkan dengan qarinah. Antara qarinah itu ialah pergerakan anggota badan yang dikenali dengan bahasa badan. Pergerakan orang yang bercakap, akhlak, kebiasaan, perbuatan, perubahan warna muka, kerutan muka dan dahi, gerakan kepala dan kerdipan matanya merupakan bukti khusus yang menjadi qarinah bagi memahami ungkapan (Al Ghazaliy, 1994).

Orang-orang Arab telah memberi sumbangan yang besar dalam bidang komunikasi nonverbal melalui karangan mereka yang dikenali dengan ilmu *al Firasah* atau ilmu *al Tiba'* (reaksi tingkah laku) ('Ariniy, 2011). Ilmu ini dibawa masuk dari tamadun Greek yang banyak dipengaruhi oleh falsafah Aristotle dan dikembangkan oleh sarjana Arab seperti Ibn Sina, al Razi, Ibn Rusyd, Shamsuddin Muhammad Ibn Abi Talib al Ansariy.

Ilmu' *Firasah'* Arab *(Pyshsiognomy)* merupakan ilmu khusus yang membicarakan tentang komunikasi nonverbal kerana ilmu ini mentafsirkan keadaan jiwa batin seseorang melalui perwatakan, segala perbuatan dan sifat lahiriah. Al Razi (1982)adalah Sarjana *Pyshsiognomy* Arab yang terkenal dalam bidang ini melalui

kitabnya *'al Firasah'*. Menurut beliau *'al Firasah'* ialah mendapatkan pertunjuk melalui situasi Zahir untuk menginterpretasikan akhlak yang batin. Manakala Zaydan (1987) mendefinisikan *al Firasah* sebagai Ilmu Natural untuk mengetahui akhlak manusia yang batin dengan memerhatikan kepada situasi zahir seperti warna, bentuk dan anggota.

Al Razi (1982) menegaskan bahawa petunjuk pada wajah adalah lebih sempurna daripada petunjuk melalui segala anggota yang lain bagi menggambarkan keadaan psikologi seseorang, maka keadaan yang zahir pada wajah adalah bukti yang kuat bagi menunjukkan akhlak yang batin. Menurut beliau lagi perasaan malu, takut, marah dan gembira melahirkan warna tertentu pada wajah.

2.3.2 Kajian Sarjana Barat Tentang Komunikasi Nonverbal

Charles Darwin dianggap sebagai pelopor kepada kajian-kajian nonverbal di barat. Ini adalah kerana beliau menjadi ispirasi kepada pengkaji-pengkaji barat selepasnya untuk menggali bidang komunikasi nonverbal dengan lebih mendalam.

Pada tahun 1872, Charles Darwin pelopor fahaman naturalis telah mengarang sebuah buku bertajuk *The Expression Of Emotion In Man And Animal*. Menurut Darwin manusia mempunyai persamaan dari segi ekspresi wajah walaupun mereka datang dari budaya yang berbeza. Menurut 'Ariniy (2011) pada tahun 50-an ilmu komunikasi nonverbal mula berkembang. Kiss dan Rosche telah menerbitkan buku yang berkaitan bahasa badan pada tahun 1956.

Weitz (1970) telah membuat kajian terhadap kanak-kanak buta dan pekak. Beliau mendapati senyuman adalah sifat semula jadi yang berlaku secara naluri sejak dalam kandungan ibu lagi tanpa proses belajar atau meniru. Beliau juga telah

menjalankan kajian tentang perlakuan nonverbal dalam kalangan masyarakat Eropah dan mendapati banyak ciri-ciri persamaan dalam corak perlakuan dalam masyarakat tersebut.

Ekman dan Friesen (1975) menjalankan kajian tentang ekspresi wajah Penduduk Papua New Guinea. Mereka menyatakan bahawa air muka merupakan tanpa lisan yang sangat penting dan mendapati riak air muka mempunyai makna yang sama tanpa mengira batasan budaya yang berbeza, namu n dalam aspek tertentu terdapat perbezaan antara budaya yang berbeza khususnya riak air muka yang berkaitan dengan emosi.

Menurut kajian Birdwhistel (1973) pula menyata bahawa tidak ada gerak geri dan isyarat badan yang boleh dianggap sebagai simbol yang universal. Menurut beliau perbuatan menunjuk sesuatu objek adalah sesuatu yang universal tetapi objek yang ditunjuk itu akan berubah mengikut situasi tertentu.

Mehrabian (1981) pula telah menggunakan kaedah '*decoding*' dan '*encoding'* dalam kajian beliau. Beliau telah menggunakan gambar-gambar ekspresi wajah dan postur badan yang berlainan sebagai rangsangan untuk mengetahui perbezaan kesukaan dan ketidaksukaan terhadap gambar tersebut ia dinamakan sebagai kaedah *'decoding'*. Bagi kaedah *encoding* pula beliau menggunakan cara lakonan. Beliau mendapati perbezaan kesukaan dan ketidaksukaan, reaksi, emosi dan sebagainya dapat diketahui melalui komunikasi nonverbal.

Beliau juga menyatakan bahawa ketenangan jasmani merupakan salah satu tingkah laku komunikatif fizikal yang boleh diukur dengan tepat. Beliau telah membuktikan bahawa Isyarat komunikasi nonverbal lebih besar kesannya daripada komunikasi verbal. Beliau banyak memberi tumpuan kepada ekspresi wajah yang merupakan sumber maklumat utama komunikasi nonverbal (al 'Ariniy, 2011).

Pease (1991) telah mengkaji setiap komponen tubuh dan gerak isyarat. Proses komunikasi nonverbal adalah rumit kerana melibatkan kata-kata, nada suara dan tubuh. Beliau juga mendapati mesej-mesej asas komunikasi nonverbal sebahagian besarnya adalah sama diseluruh dunia. Pease memperkenalkan istilah *'clusters of gesture'* iaitu rumpun gerak isyarat. Menurut beliau lagi tafsiran sesuatu gerak badan hendaklah ditafsirkan secara bersama dengan gerakan lain dan hendaklah dihubungkan dengan konteks saat berlakunya perkara tersebut. Beliau menegaskan bahawa interpretasi mesej nonverbal dipengaruhi oleh beberapa faktor iaitu penyakit, pekerjaan, pakaian, status dan usia.

Seseorang boleh menutup pembohongan melalui perlakuan nonverbal dalam tempoh yang singkat tetapi tidak dalam tempoh yang panjang kerana gerakan badan tidak dapat dikawal sepenuhnya. Ketidakselarasan antara isyarat pergerakan badan dan muka menunjukkan seseorang sedng berbohong. Beliau memberi saranan agar 15 minit masa diambil setiap hari untuk memerhati dan membaca perlakuan nonverbal orang lain di samping perlakuan nonverbal kita sendiri.

Mayo dan Henley (1981) mengkaji berkaitan peranan yang dimainkan oleh unsur gender dalam komunikasi nonverbal. Mereka juga mendapati perlakuan nonverbal ini boleh dipelajari dari proses sosialisasi yang berlaku melalui media dan pengaruh budaya luar. Pengulangan dan perbandingan sosial yang dipaparkan oleh media memberi kesan kepada perlakuan dan dapat mempengaruhi perlakuan orang yang menerima mesej tersebut.

Argyle (1975) mengemukakan pendapat yang berbeza di mana beliau membuat kajian yang bersifat sejagat dengan mengambil kira faktor budaya sesebuah masyarakat. Beliau membahagikan pergerakan badan kepada tiga iaitu gerakan dan orientasi badan, air muka dan gerakan mata. Menurut beliau air muka adalah mesej

yang sukar untuk di kaji kerana ramai orang yang mampu untuk mengawal dan menjaga air muka mereka supaya tidak dapat dibaca maknanya ketika berkomunikasi. Pendapat penipuan bahasa badan ini dikongsi oleh Pease (1991).

Hall sebagaimana yang diterangkan oleh Wainwright (1985) adalah seorang antropologis Amerika. Buku beliau bertajuk *'The silent Dimension'* adalah sebuah kajian tentang proksemik. Melalui kajian yang dilakukan, beliau mendedahkan tentang adat khusus penggunaan ruang oleh kebudayaan tertentu contohnya beliau mengenal pasti terdapat empat jarak yang utama orang Amerika kulit putih iaitu Jarak antara 0-18 inci dipanggil jarak mesra, jarak antara 18 inci- 4 kaki adalah jarak peribadi, jarak antara 4 kaki-12 kaki adalah jarak sosial dan jarak antara 12 kaki – 3 meter atau lebih adalah jarak awam.

2.4 Fungsi Komunikasi Nonverbal

Menurut Burgoon dan Saine (1973) terdapat enam fungsi utama komunikasi nonverbal iaitu redundansi, subtitusi, aksentuasi, komplemen, regulator dan kontradiksi.

Fungsi yang pertama ialah redundansi atau repetisi. Fungsi ini dinyatakan oleh Burgoon dan Saine (1973) yang menyatakan repitisi adalah pengulangan tingkah laku nonverbal yang mengiringi penyataan verbal atau lisan. al'Ariniy (2011) pula menjelaskan bahawa repitisi ialah mengulangi perilaku verbal yang mungkin tidak dapat bergantung dengan sendirinya di samping perilaku nonverbal. Contohnya, kita mengatakan "Ya" sambil menganggukkan kepala atau mengatakan "Tidak" sambil menggelengkan kepala atau menunjukkan arah dengan telunjuk selepas menyatakan arah yang seseorang harus pergi.

Tingkah laku repitisi sedemikian menurut Kelly (2007), akan menyokong dan mengukuhkan apa yang kita katakan di samping menarik perhatian sasaran. Justeru, guru boleh mengaplikasikan nonverbal dalam bentuk repetisi dalam pemgajaran dan pembelajaran bahasa Arab disamping memanfaatkan fungsi ini untuk mengukuhkan pemahaman pelajar. Isyarat nonverbal boleh digunakan untuk mengatakan perkara yang sama yang sedang diperkatakan secara verbal. Apabila kita memberitahu orang bahawa kita gembira dengan mereka, kita tersenyum untuk mengulangi mesej kita atau ketika kita memesan burger dalam suasana bising kita akan menjerit memberi tahu kita mahukan dua biji burger dalam masa yang sama mengisyaratkan dengan dua jari.

Fungsi nonverbal yang kedua ialah Subtitusi atau *Emblems*. Menurut al 'Ariniy (2011) subtitusi ialah menggantikan perilaku verbal kepada tingkah laku nonverbal seperti menggoyangkan kepala atau tangan ketika menolak atau melambaikan tangan ketika memanggil. Emblems atau substitutes adalah merujuk kepada tingkah laku bukan lisan yang boleh menggantikan bahasa lisan (Devito, 2007). Subtitusi ini lazimnya melibatkan tingkah laku nonverbal yang mudah dan senang difahami secara bersama (Ekman & Friesen, 1981).

Subtitusi merujuk kepada klasifikasi kecil tindakan nonverbal yang boleh diterjemahkan dalam bentuk perkataan seperti berjabat tangan, goncangan pertama ketika berjabat tangan, senyuman dan kerutan dahi. Subtitusi boleh menggambarkan suatu perkataan atau ayat verbal tanpa menyebut perkataan tersebut seperti melambai-lambai tangan bermaksud memanggil dan mengangkat bahu bermaksud tidak tahu dan secara subtitusi kita masih boleh berinteraksi dengan orang lain meskipun tanpa suara (Bull, 1983; Floyd, 2009).

Subtitusi tercipta secara arbiter (Devito, 2007; Ekman & Friesen, 1981) iaitu wewenang seperti terciptanya bahasa verbal (Asmah Omar, 1992). Subtitusi boleh

berkembang, tersebar dan berubah atau berbeza maksudnya mengikut peredaran zaman, bangsa dan budaya sama seperti bahasa verbal (Devito, 2007). Subtitusi boleh dipelajari dan boleh dilakukan oleh semua anggota badan tetapi emblems lazimnya ditonjolkan oleh muka dan tangan. Subtitusi boleh berperanan sebagai penggantian, pengulangan dan sanggahan atau kontra kepada verbal dalam sesuatu komunikasi (Ekman & Friesen, 1981). Menurut Ekman & Friesen (1981) lagi, subtitusi lazimnya digunakan apabila wujud halangan atau gangguan komunikasi verbal seperti bising, jarak jauh, permainan dan pekak. Menurut Jamil Hashim (2009), bahasa isyarat atau kiu tangan digunakan secara meluas sebagai subtitusi dalam kalangan kakitangan penyiaran untuk mengeluarkan arahan kepada krew terlibat bagi mengelakkan gangguan siaran. Dalam al Quran, diceritakan Saidatina Maryam juga telah menunjukkan ke arah anaknya Nabi Isa A.S secara subtitusi untuk memberitahu kaumnya bahawa sebarang soalan hendaklah dikemukakan kepada anaknya yang masih kecil itu kerana baginda yang akan menjawabnya (Al-Arini, 2011). Dalam hal ini, guru-guru perlu sedar bahawa dalam situasi tertentu perbuatan lebih bererti berbanding kata-kata umpamanya menunjukkan isyarat supaya pelajar diam semasa peperiksaan berjalan.

Fungsi nonverbal yang ketiga Aksentuasi atau emphasis. Aksentuasi bermaksud menekankan atau memperteguh. Burgoon dan Saine (1973) dan al 'Ariniy (2011) menjelaskan bahawa isyarat nonverbal selalu digunakan untuk membuat penegasan atau penekanan terhadap apa yang kita ungkapkan secara verbal. Menurut beliau, elemen tekanan suara sangat berguna untuk tujuan ini. Nada suara atau percakapan yang sederhana boleh digunakan untuk memberi penekanan terhadap sesuatu perkara. Gerak isyarat juga selalu digunakan untuk tujuan penegasan.

Menurut Hargie (2011) mesej nonverbal ini dilakukan dengan cara menekankan atau berhenti pada perkataan tertentu atau dengan cara menggunakan gerakan tangan dan nada suara yang melambat ketika berpidato. Malah kejayaan sesuatu jenaka banyak bergantung kepada penggunaan elemen-elemen nonverbal. Pengaturan waktu yang tepat, postur dan ekspresi muka boleh digunakan untuk menekankan bahagian yang melucukan.

Zainuddin Zakaria & Ziadatul Hidayah Zakaria (2006) menyatakan seseorang perlu menyampaikan ilmu dengan penuh semangat dan perasaan umpama seorang pelakon handalan. Keselarasan kandungan mesej lisan, nada suara dan bahasa badan amat penting dalam sesuatu percakapan, sekiranya ada keselarasan mesej antara ketiga-tiga saluran itu maka tidak timbul sebarang syak kepada pendengar untuk mempercayai dan menerima mesej yang disampaikan (Asha Kaul, 2007).

Fungsi nonverbal yang keempat pula ialah komplemen iaitu perilaku verbal yang berlaku bersekali dengan tingkah laku nonverbal yang saling melengkapi antara satu sama lain ketika menyampaikan sesuatu mesej atau makna yang akan melahirkan tindak balas daripada penerima mesej (Burgoon dan Saine, 1973), seperti melambai tangan ketika mengucapkan selamat jalan. Perilaku verbal dan nonverbal yang berlaku ini akan membentuk gambaran keseluruhan dan mampu untuk memberi kefahaman kepada penerima mesej al 'Ariniy (2011).

Penggunaan isyarat nonverbal sering digunakan untuk menambah atau mengubah suai apa yang sedang diungkapkan secara verbal. Elemen nonverbal merupakan pelengkap kepada penambahan atau perubahan yang tidak selari dengan penggantian mesej verbal. Penambahan atau perubahan yang berlaku bertujuan untuk mengembangkan mesej yang disampaikan. Seperti seorang wartawan melaporkan kemalangan yang telah disaksikan sambil memberitahu secara bercerita tentang

adegan kemalangan itu dengan menggunakan isyarat, postur dan suara. Dengan menggunakan elemen-elemen ini, cerita akan menjadi lebih jelas di samping cuba memberi gambaran emosi individu yang terlibat dengan kemalangan. Pelengkap nonverbal secara umumnya penting bagi menjelaskan mesej verbal itu sendiri dan sifat hubungannya antara pengirim dan penerima.

Fungsi nonverbal yang kelima ialah Regulator iaitu mengawal interaksi komunikasi perilaku verbal seperti melihat jam tangan sehingga orang lain mengerti bahawa komunikasi harus di akhiri. Regulator pula merujuk kepada perbuatan yang membantu untuk memulakan dan menamatkan ucapan peserta dalam situasi sosial. Regulator tersebut mungkin mencadangkan orang yang bercakap supaya terus bercakap atau terus memberi penjelasan atau mempercepatkan ucapan dan segera menyelesaikannya (Ekman dan Friesen, 1969). Nordin Halias (2016) menyatakan bahawa regulator ialah tindak balas untuk mengurus dan mengawal giliran bercakap dalam suatu siri komunikasi. Menurut Burgoon dan Saine (1973), melalui elemen nonverbal kita boleh mengawal dan mentadbir berapa lama seseorang harus bercakap atau membincangkan sesuatu topik. Kita juga boleh menghalang orang lain dari mengganggu di samping menjamin perhatian mereka terhadap kita.

Regulator menurut Argyle (1979) bertindak untuk memberitahu seseorang komunikator supaya meneruskan atau memberhentikan ucapannya, seseorang yang tidak mahu ucapannya diganggu atau ingin meneruskan ucapan boleh menggunakan isyarat nonverbal seperti dengan cara menunjukkan isyarat separuh tangan di dada atau meninggikan suaranya manakala seseorang yang mengangguk-anggukan kepala memberi isyarat bahawa dia ingin mencelah atau bercakap. Justeru dengan kemahiran komunikasi nonverbal, guru boleh memerhatikan isyarat bukan lisan pelajar seperti riak muka mereka untuk mengenal pasti masa yang sesuai mencelah.

Fungsi yang keenam ialah kontradiksi, iaitu perilaku nonverbal yang memberikan mesej yang bertentangan dengan mesej verbal dan jika situasi ini berlaku ia akan memberikan makna yang lain pula terhadap mesej verbal (Floyd, 2009). Perilaku nonverbal yang ditunjukkan adalah bertujuan membantah atau menunjukkan sikap yang bertentangan dengan perilaku verbal seperti ketika isteri mempamerkan baju pada suaminya, suaminya memberi komen bagus tetapi tetap membaca Akhbar. Kontradiksi juga digunakan dalam unsur jenaka dan Sindiran. Penggunaan isyarat nonverbal untuk menghantar mesej yang bercanggah dengan mesej verbal sentiasa berlaku. Isyarat nada suara atau vokal juga menunjukkan bahawa mesej verbal membawa makna yang bertentangan dengan apa yang diucapkannya (Burgoon dan Saine, 1973). Ketiadaan keselarasan antara mesej verbal dan mesej bukan verbal ini dikenali sebagai "the double Bind", penerima akan lebih mempercayai mesej bukan verbal (Cox, 1999; Diana Cawood, 1997). Situasi ini berlaku kerana emosinya telah ditonjolkan secara nonverbal dan mesejnya lebih jelas berbanding mesej verbal (Cox, 1999).

Kontradiksi juga boleh digunakan untuk tujuan yang penting dan serius seperti dalam temu duga, di mana bahasa badan dan gaya percakapan yang teratur dan berhati-hati akan menggambarkan minat seseorang dalam sesuatu perkara. Ketika marah atau disakiti oleh seseorang ucapan yang keluar dari mulut " tak mengapa" atau "itu perkara kecil sahaja" dalam masa yang sama suara dan badan menunjukkan perasaan sedih dan ada sesuatu yang mengganggu perasaan. Dalam banyak keadaan, kegagalan mengkeordinasi antara bahasa nonverbal dengan bahasa verbal menyebabkan tingkah laku nonverbal bertentangan dengan kenyataan verbal. Berapa ramai yang menghargai sesuatu yang anda cipta atau bersetuju dengan pandangan anda ketika anda memberi

pandangan yang bertentangan? Mungkin mereka tidak melakukan yang terbaik bertopengkan perasaan sebenar mereka.

Fungsi nonverbal yang ke tujuh iaitu menginterpretasi atau menghuraikan (al 'Ariniy, 2011). Penggunaan bahasa nonverbal untuk menginterpretasikan bahasa verbal yang diucapkan bertujuan untuk menerangkan makna atau mesej yang dikemukakan untuk menjayakan proses komunikasi.

Fungsi komunikasi nonverbal yang kelapan ialah Ilustrasi iaitu gerak isyarat yang dilakukan serentak mengiringi percakapan lisan dan berperanan untuk menerang atau menggambarkan apa yang sedang diperkatakan (Floyd, 2009). Terdapat banyak bahagian daripada ucapan yang menyajikan fungsi penekanan, seperti pergerakan tangan dan kepala berlaku lebih kerap dengan memberi penekanan kepada perkataan utama, isyarat menunjuk atau pergerakan lain yang memberi penekanan yang diilustrasikan mengikut rujukan linguistik. Termasuk dalam kategori ini ialah pergerakan yang seolah-olah bertindak sebagai tanda baca atau penekanan yang ditambah, seperti, menunjuk dengan tangan atau dengan menggeleng-gelengkan kepala atau mengesan bentuk objek atau raut muka orang yang dirujuk secara verbal.

Menurut Devito (2007), ilustrasi yang mengiringi percakapan lisan seperti berkata "ayuh pergi" sambil menggerakkan kepala atau menunjukkan arah dengan gerak ibu tangan akan membuatkan percakapan kita lebih menarik, membantu mengekalkan tumpuan pendengar dan membantu menjelaskan mesej lisan. Selain itu, ilustrasi juga membantu meningkatkan daya ingatan seseorang yang mana menurut (Devito, 2007) lagi, kajian yang dijalankan Pengkaji menunjukkan bahawa seseorang yang mengilustrasikan mesej verbal dengan gerak badan telah berjaya meningkatkan 20 peratus daya ingatannya berbanding dengan mereka yang bercakap tanpa gerak badan. Emblem dan ilustrasi mempunyai sedikit persamaan iaitu kedua-duanya

dilakukan dengan sengaja dan sedar tetapi kedua-duanya berbeza kerana tahap kesedaran dan kesengajaan ilustrator adalah kurang berbanding tahap kesedaran dan kesengajaan emblems, Ilustrator menggunakan isyarat ilustrasi sebagai penjelasan kepada maklumat verbalnya dan tidak bergantung sepenuhnya kepada isyarat yang ditunjukkan (Ekman & Friesen, 1981). Ilustrasi juga dilakukan tanpa menyentuh atau menunjukkan objek atau mana-mana anggota badan (Bull, 1983).

Fungsi komunikasi nonverbal yang kesembilan ialah fungsi gambaran emosi (*Affect display*) yang bermaksud kesan utama yang dipamerkan seperti perasaan gembira, marah, terkejut, takut, sedih, berminat dan meluat. Emosi adalah luahan perasaan dalaman dan seringkali dikaitkan dengan motivasi (Palladini & Bloom, 2008). Darwin (1965) mendakwa ekspresi emosi adalah satu penilaian dan merupakan satu aksi biologi sejagat yang merentasi budaya dan bangsa dan bukannya dipelajari secara budaya. Dakwaan Darwin (1965a) dikukuhkan dengan dakwaan Ekman & Friesen (1981) dan Ekman (2003) iaitu emosi manusia timur dan barat yang diserlahkan melalui ekspresi muka adalah sama. Pemaparan emosi secara bukan lisan penting untuk memperkasa komunikasi lisan hinggakan dalam komunikasi berperantarakan komputer sekalipun emosi tetap diserlahkan dengan strategi penggunaan emotikon (Floyd, 2009; Jusang Bolong et al., 2010) sebagai mewakili mood atau perasaan mereka (Devito, 2007). Mohd Zaikham Husin (2005) menyatakan bahawa fungsi sosial komunikasi nonverbal bertujuan menyampaikan emosi yang sukar dinyatakan secara verbal seperti untuk menunjukkan perasaan bosan dan meluat terhadap sesuatu pihak, seseorang itu memperlihatkan postur badan yang longlai dan wajah yang tidak serius serta bersahaja.

Komunikasi nonverbal dalam konteks pengajaran membantu guru mengenal pasti emosi dan tahap kesediaan belajar pelajar. Hal demikian menurut Richmond &

McCroskey (2000) melalui gerak badan mereka, pelajar yang kedudukan badannya mengendur atau tertutup dianggap tidak bersedia, pelajar yang dalam kemalasan duduk di atas kerusi semasa menjawab soalan guru menggambarkan sikap mereka yang sombong, membosankan dan degil. Menurut Kamarul Azmi Jasmi, Noratikah Ibrahim, & Mohd Faeez Ilias (2012) apabila seseorang guru melihat ada dalam kalangan pelajarnya yang mengerutkan dahi beberapa kali, berkerut kening atau ada di antaranya keliru atau hilang minat, jadi itu adalah masa yang sesuai untuk berhenti dan memberi maklum balas yang lebih jelas.

Penilaian emosi secara nonverbal juga diterima pakai dalam bidang perubatan. Menurut Che Rabaiaah (1997) para doktor dan jururawat menilai tahap kesakitan pesakit dengan melihat kepada elemen nonverbal seperti ekspresi muka, pergerakan anggota badan dan lain-lainnya. Justeru, dalam pendidikan pula guru mampu menilai tahap penerimaan pelajar yang menurut Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2002) sama ada positif, negatif, terbuka, defensif, seronok, bosan atau berpura-pura berdasarkan pengamatan terhadap mesej bahasa badan mereka.

Fungsi komunikasi nonverbal yang kesepuluh ialah fungsi memaksimumkan maklumat. Menurut Nordin Halias Komunikasi nonverbal boleh KNV mengukuhkan mesej komunikasi dengan memberikan maklumat tambahan berdasarkan konteks tingkah laku. Dalam hal ini, guru bahasa asing menurut Allen (1999) boleh membantu pelajarnya memahami mesej atau leksikal dengan melakonkan konteks iaitu gerak isyarat.

Menurut Allen (1999) lagi, didapati pemahaman dan daya ingatan pelajar yang didedahkan dengan teknik ini adalah meningkat berbanding dengan pelajar yang diajar tanpa konteks KNV. Guru tidak wajar mengabaikan konteks tingkah laku untuk memudah dan mengukuhkan ingatan pelajar kerana menurut Ahmad Naim Jaafar

(2003), kajian menunjukkan bahawa sebanyak 87 peratus maklumat akan masuk ke otak melalui penglihatan, 9 peratus melalui telinga dan 4 peratus lagi melalui lain-lain pancaindera dan penggunaan penunjuk seperti pen dalam sesuatu persembahan berfungsi mengawal renungan mata seseorang supaya dia mendapat maklumat yang maksimum.

Fungsi komunikasi nonverbal yang kesebelas ialah melancarkan ucapan. Dalam komunikasi verbal, seseorang sering hilang leksikal yang ingin digunakan dan masalah ini dapat dirawat secara pergerakan tangan. Menurut International Encyclopedia of The Social And Behavioral Sciences (2001), tingkah laku nonverbal secara pergerakan tangan semasa bercakap akan membantu kelancaran ucapan seseorang. Hal ini kerana gerakan tangan yang dilakukan itu membantu seseorang untuk mengingat dan mengakses perkataan yang ingin digunakannya itu dari dalam memorinya. Oleh hal demikian juga Allen (1999) menyatakan bahawa selain mengukuhkan kata-kata, Nonverbal juga membantu komunikator menjana dan mengingat semula perkataan, idea, imej, buah fikiran yang hendak diucapkan serta membolehkan komunikator menyebut ujaran dengan berintonasi dan tepat.

Fungsi komunikasi nonverbal yang kedua belas ialah memudahkan pemahaman. Komunikasi nonverbal memudahkan pemahaman pelajar (Nordin Halias, 2016). Menurut Allen (1999), seseorang guru yang menerangkan sesuatu konsep atau adjektif umpamanya “besar” dengan disertakan gerak syarat tangan akan memudahkan pemahaman pelajar dan dalam masa yang sama berdasarkan gerak isyarat tersebut, pelajar boleh membuat telahan atau kesimpulan bahawa besar mempunyai persamaan dengan tinggi. Rasulullah S.A.W sendiri pernah menggunakan bahasa badan sebagai strategi pengajaran bertujuan memudahkan pemahaman. Menurut Abdullah Nasih Ulwan (1983), Baginda pernah ditanya oleh sahabat tentang

apa yang paling ditakuti dalam usaha berpegang pada jalan lurus, Baginda tidak berkata apa-apa tetapi secara mengisyaratkan lidahnya sebagai menggambarkan jawapan kepada persoalan yang dikemukakan.

Fungsi komunikasi nonverbal yang ketiga belas ialah mewujudkan kemesraan. Kemesraan adalah merujuk kepada kebolehan guru menunjukkan rasa sayangnya kepada pelajarnya (Shahabuddin Hashim et al., 2003). Kemesraan dan sikap memahami adalah antara ciri-ciri peribadi guru berkesan yang paling banyak dikaitkan dengan pencapaian pelajar (Khairul Anuar A. Rahman, 2012). Raut muka dan reaksi bukan lisan guru menjadi perkara utama yang menampakkan kemesraan guru dan kemesraan ini seterusnya menggalakkan penglibatan pelajar dalam sesi pembelajaran (Abdul Ghani Abdullah et al., 2007). Tindakan guru mendekati (proksemik) dan menyentuh (haptik) seseorang pelajar, lazimnya dianggap sebagai satu cara menunjukkan keakraban dan kemesraan dengan seseorang (Floyd, 2009).

Komunikasi yang baik antara guru dan murid akan membina kemesraan yang akan memudahkan proses pembelajaran, menjana kemajuan atau prestasi serta membentuk kefahaman pelajar (Abdul Said Ambotang, 2011). Menurut Abdul Salam Yussof (2003) pula, dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, kasih sayang dan kemesraan dalam pergaulan mendorong murid-murid percaya kepada diri sendiri dan guru dan sifat percaya ini akan menjadi pendorong dalaman yang berkesan untuk murid meneroka ilmu dengan lebih mendalam.

Fungsi komunikasi nonverbal yang keempat belas ialah pembinaan karisma diri (Nordin Halias, 2016). Menurut Nordin Halias (2016), komunikasi nonverbal berperanan penting dalam komunikasi dan pembinaan karisma ucapan. Pemimpin berkarisma akan memancarkan kuasa karismanya melalui gerakan badan yang menyenangkan kerana mereka menyedari kuasa yang wujud daripadanya dan ia

berfungsi lebih hebat daripada kata-kata yang diucapkan (Ahmad Naim Jaafar, 2003). Menurut Allen (1999), Karisma diri penting dan Presiden Amerika Syarikat sendiri menampilkan karisma kepimpinan dan pengaruh mereka secara KNV seperti melalui cara berdiri, bercakap dan berjalan. Justeru, guru perlu berpenampilan dan berperwatakan yang menampakkan ketokohan dan karisma diri sebagai guru supaya dihormati dan dipercayai pelajar.

Fungsi komunukasi nonverbal yang kelima belas ialah menarik tumpuan dan perhatian pelajar (Nordin Halias, 2016). Penyampaian guru yang dinamis secara nonverbal akan menarik perhatian dan tumpuan pelajar terhadap pengajaran guru. Didapati guru yang melakonkan dialog sesuatu bahasa asing dengan disertakan gerak isyarat mengikut budaya bahasa tersebut akan lebih menarik perhatian pelajar (Allen, 1999). Menurut Zainuddin Zakaria & Ziadatul Hidayah Zakaria (2006), seseorang yang hanya sekadar bercakap tidak akan mampu menarik perhatian orang lain, pengucap perlu mengunakan komunikasi bahasa badan dan mempelbagaikan intonasi, nada, kekuatan dan kelajuan suara di samping berucap dengan penuh kesungguhan, semangat dan minat kerana seseorang tidak berminat untuk mendengar jika disampaikan dengan tidak bersemangat.

Fungsi komunikasi nonverbal yang keenam belas ialah menyerlahkan personaliti. Personaliti atau peribadi adalah sejumlah sifat dan kelebihan yang menunjukkan kelebihan seseorang. Berdasarkan peribadi inilah nilai seseorang manusia itu akan ditentukan dan inilah yang membezakannya dengan binatang yang harganya dinilai berdasarkan badannya (Hamka, 2007). Secara nonverbal, seseorang guru akan mampu menampilkan tingkah laku yang mencerminkan personaliti yang baik dan menarik minat pelajar terhadap pelajaran yang diajarnya umpamanya melalui senyuman, bermanis muka, bantuan, membetulkan kesalahan dan menjawab

kemusykilan pelajar, (Wan Mohd Ghazali Wan Ibrahim & Sallehuddin Abdul Wahab, 2009).

Mohd Zaikham Husin (2005) menyatakan bahawa personaliti yang dipamerkan melalui mesej nonverbal dengan menonjolkan keperibadian dan memperlihatkan identiti seperti seseorang yang ingin menonjolkan imej mesra dan peramah perlu sentiasa menguntumkan senyuman kepada khalayak. Komunikasi nonverbal juga merpakan gambaran untuk memperlihatkan jenis hubungan yang diingini atau yang ingin dipamerkan kepada sesuatu pihak, apabila suatu pertemuan berlaku antara individu, perlakuan bersalaman menunjukkan hasrat ingin mesra dan bergaul rapat, manakala perlakuan mengangguk kepala dan kontak mata yang sekejap menunjukkan hasrat mewujudkan jarak dan tidak ingin mesra (Mohd Zaikham Husin, 2005).

Fungsi komunikasi nonverbal yang ketujuh belas ialah kawalan kelas. Nordin Halias (2016) menyatakan pengawalan kelas tanpa lisan boleh dilakukan dengan berbagai saluran umpamanya secara penggunaan “eye contact” atau pandangan mata. Tindakan ini mengikut Diana Cawood (1997) dilakukan dengan cara 1) melihat dengan penuh tumpuan serta badan menghadap murid supaya mereka sedar bahawa guru sedang memerhatikan mereka, 2) memandang wajah dengan tepat, gelengan kepala atau ekspresi muka yang tidak menyenangkan bagi menunjukkan tingkah laku itu tidak diingini dan tidak diterima dan 3) senyuman atau anggukkan bagi menunjukkan bahawa tingkah laku mereka diterima oleh guru. Guru juga boleh menggunakan pandangan mata untuk menarik tumpuan pelajar dan mengawal kelas (Parviz Birjandi & Musa Nushi, 2010).

Fungsi komunikasi nonverbal yang kelapan belas ialah variasi rangsangan. Kemahiran variasi rangsangan merujuk kepada kemahiran guru untuk

mempelbagaikan cara penyampaian seperti pergerakan badan, kontak mata, pergerakan dan perubahan suara (Nordin Halias, 2016). Pergerakan anggota badan seperti mengangguk dan menggelengkan kepala untuk mengesah dan menafikan ucapan lisan atau pergerakan tangan untuk menghuraikan bentuk dan saiz akan menjadikan guru lebih dinamis dan ekspresif di samping mampu mengekalkan tumpuan dan perhatian pelajar (Shahabuddin Hashim et al., 2003). Selain itu, pergerakan di dalam kelas juga memberi peluang kepada guru untuk mengenali, memahami, mengenal pasti keperluan dan seterusnya memberi panduan kepada pelajar (Coombs, 2010).

Fungsi komunikasi nonverbal yang kesembilan belas ialah membuat pengukuhan. Pengukuhan adalah sesuatu yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran kerana ia meningkatkan rasa harga diri, keyakinan diri, rasa berjaya, puas hati dan ingin berjaya lagi dalam diri pelajar (Esah Sulaiman, 2004). Menurut Esah Sulaiman (2004) pengukuhan mampu memenuhi keperluan psikologi pelajar, pengukuhan boleh dilakukan secara lisan atau bukan lisan, pengukuhan secara bukan lisan boleh dilakukan guru sama ada (a) secara gerak isyarat seperti senyuman, anggukan kepala, tepuk tangan atau angkat ibu jari atau (b) secara berdampingan seperti berdiri atau duduk di sisi pelajar, berjalan bersama dan menghampiri pelajar atau (c) secara sentuhan seperti sentuh bahu, jabat tangan atau bersalaman.

Menurut Esah Sulaiman (2004) lagi, pengukuhan secara bukan lisan ini akan mewujudkan rasa besar hati, yakin, gembira dan galakan dalam kalangan pelajar di samping melahirkan hubungan mesra guru Pembelajaran, hasil pembelajaran dan objektif pengajaran adalah istilah yang lazim digunakan dalam bidang pendidikan. Pembelajaran adalah perubahan tingkah laku seseorang yang agak kekal hasil latihan dan pengalaman yang diterima (Mohamad Salleh Lebar, 1999). Hasil pembelajaran

ialah apa yang boleh ditunjukkan oleh pelajar tentang pengetahuan dan kebolehan membuat sesuatu selepas sesuatu perkara diajar yang dinilai dan diukur berdasarkan kepada objektif pengajaran (Atan Long, 1983b; Azizi Ahmad, 2010). Objektif pengajaran pula ialah sasaran perubahan yang perlu dicapai oleh murid setelah proses pengajaran dijalankan (Rahil Mahyuddin, Habibah Elias, & Kamariah Abu Bakar, 2009). Kesemuanya merujuk kepada perubahan tingkah laku pelajar hasil daripada pengajaran guru.

Pengajaran berkesan memerlukan komunikasi yang berkesan. Komunikasi berkesan seseorang guru menyumbang kepada pencapaian positif murid dalam peperiksaan (Norhayati Ramlan & Mohd Yusof Abdullah, 2011) dan juga prestasi mahasiswa (Azizan Ahmad, 2000; Ismail Azman et al., 2007; McCroskey & Richmond, 2000). Dalam pembelajaran bahasa asing, hasil pembelajarannya boleh ditingkatkan dengan aplikasi KNV. Macedonia & Knosche (2011) telah menjalankan bagi melihat kesan penggunaan gerak isyarat terhadap kemampuan ingatan pelajar dalam pengajaran perkataan bahasa asing. Dapatan menunjukkan kemampuan pelajar mengingati perkataan bahasa asing yang telah dikodkan dengan diiringi gerak isyarat adalah lebih baik berbanding dengan perkataan yang dikodkan secara audio sahaja.

Kajian-kajian lain juga membuktikan bahawa tingkah laku bukan lisan guru mempunyai hubungan yang positif dengan minat, motivasi dan keseronokan belajar (Myers & Ferry, 2001) KNV adalah pemudah cara pengajaran guru. KNV membantu guru untuk memudah cara dan menjayakan matlamat pengajaran (Burrough, 2007). Guru juga perlu memanfaatkan semua saluran KNV dalam pengajaran mereka kerana KNV guru mampu menarik perhatian pelajar (Georgakopoulos & Guerrero, 2010).

Fungsi komunikasi nonverbal yang kedua puluh ialah adaptor yang merujuk kepada tingkah laku yang berkaitan dengan kepuasan keperluan badan seperti

bergerak ke kedudukan yang lebih selesa atau menggaru (Mehrabian, 1972). Adaptor memaparkan komunikasi nonverbal yang membantu anda menyesuaikan diri dengan persekitaran dan setiap konteks, membantu anda berasa selesa dan selamat (McLean, 2003). Penyesuai diri melibatkan anda memenuhi keperluan anda untuk keselamatan, dengan bermain dengan rambut anda misalnya, dengan menyesuaikan sesuatu tentang diri anda dengan cara yang tidak dirancang atau tanpa tujuan yang jelas. Menarik rambut anda akan menjadi contoh tindakan yang bertujuan, tidak seperti tingkah laku penyesuaian diri.

Penyesuai objek melibatkan penggunaan objek dengan cara yang tidak direka. Anda mungkin melihat ahli penonton mengetik pensel mereka, mengunyahnya, atau bermain dengan mereka, sambil mengabaikan anda dan persembahan anda. Ini adalah contoh penyesuai objek yang menyampaikan kekurangan penglibatan atau semangat untuk ucapan anda.

Kesemua fungsi-fungsi ini menggambarkan beberapa aspek penting komunikasi nonverbal, namun bagi sesetengah orang mereka menganggap bahawa mesej nonverbal adalah tidak penting berbanding dengan komunikasi verbal.

2.5 Komunikasi Nonverbal Dalam Pengajaran

Richmond dan McCroskey (2000) telah melakukan kajian terhadap lebih sepuluh ribu orang guru dan mereka mendapati bahawa tingkah laku nonverbal merupakan cara berkomunikasi yang paling berkesan dalam memperbaiki hubungan antara guru dan pelajar berbanding komunikasi verbal. Ini adalah kerana komunikasi nonverbal dapat meresap masuk secara menyeluruh dalam persekitaran bilik darjah. Fungsi utama tingkah laku nonverbal guru dalam bilik darjah adalah untuk mempengaruhi pelajar atau menarik minat mereka terhadap subjek, guru dan bilik darjah. Tingkah laku

nonverbal juga dapat memupuk keinginan mereka untuk belajar lebih lanjut mengenai sesuatu subjek. Ia juga merupakan pembangunan hubungan afektif yang positif antara guru dan pelajar.

Apabila guru meningkatkan pengaruhnya melalui tingkah laku nonverbal yang berkesan, maka pelajar akan lebih seronok mendengar, mempelajari dengan lebih mendalam dan mempunyai sikap yang lebih positif terhadap sekolah. Komunikasi nonverbal dalam bilik darjah yang berkesan antara pelajar dan guru adalah kunci kesan positif terhadap pembelajaran.

Apabila guru dilatih untuk menggunakan komunikasi verbal dan nonverbal, pembelajaran dalam kelas akan menjadi lebih berkesan, hubungan antara pelajar dan guru bertambah baik dari sudut afektif dan kognitif pelajar. Apabila kesan positif wujud, maka akan meningkatlah pembelajaran dari sudut kognitif (Richmond dan McCroskey, 2000).

Tingkah laku nonverbal guru sangat bermakna kepada para pelajar, contohnya seorang guru yang jarang memandang pelajar ketika berkomunikasi menunjukkan guru itu tidak menyukai pelajar tersebut.

Guru dan pelajar sentiasa mendedahkan sikap dan perasaan antara satu sama lain melalui isyarat nonverbal tanpa disedari. Seorang guru perlu berhati-hati dengan ekspresi nonverbal dan kesannya terhadap pelajar. Kesedaran adalah langkah pertama untuk mengawal ekspresi nonverbal walau pun agak sukar namun ia adalah tugas yang boleh diuruskan oleh guru (Moore, 1989)

Menurut Kamarul Azmi Jasni & Ab. Halim Tamuri (2007), Lau & Chan (1972 dan Mok (2003) komunikasi verbal dan nonverbal adalah penting dalam dalam proses pengajaran. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa asing KNV

memainkan peranan yang penting bagi menjayakannya (macedonia & Knosche, 2011). Hasil dapatan kajian Juliana Othman (2007) menunjukkan bahawa guru-guru di Malaysia tidak memberi perhatian khusus. Guru tidak sedar dan peka dengan kepentingan penggunaan KNV dalam proses pengajaran.

Beberapa saluran KNV sering diabaikan oleh para guru antaranya haptik dan kronemik sedangkan kedua-dua saluran ini adalah penting dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran (Nur Shafrin Ahmad, Rahimi Che Aman, & Fadzilah Amzah, 2009, Floyd, 2009; Hargie, 2011). Kelemahan dari aspek pelaksanaan pengajaran guru mesti diatasi kerana untuk menjayakan pengajaran bahasa, para guru mesti memilih teknik pengajaran dan pembelajaran berkesan dan sesuai yang membolehkan penglibatan pelajar secara holistik, sepadu dan interaktif (Juriah Long, 1998). KNV berperanan menjayakan objektif pengajaran dan pembelajaran bahasa atau mewujudkan pengajaran berkesan (Juliana Othman, 2007; McCroskey et al., 1996; Mohd Safiee Idris et al., 2008).

Malah menurut Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2002), seseorang guru perlu mempelajari KNV untuk menampilkan kemahiran dan kepakaran sebagai seorang guru dengan membaca tingkah laku orang lain dan belajar mengawal bahasa badan supaya komunikasi kita lebih afektif. Kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku nonverbal guru bahasa Inggeris dengan peningkatan motivasi pelajar untuk belajar bahasa Inggeris, semakin tinggi nonverbal guru semakin tinggi motivasi pelajar (Lisa, 2010).

Kajian oleh Juliana Othman (2007) berkaitan guru bahasa Inggeris. Kajian kualitatif oleh Syed Abdillah Syed Kamaruddin (2003) dan kajian kuantitatif oleh Sarah Sabir Ahmad, Farah Merican Isahak Merican, Intan Nazrenee Ahmad, & Rosliza Md Zani (2010) ada menyentuh mengenai KNV guru dan pelajar tetapi tiada kaitan

dengan bahasa Arab. Kajian kualitatif oleh Muhammad Azhar Zailani (2007) berkaitan pengajaran bahasa Arab tetapi lebih menjurus kepada amalan komunikatif dan tidak memfokuskan secara khusus kepada KNV.

2.6 Saluran Komunikasi Nonverbal Dalam Pengajaran

Interaksi yang baik antara guru dan pelajar akan membuahkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan (Ahmad Mohd Salleh , 2011). Menurut Floyd (2009) kemesraan antara guru dan murid boleh diwujudkan melalui Komunikasi nonverbal. Kemesraan ini penting kerana membolehkan guru menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan. Menurut Abdullah Hassan & Ainol Mohd (2000a), hubungan rapat dan mesra antara guru dan murid ini juga jauh lebih besar peranannya dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran. Kemesraan dalam komunikasi guru dengan pelajar akan memudahkan proses pembelajaran, mempengaruhi minda dan respon pelajar (Abdul Said Ambotang, 2011). Ini kerana rangsangan emosi dan fizikal seperti pujian, gurauan, sentuhan dan belaian kasih sayang daripada orang yang rapat akan mampu merangsang emosi dan daya intelek seseorang (Abdullah Hassan & Ainon Mohd, 2000).

Kemahiran komunikasi nonverbal yang dipraktikkan akan menjadikan seseorang guru mampu berkomunikasi secara lebih berkesan dengan pelajar. Ini kerana menurut Richmond & Mccroskey (1998), orang yang mahir berkomunikasi adalah orang yang mahir berkomunikasi secara nonverbal. Gerakan badan sentiasa memberikan kita maklumat tentang tahap kefahaman dan penerimaan pendengar terhadap mesej yang disampaikan. Menurut Abdullah Hassan & Ainol Mohd (2000a) berdasarkan maklumat Bahasa badan yang ditonjolkan oleh pelajar, guru berpeluang mengubah teknik dan cara penyampaian. Dalam konteks pendidikan, berdasarkan

mesej komunikasi nonverbal pelajar, seseorang guru akan mampu mengubah cara penyampaiannya agar pengajarannya lebih berkesan.

Komunikasi nonverbal adalah satu teknik komunikasi yang dipraktikkan oleh Rasulullah S.A.W. Berdasarkan kepada hadis Rasulullah yang ada kaitan dengan penyampaian pengajaran Rasulullah saw kepada sahabat-sahabat, Rasulululllah S.A.W telah menggunakan komunikasi nonverbal untuk memudahkan pengajaran baginda (Al-Syalhub, 2005). Menurut Syalhub (2005 tujuan Rasulullah saw menggunakan nonverbal ialah untuk menambah kejelasan dan menguatkan perkataan, menarik perhatian dan menanamkan kefahaman serta meringkaskan penerangan dengan menunjuk cara. Bertepatan sunah rasul, Al-Syalhub (2005) mencadangkan agar guru memanfatkan gerak geri badan untuk mewujudkan pengajaran berkesan.

Komunikasi nonverbal merangsang motivasi pembelajaran pelajar (Nordin Halias, 2016). Mengikut Devito (2007) pelajar yang beranggapan bahawa seorang guru yang akrab akan lebih cenderung untuk tingkatkan pembelajaran secara afektif serta kognitif, mereka akan rajin ke kelas, aktif berbincang dan bersoal-jawab berkaitan pelajaran, melakukan arahan guru dan kurang melakukan kesalahan disiplin. Mengikut teori kuasa pengaruh, kuasa bukannya hak tetapi keupayaan iaitu keupayaan seseorang untuk mempengaruhi seseorang lain, daya pengaruh ini mempunyai kesan kepada 1. kognitif atau pemikiran iaitu yang berkaitan dengan kepercayaan terhadap sesuatu, 2. Afektif atau perasaan dan 3. Psikomotor atau tingkah laku oleh (Abdullah Hassan & Ainon Mohd, 2000). Perubahan positif dari aspek kognitif, afektif dan psikomotor merupakan hasil pembelajaran yang ingin dicapai (Bloom, 1956, 1989)

Menurut Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2000b), orang yang disukai akan mudah mempengaruhi seseorang dan ini disokong oleh Sulaiman Masri & Ahmad Khair Mohd Nor (2005). Mengikut Sulaiman Masri & Ahmad Khair Mohd Nor (2005)

keberkesanan hubungan seseorang dengan seorang yang lain bergantung kepada tahap kesukaan antara satu sama lain. Jika tahap kesukaan terhadap seseorang itu tinggi maka keberkesanan hubungan akan berlaku pada tahap tinggi dan sebaliknya jika tahap kesukaan seseorang itu rendah maka keberkesanan hubungan akan berada pada tahap rendah juga.

Teori yang dikemukakan oleh Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2000b) dan Sulaiman Masri & Ahmad Khair Mohd Nor (2005) juga bertepatan dengan teori perapatan yang diperkenalkan oleh Bowlby John Bowlby and Mary Ainsworth (Bretherton, 1992). Mengikut teori ini seseorang itu akan cenderung menghampiri seseorang yang disukainya dan cenderung pula untuk mengelak seseorang yang tidak disukainya. Teori Perapatan Bowlby (1953) seperti dihuraikan Bretherton (1992) muncul selepas peperangan dunia kedua. Prinsip utama dalam teori ini adalah bayi memerlukan perhubungan yang erat dengan sekurang-kurangnya seorang penjaga untuk perkembangan emosi dan sosial yang normal. Bayi akan menjadi rapat dengan orang dewasa yang menjalinkan hubungan sosial dengan mereka secara tekal bermula umur mereka enam bulan sehingga dua tahun. Apabila bayi mula merangkak dan berjalan, mereka mula menggunakan orang dewasa yang rapat dengan mereka untuk memastikan mereka selamat dalam penerokaan awal mereka.

Mehrabian (1981) memperakui bahawa tingkah laku bukan lisan adalah satu cara komunikasi yang boleh mewujudkan keakraban. Seseorang guru mungkin tidak boleh memaksa pelajarnya belajar tetapi guru tersebut masih berkeupayaan mempengaruhi pelajarnya untuk belajar dengan cara pendekatan yang berkesan iaitu melalui kekuatan mempengaruhi tanpa unsur paksaan (Akhiar Pardi & Shamsina Shamsuddin, 2011) Kemahiran yang penting untuk mempengaruhi orang lain ialah kemahiran komunikasi. Kajian oleh pakar-pakar psikologi dan komunikasi

mengesahkan bahawa orang yang pandai berkomunikasi memiliki daya tarikan yang tinggi dan disukai dan adalah mustahil kita dapat memotivasi, mendorong, memberi perangsang, menasihati dan memimpin orang yang tidak menyukai kita (Abdullah Hassan & Ainon Mohd, 2000).

Seorang guru perlu mewujudkan situasi komunikasi berkesan dimana komunikasi nonverbal memainkan peranan yang sangat penting. Terdapat dakwaan menyatakan bahawa 93 peratus mesej datang dari komunikasi nonverbal dan 7 peratus sahaja datang dari komunikasi lisan (Floyd, 2009). Namun Floyd (2009) lebih yakin kepada dakwaan keberkesanan yang lebih realistik yang menyatakan 65-70 peratus mesej mampu disampaikan secara komunikasi nonverbal manakala 30 hingga 35 peratus sahaja melalui lisan. Sulaiman Masri dan Ahmad Khair Mohd Nor (2005) mendakwa bahawa 80 peratus keberkesanan komunikasi adalah melalui komunikasi nonverbal yang datang dari mimik muka, kontak mata, gerakan anggota badan, jarak, cara berpakaian, penampilan bau dan nada suara, manakala hanya 20 peratus sahaja melalui percakapan.

Menurut (Zulkifli Abdullah, 1999) belum ada kesepakatan dalam kalangan ahli komunikasi nonverbal tentang klasifikasi salurannya. Zulkifli Abdullah (1999) dalam kajiannya telah mengambil 6 elemen atau saluran nonverbal untuk dijadikan fokus kajian beliau iaitu 1.Kinesik atau gerak tubuh, 2. ekspresi wajah dan kontak mata, 3. paralinguistik, 4. Proksemik, 5. Sentuhan dan 6. Artifakktual atau penampilan.

Menurut Neill dan Caswell (1993) terdapat tujuh jenis saluran nonverbal yang boleh digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran iaitu postur dan penggunaan ruang, kontak mata, ekspresi wajah, posisi kepala, intonasi dan gesture. Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (1999) telah mengkategorikan sembilan saluran komunikasi nonverbal di dalam bukunya ‘Komunikasi Untuk Guru’ iaitu gerak geri,

komunikasi mata, komunikasi ruang, komunikasi objek, pergerakan, pekerjaan, ekspresi wajah, suara dan sentuhan.

Kajian mendapati tiada kesepakatan dalam kalangan pengkaji komunikasi nonverbal berkenaan saluran komunikasi nonverbal. Floyd, (2009) dan Richmond & McCroskey (2000) telah membincangkan sepuluh saluran komunikasi nonverbal manakala lain-lain pengkaji hanya menerima sebahagian sahaja daripada saluran yang disenaraikan mereka. Pamela & Cheri (2007), Devito (2007) dan Bebee & Masterson (1989) membincangkan tujuh saluran, manakala Heun & Heun (1975) membincangkan lapan saluran. Hargie (2006) membincangkan tiga saluran komunikasi nonverbal. Situasi ini tidaklah menggambar penolakan antara satu sama lain tentang saluran komunikasi nonverbal tetapi hanyalah menggambarkan kepelbagaian saluran yang difokuskan.

Setiap pengkaji KNV mempunyai hujah tersendiri tentang fokus kajian mereka terhadap KNV. Menurut Hargie (2006), memang terdapat banyak pendekatan yang digunakan para pengkaji untuk mengkaji KNV tetapi kesemua domain atau saluran tersebut boleh dirangkumkan ke dalam tiga kategori berikut iaitu;

Takesik- iaitu kajian mengenai sentuhan. Ia mengkaji tentang bahagian anggota manakah yang disentuh, berapa kerap, kenapa, konteks yang macam manakah dan apakah kesannya.

Proksemik- iaitu kajian mengenai jarak kedudukan Ia mengkaji kenapa jarak kedudukan yang berbeza, bagaimana kita mengawal dan melindungi wilayah peribadi kita, sudut manakah kita mengarah kedudukan antara satu sama lain dan bagaimanakah cara kita duduk atau berdiri.

Kinesik- iaitu kajian mengenai pergerakan badan. Ia mengkaji makna pergerakan anggota badan seperti pergerakan tangan, kepala, kaki, postur atau gerakan badan, pandangan mata dan riak muka.

Richmond dan McCroskey (2000) mengemukakan sepuluh saluran nonverbal yang perlu digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah iaitu watak dan penampilan guru, gesture dan pergerakan, ekspresi wajah, kontak mata, tingkah laku suara, ruang dan jarak, sentuhan, persekitaran bilik darjah, bau dan masa. Floyd (2009) juga mengemukakan sepuluh saluran komunikasi nonverbal sebagaimana Richmond dan McCroskey (2000) namun beliau telah mengguna pakai istilah yang berbeza tetapi tetapi merujuk kepada saluran yang sama. Kesepuluh saluran ini dibincangkan oleh mereka untuk digunakan oleh para guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Pengkaji akan menghuraikan saluran nonverbal yang telah dinyatakan oleh Richmond dan McCroskey (2000) kerana saluran nonverbal yang dikemukakan itu meliputi semua saluran yang telah dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji lain.

2.6.1 Penampilan Fizikal

Menurut Richmond dan McCroskey (2000) watak dan penampilan guru dalam bilik darjah adalah sangat penting. Mereka mendapati apabila guru berpakaian sangat formal, pelajar akan menganggap guru tersebut tidak terbuka dan tidak bersedia untuk berkomunikasi dengan mereka walaupun guru itu dianggap cekap. Manakala guru yang berpakaian kasual dianggap lebih terbuka, mesra dan lebih akrab tetapi tidak secekap guru yang berpakaian formal. Dalam hal ini tingkah laku berpakaian hanya boleh mencerminkan pilihan pakaian guru, namun seorang guru yang cekap perlu mengambil kira persepsi pelajar terhadap dirinya.

Guru perlu menonjolkan perwatakan yang menarik di hadapan para pelajar. Jika tidak, guru tersebut terpaksa bekerja keras untuk membuktikan kewibawaannya. Ini adalah kerana guru yang menampilkan watak yang menarik dianggap oleh pelajar sebagai seorang yang berwibawa, mesra dan lebih akrab (Richmond dan McCroskey, 2000).

Richmond dan McCroskey (2000) mengkategorikan 3 jenis guru dari segi perwatakan dan penampilan iaitu; Guru ektomorpik dianggap mencemaskan dan kurang tenang namun boleh jadi bijak. Guru yang endormopik pula umumnya dianggap lembap, malas, tidak buat persediaan dan tidak dinamik dalam bilik darjah. Manakala guru yang mesomorpik dianggap berkredibiliti, boleh dipercayai, disenangi dan cekap namun tegas dan berpengaruh.

2.6.2 Gerakan Anggota Badan (Gestur)

Richmond dan McCroskey (2000) menyatakan bahawa guru yang menggunakan isyarat yang sedikit dianggap membosankan dan kaku. Guru perlu menggunakan ilustrator dan memaparkan dengan mesej lisan mereka untuk menjadikan kelas hidup dan menarik. Gaya guru menghantar mesej perlu beranimasi, dinamik dan menggunakan isyarat adalah salah satu metode untuk mencapai maksud ini. Guru yang hidup dan dinamik ini boleh menjadikan kelas lebih menarik terhadap sesuatu subjek dalam tempoh yang lebih panjang. Guru yang tidak beranimasi dan membosankan meletakkan pelajar dalam kelas tersebut 'tidur'.

Ilustrator yang mengambil alih kedudukan badan terbuka, berkomunikasi kepada pelajar bahawa mereka terbuka dan dekat kepada mereka. Manakala guru yang berpeluk tubuh dan kedudukan badan yang tertutup dianggap tidak dekat dan terbuka

terhadap pelajar. Guru mengharap para pelajarnya berminat dengan pengajarannya. Salah satu tanda minat ialah kedudukan badan para pelajar.

Menurut Neill dan Caswell (1993) penggunaan gesture mempunyai dua tujuan iaitu menyediakan satu konkordans (kesejajaran) kepada ucapan, penanda struktur dan cara ia ditafsirkan. Memaksa pendengar supaya memerhati orang berucap dengan sebaik mungkin, kerana dengan hanya mendengar mereka akan kehilangan banyak makna yang ingin disampaikan. Memanipulasi perhatian pelajar dengan cara ini sangat baik dan berkesan. Pemidato yang 'hidup' menggunakan gesture dan gerak isyarat secara meluas untuk meletakkan rentak, menyerikan dan menjelaskan lagi idea-idea yang diucapkannya.

Berbagai-bagai bentuk pergerakan tangan mampu menghuraikan lebih banyak isyarat yang berorientasikan perkaitan seperti menunjuk dengan tangan untuk menentukan pencalonan seseorang atau memegang tangan untuk menghalang seseorang bercakap.

Postur tangan yang statik mempunyai kaitan dengan status dan keyakinan. Pergerakan teraba-raba atau menghias diri menandakan stress dan kebimbangan. Guru mungkin menggunakan gesture ketika mendapat tekanan dalam situasi tertentu.

2.6.3 Ekspresi Wajah

Seseorang guru tidak boleh lari dari menggunakan ekspresi wajah ketika berkomunikasi. Richmond dan McCroskey (2000) berpendapat ekspresi wajah guru mempengaruhi perasaan pelajar terhadap persekitaran bilik darjah. Menurut Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (1999) kajian pakar-pakar psikologi mendapati wajah

seseorang boleh menggambarkan perasaan bahagia, seronok, terkepit, takut, marah, sedih, benci, meluat, minat, hairan dan tawakal.

Pelajar mampu menilai dan membaca isyarat nonverbal sama ada seorang guru itu mesra atau pun sebaliknya melalui ekspresi wajah yang dipaparkan oleh guru. Senyuman, kerutan dahi dan kening, adalah ekspresi wajah yang sangat penting dalam bilik darjah (Neill dan Caswell, 1993). Kerutan dahi boleh membawa erti ancaman dan marah atau kehairanan dan kejutan. Menurut Shushi Namba, Takafumi Kagamihara, Makoto Miyatani dan Takashi Nakao (2017) bila seseorang berada dalam keadaan bersedih perubahan akan berlaku secara spontan pada bibir mulutnya.

Guru yang tidak bersemangat dan menunjukkan ekspresi wajah yang membosankan ketika bercakap dianggap tidak suka kepada pelajar dan subjek tersebut. Guru seperti ini akan menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran sering tergendala kerana pelajar akan berasa bosan dengan gaya pengajaran guru. Guru mesti menunjukkan ekspresi wajah yang menyenangkan untuk membuktikan dia berminat kepada subjek yang diajar dan juga kepada pelajar-pelajarnya. Ekspresi wajah yang menyenangkan sering kali diikuti oleh pergerakan kepala yang positif. Anggukan kepala yang positif menggambarkan kemesraan dan keakraban dan bertujuan untuk merangsang interaksi antara pelajar dan guru.

Senyuman seorang guru mampu membawa kesan yang positif kepada komunikasi guru dan pelajar. Senyuman sentiasa dikaitkan dengan tarikan dan imediasi. Seorang guru yang sentiasa tersenyum dan mempunyai ekspresi wajah yang positif dianggap lebih mesra, disenangi dan akan diberi reaksi yang baik oleh pelajar. Wajah yang suram dan muram akan membantutkan komunikasi dan dilihat negatif oleh para pelajar. Oleh itu, guru perlu berhati-hati dalam mengawal ekspresi wajah ketika berhadapan dengan pelajar.

2.6.4 Okulesik (Kontak Mata)

Menurut Richmond dan McCroskey (2000), seseorang itu memerlukan kontak mata ketika berkomunikasi. Kontak mata menunjukkan minat terhadap persekitaran bilik darjah. Kedua-dua, guru dan pelajar perlu berkontak mata ketika berkomunikasi. Jika kontak mata tidak berlaku maka ini menunjukkan sama ada berlaku penolakan terhadap kandungan pelajaran atau peribadi guru. Guru yang kurang kontak mata dengan pelajar menandakan guru tidak berminat dengan pelajar atau tidak suka didekati. Bila kontak mata tidak berlaku pelajar tidak tahu bilakah mereka boleh bercakap, bertanya soalan dan mereka tidak tahu bagaimana hendak mendekati guru tersebut.

Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (1999) menyatakan bahawa komunikasi mata adalah bahasa badan yang paling penting dan mempunyai tujuh fungsi iaitu mengawal tidak balas, menjaga minat dan perhatian, memberi giliran bercakap, gambaran hubungan, menggambarkan status, menyatakan emosi dan merapatkan jarak psikologi.

Menurut Neill dan Caswell (1993) kontak mata menandakan penglibatan dan perhatian, Kebanyakan komunikasi bilik darjah memerlukan guru dan pelajar untuk bertemu mata antara satu sama lain sekurang-kurangnya sekejap. Guru perlu menggunakan kontak mata yang sesuai supaya tidak disalah tafsir oleh pelajar. Kesimpulannya, guru yang sentiasa kontak mata dengan pelajar dianggap lebih hidup, lebih berminat dengan pengajarannya dan lebih mesra dengan pelajarnya.

2.6.5 Vokalik (Paralinguistik)

Richmond dan McCroskey (2000) telah menggunakan kaedah tinjauan untuk menentukan kualiti vokal bagi membuktikan pelajar berminat atau tidak kepada guru. Mereka mendapati tingkah laku suara guru yang monoton adalah amat tidak menyenangkan pelajar. Nada suara yang monoton menyebabkan kebosanan, ketidak perihatinan dan ketidakmesraan. Minat pelajar terhadap sesuatu subjek dan kelas pengajaran berkait rapat dengan semangat guru dan nada suara yang digunakan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Tekanan, intonasi dan nada suara boleh memberi tanggapan positif atau negatif terhadap personaliti guru (Ainon Mohd dan Abdullah Hassan, 1999). Menurut Neill dan Caswell (1993) guru boleh memanipulasi cara menggunakan nada, intonasi dan tekanan suara yang boleh mempengaruhi ucapan dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti sindiran, nada keras dan senyap yang bermakna. Oleh itu, seorang guru perlu menggunakan tekanan, intonasi dan nada suara yang pelbagai dan menarik supaya persekitaran kelas tidak membosankan.

2.6.6 Proksemik

Proksemik adalah salah satu bentuk komunikasi dalam persekitaran bilik darjah. Guru yang menyisihkan diri dari pelajarnya dianggap tidak akrab, mesra dan penyayang. Seorang guru mestilah menggunakan ruang dan jarak interpersonal dengan pelajarnya ketika berinteraksi dan berkomunikasi (Richmond dan McCroskey, 2000).

Neill dan Caswell (1993) mencadangkan supaya guru menetapkan postur dan jarak berlakunya interaksi antara dirinya dengan pelajar kerana penggunaan ruang,

jarak peribadi, sentuhan dan postur dalam bilik darjah adalah berkaitan antara satu sama lain.

Proksemik memainkan peranan penting dalam komunikasi bilik darjah, terdapat empat ruang jarak yang berkaitan dengan komunikasi (Ainon Mohd dan Abdullah Hassan, 1999) iaitu:

Jarak intim- jarak dalam ruangan 18 inci yang membolehkan seseorang dipandang, disentuh dan dihidu bau ketika berkomunikasi. Dalam ruang dan jarak seperti ini topik percakapan biasanya adalah rahsia serta suara bisikan digunakan.

Jarak peribadi - Antara 18 inci hingga 4 kaki sekeliling komunikator. Topik percakapan dalam jarak ini biasanya berkaitan dengan peribadi dan dibenarkan kepada sahabat handai dan adik-beradik dengan suara perlahan.

Jarak sosial- antara 4 kaki hingga 12 kaki, kebiasaannya berlaku dalam majlis-majlis sosial dan topik yang diperbincangkan lebih terbuka dengan suara yang didengari umum seperti perbincangan rasmi dalam pejabat.

Jarak am – antara 12 kaki hingga 25 kaki, digunakan dalam majlis-majlis rasmi dengan suara yang agak kuat.

Guru yang menjarakkan dirinya dan jarang menghampiri pelajar dianggap sebagai tidak terbuka, sukar dihampiri dan tidak peramah. Perkara ini sama sekali tidak membantu memperbaiki hubungan antara pelajar dan guru. Seorang guru yang baik perlu mengetahui bagaimana hendak mendekati dan mewujudkan ruang yang bersesuaian antaranya dan pelajar.

2.6.7 Haptik (Sentuhan)

Haptik adalah satu bentuk komunikasi yang sangat berguna dalam mewujudkan dan mengekalkan hubungan yang efektif antara pelajar dan guru (Richmond dan McCroskey, 2000). Sentuhan boleh digunakan oleh guru untuk memperteguhkan pelajar supaya melaksanakan tugasan dengan baik. Guru juga boleh menggunakan sentuhan sebagai penganti kepada teguran verbal dan kawalan tanpa menggunakan mengucapkan sepatah perkataan pun. Contohnya, guru yang berjalan dan menyentuh bahu kanak-kanak yang berperangai buruk akan mendapat perhatiannya. Oleh itu Kanak-kanak sedar bahawa dia mesti berhenti dari melakukan perbuatan yang buruk itu.

Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (1999) menyatakan bahawa terdapat lima fungsi utama sentuhan:

1. Menyampaikan emosi positif seperti sentuhan untuk memberi sokongan.

2. Mengawal kelakuan orang lain termasuk sikap dan perasaan.

3. Menunjukkan status dan kedudukan seseorang yang lebihbtinggi.

4. Menunjukkan sopan santun seperti dalam keadaan baru bertemu dan akan berpisah.

5. Menunjukkan tugas seperti sentuhan doktor kepada pesakitnya.

Richmond dan McCroskey (2000) menyatakan bahawa sentuhan adalah sejenis komunikasi yang boleh diterima dalam hubungan pelajar dan guru. Sentuhan pada

tangan, lengan, bahu dan belakang pelajar akan menjadi komunikasi yang sangat berkesan untuk menyampaikan mesej tanpa mengungkapkan sepatah perkataan.

Guru perlu meningkatkan kesedaran pelajar melalui sentuhan, pendidikan yang betul walaupun pelajar melihat beberapa kegunaan sentuhan sebagai nasihat yang mesra dan menyeronokkan, namun guru dinasihatkan tidak menyentuh pelajar secara keterlaluan (Neill dan Caswell, 1993).

Guru-guru perlu berhati-hati ketika berkomunikasi dengan cara sentuhan. Bagi peringkat umur yang rendah, sentuhan adalah komponen penting untuk mewujudkan hubungan efektif antara pelajar dan guru. Sentuhan adalah salah satu pembolehubah komunikasi penting yang mesti digunakan secara adil dalam persekitaran bilik darjah (Richmond dan McCroskey, 2000).

Pelajar yang lebih dewasa mengharapkan kurang menerima sentuhan. Walaubagaimana pun sentuhan masih diperlukan untuk memberi pengukuhan. Pelajar dewasa boleh disentuhi pada belakang atau bahu mereka supaya mereka dapat melakukan kerja dengan baik. Guru perlu menggunakan sentuhan sebagai satu bentuk pengukuhan bukan sebagai hukuman.

2.6.8 Enviromen (Persekitaran)

Guru perlu menyediakan persekitaran bilik darjah yang kondusif untuk interaksi pelajar dan guru. Kegagalan untuk mempersiapkan bilik darjah yang kondusif menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran akan terbantut. Bilik darjah yang lebih menarik akan menjadikan para pelajar dapat belajar dengan sempurna.

Menurut Richmond dan McCroskey (2000), beberapa faktor yang mempengaruhi persekitaran bilik darjah perlu diberi perhatian iaitu:

1. Pencahayaan yang mencukupi: pencahayaan boleh mempengaruhi hubungan antara guru dan pelajar. Bilik darjah yang suram atau terlalu bercahaya akan menyebabkan kelesuan dan bebanan kepada mata. Akhirnya mengakibatkan kebosanan dan munculnya pertentangan. Semua ruang bilik darjah hendaklah mempunyai pencahayaan yang seimbang. Para pelajar akan membazirkan tenaganya hanya untuk melihat dan tidak dapat memberi tumpuan terhadap pengajaran jika pencahayaan terlalu tinggi atau terlalu rendah.

2. Suhu bilik darjah; kepanasan dan kesejukan serta kelembapan bilik darjah yang melampau akan mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran serta mengganggu proses komunikasi antara pelajar dan guru.

3. Pemilihan warna yang bersesuaian; Warna boleh memberi kesan terhadap perasaan pelajar dan guru di sekolah, begitu juga memberi kesan terhadap persekitaran pembelajaran secara keseluruhan. Warna boleh digunakan dalam bilik darjah boleh menunjukkan kehangatan dan kesejukan. Warna-warna yang boleh mengaktifkan atau meransang pelajar sangat sesuai digunakan namun warna-warna yang suram atau yang terlampau terang perlu dielakkan. Dinding bilik darjah yang diwarnakan dengan satu warna mungkin akan membangkitkan semangat dan tenaga serta persekitaran yang aktif.

4. Perabot dan aksesori dalam bilik darjah boleh mempengaruhi perasaan pelajar terhadap persekitaran kelas. Perabot yang kotor tidak menambah baik komunikasi antara pelajar dan guru. Guru dan pelajar boleh menambah baik persekitaran bilik darjah dengan meminta mereka membawa artifak yang bersesuaian dan tidak berat. Rekabentuk ringan menggalakkan pelajar

memberi perhatian terhadap guru dan pembelajaran serta menghantar mesej keselesaan dan sambutan yang baik.

5. Peranan guru dalam mewujudkan persekitaran dengan membenarkan para pelajar mengambil bahagian dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru yang membenarkan pelajar bercakap dianggap oleh pelajar sebagai respon kepada keperluan mereka, lebih mesra dan mudah didekati. Penyertaan pelajar adalah sangat perlu untuk perkembangan dan pembangunan mereka. Guru perlu menentukan situasi di mana pelajar boleh bercakap tanpa ditegur. Latihan dalam kumpulan, projek, atau aktiviti seumpamanya membenarkan pelajar bercakap tanpa mengurangkan kandungannya. Sudah tentu guru tidak perlu menggunakan aktiviti seperti itu bagi kandungan tetapi sebagai satu cara untuk kandungan pengajaran.

   Membenarkan interaksi berkesan antara pelajar dan guru akan mengeratkan komunikasi antara keduanya. Bercakap juga boleh digunakan sebagai ganjaran di atas sikap yang baik. Jika pelajar duduk dan dengar, mengambil nota yang sepatutnya jadi guru harus memberi tugasan latihan berkumpulan atau membuka ruang kepada pelajar untuk perbincangan dalam kelas. Memberikan masa untuk pelajar bercakap bermakna memberi peluang kepada pelajar untuk berehat dan mengurangkan tekanan dan membuatkan mereka merasai persekitaran bilik darjah yang lebih baik. Walaubagaimana pun, mereka yang tidak mahu bercakap jangan dipaksa dan dihukum.

6. Susun atur tempat duduk dalam bilik darjah: Penyusunan tempat duduk secara optimum mengikut jenis-jenis pengajaran yang berbeza perlu diberi perhatian. Penyusunan barisan dan jajaran secara tradisional sangat berguna ketika

mengajar mendengar, mengambil nota dan syarahan. Duduk secara modular bagus kepada interaksi pelajar secara berkumpulan. Penyusunan seperti ini akan membolehkan guru bergerak dari satu kumpulan kepada kumpulan lain untuk memberi bantuan. Penyusunan kedudukan dalam bentuk bulatan, ladam kuda, empat segi terbuka sangat berguna untuk menggalakkan perbincangan antara pelajar dan guru dalam bilik darjah. Guru yang menggunakan penyusunan di atas dalam situasi pembelajaran yang berbeza akan menambahkan lagi minat dan komunikasi antara pelajar dan guru.

Kesimpulannya, guru yang menggunakan ruang yang optimum akan diminati oleh pelajar. Guru yang mengambil berat tentang persekitaran bilik darjah akan dapat mempengaruhi pelajar. Kreatif dalam menggunakan ruang, susunan tempat duduk, warna, bunyi, bising, suhu dan perabot akan menambah baik komunikasi antara pelajar dan guru.

2.6.9 Olfaktik (Bau)

Menurut Richmond dan McCroskey (2000) Bau seseorang yang merembes keluar boleh mendekatkan dan menjauhkan seseorang. Guru hendaklah mengelakkan dirinya daripada memakai bauan yang terlalu kuat dalam kelas. Bau yang kuat boleh memberi kesan kepada perhatian, pembelajaran dan kesihatan pelajar. Sesetengah pelajar alergik dan tidak boleh berada dekat dengan bau wangian yang kuat. Guru hendaklah sensitif tentang perkara ini.

2.6.10 Kronemik (Masa)

Richmond dan McCroskey (2000) berpendapat bahawa Guru hendaklah menyusun aktiviti bagi memenuhi keperluan masa belajar pelajar. Jadual yang tidak fleksibel akan mendatangkan keburukan kepada keseluruhan pelajar. Oleh itu, guru perlu sensitif dengan jadual kegiatan pelajar. Semampu yang mungkin, guru perlu mempelbagaikan masa subjek yang diajar dan ujian diberi. Jadual yang rigid menjadikan organisasi lebih sempit. tetapi jika mereka tidak disesuaikan dengan perbezaan pelajar, mereka tidak adalah alat untuk pengajaran yang berkesan atau ujian.

Guru perlu mengelak daripada menghukum pelajar dengan mengambil masa rehat. Guru yang tidak mempedulikan dan berwaspada dengan perkara ini mungkin mengakibatkan mereka menghukum diri sendiri. Pelajar yang diambil masa rehatnya akan menyebabkan mereka melakukan masalah-masalah yang lebih besar. Ini disebabkan mereka telah kehilangan peluang untuk membakar lebihan tenaga mereka. Kadang-kadang memberi kesempatan untuk berehat beberapa minit akan menyelamatkan banyak minit masa pembelajaran. Guru perlu membenarkan masa berehat dan masa bercakap. Jika pelajar menyiapkan projek lebih awal. Biarkan mereka melakukan apa yang mereka mahu pada masa itu. ini juga membantu mengajar mereka lebih bertanggungjawab.

Guru yang menggunakan masanya dengan bijak mempunyai bilik darjah dan pelajar yang kurang bermasalah serta mendapati pelajar akan belajar dengan lebih baik. Guru mesti sensitif tentang keperluan masa belajar pelajar (Richmond dan McCroskey, 2000).

Richmond dan McCroskey (2000) menyarankan supaya pengajar membuat pembaharuan dan kreatif untuk mengambil perhatian pelajar. Pengajar boleh

menggunakan masa untuk memahami pelajar mereka dengan lebih baik dan untuk membuat persiapan pelajaran yang lebih berkesan.

2.7 Komunikasi Nonverbal Al Quran Untuk Pengajaran

Al Quran merupakan kalam Allah swt. yang mencakupi dan meliputi segala bidang ilmu pengetahuan. Para ulama' dan ilmuan tidak pernah jemu menelaah dan mengkaji al Quran. Mereka menemukan pelbagai maklumat dalam pelbagai disiplin ilmu pengetahuan,teori-teori,hukum-hakam dalam pelbagai aspek seperti ilmu astronomi, fizik, kimia, biologi, kedoktoran, ekonomi dan linguistik (Ahmad, 2003).

Penerokaan terhadap ilmu pengetahuan yang terdapat dalam al Quran al Karim tidak berkesudahan hingga ke hari ini. Tidak syak bahawa al Quran juga merupakan sumber ilmu yang berkaitan dengan sains kemanusiaan khususnya yang berkait dengan komunikasi. Di mana Pengkajian al Quran akan membantu kita memahami sikap dan kehidupan manusia serta mendalami sesuatu yang di luar batasan deria atau pancaindera seperti roh, hidup dan mati.

Ayat-ayat al Quran yang berbentuk tulisan adalah salah satu bentuk komunikasi. Menurut Asmah Haji Omar (1989), Bahasa bertulis adalah satu bentuk komunikasi. Komunikasi dalam al Quran merupakan komunikasi yang berlaku sama ada antara Allah dengan manusia, manusia sesama manusia, manusia dengan makhluk Allah yang lain. Banyak Ayat al Quran yang menunjukkan wujudnya komunikasi nonverbal.

Tidak banyak kajian yang dilakukan oleh sarjana Islam khususnya dalam kajian nonverbal al Quran. Menurut kajian Ahmad (2003) mendapati bahawa terdapat 4480 ayat atau 72 peratus daripada keseluruhan ayat-ayat al Quran terlibat dengan

komunikasi nonverbal. Ini adalah jumlah yang besar yang menunjukkan bahawa Allah swt memberi perhatian dan meletakkan komunikasi nonverbal pada kedudukan yang tinggi. Oleh kerana itu, umat Islam perlu memberi perhatian yang serius dan penekanan yang khusus dalam aspek komunikasi nonverbal ini.

Menurut Mohd Farid Mohd Sharif (2009) terdapat lima bentuk komunikasi yang berlaku antara Allah swt dan para nabinya di dalam al Quran, tiga daripadanya dalam bentuk nonverbal iaitu dalam bentuk inspirasi, melalui fenomena alam semula jadi dan melalui fenomena sejarah. Manakala dua lagi bentuk verbal iaitu melalui perantaraan Jibril dan melalui perantaraan hijab.

Menurut Rabayi'ah (2010), pemerhatian dan kajian terhadap ayat-ayat al Quran mendapati istilah bahasa badan banyak digunakan pakai dalam al Quran. Bahasa badan merupakan salah satu daripada komponen komunikasi nonverbal.

Pengkaji telah menganalisis keseluruhan ayat-ayat al Quran yang mengandungi saluran nonverbal dan mengumpulkannya. Saluran-saluran nonverbal al Quran yang dihimpunkan itu telah dibuat tapisan supaya nonverbal al Quran yang sesuai dengan pengajaran dan pembelajaran dikeluarkan dan disaring untuk digunakan dalam MPKNVQ yang akan dibentuk. Pengkaji mendapati saluran nonverbal yang telah digariskan oleh Richmond dan McCroskey (2000) adalah amat sesuai untuk dijadikan landasan pemilihan nonverbal al Quran, di mana mereka mengemukakan sepuluh saluran nonverbal yang perlu digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah iaitu penampilan fizikal, gestur, ekspresi wajah, okulesik (kontak mata), vokalik (paralinguistik atau tingkah laku suara), proksemik (ruang dan jarak), haptik (sentuhan), enviromen (persekitaran bilik darjah), olfaktik (bau) dan kronemik (masa).

2.7.1 Penampilan Fizikal

Kamarul Azmi Jasmi, (2010) berpendapat, guru yang cemerlang perlu mempunyai penampilan fizikal yang menarik supaya tampak hebat dan bergaya. Menurut Hill, Watson, Rivers, & Joyce (2007), penampilan fizikal guru seperti pemilihan pakaian, warna, fesyen rambut dan lain-lain adalah penting dan perlu diberi perhatian kerana ia merupakan faktor yang mempengaruhi rupa luaran kerana ia boleh merubah reaksi fisiologikal, pandangan dan tafsiran orang ramai. Menurut Mohd Kassim Tusin (2010), guru dikehendaki berpakaian kemas supaya kehebatan dirinya sebagai seorang pendidik terserlah. Malah menurut Sidek Mohd Noah, Abdul Malek Abdul Karim & Wan Marzuki Wan Jaafar (2009) pula cara berpakaian adalah antara ciri personaliti guru yang boleh mempengaruhi sikap dan sahsiah murid.

Menurut Kuruc (2008), pakaian perlu dilihat pada dua aspek iaitu denotatif [*denotative*] dan konotatif [*connotative*]. Pada aspek denotatif, pakaian hanyalah merupakan pelindung daripada sesuatu tetapi pada aspek konotatif pula pakaian mengkomunikasikan banyak maklumat tentang seseorang seperti taraf hidup, kerjaya dan sosioekonomi. Pakaian boleh menunjukkan kredibiliti seseorang dan mesej pakaian dibuat berdasarkan ciri-ciri tertentu seperti jenis fabrik, warna, stail dan tekstur (Richmond & McCroskey, 2000). Oleh hal demikian, eksekutif korporat antarabangsa begitu mementingkan soal penampilan kerana mereka memahami kesan pengaruh pakaian dalam pembentukan komunikasi interpersonel yang positif (Abdullah Hassan & Ainol Mohd, 2000a).

Di dalam al Quran terdapat beberapa ayat yang menggambarkan bahawa pakaian memainkan peranan yang penting dalam berkomunikasi. Ayat 79 surah al Qasas yang bererti: "*Kemudian Qarun keluar kepada kaumnya dengan memakai*

perhiasannya. (Pada saat itu) berkatalah orang-orang yang semata-mata inginkan kesenangan kehidupan dunia: "Alangkah baiknya kalau kita ada kekayaan seperti yang didapati oleh Qarun! Sesungguhnya dia adalah seorang yang bernasib baik" (Al-Qasas 28:79). Allah swt telah menerangkan tentang Qarun yang mempamerkan kemegahannya dalam bentuk pakaian dan perhiasan sehingga dapat mempengaruhi masyarakat yang melihatnya ketika itu sehingga masyarakat memandangnya hebat dan berharap agar mereka juga mendapat kekayaan dan kemegahan seperti yang diperolehi oleh Qarun.

Jelas sekali daripada ayat tersebut bahawa pakaian dan penampilan luaran memberi kesan dan dapat mempengaruhi orang lain. Para guru perlu mengambil peluang melalui penampilan untuk memandu manusia ke arah kebaikan dan kesan yang positif bukan sebagaimana yang dilakukan oleh Qarun.

Pakaian yang bersih merupakan sesuatu yang memberi kesan pada pemakainya dan orang melihat pemakainya. Seorang yang pengotor sama ada pada badannya atau pakaiannya akan hilang kewibawaan. Oleh sebab itu Allah swt memerintahkan supaya berpakaian dengan pakaian yang bersih. Allah swt berfirman yang bererti: "*Dan pakaianmu, maka hendaklah engkau bersihkan* (Al-Muddaththir 74:4). Pakaian bukan sahaja dikehendaki yang bersih tapi yang indah yang memaparkan keperibadian seseorang sehingga diyakini oleh orang melihatnya. Firman Allah swt yang bererti: *"Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas* (Al-A'raaf 7:31)*" (31/ Al A'raaf).*

Daripada perbincangan di atas, pengkaji membuat kesimpulan bahawa pakaian dan penampilan memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi diri

pemakainya dan orang yang melihatnya. Dalam kontak pengajaran seorang guru mestilah berpakaian dengan pakaian yang bersih, indah, segak dan kemas serta mengikut kesesuaian untuk memberi keyakinan kepada dirinya sendiri dan menggambarkan persepsi awal pelajar terhadap kewibawaannya dalam menyampaikan pengajaran. Dengan yang demikian para pelajar akan lebih bersedia untuk menerima pengajaran daripada guru.

2.7.2 Gerakan anggota badan (*Gesture*)

Ayat-ayat al Quran banyak memberi penerangan tentang bahasa isyarat dan pergerakan anggota badan. Al Quran membicarakan tentang Maryam ketika dia membawa membawa Nabi Isa a.s yang masih kecil di hadapan kaumnya yang menyebabkan dia dituduh melakukan perkara keji lalu beliau memberi isyarat kepada anaknya yang masih kecil supaya membersihkan tuduhan itu daripadanya. Perbuatan Siti Maryam ini disebut oleh Allah swt *"*Maka Maryam segera menunjuk kepada anaknya. Mereka berkata (dengan hairannya): "*Bagaimana kami boleh berkata-kata dengan seorang yang masih kanak-kanak dalam buaian?"(*Maryam 19:29). Dalam ayat di atas Maryam menggunakan bahasa isyarat tanpa menggunakan bahasa verbal yang biasa diucapkannya. Menurut Ahmad (2003) Isyarat di sini mengambil tempat bahasa verbal dan difahami oleh kaumnya serta mencapai maksud yang sama dengan bahasa verbal.

Dalam ayat yang lain Allah swt berfirman: *"Allah berfirman: "Tandamu itu ialah engkau tidak akan dapat berkata-kata dengan orang ramai selama tiga hari (tiga malam) melainkan dengan isyarat sahaja; dan ingatlah kepada Tuhanmu (dengan berzikir) banyak-banyak, dan bertasbihlah memuji Allah (dengan mengerjakan sembahyang), pada waktu malam dan pada waktu pagi*".(A-li'Imraan 3:41). Perkataan

‘*Ramzaa*’ bermaksud Isyarat dengan tangan atau kepala atau mata atau kening (Al-Nasafi, t.t). Isyarat yang dimaksudkan dalam kedua-dua ayat di atas adalah umum yang mencakupi seluruh anggota badan. Terdapat juga ayat-ayat yang menyebut isyarat anggota badan secara khusus seperti pergerakan tangan, jari, kepala dan kaki.

Antara pergerakan yang dinyatakan dalam al Quran ialah pergerakan tangan. Terdapat beberapa pergerakan tangan yang digambarkan oleh al Quran antaranya ialah membolak balikkan tangan, menggigit tangan atau jari, menampar muka, menutup mulut, berjabat tangan dan memasukkan jari dalam telinga.

Pergerakan membolak balikkan tangan dinyatakan dalam ayat 42 surah al Kahf yang bererti: *“Dan segala tanaman serta hartabendanya itupun dibinasakan, lalu jadilah ia membalik-balikkan kedua tapak tangannya (kerana menyesal) terhadap segala perbelanjaan yang telah dibelanjakannya pada kebun-kebunnya, sedang kebun-kebun itu runtuh junjung-junjung tanamannya; sambil dia berkata: "Alangkah baiknya kalau aku tidak sekutukan sesuatupun dengan Tuhanku!"*(Al-Kahfi 18:42). Gerakan membalak-balikan tangan disini menandakan penyesalan walaupun tanpa diiringi dengan ucapan sebagaimana yang digambarkan oleh Allah.

Terdapat juga Perbuatan menggigit tangan atau jari yang digambarkan oleh al Quran dalam ayat 27 surah al Furqaan yang bererti:*“ Dan (ingatkanlah) perihal hari orang-orang yang zalim menggigit kedua-dua tangannya (marahkan dirinya sendiri) sambil berkata: "Alangkah baiknya kalau aku (di dunia dahulu) mengambil jalan yang benar bersama-sama Rasul?*” (Al-Furqaan 25:27). Gigitan tangan atau jari itu menggambarkan bahawa pelakunya sangat kecewa atau menyesali perbuatannya.

Antara gerakan tangan yang dinyatakan al Quran ialah perbuatan menampar muka yang dilakukan oleh isteri Nabi Ibrahim a.s. perkara ini disebut oleh Allah swt dalam ayat 29 surah adz-Dzaariyaat yang bererti:*“ (Mendengarkan berita yang*

mengembirakan itu), maka datanglah isterinya sambil menjerit (kehairanan) lalu menepuk mukanya sambil berkata: "Aku sudah tua, lagi mandul, (bagaimana aku boleh mendapat anak)?"(Adz-Dzaariyaat 51:29). Perbuatan menampar muka dalam ayat ini menggambarkan kehairanan. Pergerakan ini adalah kebiasaan wanita Arab apabila mengingkari sesuatu (Ibn 'Adil, t.t.).

Gerakan menutup mulut dengan tangan dinyatakan oleh Allah swt. dalam surah Ibrahim ayat 9 yang bererti*"Mereka telah didatangi oleh rasul-rasul mereka dengan membawa keterangan-keterangan yang nyata, lalu mereka meletakkan tangan mereka ke mulut mereka sambil berkata: "Sesungguhnya kami kufur ingkarkan apa yang - mengikut dakwaan kamu - kamu diutus membawanya, dan sesungguhnya kami adalah dalam keadaan yang meragukan terhadap iman dan tauhid yang kamu ajak kami kepadanya"* (Ibrahim 14:9). Menurut Syed Qutb (1992) perbuatan menutup mulut menggambarkan pembohongan dan keraguan secara terang-terangan serta kebencian dengan cara yang tidak beradab.

Antara pergerakan tangan yang terdapat dalam al Quran ialah berjabat tangan. Gerakan ini dinyatakan oleh Allah swt dalam ayat 10 surah al Fath yang bererti:*"Sesungguhnya orang-orang yang memberi pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad - untuk berjuang menentang musuh), mereka hanyasanya memberikan pengakuan taat setia kepada Allah; Allah mengawasi keadaan mereka memberikan taat setia itu (untuk membalasnya). Oleh itu, sesiapa yang tidak menyempurnakan janji setianya maka bahaya tidak menyempurnakan itu hanya menimpa dirinya; dan sesiapa yang menyempurnakan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah, maka Allah akan memberi kepadanya pahala yang besar.*(Al-Fat-h 48:10) *".*

Cara berjanji setia dengan Rasul ialah meletakkan tangan Rasul di atas tangan orang yang berjanji itu. Salah satu cara orang yang berjanji setia biasanya ialah dengan berjabat tangan. Allah swt menceritakan keadaan ini dalam firmannya di atas. Maksud "*tangan Allah di atas mereka"* ialah untuk menyatakan bahawa berjanji dengan Rasulullah sama dengan berjanji dengan Allah. Jadi seakan-akan tangan Allah di atas tangan orang-orang yang berjanji itu. Hendaklah diperhatikan bahawa Allah Maha suci dari segala sifat-sifat yang menyerupai makhluknya. (*al Quran dan Terjemahannya ke Bahasa Indonesia*, 1419H.)

Memasukkan jari dalam telinga antara gerakan jari yang disebut dalam al Quran. Perkara ini dinyatakan oleh Allah swt dalam ayat 19 surah al Baqarah yang bererti *"Atau (bandingannya) seperti (orang-orang yang ditimpa) hujan lebat dari langit, bersama dengan gelap-gelita, dan guruh serta kilat; mereka menyumbat jarinya ke dalam telinga masing-masing dari mendengar suara petir, kerana mereka takut mati. (Masakan mereka boleh terlepas), sedang (pengetahuan dan kekuasaan) Allah meliputi orang-orang yang kafir itu*"(Al-Baqarah 2:19).

Isyarat meletakkan jari ke dalam telinga sebagaimana yang digambarkan oleh al Quran mengandungi dua makna iaitu untuk menunjukkan makna ketakutan dan penentangan. Dalam ayat di atas Allah swt menggambarkan keadaan ketakutan orang-orang munafik ketika mendengar ayat-ayat yang mengandung peringatan adalah seperti orang yang ditimpa hujan lebat dan petir. Mereka menyumbat telinga mereka karena tidak sanggup mendengar peringatan-peringatan Al Quran itu (*al Quran dan Terjemahannya ke Bahasa Indonesia*, 1419H.).

Pergerakan jari menutup lubang telinga ini bertujuan untuk menghalang pendengaran mereka daripada seruan Nabi. Perbuatan ini adalah isyarat bahawa mereka menentang dan menolak dakwah yang di sampaikan. Pengkaji membuat

kesimpulan bahawa pengerakan tangan dan jari yang telah dijelaskan boleh digunakan oleh guru dalam proses pengajaran berdasarkan situasi tertentu yang bersesuaian.

Al Quran menggambarkan beberapa pergerakan kepala seperti mengangkat kepala dalam keadaan hina dan khusyu', menundukkan kepala, memalingkan kepala dan menganggukkan kepala, perbuatan mengangkat kepala dinyatakan oleh Allah swt dalam surah Ibrahim ayat 43 yang bererti *"(Dalam pada itu) mereka terburu-buru (menyahut panggilan ke padang Mahsyar) sambil mendongakkan kepala mereka dengan mata tidak berkelip, dan hati mereka tidak bersemangat (kerana bingung dan cemas)*" (Ibrahim 14:43) . Menurut (al Raziy, 2000) Al Iqnaa' bermaksud mengangkat kepala sambil melihat dalam keadaan hina dan khusyu' apabila ditimpa bala.

Pergerakan menundukkan kepala telah dinyatakan oleh Allah swt dalam firmanya yang bererti *"Kemudian mereka terbalik fikirannya kepada kesesatan, lalu berkata: "Sesungguhnya engkau (hai Ibrahim), telah sedia mengetahui bahawa berhala-berhala itu tidak dapat berkata-kata (maka betapa engkau menyuruh kami bertanya kepadanya)?*" (Al-Anbiyaa' 21:65). Menurut Rabayi'ah (2010) menundukkan kepala adalah merujuk kepada perbuatan menunduk kepala yang sebenar dalam keadaan malu dan hina. Manakala Qurtubiy (2006) pula menafsirkannya dengan makna ingkar.

Pergerakan menggelengkan kepala telah dinyatakan oleh Allah swt dalam ayat 5 surah al Munaafiquun yangb bererti "Dan apabila dikatakan kepada mereka: " Marilah (bertaubat) supaya Rasulullah meminta ampun (kepada Allah) untuk kamu", mereka (enggan sambil) menggeleng-gelengkan kepalanya; dan engkau melihat mereka berpaling (dari bertaubat) serta mereka berlaku sombong angkuh"(Al-Munaafiquun 63:5). Allah swt telah menggambarkan keadaan orang-orang munafiq. Apabila Orang yang beriman menyuruh mereka datang kepada Rasulullah saw supaya

baginda memohon keampunan ke atas mereka, mereka menzahirkan pergerakan kepala untuk menunjukkan mereka menolaknya. Menurut al Mawardiy (t.t.) mereka mengerakkan kepala ke kanan dan ke kiri tanpa melihat orang yang bercakap dengan penuh rasa curiga.

Antara nonverbal yang terdapat dalam al Quran ialah pergerakan menganggukkan kepala. Perbuatan ini telah dinyatakan oleh Allah swt dalam ayat 51 surah al Israa' yang bererti *"Maka mereka akan menganggukkan kepala mereka kepadamu sambil bertanya secara mengejek: Bila berlakunya?" Katakanlah: "Dipercayai akan berlaku tidak lama lagi!"* (Al-Israa' 17:51). Qatadah berpendapat mereka mengangguk-anggukkan kepala ke atas dan ke bawah dalam keadaan mempersenda dan mempermainkan (Ibn Kathir, 1994).

Antara nonverbal al Quran yang dinyatakan oleh Allah swt dalam al Quran ialah pergerakan kaki. Perbuatann ini disebut oleh Allah swt dalam ayat 31 surah al Nuur yang bererti "*dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu Berjaya*" (An-Nuur 24:31). Pergerakan kaki dalam ayat ini bertujuan menarik perhatian. Wanita yang mengerakkan kakinya sehingga mengeluarkan bunyi gelang atau loceng yang dijadikan perhiasan untuk menarik perhatian orang yang ada di sekeliling supaya melihat kepadanya walaupun dia tidak berkata dengan lidahnya. Ini adalah perbuatan jahiliyyah yang diharamkan Islam kerana bahaya tersebarnya kekejian yang membangkitkan syahwat lelaki.

Syed Qutb (1992) menjelaskan bahawa ayat ini menegah wanita beriman melakukan pergerakan yang menzahirkan perhiasan yang tertutup, yang merangsang

hawa nafsu dan mengerakkan perasaan yang sedang tidur sekali pun perhiasan tersebut tidak diperlihatkan secara zahir.

2.7.3 Ekspresi Wajah

Terdapat dalam al Quran al Karim ayat-ayat yang menunjukkan ekspresi wajah manusia yang terpengaruh dengan situasi dan tingkah laku tertentu. Sebahagian ayat-ayat ini menggambarkan wajah-wajah orang yang mendapat kebahagiaan dan kecelakaan di hari akhirat. Wajah seseorang mampu menggambarkan perasaan atau emosi berikut: gembira, takut, kejutan,sedih, marah, benci dan sendaan (’Abdullah, 2005).

Antara komunikasi nonverbal al Quran yang berkaitan dengan wajah ialah wajah yang bercahaya, putih berseri, jernih dan lembut. Ciri-ciri wajah yang seperti ini memberi gambaran bahawa seseorang itu berada dalam kegembiraan. Gambaran wajah kegembiraan ini dinyatakan oleh allah swt dalam beberapa ayat al Quran di antaranya dalam ayat 38 dan 39 surah ‘Abasa yang bererti *“Muka (orang-orang yang beriman) pada hari itu berseri-seri, Tertawa, lagi bersuka ria*” ('Abasa 80:38-39). Menurut *Ibn Kathiir* (1994) kegembiraan tersebut bukan sekadar pada luaran wajah tetapi kegembiraan yang lahir dari hati nurani yang terpancar pada wajah. Wajah-wajah seperti ini adalah wajah mereka yang menjadi ahli syurga (Ibn Kathiir, 1994)

Dalam ayat 107 surah Ali ‘Imraan Allah menceritakan tentang wajah yang putih berseri yang bererti *“Adapun orang-orang yang telah putih berseri mukanya, maka mereka berada dalam limpah rahmat Allah (Syurga), mereka kekal di dalamnya*” (A-li'Imraan 3:107) Menurut al Baghawiy (1997) dalam menafsirkan perkataan: *’Ibyaddaad al Wujuuh’* dengan makna berseri-seri, keceriaan, kegembiraan kerana ilmunya dan mendapat ganjaran daripada Allah swt. Manakala al Qurtubiy

(2006) menyatakan bahawa wajah yang berseri-seri ini berlaku pada hari kiamat ketika bangkit dari kubur. Ada juga yang berpendapat wajah seperti ini berlaku semasa orang yang beriman membaca kitab catatan amal dan mendapati pahala kebajikannya mereka bergembira dan muka mereka berseri-seri.

Manakala dalam 11 surah *al Insaan* pula Allah swt menerangkan tentang wajah yang jernih yangbererti *"Dengan sebab (mereka menjaga diri dari kesalahan), maka Allah selamatkan mereka dari kesengsaraan hari yang demikian keadaannya, serta memberikan kepada mereka keindahan yang berseri-seri (di muka), dan perasaan ria gembira (di hati)*" (Al-Insaan 76:11). Menurut Ibn 'Asyur (2000) wajah yang jernih di sini ialah wajah yang sangat elok kesan daripada ni'mat dan kegembiraan kerana emosi dalam diri mereka melahirkan kesan kegembiraan pada wajah mereka.

Dalam ayat 8 surah *al Ghaasyiyah* Allah swt menyatakan wajah yang lembut atau *al Na'imah* yang bererti *"Sebaliknya) muka (orang-orang yang beriman) pada hari itu berseri-seri"*(Al-Ghaasyiyah 88:8). Menurut Rabayi'ah (2010) bahawa Allah menyifatkan wajah orang beriman sebagai wajah yang lembut kerana menerangkan keadaan mereka yang menyeronokkan, dalam kerehatan dan ketenangan hati. Wajah-wajah ini lahir dan terzahir kesan daripada wajah sahabat-sahabat mereka yang menunjukkan wajah mereka semulia-mulia wajah, sebaik-baik sifat, sehebat-hebat kecantikan untuk didengari oleh pendengar. Gambaran yang sangat tepat, ini tidak dapat disifatkan oleh manusia seumpamanya (Rabayi'ah, 2010).

Komunikasi nonverbal al Quran juga boleh didapati dalam bentuk wajah tunduk dalam keadaan khusyu'. Wajah seperti ini telah disebut oleh Allah swt dalam surah Taahaa ayat 111 yang bererti *"Dan segala muka akan tunduk dengan berupa hina kepada Allah Yang Tetap Hidup, lagi Yang Kekal Mentadbirkan makhluk selama-lamanya; dan sesungguhnya telah rugi dan hampalah orang yang menanggung dosa*

kezaliman" (Taha 20:111). Menurut Rabayi'ah (2010) keadaan wajah yang di sifatkan oleh Allah dalam ayat ini mempunyai makna yang mendalam, tepat dan berkesan. Kata beliau walaupun Allah Menyebut wajah yang merupakan sebahagian daripada anggota yang terdapat pada badan manusia tetapi yang dikehendaki oleh Allah ialah keseluruhan badan. Sebenarnya wajah yang khusyuk penuh harapan itu terzahir dari lubuk hati kemudian terukir pada wajah.

Terdapat juga komunikasi nonverbal al Quran yang berkaitan dengan wajah yang bersifat negatif. Antaranya wajah yang hitam kemuraman, wajah yang masam, dan wajah yang bersifat merah padam.

Antara komunikasi nonverbal melibatkan ekspresi wajah yang bersifat hitam kemuraman terdapat dalam ayat 106 surah Ali 'Imraan dimana Allah swt berfirman yang bererti "*Adapun orang-orang yang telah hitam legam mukanya, (mereka akan ditanya secara menempelak): "Patutkah kamu kufur ingkar sesudah kamu beriman? Oleh itu rasalah azab seksa neraka disebabkan kekufuran kamu itu"* (A-li'Imraan 3:106). Menurut Al Alusiy (t.t.) dalam menjelaskan bahawa muka yang hitam dalam ayat-ayat di atas adalah disebabkan ketakutan mereka terhadap azab yang akan ditimpakan ke atas mereka. Menurut Ibn Kathir (1994) ayat-ayat ini menceritakan suasana orang jahat dan berdosa pada hari kiamat.

Dalam ayat 24 surah *al Qiyamah*, Allah swt menyifatkan wajah orang orang kafir pada hari kiamat kelak akan menjadi masam (*Baasirah*). Sifat ini disebut oleh Allah swt dalam firmannya yangt bererti *"Dan pada hari itu, muka (orang-orang kafir) muram hodoh"* (Al-Qiaamah 75:24). Ibn Kathiir (1994) menyatakan bahawa muka orang yang jahat pada hari kiamat akan masam. Manakala Ibn Manzur (t.t.) menjelaskan bahawa muka orang yang ingkar akan masam berkerut kerana mereka telah yakin dengan azab Allah swt yang akan menimpa mereka.

Pemerhatian terhadap ayat-ayat ini mendapati bahawa terdapat ekspresi wajah yang unik dan kesan yang mendalam di mana orang kafir yang jauh daripada Allah berubah wajah mereka menjadi hitam kerana rasa keterhinaan, sedih dan muram. Allah menyatakan dalam ayat 58 surah al Nahl swt ekspresi wajah yang menunjukkan rasa keterhinaan iaitu dengan perkataan kehitaman *(Muswaddan)* yang bererti "*Dan apabila dikhabarkan kepada seseorang dari mereka bahawa ia beroleh anak perempuan, muramlah mukanya sepanjang hari (kerana menanggung dukacita), sedang ia menahan perasaan marahnya dalam hati*" (Al-Nahl 16:58). Maksud wajah mereka berubah menjadi hitam ialah bilamana dia diberi khabar tentang kelahiran anaknya yang perempuan, mukanya menjadi merah padam karena malu dan amat marah, padahal dia sendiri mengatakan bahawa Allah mempunyai anak perempuan.

Dalam al Quran terdapat ekspresi wajah yang menggambarkan wajah kehambaan Yang Baik. Ekspresi seperti ini dinyatakan oleh Allah swt dalam firmannya yangb bererti*"Tanda yang menunjukkan mereka (sebagai orang-orang yang soleh) terdapat muka mereka - dari kesan sujud (dan ibadat mereka yang ikhlas*"(Al-Fat-h 48:29).

Menurut Ibn 'Abbaas r.a tanda pada muka orang yang beriman ialah tanda baik, khusyu' dan tawadu' dan makna sujud pula ialah sujud yang melahirkan khusyu' dan tanda yang baik yg dikenali mereka dengannya. (Ibn 'Aadil, t.t). Pendapat lain pula menyatakan bahawa bekas sujud ialah pada air muka mereka kelihatan keimanan dan kesucian hati mereka. (al Quran terjemahan ke bahasa Indonesia, 2009)

Wajah pendoa yang berharap merupakan salah satu ekspresi wajah yang terdapat dalam al Quran. Wajah sebegini dinyatakan oleh Allah swt dalam firmannya yang bererti *"Kerap kali Kami melihat engkau (wahai Muhammad), berulang-ulang menengadah ke langit, maka Kami benarkan engkau berpaling mengadap kiblat yang*

engkau sukai" (Al-Baqarah 2:144). Maksudnya ialah Nabi Muhammad s.a.w. sering melihat ke langit berdoa dan menunggu-nunggu turunnya wahyu yang memerintahkan beliau menghadap ke Baitullah (al Quran terjemahan ke bahasa Indonesia, 2009). Al Sa'diy (2000) menjelaskan bahawa Allah swt berfirman *"berulang-ulang menengadah ke langit,"* adalah disebabkan Nabi saw berulang-ulang kali memandang ke atas dan ke arah Baitullah kerana sangat mengharapkan turunnya wahyu yang memerintahkan supaya melakukan perubahan kiblat. Rasulullah saw menghadap dan berdoa secara diam dan tidak menggunakan perkataan dengan cara melemparkan pandangan dan hati baginda ke langit dengan harapan diperintah berpindah kiblat oleh Allah (Usamah, 2011).

2.7.4 Okulesik (Kontak Mata)

Al Quran banyak menerangkan tentang mata dan sifat mata seperti menangis, terbelalak, khianat, pandangan memperkecil, menghina, mengaibkan, pandangan penuh tumpuan, pandangan tajam, pandangan tidak tetap, pandang ke bawah, pandangan berulang kali sambil berfikir, pandangan mata terbuka dan tercengang, saling berpandangan, pandangan lesu, pandangan mengaibkan dengan isyarat dan kenyitan mata.

Terdapat beberapa ayat yang menceritakan mata yang menangis dalam al Quran yang boleh disimpulkan membawa makna berikut iaitu mata yang menangis kerana membenarkan dan mata yang menangis kerana kesedihan.

Antara ayat yang membawa makna yang pertama ialah firman Allah swt yang bererti "Dan apabila mereka mendengarkan apa yang diturunkan kepada Rasul (Muhammad), kamu Lihat mata mereka mencucurkan air mata disebabkan kebenaran (Al Quran) yang telah mereka ketahui (dari Kitab-Kitab mereka sendiri….."(83/al

Maa'idah). Menurut Syed Qutb (1987), apabila orang yang beriman mendengar ayat al Quran yang diturunkan kepada Rasulullah saw, gementar perasaan mereka, lembut hati mereka dan bergenanglah air mata mereka sebagai ganti ungkapan kesan dari kebenaran yang didengari. Tidak ada ungkapan yang terbaik melainkan mengalirkan air mata. Suatu keadaan dan kesan yang mendalam yang lahir dari dalam jiwa apabila mendengar kebenaran, yang tidak terucap dengan perkataan.

Manakala mata yang menangis kesedihan pula digambarkan oleh Allah swt dalam ayat berikut "mereka kembali, sedang mata mereka bercucuran air mata karena kesedihan, lantaran mereka tidak memperoleh apa yang akan mereka nafkahkan" (92/al Tawbah). Maksudnya mereka bersedih hati karena tidak mempunyai harta yang akan dibelanjakan dan kenderaan untuk membawa mereka pergi berperang (al Quran terjemahan ke bahasa Indonesia, 2009). Menurut al Qurtubiy (2006) menangis dalam ayat ini menggambarkan kesedihan yang amat mendalam sehingga mengalirkan air mata kerana tidak dapat memberi sumbangan dalam jihad pada jalan Allah. Dalam suasana seperti ini menangis adalah ungkapan yang mengatasi ucapan dengan kata-kata.

Terdapat satu ayat al Quran yang menyebut tentang tangisan dusta atau berpura-pura menangis namun tidak disertai dengan lafaz mata. Firman Allah swt. yang bererti *"Dan sesudah itu datanglah mereka mendapatkan bapa mereka pada waktu senja sambil (buat-buat) menangis*" (Yusuf 12:16). Ayat ini menceritakan tangisan pura-pura adik-beradik Nabi Yusuf a.s setelah mereka menghumbankan Yusuf a.s ke dalam perigi dan meninggalkannya di situ dan kembali bertemu bapa mereka Nabi Yaakuub as. untuk meyakinkan ayahnya bahawa nabi Yusuf telah dibaham serigala.

Mata Yang Terbelalak adalah salah satu komunikasi nonverbal yang melibatkan mata. Keadaan mata yang sedemikian menunjukkan seseorang itu berada dalam ketakutan. Keadaan mata begini dinyatakan oleh Allah swt dalam ayat 19 surah al Ahzab yang bererti "*Engkau melihat mereka memandang kepadamu (wahai Muhammad, meminta pertolonganmu) dengan keadaan mata mereka berputar seperti orang yang pengsan semasa hampir mati*" (Al-Ahzaab 33:19). Pemerhatian terhadap ayat ini mendapati golongan munafiq berada dalam keadaan takut untuk berjihad dan berperang. Menurut Usamah (2011), mereka memandang Rasulullah saw dalam keadaan mata hitam mereka berpusing-pusing seperti orang sedang nazak dan berhadapan dengan sakaratul maut. Terkadang mereka memandang ke setiap arah, terkadang pula mereka menetapkan pandangan tidak mengetahui apa yang berlaku di sekelilingnya. Orang yang memerhati gelagak mereka mengetahui bahawa mereka dalam ketakutan, keresahan dan kebimbangan. Kesan yang sangat mendalam yang digambarkan oleh Allah swt. (Usamah, 2011)

Pengkaji mendapati komunikasi nonverbal yang melibatkan kontak mata yang unik terdapat dalam al Quran. Keterangan al Quran tentang kontak mata lebih terperinci. Antaranya mencuri pandang (pandangan khianat). Al Quran menjelaskan perkara ini dalam firman Allah swt. yang bererti *"Allah mengetahui pengkhianatan (penyelewengan dan ketiadaan jujur) pandangan mata seseorang, serta mengetahui akan apa yang tersembunyi di dalam hati*"(Ghaafir 40:19). Maksud pandangan mata yang khianat adalah pandangan yang dilarang seperti memandang kepada wanita yang bukan mahramnya. (al Quran terjemahan ke bahasa Indonesia, 2009).

Ibn 'Abbaas memberi komentar tentang ayat ini dengan katanya "seorang lelaki masuk ke dalam rumah dan terdapat seorang wanita cantik dalam rumah tersebut melintas berdekatan dengan lelaki tersebut, apabila keluarga tuan rumah lengah, lelaki

itu memerhati wanita tersebut, apabila disedari oleh tuan rumah lelaki itu menahan pandangan matanya, begitulah keadaan lelaki bila lengah dan bila disedari tuan rumah (Ibn Kathiir, 1994). Menurut Usamah (2011) mata yang khianat Ini ialah mata yang mencuri pandang sambil menundukkan kepala, yang menunjukkan bahawa orang yang berbuat demikian bertujuan menyembunyikan pandangannya itu dari orang lain di sekelilingnya. Allah swt menggambarkan lafaz ini dengan gaya sangat berkesan sehingga pendengar merasakan betapa buruknya perbuatan itu dan menjauhkannya.

Antara kontak mata yang dinyatakan oleh al Quran ialah pandangan menghina, memperkecil dan mengaibkan. Ini berdasarkan firman Allah swt dalam surah Huud ayat 31 yang bererti *" aku juga tidak berkata terhadap orang-orang yang beriman yang kamu pandang hina itu, bahawa Allah tidak akan memberi kebaikan kepada mereka"* (Hud 11:31). Ucapan ini dikeluarkan oleh Nabi Nuh a.s kepada kaumnya yang kufur di mana mereka telah memperkecilkan dan menghina orang faqir yang beriman, mereka menggunakan pergerakan mata dengan tujuan menghina dan memperkecilkan orang yang beriman.

Pandangan Penuh Tumpuan atau Memanjangkan pandangan (*laa tamuddanna 'ainainaaka*) adalah salah satu kontak mata yang disebut dalam al Quran dalam ayat 131 surah Taahaa yang bererti "*Dan janganlah engkau menujukan pandangan kedua matamu dengan keinginan kepada apa yang telah Kami berikan kepada beberapa golongan dari mereka yang kafir itu menikmatinya, yang merupakan keindahan kehidupan dunia ini, untuk Kami menguji mereka padanya; sedang limpah kurnia Tuhanmu di akhirat lebih baik dan lebih kekal"*(Taha 20:131). Menurut Syed Qutb (1987) mata tidak memanjang tetapi pandangan yang memanjang iaitu menghalakan pandangan dalam dalam tempoh yang agak lama. Allah swt memberi gambaran pandangan yang berpanjangan kepada keseronokan dunia dengan menyebut

memanjangkan mata yang merupakan gambaran baru apabila digambarkan oleh orang yang berimiginasi.

Perkataan *Layuzliquunaka bi absaarihim* atau pandangan tajam pula dinyatakan oleh Allah swt dalam ayat 51 surah al Qalam yang bererti"*Dan sesungguhnya orang-orang yang kafir itu, hampir-hampir menggelincir dan menjatuhkanmu dengan pandangan mereka (yang penuh dengan permusuhan dan kebencian)*"(Al-Qalam 68:51). Menurut kebiasaan yang terjadi di tanah Arab, seseorang dapat membinasakan binatang atau manusia dengan menujukan pandangannya yang tajam. hal ini hendak dilakukan pula kepada Nabi Muhammad s.a.w., tetapi Allah memeliharanya, sehingga terhindar dari bahaya itu, sebagaimana dijanjikan Allah dalam surat Al Maidah ayat 67. Kekuatan pandangan mata itu pada masa sekarang dikenal dengan hypnotisme (al Quran terjemahan ke bahasa Indonesia, 2009). Ayat ini menunjukkan kemarahan, kebencian dan kedengkian orang kafir melalui pandangan mereka terhadap Rasulullah saw.

Allah swt menyebut tentang kontak mata yang merujuk kepada pandangan yang tidak tetap dengan lafaz *Zaaghati al Absaar.* Lafaz ini dirakankan oleh Allah swt dalam ayat 10 surah al Ahzaab yang bererti "*dan masa itu ialah masa pemandangan mata kamu tidak berketentuan arah (kerana gempar dan bingung) serta hati pun resah gelisah (kerana cemas takut), dan kamu masing-masing pula menyangka terhadap Allah dengan berbagai-bagai sangkaan*"(Al-Ahzaab 33:10). Menurut Ibn Manzoor (1990) pandangan dalam ayat ini bermaksud cenderung dari tempatnya sebagaimana seseorang menjauhkan pandangan ketika ketakutan (Ibn Manzoor, 1990). Gambaran keadaan ketakutan, kesusahan dan kesempitan orang yang beriman ketika berhadapan dengan tentera Ahzaab yang tidak mampu ditanggung dan tidak dijangka. Pandangan

yang memberi kesan mendalam yang menunjukkan tahap ketakutan yang amat sangat (Syed Qutb, 1987).

Pandangan ke bawah adalah kontak mata yang disebut dalam al Quran pada ayat 43 surah al Qalam. Pandangan ini menggambarkan seseorang itu berada dalam kehinaan. Pandangan ke bawah ini diceritakan oleh Allah swt dalam firmannya yang bererti *"Sambil pandangan mereka tunduk malu, serta mereka diliputi kehinaan; dan sesungguhnya mereka (di dunia) dahulu telahpun diseru supaya sujud (tetapi mereka enggan) sedang mereka dalam keadaan sihat*"(Al-Qalam 68:43). Allah swt menerangkan keadaan orang kafir dalam kehinaan dan patah semangat ketika berhadapan dengannya ketika dihisab amalan mereka. Mata-mata mereka tertunduk ke bumi tidak berkelip dan badan mereka tidak bergerak. Ini adalah kerana mereka telah mendustakan hisab dan melakukan perkara yang dilarang oleh Allah swt.

Pengulangan pandangan merupakan satu bentuk kontak mata yang dinyatakan dalam al Quran. Lafaz yang digunakan ialah *Irji'i al Basara Karratain*. Pandangan Berulang Kali Sambil Berfikir ini disebut oleh al Quran dalam ayat 3 dan 4 surah al Mulk yang bererti*" (jika engkau ragu-ragu) maka ulangilah pandangan - (mu) - dapatkah engkau melihat sebarang kecacatan? Kemudian ulangilah pandangan (mu) berkali-kali, nescaya pandanganmu itu akan berbalik kepadamu dengan hampa (daripada melihat sebarang kecacatan), sedang ia pula berkeadaan lemah lesu (kerana habis tenaga dengan sia-sia)*"(Al-Mulk 67:3-4). Pandangan dalam ayat ini adalah pengulangan pandangan yang diringi dengan berfikir dan mengambil iktibar yang membuktikan keagungan dan kesempurnaan penciptanya iaitu Allah swt.

Kontak mata dalam bentuk pandangan mata terbuka dan tidak berkedip kerana tercegang dan terkejut terdapat dalam al Quran dengan menggunakan lafaz *Shaakhisatun Absaar*. Ayat yang menjelaskan bentuk pandangan seperti ini ialah ayat

97 surah al Anbiyaa' yang bererti "*Dan hampirlah datangnya janji hari kiamat yang benar, maka dengan serta-merta pandangan mata orang-orang yang kufur ingkar terbeliak (sambil berkata dengan cemas)*" (Al-Anbiyaa' 21:97). Menurut al Zubaydiy (t.t.) maksud pandangan dalam ayat ini ialah terbuka mata dan tidak berkedip. Menurut Al Sya'rawi pandangan yang berlaku apabila melihat sesuatu yang tidak dijangkakan lalu dia memandang dalam keadaan terkejut tidak dapat menggerakkan kening atas dan tidak berkedip (al Sya'rawiy, 1991).

Kontak mata dalam bentuk pandangan dengan mata terbuka, ternganga mulut dan tidak bergerak kening dinyatakan oleh al Quran dengan lafaz *Bariqa al Basar*. Pandangan seperti ini disebut oleh al Quran dalam ayat 7 surah al Qiyaamah yang bererti "*Maka (jawabnya: hari kiamat akan datang) apabila pemandangan menjadi terpendar-pendar (kerana gerun takut)"*(Al- Qiyaamah 75:7). Menurut Usamah (2011) seseorang yang berimaginasi dapat membayangkan apa yang berlaku kepadanya dalam keadaan terbuka matanya, ternganga mulutnya dan tidak tergerak keningnya kerana ketakutan dan ternyata benarnya janji Allah swt terhadap apa yang mereka dustakan di dunia dahulu. Pandangan pergerakan mata yang digambarkan dalam ayat ini sangat mendalam bagi orang yang mendengarnya. Menurut al Manaawiy pandangan dalam ayat di atas bermaksud kekeliruan mata kerana kerana terlalu takut.

Saling berpandangan adalah salah satu kontak mata yang dinyatakan oleh al Quran. Allah swt menggunakan lafaz *Nazara ba'dhuhum ilaa ba'dh* bagi menggambarkan keadaan kehairanan melalui kontak mata. Keadaan kontak mata ini disebut oleh al Quran dalam ayat 127 surah al Tawbah yang bererti "*Dan apabila diturunkan satu surah dari al Quran (mendedahkan keburukan orang-orang munafik itu) setengah mereka memandang kepada setengah yang lain sambil berkata: adakah*

sesiapa nampak kamu (kalau kita undur dari sini?)" (At-Taubah 9:127). Allah swt mendedahkan sifat orang munafik sehingga mereka saling berpandangan antara satu sama lain dalam keadaan kehairanan dan tertanya-tanya melalui kontak mata bukan dengan lidah mereka.

Kontak mata yang bersifat lesu juga disebut oleh Al Quran menggunakan lafaz Torfin Khafiyy. Allah swt telah menyebut sifat kontak mata yang lesu ini dalam ayat 45 surah al Syuraa yang bererti "*Dan kamu akan melihat mereka dihadapkan ke neraka dalam keadaan tunduk karena (merasa) hina, mereka melihat dengan pandangan yang lesu*" (Asy-Syuura 42:45). Al Quran menggambarkan keadaan manusia yang kerugian, yang yakin akan dihumbankan ke dalam neraka. Keadaan itu menjadikan mereka mengerakkan kening mata dalam keadaan hina dan tunduk. Mereka mencuri pandang dengan harapan tiada orang yang melihat mereka dalam ketakutan kepada api neraka.

Pandangan mengaibkan dengan isyarat mata, kepala dan bibir serta bisikan merujuk kepada kontak mata yang nyatakan oleh al Quran dengan lafaz *Humazah dan al Lumazah*. Kontak mata yang bersifat begini dinyatakan oleh al Quran dalam ayat 1 surah al Humazah yangt bererti "*Kecelakaan besar bagi tiap-tiap pencaci, pengeji*" (Al-Humazah 104:1). Pencaci dan pengeji dalam ayat ini merujuk kepada kontak mata. Perkataan al Humazah atau '*al Hamz*' merujuk kepada perbuatan mata dengan tujuan memperkecil dan mempersendakan seseorang al Syanqitiy (1995).

Menurut Ibn 'Aasyuur (2000) pula perkataan ini bermaksud mengaibkan seseorang dengan menggunakan isyarat mata atau mulut atau kepala sama ada ketika berhadapan atau membelakanginya. Perkataan '*al Lamz*' pula bermaksud mengaibkan seseorang dengan isyarat mata kepala dan bibir disertai bisikan yang perlahan. Kedua-dua istilah ini membawa makna mengaibkan orang lain dengan isyarat mata disertai

dengan dahi, kadang-kadang disertai dengan pergerakan kepala, bibir dan mulut. Perbuatan ini menggambarkan sikap buruk atau kelemahan iman pelakunya.

Kontak mata yang bersifat menghina dengan isyarat mata, dahi dan kening atau kenyitan disebut dalam al Quran dengan lafaz *al Ghamz*. Penyataan ini diungkapkan oleh al Quran dalam ayat 30 surah al Mutaffifiin yang bererti *"Dan apabila orang-orang yang beriman lalu dekat mereka, mereka mengerling dan memejam celikkan mata sesama sendiri (mencemuhnya)*"(Al-Mutaffifiin 83:30). Ibn Manzoor (1990) menjelaskan bahawa makna*'al Ghamz'* ialah istilah yang digunakan untuk isyarat mata, dahi dan kening. Menurut Syed Qutb (1997) *'al Ghamz'* ialah kenyitan mata yang berlaku yang disertai isyarat tangan atau pergerakan yang mereka saling mengetahuinya dengan tujuan mempersendakan orang-orang yang beriman.

2.7.5 Vokalik (Paralinguistik)

Pengkaji mendapati di dalam al Quran terdapat bentuk-bentuk paralinguistik yang menunjukkan kebosanan, kesakitan, meninggikan suara dengan penuh penghinaan diri, suara perlahan, bunyi hembusan nafas dan tarik nafas, teriakan, bunyi jilatan, bunyi tepukan dan siulan, teguran dan sebagainya. Bunyi-bunyi suara ini agak sukar digambarkan dengan tulisan oleh yang demikian pengkaji kadang-kadang menggunakan istilah yang sama yang dinyatakan al Quran.

Vokalik yang berbentuk suara 'Ah' adalah salah satu komunikasi nonverbal yang terdapat al Quran. Al Quran menggunakan lafaz *Uffin* untuk menjelaskan ucapan atau suara yang tidak layak digunakan oleh seorang anak terhadap kedua ibubapa mereka. Perkataan ini disebut oleh Allah swt dalam ayat 23 surah al Israa' yang bererti "*maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "aH", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka,*

tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)"(Al-Israa' 17:23). Mengucapkan kata 'Ah' kepada kedua ibubapa ditegah oleh Islam apalagi mengucapkan kata-kata atau memperlakukan mereka dengan lebih kasar daripada itu (al Quran terjemahan ke bahasa Indonesia, 2009). Menurut Ibn Manzoor (1990) perkataan *'Uffin'* dalam ayat di atas ialah suara yang dikeluarkan yang menunjukkan kebosanan dan kebencian.

Suara '*Al Ta'awwuh*' ialah ialah suara yang bersifat belas kasihan ke atas diri sendiri dan kepada orang lain ketika berdoa. Kebiasaannya suara ini terbit ketika berdoa kepada Allah swt. dalam keadaan khusyuk. Al Quran menggunakan lafaz *Awwaah* yang merujuk kepada Suara *al Ta'awwuh*. Allah swt menyifatkan Nabi Ibrahim as mempunyai suara *al Ta'awuh* yang diungkapkan oleh Allah swt dalam ayat 75 surah Hud yang bererti *"Sesungguhnya Ibrahim itu benar-benar seorang yang Penyantun lagi penghiba dan suka kembali kepada Allah"* (Hud 11:75). Ibn 'Aasyuur (2000) menyatakan perkataan *'Awwaah'* dalam ayat di atas kembali kepada kasihan belas ke atas diri sendiri yang menyebabkan seseorang memohon sesuatu dan beristighfar kepada Allah atau kepada orang lain sebagai tanda kasih sayang sambil berdoa untuk mereka.

Al Quran juga menyebut tentang Suara *Al Ja'r* iaitu yang tinggi memekik sambil merendahkan diri dan memohon pertolongan Allah swt. suara ini di ungkapkan oleh al Quran dalam ayat 64 surah al Mu'minuun yang bererti *"Hingga apabila Kami timpakan azab kepada orang-orang yang mewah di antara mereka maka dengan serta-merta mereka menjerit-jerit meminta tolong*"(Al-Mu'minuun 23:64). Al Suddiy menerangkan makna *al Ja'r* dengan teriakan, manakala Mujahid pula mengatakan *al ja'r* bermaksud mereka meninggikan suara berteriak kepada Allah sambil merendah diri (Ibn Manzoor, 1990).

Bunyi suara al Rikz iaitu suara yang perlahan kesamaran. Suara al Rikz dinyatakan oleh al Quran dalam ayat 98 surah Maryam yang bererti"Dan amatlah banyaknya kaum-kaum kafir yang Kami telah binasakan sebelum mereka; engkau tidak menyedari ataupun mendengar suara yang sayup bagi seseorangpun dari orang-orang yang telah dibinasakan itu"(Maryam 19:98). Al Tabary (2000) dan al Zamakhsyariy (1995) dan Ibn Kathiir (2004) menyatakan bahawa 'al Rikz' bermaksud suara yang perlahan.

Al Zajr adalah vokalik yang terdapat dalam al Quran. *Al Zajr* bermaksud suara tegahan. Allah swt telah menyatakan suara ini dalam ayat 2 surah *al Saaffaat* yang bererti *"susungguhnya ia berlaku hanyalah dengan suara sahaja"* (As-Saaffaat 37:2) . Menurut Ibn Manzoor (1990) perkataan *al Zajr* bermaksud melarang, menegah atau menegur.

Al Zafiir wa al Syahiiq yang bermaksud Suara helaan nafas disertai rintihan (Ahmad, 2003). Suara yang bersifat seperti ini dinyatakan oleh al Quran dalam ayat 106 surah *Huud* yang bererti "*Adapun orang-orang yang celaka, Maka (tempatnya) di dalam neraka, di dalamnya mereka mengeluarkan dan menarik nafas (dengan merintih)"* (Hud 11:106). *Al Zafiir* dan *al Syahiiq* adalah dua keadaan yang berlaku ketika proses pernafasan melalui menyedut udara ke dalam paru-paru kemudian mengeluarkannya. Apabila proses pernafasan itu bertambah lebih daripada kebiasaan dan disertai pula dengan suara yang didengari ini menggambarkan ketegangan dan ketakutan (Ahmad, 2003).

Al Sarakh ialah suara teriakan yang kuat yang dikeluarkan oleh ahli neraka ketika mereka disiksa dengan dahsyat dalam api neraka. Teriakan kuat ini menggambarkan mereka mengalami kesakitan yang sangat kuat. Allah swt menyebut keadaan dalam ayat 37 surah Faatir yang bererti *"Dan mereka berteriak di dalam*

neraka itu: "Ya Tuhan Kami, keluarkanlah Kami niscaya kami akan mengerjakan amal saleh berlainan dengan yang telah Kami kerjakan" (Faatir 35:37). Menurut Ahmad (2003) *al Sarakh* ialah suara kuat yang dikeluarkan oleh manusia atau sesetengah benda hidup untuk menunjukkan kesakitan.

Suara lembut dan lunak dinyatakan Allah swt dalam al Quran ketika memerintahkan manusia supaya bercakap dengan beradab dengan kedua ibubapa mereka. Begitu juga ketika memerintahkan Nabi musa dan Nabi Harun menyeru Firaun beriman kepada Allah swt. Allah Swt menyatakan dalam surah al Israa' ayat yang ke 23 dengan lafaz *Wa Qull lahuma qaulan kariimaa* yang bermaksud *"dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)*"(Al-Israa' 17:23).

Di antara vokalik yang terdapat dalam al Quran *Al Mukaa'* Lafaz yang memberi makna suara siulan. Suara siulan yang dilakukan oleh orang musyrikin bertujuan mempersendakan Nabi saw. Perkataan al Mukaa' disebut oleh al Quran dalam ayat 35 surah *al Anfaal* yang bererti *"Dan tiadalah sembahyang mereka di sisi Baitullah itu melainkan bersiul-siul dan bertepuk tangan. Oleh itu rasalah kamu (wahai orang kafir) akan azab seksa dengan sebab kekufuran kamu*"(Al-Anfaal 8:35). Menurut Ibn 'Abbaas orang-orang musyrikin Mekah mengerjakan tawaf di Baitillah dalam keadaan telanjang mereka juga bersiul-siul sambil bertepuk tangan (Ahmad, 2003). Mujahid mengatakan mereka berbuat demikian untuk menunjukkan penentangan dan mempersendakan baginda Rasulullah saw. Manakala Muqaatil mengatakan apabila Rasulullah saw solat dalam masjid orang-orang musyrikin akan bangun di kiri dan kanan Rasulullah saw dengan bersiul dan bertepuk tangan untuk mengganggu Nabi saw. (al Zamakhsyariy, 1995).

Al Nahar merupakan vokalik yang dinyatakan oleh al Quran al Karim. Al Nahar bermaksud suara teguran keras atau menengking atau mengherdik atau membentak (Ahmad, 2003). Allah swt menegah seseorang daripada menggunakan

suara ini kepada kedua ibubapa kerana perbuatan itu menggambarkan sesuatu yang biadap. Allah swt menyebut perkataan al Nahar ini dalam ayat 23 surah al Israa' yang bererti *"dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)*"(Al-Israa' 17:23) . Menurut Ibn Manzoor (1990) '*al Nahar'* bermaksud apabila seseorang itu dikatakan sesuatu kepadanya, lalu dia menengkingnya dan menegurnya.

Suara rendah dan tawadu' ketika berdoa dinyatakan oleh Allah swt dalam ayat 55 surah al A'raaf yang bererti *"Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan (dengan suara) perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas*"(Al-A'raaf 7:55). Suara berdoa yang perlahan dan tidak terlalu tinggi adalah adab yang penting dengan Allah swt. suara itu juga menggambarkan sifat kehambaan diri yang tinggi. Menurut Ahmad (2003) seorang hamba memanjatkan doanya kepada Allah swt dengan memuji dan menyebut sifat-sifatnya dengan nada suara rendah yang menunjukkan kehambaan dengan harapan Allah swt memakbulkan doanya. Orang yang berdoa perlu menzahirkan sifat tawaduk dan kelemahannya melalui suara, ekspresi wajah dan perwatakannya. Kadang-kadang orang yang berdoa mengulang-ulang permintaannya dengan nada suara yang membuktikan kecintaan, kekhusyukan dengan menadah tangannya memohon sesuatu daripada Allah swt (Ahmad, 2003).

Allah swt menjelaskan secara umum tentang suara atau seruan pendakwah dalam menyampaikan ajaran agama. Allah swt memerintahkan supaya dakwah disampaikan dengan cara yang bijaksana. Seorang pendakwah mungkin menggunakan kebijaksanaan mereka dalam seruan adan dalam bentuk tindakan. Perkara ini disebut oleh Allah swt dalam ayat 125 surah al Nahl yang bererti *"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik,*

dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik"(Al-Nahl 16:125).

Hikmah ialah Perkataan yang tegas dan benar yang dapat membezakan antara yang hak dengan yang batil (al Quran dan terjemahannya ke bahasa Indonesia, 2009). Menurut Ahmad (2003) Dakwah merupakan satu bentuk komunikasi yang disengajakan untuk memujuk atau mengkhabarkan sesuatu yang memerlukan kemahiran komunikasi seperti menggunakan nada suara tinggi, rendah, tegas, laju iramanya supaya bersesuaian dengan konteks komunikasi.

Di dalam al Quran terdapat banyak ayat yang mengandungi seruan atau *al Nida'*. Menurut Ahmad (2003), *Al Nida'* atau seruan berkait rapat dengan suara. Menurut Ibn Manzoor (1990) Seruan ialah suara seperti doa. Ada seruan yang dilakukan terhadap manusia seperti seruan nabi kepada kaumnya supaya beriman. Ada seruan dalam bentuk doa seperti dalam ayat 193 surah *Aali Imraan* yang bererti *"Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mendengar seorang Penyeru (Rasul) yang menyeru kepada iman, katanya: ` Berimanlah kamu kepada Tuhan kamu ', maka kami pun beriman. Wahai Tuhan kami, ampunkanlah dosa-dosa kami, dan hapuskanlah daripada kami kesalahan-kesalahan kami, dan matikanlah kami bersama orang-orang yang berbakti*"(A-li'Imraan 3:193)

Diam merupakan salah satu daripada bentuk vokalik yang terdapat dalam al Quran. Lafaz yang digunakan oleh al Quran ialah *Anshituu.* Lafaz ini disebut dalam ayat 204 surah Al A'raaf yang bererti *"Dan apabila Al-Quran itu dibacakan, maka dengarlah akan dia serta diamlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya), supaya kamu beroleh rahmat*"(Al-A'raaf 7:204). Diam ketika mendengar bacaan al Quran merupakan satu adab yang perlu dipelihara.

Secara umumnya al Quran menyebut tentang berbagai bentuk dan sifat suara. Perkara ini menunjukkan bahawa al Quran menekankan kawalan suara yang pelbagai. Terkadang suara perlu ditinggikan dan terkadang perlu direndahkan berdasarkan keadaan dan situasi serta keperluan. Antara contoh ayat-ayat al Quran yang berkaitan dengan kawalan suara ini, antaranya Allah swt menperingatkan manusia samada mereka mengeraskan ucapan atau memperlahankannya Allah tetap mengetahuinya. Perkara ini disebut olerh Allah swt yang bererti *"Dan jika engkau menyaringkan suara dengan doa permohonanmu, (maka yang demikian tidaklah perlu), kerana sesungguhnya Allah mengetahui segala rahsia dan segala yang tersembunyi*"(Taha 20:7).

Ucapan yang dirahsiakan atau yang dizahirkan semuanya dalam pengetahuan Allah swt. Allah menjelaskan perkara ini melalui firmannya *"Dan tuturkanlah perkataan kamu dengan perlahan atau dengan nyaring, (sama sahaja keadaannya kepada Allah), kerana sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan segala (isi hati) yang terkandung di dalam dada*"(Al-Mulk 67:13). Allah juga memerintahkan supaya bersederhana dalam percakapan sebagaiman firmannya *""Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata), sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai*"(Luqman 31:19).

Antara adab yang mesti diberi perhatian oleh orang beriman ialah memelihara suara supaya tidak melebihi suara Nabi saw. Perkara ini diperingatkan oleh Allah dalam firmannya *"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengangkat suara kamu melebihi suara Nabi, dan janganlah kamu menyaringkan suara (dengan lantang) semasa bercakap dengannya sebagaimana setengah kamu menyaringkan suaranya semasa bercakap dengan setengahnya yang lain. (Larangan yang demikian) supaya amal-amal kamu tidak hapus pahalanya, sedang kamu tidak menyedarinya.*

Sesungguhnya orang-orang yang merendahkan suaranya semasa mereka berada di sisi Rasulullah (s.a.w), - merekalah orang-orang yang telah dibersihkan Allah hati mereka untuk bertaqwa; mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar" (Al-Hujuraat 49:2-3)

Suara berbisik-bisik pula dinyatakan oleh Allah swt dalam firmanhnya. "*Mereka berbisik-bisik sesama sendiri: "Kamu telah tinggal hanya sepuluh sahaja*"(Taha 20:103). Kepelbagaian atau ragam paralinguistik yang dinyatakan oleh al Quran adalah suatu keistimewaan yang tidak ada di tempat lain. Al Quran memperincikan bentuk-bentuk paralinguistik ini.

Menurut William (2008) Perubahan pada bunyi suara menggambarkan keadaan dalaman manusia dari segi perasaan, emosi pemikiran dan personaliti. Suara mempunyai kesan yang besar kepada bahasa verbal dalam proses komunikasi. Perkara ini berlaku pada kedudukan suara tinggi atau rendah, keras atau lembut, tempat berhenti yang merencatkan sesetengah ayat dan urutan bunyi dengan gaya yang sama.

Seseorang itu sentiasa mengawal suaranya ketika berucap dengan mengangkat suara atau merendahkannya dengan mengambil kira suasana penerimaan mesej kepada penerima atau untuk memberi makna tambahan kepada kandungan mesej.

Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (1999) lelaki dan perempuan mempunyai kelangsingan suara yang berbeza yang mempengaruhi peranan sosial mereka. Darjah kelangsingan dan tekanan suara mengakibatkan kesan terhadap tanggapan orang kepada personaliti penutur yang terlibat. Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (1999) menyatakan kajian menunjukkan wanita menggunakan kepelbagaian intonasi dan lebih banyak kontrasnya berbanding dengan lelaki. Kepelbagaian intonasi dikaitkan dengan pameran emosi, kajian menunjukkan semakin seseorang itu emosional, semakin banyak variasi intonasi pada suaranya dan mereka mendapati

terdapat perkaitan antara emosi dan status sosial yang rendah (Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, 1999).

2.7.6 Proksemik (Ruang Dan Jarak)

Proksemik adalah jarak sempadan yang kita gunakan ketika berkomunikasi secara bersemuka dengan orang lain (Floyd, 2009). Kajian proksemik menurut Berschield (1997) membuktikan bahawa jarak kedudukan menentukan seberapa jauh tingkat keakraban, penghargaan dan perasaan kita sama ada suka atau tidak suka serta perhatian kita terhadap orang lain. Proksemik ini dipengaruhi faktor tertentu iaitu peribadi kita, situasi, status keupayaan diri, sejauh mana kita mengenalinya (Floyd, 2009) agama, jantina, umur, budaya, latar belakang kaum dan tajuk perbincangan (Ibrahim Ahmad, 2002) selain dipengaruhi oleh personaliti, stigma, keadaan psiktiari serta kefahaman seseorang (Richmond & McCroskey, 2000). Di dalam al Quran terdapat ayat-ayat yang menyebut tentang jarak dekat dan jauh yang memberi makna komunikasi.

Antara komunikasi nonverbal yang berkaitan dengan proksemik dalam al Quran ialah jarak dekat. Al Quran mengguna pakai lafaz *Al Qurb* dan derivasinya untk menggambarkan jarak dekat. Pengkaji mendatangkan beberapa contoh jarak dekat yang terdapat dalam al Quran antaranya firman Allah swt yang bererti *"Al masih sekali-kali tidak enggan menjadi hamba bagi Allah, dan tidak (pula enggan) malaikat-malaikat yang terdekat (kepada Allah"* (An-Nisaa' 4:172). Dalam ayat ini Allah swt menceritakan tentang malaikat yang hampir dan tinggi kedudukan mereka disisi Allah swt. (Ahmad, 2003). Malaikat-malaikat yang dekat dalam ayat di atas ialah malaikat yang berada di sekitar Arsy seperti Jibril, Mikail, Israfil dan malaikat-malaikat yang setingkat dengan mereka. (al Quran dan terjemahannya ke bahasa Indonesia, 2009)

Dalam firman Allah yang lain yang menceritakan tentang janji firaun kepada tukang sihir yang menentang Nabi Musa as. Tukang sihir itu akan medapat kedudukan yang dekat dan tinggi dalam kerajaannya jika merka dapat mengalahkan Nabi Musa as. (Ahmad, 2003). Perkara ini dficeritakan dalam surah 114 surah al A'raaf yang bererti "*Firaun menjawab: "Benar, (kamu akan mendapat upah) dan kamu sesungguhnya (akan menjadi) dari orang-orang yang damping (denganku)*"(Al-A'raaf 7:114). Ayat ini merupakan jaminan Firaun untuk menjadikan tukang sihirnya yang ditugaskan untuk menentang nabi Musa a.s sebagai orang yang dekat dan diberi kedudukan yang tinggi dalam kerajaannya sekiranya mereka dapat menumpaskan nabi Musa a.s dalam perlawanan yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

Al Quran juga mengguna pakai lafaz *al Qariib*. Menurut Ibn Aasyuur (2000) *al Qariib* ialah sesuatu yang berada pada jarak yang dekat. Firman Allah swt dalam menjelaskan perkara ini dinyatakan dalam ayat 56 surah al A'raaf yang bererti *"Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya*"(Al-A'raaf 7:56). Ahmad (2003) menyatakan dekatnya Allah swt dengan hambanya adalah sesuatu yang tidak diketahui hakikatnya melainkan Allah swt..

Lafaz dari pecahan al Qurb iaitu al Aqrab yang bermasud yang amat dekat juga terdapat dalam al Quran. Lafaz ini dinyatakan oleh al Quran dalam ayat 16 surah Qaaf yang bererti *"Dan Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dan mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya, dan Kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya"* (Qaaf 50:16). Maksud al Aqrab dalam ayat ini ialah Allah swt amat dekat dari sudut ilmunya dan kuasanya (Ahmad, 2003).

Antara proksemik yang disebut dalam al Quran ialah bersebelahan. Al Quran menggunakan lafaz *Bi Jaanib* untuk menyatakan kedudukan ini. Menurut Ahmad (2003) perkataan *'bi Jaanib'* menunjukkan dekatnya jarak. Lafaz ini disebut dalam ayat 46 surah al Qasas yang bererti *"Dan engkau juga tidak berada dekat Gunung*

Tursina ketika Kami menyeru (Nabi Musa dan memberi wahyu kepadanya dahulu), tetapi (diturunkan) rahmat (Al-Quran) dari Tuhanmu (menerangkan Kisah itu) supaya engkau memberi amaran kepada kaum (mu) yang telah lama tidak didatangi sebarang Rasul pemberi amaran sebelummu, semoga mereka beroleh pengajaran (serta insaf mematuhinya)"(Al-Qasas 28:46). Lafaz *bi jaanib* mengandungi makna jarak berdekatan yang bermaksud berjiran (Ahmad, 2003)

Terdapat juga komunikasi nonverbal proksemik dengan lafaz *al Taqriin* yang bermaksud beriringan . Perkara ini disebut dalam ayat 53 surah al Zukhruf yang bererti *"Mengapa tidak dipakaikan kepadanya gelang dari emas atau Malaikat datang bersama-sama Dia untuk mengiringkannya?"* (Az-Zukhruf 43:53). Al Quran menceritakan tentang permintaan orang kafir supaya malaikat datang mengiringi baginda Rasulullah saw bagi membuktikan kerasulan baginda.

Lawan bagi perkataan dekat ialah Jauh. Terdapat dalam al Quran beberapa ayat yang menggunakan lafaz Al Ba'iid yang bermaksud jauh. Perkataan *al Ba'iid* merujuk kepada jarak yang membawa maksud jauh (Ahmad, 2003). Menurut beliau lagi al Quran juga menyebut perkataan *al Ba'iid* yang merujuk kepada jarak yang berpanjangan, kesesatan dan perpecahan yang melampau dan memberi gambaran negatif yang bermaksud jauh dari kebenaran. Antaranya firman Allah swt yang bererti *"(ketika itu tiap-tiap orang yang bersalah) ingin kalau ada jarak yang jauh di antaranya dengan amalnya yang jahat itu"*(A-li'Imraan 3:30). Al Saabuuniy (1979) menjelaskan bahawa sekiranya amalan yang dilakukan amalan yang buruk mereka berharap agar mereka tidak diperlihatkan amalan mereka dan mereka suka jika amalannya dijauhkan sejauh-jauh jarak sebagaimana dijauhkan timur dan barat.

Terdapat lafaz *ba'iid* dalam ayat 89 surah *Huud* yang menceritakan tentang negeri Saduum yang didiami oleh kaum Nabi Luut as. yang bererti *" Dan kaum Nabi*

Lut pun tidaklah jauh dari kamu (kamu sedia mengetahui apa yang telah menimpa mereka)"(Hud 11:89). Al Zamakhsyari (1995) menjelaskan bahawa negeri kaum Lut yang zalim yang dibinasakan oleh Allah swt. tidaklah jauh dari negeri Mekah yang didiami orang musyrikin.

Terdapat ayat al Quran yang menyebut jarak yang jauh secara jelas antaranya ayat 12 surah al Furqaan yang bererti "*Apabila neraka itu melihat mereka dari tempat yang jauh, kedengaranlah mereka suara marahnya yang menggelegak dan mengeluh*"(Al-Furqaan 25:12). Begitu juga terdapat dalam ayat 44 surah Fussilat yang bererti "*Mereka itu - (dengan perbuatan melarikan diri dari ajaran Al-Quran, tidak ubahnya seperti) orang-orang yang diseru dari tempat yang jauh (masakan mereka dapat mendengar dengan betul atau melihat dengan nyata)*"(Fussilat 41:44).

Termasuk dalam komunikasi nonverbal proksemik ialah memisahkan dan memencil atau menyisihkan diri. Al Quran menggunakan lafaz *al Hajr wa al I'tizaal.* Berhijrah atau berpindah dan menyisihkan diri adalah antara bentuk menjauhkan jarak (Ahmad, 2003). Lafaz al hajr dinyatakan Allah swt dalam ayat 34 surah al Nisaa' yang bererti *"Maka nasehatilah mereka dan pisahkanlah mereka di tempat tidur mereka, dan pukullah mereka. Kemudian jika mereka mentaatimu"*(An-Nisaa' 4:34)."*Pisahkan mereka*" dalam ayat di atas bermaksud untuk memberi pelajaran kepada isteri derhaka kepada suaminya dengan cara diberi nasihat, bila nasihat tidak bermanfaat barulah dipisahkan dari tempat tidur mereka. Memisahkan tempat tidur terhadap isteri yang nusyuz adalah merupakan pemisahan jarak yang jelas disebut dalam ayat di atas.

Lafaz I'tizaal pula disebut dalam al Quran pada ayat 16 surah al kahfi yang bererti "*Dan oleh kerana kamu telah mengasingkan diri dari mereka dan dari apa yang mereka sembah yang lain dari Allah, maka pergilah kamu berlindung di gua itu,*

supaya Tuhan kamu melimpahkan dari rahmatnya kepada kamu, dan menyediakan kemudahan-kemudahan untuk (menjayakan) urusan kamu dengan memberikan bantuan yang berguna"(Al-Kahfi 18:16). Perkataan I'tizaal (mengasingkan) menggambar jarak dan ruang yang memisahkan antara dua perkara (Ahmad, 2003).

Termasuk dalam proksemik yang disebut dalam al Quran ialah melapangkan atau memberi ruang. Al Quran menggunkan lafaz *al Ifsaah* untuk menunjukkan perbuatan melapangkan. Perbuatan ini dinyatakan oleh Allah swt dalam surah al Mujadalah ayat ke 11 yang bererti*"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu*"(Al-Mujaadalah 58:11). Perkataan yang menunjukan jarak dan ruang dalam ayat ini ialah *Ifsaah* yang bermaksud melapangkan atau membuka ruang (Ahmad, 2003).

Al i'raadh dan al Na'ai dua lafaz yang digunakan dalam al Quran yang bermaksud berpaling dan menjauhkan. Kedua-dua lafaz ini disebut dalam ayat 51 surah Fussilat yangb bererti *"Dan apabila Kami kurniakan nikmat kepada manusia, berpalinglah dia serta menjauhkan diri (dari bersyukur); dan apabila ia ditimpa kesusahan, maka ia berdoa merayu dengan panjang lebar*"(Fussilat 41:51). Perkataan berpaling dan menjauhkan menunjukkan berlakunya penjarakan dan melebarnya ruang ketika proses itu berlaku.

Termasuk dalam proksemik dalam al Quran ialah penjuru yang jauh. Al Quran menggunakan lafaz *Fajjin 'Amiiq* yang merujuk kepada penjuru yang jauh. Allah swt menceritakan bahawa seruan untuk mengerjakan ibadat haji akan disahut umat manusia walaupun mereka dating dalam keadaan berjalan atau menunggang unta dari jarak yang jauh. Perkara ini disebut oleh allah swt dalam ayat 27 surah al Hajj yang

bererti *“"Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadat Haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan) mu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh*”(Al-Hajj 22:27). Al Tabariy (1999) menghuraikan perkataan *Fajjin ‘Amiiq* dengan makna tempat yang jauh.

Pemisahan adalah salah satu bentuk komunikasi nonverbal proksemik. Istilah yang digunakan dalam al Quran ialah *al Tafriiq*. Perkara ini disebut dalam ayat 102 surah al Baqarah yang bererti*“Dalam pada itu ada juga orang-orang mempelajari dari mereka berdua: ilmu sihir yang boleh menceraikan antara seorang suami dengan isterinya, padahal mereka tidak akan dapat sama sekali memberi mudarat (atau membahayakan) dengan sihir itu seseorang pun melainkan dengan izin Allah*” (Al-Baqarah 2:102). *Al tarfriqq* dalam ayat ini menjelaskan tentang sihir yang bertujuan memisahkan antara suami isteri. Bermacam-macam sihir yang dilakukan oleh orang Yahudi, sampai kepada sihir untuk mencerai-beraikan masyarakat seperti mencerai-beraikan suami isteri (al Quran dan terjemahannya ke bahasa Indonesia, 2009).

Al Quran juga mengandungi komunikasi nonverbal proksemik yang melibatkan pemisahan antara tempat dan antara individu. Ahmad (2003) menjelaskan bhawa pemisahan antara tempat-tempat dan antara individu adalah salah satu ciri komunikasi yang menunjukkan jarak, di mana ia membawa maksud jauhnya hubungan dan pendirian. Apabila pemisahan antara dua orang atau pemisahan antara individu dan sesuatu atau pemisahan yang berlaku antara dua tempat akan mempengaruhi hubungan ikatan yang erat kepada perpisahan atau terputusnya hubungan, sama ada dengan meletakan pemisah atau dinding atau halangan yang nyata atau pemisah atau dinding kejiwaan yang tidak boleh dirasai (Ahmad, 2003).

Menurut Ahmad (2003) pemisahan ini juga boleh membezakan antara sesuatu dan individu. Seperti pagar yang memisahkan antara sebuah rumah dengan sebuah rumah yang lain atau antara bilik dalam sesebuah rumah yang menunjukkan sempadan pemilikan terhadap perkara tersebut. Begitu juga pembahagian individu kepada beberapa kumpulan bertujuan membezakan antara satu kumpulan dengan kumpulan yang lain.

Pengkaji mendatangkan beberapa contoh ayat al Quran yang menyebut tentang pemisahan ini. Antaranya pemisahan individu atau *Al Tafriiq*. Firman Allah swt yang bererti *"Berkata Musa: "Nabi Musa (merayu kepada Allah), katanya: "Wahai Tuhan! Sesungguhnya aku tidak dapat menguasai selain daripada diriku sendiri dan saudaraku (Harun); oleh itu pisahkanlah antara kami dengan kaum yang fasik itu*"(Al-Maaidah 5:25).

Contoh pemisahan antara manusia dan tempat atau lafaz yang digunakan al Quran ialah al Sadd. Firman Allah swt "Dan janganlah sekali-kali kebencian (mu) kepada sesuatu kaum karena mereka menghalang-halangi kamu dari Masjidilharam, mendorongmu berbuat aniaya (kepada mereka)"((Al-Maaidah 5:2). Perkataan al Sadd dalam ayat diatas merupakan pemisahan antara manusia dengan tempat iaitu Masjidil Haram atau dengan kata lain menghalang manusia dari mendatangi Masjidil Haram.

Al Quran juga menyebut tentang kepungan (al Ihsaar) dan sisihan (al 'Azl). Perkara ini disebut oleh Allah swt dalam ayat 5 surah al Tawbah yang bererti *"Kemudian apabila habislah (masa) bulan-bulan yang dihormati itu maka bunuhlah orang-orang musyrik itu di mana sahaja kamu menemuinya, dan tawanlah mereka, dan juga keponglah mereka, serta tunggulah mereka di tiap-tiap tempat mengintipnya"*(At-Taubah 9:5). Perkataan *al Ihsaar* menurut Abu 'Amr al Syaibaani

dan juga Abu Hanifah ialah setiap suatu yang terhalang sama ada daripada musuh, penyakit atau lain-lain termasuk dalam makna *Ihsaar* (al Zamakhsyariy, 1995).

Perkataan al Azl dinyatakan olerh al Quran dalam surah al Baqarah ayat 222 yang bererti "Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci" (Al-Baqarah 2:222). Menurut Ibn Manzoor (1990) perkataan al 'Azl pula bermaksud menyisih daripada sesuatu atau berpisah dan memencilkan diri daripada sesuatu kaum.

Al Quran juga menyebut proksemik belakang tabir yng mengguna pakai lafaz al Hijaab. Lafaz ini disebut dalam ayat 53 surah al Ahzaab yang bererti *" Dan apabila kamu meminta sesuatu yang harus diminta dari isteri-isteri Nabi maka mintalah kepada mereka dari sebalik tabir"* (Al-Ahzaab 33:53). Tiap sesuatu yang menghalang sesuatu yang lain merupakan *hijab* (Ibn Manzoor, 1990)

Lafaz *Al Sadd* yang bermakna benteng g dinyatakan oleh Allah swt dalam ayat 9 surah Yasiin yng bererti *"Dan Kami jadikan (sifat tamak dan gila mereka kepada harta benda dan pangkat itu sebagai) sekatan (yang menghalang mereka daripada memandang kepada keburukan dan kesingkatan masa dunia yang ada) di hadapan mereka, dan sekatan (yang menghalang mereka daripada memikirkan azab yang ada) di belakang mereka (pada hari kiamat). lalu Kami tutup pandangan mereka; maka dengan itu, mereka tidak dapat melihat (jalan yang benar)*"(Yaa Siin 36:9) dan lafaz Al Jidaar yang bermakna dinding disebut oleh al Quran dalam ayat 77 surah al Kahf yang bererti *"Kemudian keduanya berjalan lagi, sehingga apabila mereka sampai kepada penduduk sebuah bandar, mereka meminta makan kepada orang-orang di situ, lalu orang-orang itu enggan menjamu mereka. Kemudian mereka dapati di situ sebuah tembok yang hendak runtuh, lalu ia membinanya. Nabi Musa berkata: "Jika engkau*

mahu, tentulah engkau berhak mengambil upah mengenainya!" (Al-Kahfi 18:77). Perkataan *al Sadd* menggambarkan pemisahan antara tempat dan sesuatu. Dalam al Quran terdapat pemisahan yang berlaku antara tempat yang besar dan antara individu. *al Jidaar* pula adalah pemisahan antara sebuah rumah dengan rumah yang lain atau antara bilik-bilik dalam sesebuah rumah (Ahmad, 2003).

Dalam al quran juga terdapat lafaz Al Talaaq yang bermkna perceraian disebut dalam dalam ayat 229 surah al Baqarah yangb bererti "Talak (yang dapat dirujuki) dua kali. Setelah itu boleh rujuk lagi dengan cara yang ma'ruf atau menceraikan dengan cara yang baik" (Al-Baqarah 2:229). Talaaq dari segi bahasa bermaksud perpisahan atau penjauhan, manakala dari segi syara' pula ialah perpisahan yang belaku antara seorang perempuan dengan suaminya dengan terungkainya ikatan perkahwinan (Ibn Manzoor, 1990). Menurut Kamus Dewan talak bererti pelepasan ikatan nikah dengan ucapan talak atau cerai oleh suami (Kamus Dewan, 2005)

2.7.7 Haptik (Sentuhan)

Sentuhan adalah salah satu deria yang dipunyai oleh manusia sejak lahir lagi. Selepas kelahiran seorang bayi sangat memerlukan sentuhan ibunya sebagai satu bentuk komunikasi antara anak dan ibu (Ahmad, 2003). Menurut Ahmad (2003) orang yang kehilangan deria penglihatan sangat peka dengan deria sentuhan di mana mereka mampu membezakan sesuatu bentuk melalui sentuhan pada permukaan bentuk-bentuk tersebut. Al Quran telah menyebut tentang deria sentuhan dengan perkataan *'al Mass'* dan perkataan *'al Mask'* yang bermaksud pegang.

Dalam al Quran telah menyatakan sentuhan dengan tangan tangan dalam ayat 7 surah al An'aam yang bererti"Dan kalau Kami turunkan kepadamu tulisan di atas kertas, lalu mereka dapat menyentuhnya dengan tangan mereka sendiri…"(7/al

An'aam). Al Razi (1995) menyatakan bahawa sekiranya kitab itu diturunkan sekaligus lalu mereka melihatnya, menyentuhnya dan menyaksikan dengan mata kepala mereka sendiri nescaya mereka akan mengatakan bahawa ini adalah sihir. Ayat ini menggambarkan kekuatan komunikasi deria sentuhan di mana deria sentuhan ini diutamakan daripada deria-deria lain untuk mencapai hakikat keyakinan. Sentuhan tidak berlaku kecuali dekat dan hampir dengan sesuatu yang disentuh.

Dalam beberapa ayat juga dinyatakan tentang sentuhan menggambarkan kasih sayang, keintiman dan permusuhan. Menurut Ahmad (2003) kajian moden tentang komunikasi sentuhan mendapati sentuhan adalah cara yang paling baik untuk menggambarkan kasih sayang dan keintiman dan sentuhan juga boleh menggambarkan permusuhan dalam keadaan persengketaan (Ahmad, 2003). Firman Allah swt yang bererti *"Berkata Musa: "Pergilah kamu, Maka Sesungguhnya bagimu di dalam kehidupan di dunia ini (hanya dapat) mengatakan: "Janganlah menyentuh (aku)". (97/Taahaa).*

2.7.8 Enviromen (Persekitaran)

Al Quran al Karim tidak menyebut secara khusus tentang persekitaran bilik darjah. Namun Allah swt menerangkan kepada manusia tentang keagungan, keesaan, kekuasaan dan kebijaksanaannya dalam pengurusan, pentadbiran dan susun atur alam yang terbentang luas ini. Pengurusan alam dan susur aturnya yang bijaksana menjadi bukti kukuh tentang kewujudan tuhan yang maha Esa. Allah swt berfirman:*"Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam"*. (2/al Fatihah)

Pujian bagi Allah swt dalam ayat ini adalah kerana Allah swt telah mencipta dan mengurus, mentadbir dan menyusun alam ini dengan sangat indah dan bijaksana yang memberi kebaikan kepada manusia. Allah swt. Tidak menjadikan penciptaan

alam ini dengan sia-sia bahkan setiap kejadian memainkan peranan penting bagi faedah kehidupan manusia. Firman Allah swt *"Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih berganti malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal. (iaitu) orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): "Ya Tuhan Kami, Tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha suci Engkau, Maka peliharalah Kami dari siksa neraka"(190-191/ Ali 'Imraan)*

Pemerhatian terhadap alam sekeliling dengan deria manusia yang terbatas akan mendapati setiap kejadian dan susun aturnya sempurna yang saling berhubung kait antara satu sama lain, terdapatnya keselarasan dan keselarian peranan setiap kejadian yang mengkagumkan manusia dan mengembalikan kebijaksanaan kepada yang hak iaitu tuhan semesta alam Allah swt.

Kejadian langit dan bumi yang berlapis-lapis, susun atur alam cakerawala dengan bintang, matahari dan bulan, silih berganti siang dan malam, pasang surutnya lautan dan sungai, kejadian gunung-ganang dan batu-batan, daratan dan lautan, hutan belantara dan padang pasir yang kering kontang, susun atur kota dan desa dan banyak lagi kejadian-kejadian yang semuanya membuktikan kebijaksanaan dan kesempurnaan tuhan yang maha agung.

Seorang guru tugasnya bukan hanya mengajar tetapi juga memastikan pengajarannya diterima. Penerimaan ilmu bukan sahaja bergantung dengan pengajaran guru semata-mata tetapi juga bergantung pada persekitaran pembelajaran yang diurus dan disusun atur dengan baik dan sempurna. Kesempurnaan dalam mengurus dan menyusun bilik darjah dengan baik dan kondusif akan memaksimumkan penerimaan ilmu oleh para pelajar dalam bilik darjah.

2.7.9 Olfaktik (Bau)

Olfaktik adalah merujuk kepada bauan dan mesejnya serta tindak balas kita terhadap bau-bauan. Mengikut Richmond & McCroskey (2000) bauan adalah halimunan tetapi mempunyai kuasa yang hebat dalam konteks komunikasi. Mengikut Richmond & McCroskey (2000), deria bau kita secara tidak disedari akan menghantar isyarat bauan yang diterima dari seseorang ke otak dan seterusnya membuat tanggapan terhadap seseorang tu berdasarkan bau tersebut dan kebanyakan manusia berkeupayaan membezakan 4000 bauan malah ada yang berkeupayaan membezakan hingga 10000 jenis bauan.

Mengikut Richmond & McCroskey (2000), kajian-kajian jelas menunjukkan bahawa bauan boleh membangkitkan tindak balas emosi dan fizikal seseorang, manusia akan terangsang dan suka untuk bergaul dengan orang atau dalam suasana yang mempunyai aroma bauan yang menyenangkan dan begitulah sebaliknya seseorang akan cenderung untuk mengelakkan interaksi dan berpandangan negatif kepada seseorang yang mempunyai bau yang tidak menyenangkan

Dalam al Quran juga terdapat ayat yang berkaitan bau anatarannya bau sebagai personaliti. Bau seseorang atau wangian yang dipakainya boleh menjadi pengenalan bagi dirinya. Nabi Ya'kuub as. Mengenali bau nabi Yuusuf as dan dapat membezakan bau adik beradiknya yang lain. Perkara ini disebut oleh al Quran dalam ayat 94 surah Yusuf yang bererti *"Tatkala kafilah itu telah ke luar (dari negeri Mesir) berkata ayah mereka: "Sesungguhnya aku mencium bau Yusuf...."(*94/Yuusuf)

Di dalam al Quran ada menyatakan tentang bau wangi menggambarkan suasana kondusif. Allah swt menyebut bau yang terdapat dalam syurga dalam ayat-ayatnya yang menggambarkan keadaan dan suasana kenikmatan yang diperolehi oleh

ahli syurga. Bau yang wangi itu adalah satu kenikmatan yang akan melahirkan keseronokan, kesegaran dan kebahagiaan bagi penduduk syurga. Firman Allah swt *"Maka Dia memperoleh ketenteraman dan rezki serta jannah kenikmatan" (*89/al Waaqi'ah). *Raihaan* dalam ayat di atas ialah sejenis pokok, daun dan batangnya mengeluarkan bau yang sangat wangi dan nyaman yang digunakan oleh orang-orang Arab (al Raaziy, 1995)

2.7.10 Kronemik (Masa)

Kronemik adalah istilah kajian KNV yang merujuk kepada penggunaan atau pengurusan masa (Bull, 1983; Floyd, 2009; Orbe & Brues, 2005; Richmond & McCroskey, 2000). Pengurusan masa adalah penting dan pelajar seharusnya diberi kesedaran tentang kepentingan masa (Atan Long, 1983). Ini sejajar dengan Islam yang menyuruh penganutnya mengurus masa dengan baik kerana jika sekiranya kita gagal menguruskannya, kita akan berada dalam kerugian. firman Allah;

> *Maksudnya; 1. Demi masa. 2. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian, 3. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal saleh dan nasehat menasehati supaya mentaati kebenaran dan nasehat menasehati supaya menetapi kesabaran.*

*(*surah al-Asri ayat 1-3)

Kronemik mengkaji bagaimana kita menghargai, mengguna, mengkaji, menyusun, mentafsir dan bertindak dalam menguruskan masa, semua perkara yang kita lakukan mesti melibatkan masa, oleh yang demikian, kita adalah hamba kepada masa dan masa adalah penguasa yang menentukan bila dan apa yang sepatutnya kita lakukan (Richmond & McCroskey, 2000).

Al Quran menyatakan tentang kepentingan masa secar jelas. Allah swt memberi perhatian yang sangat besar terhadap masa sehingga Allah swt bersumpah dengannya seperti ayat dalam surah al ‘Asr. Firman Allah swt yang bererti*“Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian” (1-2 al Asr).* Kepentingan masa tidak dapat dinafikan lagi. Penggunaan masa dengan cara yang terbaik akan mendatangkan manfaat yang besar bagi kehidupan manusia. Manusia yang tidak menggunakan masanya dengan baik akan kerugian dalam kehidupan dunia dan akhirat.

Allah swt. merakamkan penyesalan orang-orang yang tidak merebut peluang semasa hidup di dunia bagi menyediakan bekalan di hari akhirat. Allah swt berfirman yang bererti *“Dan, jika Sekiranya kamu melihat mereka ketika orang-orang yang berdosa itu menundukkan kepalanya di hadapan Tuhannya, (mereka berkata): "Ya Tuhan Kami, Kami telah melihat dan mendengar, Maka kembalikanlah Kami (ke dunia), Kami akan mengerjakan amal saleh, Sesungguhnya Kami adalah orang-orang yang yakin."(12/al Sajdah)*.

Allah swt mengatur waktu bagi manusia untuk beribadat seperti solat, puasa dan haji. Allah swt telah menentukan dan menetapkan waktu tertentu untuk solat lima waktu. Firman Allah swt:“Maka apabila kamu telah menyelesaikan shalat (mu), ingatlah Allah di waktu berdiri, di waktu duduk dan di waktu berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa aman, Maka dirikanlah shalat itu (sebagaimana biasa). Sesungguhnya shalat itu adalah fardhu yang ditentukan waktunya atas orang-orang yang beriman” (103/al Nisaa’)

Begitu juga dengan ibadat puasa di mana Allah swt memfardhukan sebulan dibulan Ramadhan bagi umat Islam mengerjakan ibadat puasa*“(Beberapa hari yang ditentukan itu ialah) bulan Ramadhan, bulan yang di dalamnya diturunkan*

(permulaan) Al Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembeda (antara yang hak dan yang bathil). Karena itu, Barangsiapa di antara kamu hadir (di negeri tempat tinggalnya) di bulan itu, Maka hendaklah ia berpuasa pada bulan itu" (185/al Baqarah)

Manakala waktu mengerjakan ibadat haji juga telah ditentukan oleh Allah swt:"(Musim) haji adalah beberapa bulan yang dimaklumi, Barangsiapa yang menetapkan niatnya dalam bulan itu akan mengerjakan haji, Maka tidak boleh rafats, berbuat Fasik dan berbantah-bantahan di dalam masa mengerjakan haji" (197/al Baqarah). Kata al Farra' bulan-bulan haji ialah bulan Syawal, Zulkaedah dan sepuluh hari daripada Zulhijjah.(Ibn Manzoor, 1990). Ayat-ayat ini menunjukkan betapa tempoh waktu menunaikan ibadat itu sangat penting bagi menentukan sah atau batalnya.

Allah swt yang maha bijaksana telah menentukan waktu yang sesuai untuk melaksanakan pekerjaan dan aktiviti-aktiviti mencari rezeki iaitu pada waktu siang hari. Allah swt telah berfirman:*"Dan Kami jadikan siang untuk mencari penghidupan*"(Ayat 11/al Naba').

Allah swt juga menentukan masa rehat untuk manusia. Setelah penat melakukan aktiviti kehidupan dan melaksanakan pelbagai kegiatan harian, manusia bukan robot, mereka perlu berehat untuk mengumpulkan tenaga bagi meneruskan aktiviti kehidupan seterusnya. Allah swt telah menjadikan waktu malam untuk manusia tidur dan berehat. Firman Allah swt:*"Dan Kami jadikan kamu berpasang-pasangan, dan Kami jadikan tidurmu untuk istirahat, dan Kami jadikan malam sebagai pakaian"* (8-10/al Naba).

Dalam menentukan ajal manusia, umat dan dunia, Allah swt menepatinya. Apabila tiba ajal manusia, umat dan dunia ini Allah swt mengarahkan malaikat yang

ditugaskan mengambil ajalnya supaya tidak ditangguhkan dan tidak didahulukan daripada waktu yang telah ditetapkannya sejak azali lagi. Perkara ini menggambarkan ketepatan masa. Firman Allah swt:*"Tiap-tiap umat mempunyai batas waktu, Maka apabila telah datang waktunya mereka tidak dapat mengundurkannya barang sesaatpun dan tidak dapat (pula) memajukannya"* (34/al A'raaf). *"Dan Allah sekali-kali tidak akan menangguhkan (kematian) seseorang apabila telah datang waktu kematiannya. dan Allah Maha Mengenal apa yang kamu kerjakan"*(11/al Munafiqun).

Dalam konteks pengajaran seorang guru perlu merancang waktu pengajarannya dengan baik bagi menjamin perjalanan pengajaran dan pembelajaran yang sempurna di sesebuah institusi. Guru seharusnya menggunakan tempoh waktu yang diberikan kepadanya dengan sebaik mungkin. Tanpa perancangan yang rapi waktu pengajaran dan pembelajaran akan berlalu dengan sia-sia.

Menurut Norlidah Alias (2010) S.N.Postleweit merupakan pelopor konsep modul. Istilah modul merujuk kepada unit atau bahagian tersendiri yang lengkap dengan komponennya yang melaksanakan fungsi tertentu dan dapat dirangkai dengan unit-unit lain dalam sesuatu yang lebih besar (Kamus Dewan, 1997).

Greager dan Murray (1985) mendefinisikan modul sebagai satu unit pengajaran yang lengkap dan bebas yang berfokuskan pencapaian objektif yang telah dirancang. Sharifah Alwiah Alsagoff (1981) menyatakan bahawa modul merupakan bahagian-bahagian kecil yang tersendiri tetapi lengkap dan berkait antara satu bahagian dengan satu bahagian yang lain.

Menurut Rusell (1974) modul ialah satu pakej instruksi merangkumi satu unit konsepsi daripada mata pelajaran yang bertujuan supaya para pelajar dapat menguasai satu unit kandungan sebelum memulakan unit yang baru. Kamdi Kamil (1990) dalam Pengkajiannya mentafrifkan bahawa modul adalah sebagai satu pakej pengajaran dan

pembelajaran atau pukal belajar sendiri yang lengkap dengan komponen-komponen pengajaran pembelajaran seperti objektif, bahan dan aktiviti pembelajaran, aktiviti penilaian serta arahan dan tatacara yang sistematik supaya pelajar dapat mengikuti langkah demi langkah.

Nik Azis Nik Pa (2008) pula mentakrifkan modul sebagai satu unit pembelajaran tersendiri yang mengandungi komponen berhierarki yang dilengkapi dengan bahan berkaitan untuk mencapai tujuan tertentu. Ia membabitkan satu himpunan pelajaran dan halaman maklumat yang tersusun dalam struktur yang jelas.

Menurut Koh (1984) modul ialah satu unit yang sempurna atau sebahagian daripada topik yang lebih luas yang merupakan bahan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran disebabkan pembinaannya berdasarkan prinsip-prinsip pedagogi yang membawa kesan positif terhadap pembelajaran pelajar.

Modul pengajaran dapat membantu guru mengajar sesuatu tajuk melalui pelbagai aktiviti tersusun untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan, di samping dapat menarik minat pelajar terhadap pengajaran dan melatih mereka bersikap yakin diri, menonjolkan bakat, kebolehan, kepimpinan, sikap kerjasama serta dapat meningkatkan prestasi akademik (Sidek Mohd Noah dan Jamaluddin Ahmad, 2005) ; Habibah Elias, 1991)

Koh (1984) mendefinisikan modul pengajaran sebagai bahan terancang yang digunakan oleh seseorang guru sebagai bahan pengajaran yang lengkap dengan matlamat, objektif, isi kandungan yang jelas, strategi, gerak kerja dan cara penilaian isi kandungan mata pelajaran tersebut. Modul pengajaran tidak terhad kepada pengajaran secara individu tetapi boleh melibatkan kumpulan dan kelas, di mana guru-guru boleh menggunakan modul sebagai pengajaran biasa dalam kelas (Sharifah Alwiah Alsagoff, 1981)

Menurut Butcher dan Highton (2006) 4 ciri utama modul pengajaran iaitu, modul yang bersifat fleksibel, dapat diadaptasikan kepada situasi pembelajaran secara individu dan berkumpulan, dapat digunakan dalam sebarang seting yang sesuai bagi pengguna dan dapat digunakan dengan kelajuan sendiri selaras dengan keperluan dan kebolehan pengguna.

Terdapat beberapa istilah lain bagi menerangkan makna modul pengajaran seperti pakej pengajaran, modul pembelajaran, modul latihan, kit pengajaran, kit pendidikan dan pakej pembelajaran, yang mana semuanya bertujuan membantu guru dalam meningkatkan kualiti atau mencapai objektif yang telah dirancang untuk pengajaran mereka (Nik Azis Nik Pa, 2008).

Kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para Pengkaji tentang keberkesanan bahan pengajaran yang berasaskan modul pengajaran telah menunjukkan kesan yang positif dan sangat menggalakkan terhadap mata pembelajaran tertentu. Hasil kajian (Shaharom Noordin, 1996; Selvakumaran Nadarajan, 1988; Chong, 1998; Fadzilah bt Hj. Amzah, 2007) membuktikan bahawa penggunaan modul pengajaran sebagai bahan pengajaran dan pendekatan alternatif mampu meningkatkan minat, sikap, motivasi, kerjasama, pembentukan keyakinan diri, berfikiran luas dalam menguasai ilmu, kefahaman dan penghayatan pelajar dan mengeratkan hubungan antara guru dan pelajar serta pencapaian akademik pelajar.

Dalam kajian ini, modul pengajaran yang dibangunkan berfungsi sebagai pelengkap kepada buku teks bahasa Arab sekolah. Modul ini akan menerangkan teknik dan pendekatan pengajaran melalui komunikasi nonverbal al Quran dalam sesuatu buku teks bahasa Arab sekolah.

2.8 Model ADDIE

Model ADDIE adalah model yang bersifat generik (Benny A. 2009). Model telah diperkenalkan oleh Reiser dan Mollenda. Dick dan Carry (1996) telah mengembangkan Model ADDIE untuk merancang sistem pembelajaran dan pengajaran. Model ini menerapkan lima tahap aktiviti yang berhubung kait antara satu dengan yang lain yang akan melengkapkan modul pengajaran dan pembelajaran.

Perkataan ADDIE adalah akronim kepada lima tahap berdasarkan proses yang berlaku dalam model ADDIE iaitu Analysis (analisis), Design (reka bentuk), Development (pembangunan), implementation (pelaksanaan) dan Evaluation (penilaian) (Gagne, Wager, dan Keller, 2005)

Menurut Norasikin Fabil (2009) model ADDIE adalah model yang generik dan sistematik yang menunjukkan proses reka bentuk yang berarahan. Pengkaji memilih untuk menggunakan model ini kerana ADDIE adalah model yang terbaik dan sesuai digunakan untuk pembangunan bahan pengajaran dan pembelajaran sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Siemens (2002). Model ini juga merupakan model yang dinamik, menyediakan panduan yang fleksibel dalam proses pembangunan yang efektif dan arahan yang berkesan (Norasikin Fabil, 2009).

McGriff (2000) menyatakan bahawa model ini adalah model interaktif, hasil penilaian formatif yang melibatkan setiap fasa dalam model ini sangat berguna untuk digunakan dalam fasa berikutnya. Keberkesanan model ADDIE ini telah terbukti dalam membangunkan modul pengajaran yang berkesan dan menarik (Ummu Nasibah Nasohah, Muhammad Izuan Abd Ghani dan Nazipah Mat Shaid@Md Shaid, 2015)

2.9 Model Pembinaan Modul Sidek

Satu model yang bersifat integrasi dan komprehensif telah dibangunkan oleh Sidek Mohd Noah pada tahu 2001. Model pembinaan modul sidek ini boloeh dijadikan sebagai asas panduan untuk menulis, membina, dan mengukur kesahan dan kebolehpercayaan modul agar kualiti modul tersebut dapat dijaga dan boleh diguna pakai oleh pengguna modul.

Model pembinaan modul ini perlu melalui dua fasa pembinaan. Fasa pertama ialah fasa penyediaan draf modul manakala fasa yang kedua pula fasa mencuba dan menilai modul.

Fasa pertama mempunyai Sembilan langkah bermula dari pembinaan matlamat dan berakhir dengan penyatuan draf modul manakala fasa kedua perlu melalui tiga langkah iaitu pelaksanaan kajian rintis, penentuan kesahan dan kebolehpercayaan serta penilaian keberkesanan modul. Modul dianggap lengkap sekiranya memperolehi kesahan dan kepercayaan yang tinggi sebelum digunakan dalam situasi sebenar.

Rajah 2.1 Model pembinaan modul Sidek

2.10 Motivasi, Sikap Dan Pencapaian Pelajar

Kajian yang dilakukan oleh Gardner dan Lambert (1959) menunjukkan motivasi dan sikap mempunyai hubungan terhadap kebolehan dan penguasaan bahasa kedua. Menurut Kamus Dewan (2005) motivasi ialah keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan.

Motivasi dan sikap pelajar merupakan faktor utama yang mempengaruhi kejayaan atau kegagalan dalam pembelajaran bahasa (McDonough, 1983). Menurut Gardner dan Lambert (1972) hubungan antara motivasi dan sikap perlu diberi perhatian dalam kajian pembelajaran bahasa.

Motivasi pelajar telah terus menjadi kebimbangan utama bagi guru-guru sama ada yang baru atau berpengalaman kerana motivasi pelajar adalah kritikal untuk pembelajaran bilik darjah di samping memberi kesan kepada kepuasan berkerja guru (Zuria Mahmud dan Mohammad Yaacob, 2007).

Kajian Mohd Ala-Uddin Othman, Zawawi Ismail, Che Mohd Zaid dan Mohammad Rusdi Ab Majid (2020) mendapati KNV memberi kesan yang besar terhadap pencapaian pelajar. Ini adalah kerana penggunaan KNV dalam penyampaian guru akan meningkatkan motivasi dan menjadikan pelajar bersikap lebih positif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.

2.10.1 Pengaruh KNV Terhadap Sikap Pelajar Dan Pencapaian Pelajar

Sikap (attitude) seseorang merujuk kepada bentuk pemikiran, perasaan dan tindak balasnya ke atas individu, kumpulan, isu-isu sosial mahupun apa-apa peristiwa di persekitaran yang mana bentuk tersebut adalah tersusun dan konsisten (Lambert &

Lambert, 1973). Eagly dan Chaiken (1993) mendefinisikan Sikap sebagai kecenderungan psikologi yang ditunjukkan dengan menilai entiti tertentu sama ada disukai atau tidak disukai.

Sikap terhadap bahasa merujuk kepada persepsi pelajar terhadap bahasa sama ada bahasa tertentu menarik dan mudah untuk dipelajari (Yusri, Rahimi, Shah, dan Wan Haslina, 2012). Al Noursi (2013) menyatakan sikap sebagai persepsi pelajar, pemahaman, kepercayaan atau pengalaman pembelajaran bahasa asing yang dinilai oleh soal selidik yang direka khas.

Menurut Haddock dan Maio (2004) Sikap boleh diperolehi daripada tiga sumber: maklumat afektif (contohnya, perasaan tentang sesuatu objek), maklumat kognitif (contohnya, kepercayaan objek) dan maklumat tingkah laku (contohnya, pengalaman tentang sesuatu objek).

Gardner (1985) menegaskan sikap dibahagikan kepada tiga komponen utama, iaitu kognitif, afektif dan konatif. Komponen kognitif merujuk kepada kepercayaan seseorang terhadap bahasa, manakala komponen afektif merujuk kepada reaksi emosi menurut kepercayaan sebelum ini terhadap bahasa, dan komponen konatif dikaitkan dengan tindakan tingkah laku terhadap kepercayaannya.

Oleh itu, hipotesis tentang sikap di bawah kajian ini ialah sikap pelajar afektif untuk pembelajaran terdiri daripada emosi mereka, perasaan, dan keinginan untuk pembelajaran, dan seterusnya akan mempengaruhi tingkah laku pelajar dalam pembelajaran.

Kajian sikap terhadap bahasa memberi manfaat kepada semua pihak yang berkepentingan. Pertama, Pengkajian terhadap sikap pelajar adalah satu kaedah yang berkesan bagi guru bahasa, perancang pendidikan, pereka sukatan pelajaran dan para

Pengkaji boleh mendapatkan pemahaman yang lebih besar dalam proses pembelajaran dan pengajaran bahasa. Kedua, pelajar mempunyai keperluan yang berbeza, keutamaan, kepercayaan, gaya pembelajaran, dan latar belakang pendidikan, dan sebarang perubahan yang berlaku terhadap faktor-faktor ini boleh membawa kepada reaksi negatif. Ketiga, pelajar mempunyai pandangan mengenai proses pembelajaran dan boleh menyatakan dengan jelas sikap mereka.

Sikap positif pelajar terhadap guru dan mata pelajaran akan mempengaruhi pelajar dari segi kebolehan, penguasaan dan pencapaian terhadap sesuatu subjek. Menurut Nor Azizah Abdul Aziz, Siti Hajar Idrus, dan Zamri Mahamod (2008) faktor utama pembentukan sikap positif pelajar terhadap sesuatu bahasa ialah tingkah laku guru. Justeru, peranan guru sangat penting dalam membentuk sikap positif pelajar terhadap sesuatu subjek.

Kajian Janak Singh Negi (2009) mendapati sikap atau tingkah laku Nonverbal guru memainkan peranan penting bagi menjayakan pengajaran bahasa Inggeris. Menurut Gardner (1988) dapatan kajian hubungan antara sikap terhadap sesuatu subjek dan gred pencapaian pelajar telah dijalankan oleh Jordan sejak tahun 1941 beliau mendapati hubungan antara keduanya adalah tinggi. Kajian mutakhir juga menunjukkan hubungan sikap terhadap pembelajaran dan penguasaan bahasa adalah tinggi (Gardner, 1985).

2.10.2 Pengaruh KNV Terhadap Motivasi Pelajar Dan Pencapaian Pelajar

Menurut Dörnyei, (2003) Pengkajian serius ke atas motivasi dalam pembelajaran bahasa dimulakan ahli psikologi sosial kerana kesedaran mereka terhadap kesan-kesan sosial dan budaya dalam pembelajaran bahasa kedua.

(Rogers, Ludington, dan Graham, 1999) menggambarkan motivasi sebagai perasaan dalaman, ia adalah pemacu seseorang untuk melakukan sesuatu. Apabila pelajar berkeinginan atau berkeperluan untuk mempelajari sesuatu, mereka dianggap bermotivasi. Gardner (1985) mendefinisikan motivasi untuk membelajari bahasa kedua adalah sejauh mana individu itu bekerja atau berusaha untuk mempelajari bahasa kerana keinginan untuk berbuat demikian dan kepuasan yang dialami dalam aktiviti berbahasa.

Motivasi ditakrifkan sebagai proses yang memulakan, mengarahkan dan mengekalkan tingkah laku untuk memenuhi keperluan fisiologi dan psikologi (Arkes, 1981). Wood dan Wood (1999) mentakrifkan motivasi sebagai keperluan untuk melaksanakan dengan jayanya sesuatu yang sukar dan untuk melaksanakan standard kecemerlangan yang tinggi.

Christophel (1990) telah menjalankan Pengkajian ke atas 562 pelajar kolej dari sembilan kolej untuk menentukan hubungan antara keadaan motivasi pelajar dan imediasi guru. Pengkajian ini menunjukkan bahawa tingkah laku imediasi guru mempunyai hubungan yang positif dengan motivasi pelajar.

Christophel (1990) membuat kesimpulan bahawa Sebahagian daripada tingkah laku imediasi guru mesti mengubah keadaan motivasi pelajar sebelum imediasi menjadi peramal yang berkesan terhadap pembelajaran.

MacIntyre, Baker, Clément, dan Donovan (2002) menyatakan tiga komponen yang membentuk motivasi pembelajaran bahasa kedua: keinginan untuk belajar bahasa kedua, usaha motivasi, dan sikap terhadap pembelajaran bahasa kedua. Prestasi berkomunikasi yang berkesan bukan sahaja ditunjukkan dalam kebolehan (atau kecekapan) untuk berkomunikasi, tetapi juga ditunjukkan dalam motivasi individu untuk berkomunikasi (Zorn, 1991)

Hasil kajian Lisa Hsu (2010) menunjukkan bahawa tingkah laku imediasi nonverbal guru berkait rapat, positif dan signifikan dengan motivasi pelajar untuk belajar bahasa Inggeris. Di samping itu, analisis regresi menunjukkan bahawa lima tingkah laku nonverbal adalah peramal yang signifikan dengan motivasi pelajar untuk belajar bahasa Inggeris. Hasil kajian ini mencadangkan bahawa motivasi pelajar untuk belajar bahasa Inggeris adalah mungkin dipertingkatkan apabila guru menggunakan tingkah laku yang berikut: senyum, isyarat, mempunyai kedudukan badan yang santai, menggunakan pelbagai ungkapan vokal, dan tidak menggunakan nada suara yg sama semasa mengajar (Lisa Hsu, 2010).

Menurut Nordin Halias (2016), komunikasi nonverbal guru adalah sangat berkait rapat dengan motivasi pelajar. Beliau mendapati kecekapan guru menggunakan Komunikasi nonverbal dalam proses pengajaran dan pembelajaran akan meningkatkan tahap motivasi para pelajar. Kekerapan penggunaan guru terhadap komunikasi nonverbal sangat mempengaruhi motivasi pelajar. Semakin kerap dan cekap guru menggunakan komunikasi nonverbal semakin tinggi motivasi yang akan ditunjukkan oleh pelajar.

Muhammad Azhar Zailani (2007) yang menjalankan kajian tentang aktiviti komunikatif dalam pengajaran Bahasa Arab sekolah menengah mendapati amalan komunikatif yang dipraktikkan oleh guru guru bahasa Arab dalam pengajarannya berkait rapat dengan motivasi pelajar untuk mempelajari Bahasa Arab. Dalam kajian tersebut, beliau mendapati guru menggunakan enam saluran komunikasi nonverbal yangh diprkatikkan sebagai satu strategi pengajaran untuk memotivasikan pelajar berkomunikasi secara lisan (Muhammad Azhar Zailani, 2007). Enam Strategi yang dipraktikkan guru dalam pengajaran itu ialah 1) mimik muka 2) senyap 3) sentuhan 4) tulisan mengukuhkan verbal 5) kawalan kelajuan ucapan dan 6) jarak kedudukan.

Enam strategi ini telah membantu guru dalam penyampaian pengajaran dengan lebih mudah dan memantapkan lagi pemahaman pelajar (Muhammad Azhar Zailani, 2007).

Model *Socioeducational* yang dibangunkan oleh Gardner (1985) adalah model yang paling berpengaruh dalam motivasi pembelajaran bahasa dalam tahun enam puluhan sehingga awal lapan puluhan. Gardner (1985) mentakrifkan motivasi sebagai 'gabungan usaha ditambah keinginan untuk mencapai matlamat pembelajaran bahasa di samping sikap positif terhadap pembelajaran bahasa. Dalam model beliau, Gardner membincangkan dua jenis motivasi, integratif dan instrumental. Motivasi integratif merujuk kepada keinginan pelajar untuk sekurang-kurangnya berkomunikasi atau mengintegrasikan (atau mengasimilasikan) dengan ahli-ahli bahasa sasaran. Motivasi Instrumental merujuk kepada faktor-faktor luaran yang lebih berfungsi untuk pembelajaran bahasa seperti mendapatkan kerja yang lebih baik, gaji yang lebih tinggi atau lulus peperiksaan (Gardner, 1985).

Rajah 2.2 Model socioeducational yang diadaptasi dari Gardner(2001)

Terdapat beberapa komponen dalam model *socioeducational* yang diukur menggunakan skala sikap dan motivasi yang berbeza dalam apa yang dikenali sebagai Gardner AMBT (Sikap / Motivasi Ujian Bateri). Motivasi integratif diukur dengan tiga skala: sikap terhadap kumpulan bahasa sasaran, faedah dalam bahasa asing, dan orientasi integratif. Motivasi juga diukur dengan tiga skala: intensiti motivasi (jumlah usaha melabur dalam pembelajaran bahasa), sikap terhadap pembelajaran bahasa sasaran dan keinginan untuk belajar bahasa sasaran. Sikap terhadap situasi pembelajaran yang merujuk kepada tindak balas individu untuk apa-apa yang berkaitan dengan konteks serta-merta di mana pembelajaran berlaku diukur dengan dua skala: sikap terhadap guru dan sikap terhadap kursus.

Walau bagaimanapun, motivasi integratif paling ditekankan oleh Gardner dan ia sebenarnya tulang belakang modelnya (Rajah 1). Peranan sikap terhadap bahasa yang dipelajari, guru dan situasi pembelajaran adalah semua dianggap bahagian motivasi integratif. Malah, aspek model integratif muncul dalam tiga komponen yang berbeza: orientasi integratif, integratif, dan motivasi integratif. Gardner berulang kali menekankan perbezaan antara komponen ini (contohnya Gardner 1985, 2001; Masgoret dan Gardner, 2003) sejak kekeliruan sering dibuat antara orientasi dan motivasi.

Menurut Gardner orientasi merujuk kepada set sebab yang mana satu kajian individu bahasa; manakala, motivasi merujuk kepada daya penggerak yang melibatkan penggunaan usaha, menyatakan keinginan dan perasaan keseronokan. istilah Orientasi adalah kurang tepat kerana ia juga boleh bermaksud 'sikap atau kecenderungan. walau bagaimanapun, pemahaman lain konsep orientasi telah dicadangkan. Sebagai contoh, menurut pemahaman Belmechri dan Hummel (1998) dan lain-lain dalam bidang ini, orientasi adalah matlamat jangka panjang (lebih dikatakan termasuk dalam peranan

matlamat dalam motivasi), yang bersama-sama dengan sikap, mengekalkan motivasi pelajar.

Bernard (2010) telah mengkategorikan Motivasi kepada dua iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Motivasi intrinsik, yang bererti bahawa pelajar mencari faedah dan kepuasan dalam apa yang mereka belajar dan dalam proses pembelajaran itu sendiri, membawa kepada pembelajaran kendiri bermotivasi dan berterusan. Pelajar yang 'bermotivasi dari dalam' mengiktiraf peranan mereka sendiri dalam pembelajaran dan lebih bertanggungjawab. Motivasi ekstrinsik menerangkan tingkah laku pelajar yang melibatkan diri dalam pembelajaran kerana ia adalah satu kaedah untuk mencapai matlamat yang mempunyai kaitan dengan kandungan apa yang dipelajari.

Kajian kumpulan pelbagai umur dalam pelbagai bidang menyokong idea bahawa pelajar bermotivasi intrinsik mempunyai prestasi yang lebih baik di dalam kelas. Bukti menunjukkan bahawa pelajar-pelajar ini, dan juga pelajar-pelajar yang menerima autonomi sokongan daripada guru-guru untuk meningkatkan motivasi intrinsik mereka, melihat diri mereka untuk menjadi lebih cekap dan berminat dan menunjukkan keseronokan (Bernard, 2010).

Model oleh (Pintrich dan DeGroot, 1990) yang di cadangkan terdapat tiga komponen motivasi yang boleh dikaitkan dengan tiga komponen yang berbeza pembelajaran tersendiri yang dikawal selia: (a) komponen ekspektasi (jangkaan), termasuk kepercayaan pelajar tentang keupayaan mereka untuk melaksanakan tugas, (b) komponen nilai, yang termasuk matlamat pelajar, kepercayaan tentang kepentingan dan minat terhadap tugas, dan (c) komponen afektif, termasuk reaksi emosi pelajar terhadap tugas itu.

Motivasi adalah kunci kepada pencapaian pelajar kerana telah terbukti melalui kajian literatur semua pelajar dipengaruhi oleh motivasi untuk memperoleh pencapaian yang tinggi dan berjaya (Atkinson, 1999); Spence, 1983). Hasil kajian Keith dan Cool (1992), Klinger (1966), Roger (2009), Shawashreh (2007), Trautwein, Ludtke, Koller, dan Kastens (2006), Li dan Pan (2009) dan Alkhasawneh et al. (2012) telah mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif antara motivasi dan pencapaian. Pelajar bermotivasi tinggi akan berusaha bersungguh-sungguh dan menyelesaikan tugas mereka, oleh yang demikian pencapaian mereka menjadi lebih baik jika dibandingkan dengan pelajar yang bermotivasi rendah.

Eccles dan Wigfield (1995) menegaskan bahawa apabila keyakinan, keupayaan dan jangkaan kejayaan pelajar terhadap sesuatu subjek mempunyai motivasi yang tinggi maka pencapaian mereka juga menjadi tinggi tetapi jika mereka terus melihat bahawa sesuatu subjek itu sukar maka kebolehan mereka terhadap subjek itu juga akan rendah. Oleh yang demikian, jangkaan kejayaan pelajar juga rendah.

Pelajar menjadi lebih bermotivasi untuk belajar apa-apa bahasa kedua jika mereka bermotivasi dan berminat dalam bahasa sasaran, tetapi jika pelajar tidak berminat dalam bahasa itu atau mereka tidak terdorong untuk mempelajarinya, mereka tidak akan belajar bahasa tersebut kerana pembelajaran bahasa-bahasa asing berdasarkan tahap motivasi pelajar ke arah bahasa sasaran (Reynolds, 1991; Gardner, 1985).

Menurut Najiba Abdullah Meyad, Samsilah Roslan, Maria Chong, dan Babiyah Haji (2014) jika pelajar terdorong untuk belajar bahasa Arab, dia memperoleh pencapaian yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang tidak bermotivasi.

Menurut Zuria Mahmud dan Mohammad Yaacob (2007) guru boleh melakukan banyak perkara dalam bilik darjah untuk menarik minat dan mengekalkan

motivasi pelajar jika guru-guru dapat membentuk diri dengan ciri-ciri yang bersesuaian. Menurut Mehrabian (1971) imediasi ialah tingkah laku nonverbal termasuk tersenyum, condong ke hadapan, kepelbagaian vokal dan postur badan santai.

Kesan imidiasi KNV terbukti secara positif berkait rapat dengan tahap motivasi pelajar yang lebih tinggi dan peningkatan minat dalam sesuatu mata pelajaran (Ferrell, 2012). Motivasi boleh menentukan sama ada pembelajaran akan menjadi cetek dan jangka pendek atau mendalam dan dihayati (Griffin, 1985)

Hormat, kebimbangan, kehangatan, kesediaan untuk mendengar dan keseronokan tentang bahan adalah semua isyarat KNV dikehendaki untuk motivasi (Griffin, 1985). Oleh kerana kesedaran yang meningkat tentang peranan penting motivasi dalam membaca, guru-guru kini lebih menyedari kepentingan dan keperluan untuk menggunakan KNV dalam kelas.

Menurut Özmen (2011) Tingkah laku imediasi nonverbal menggalakkan pelbagai objektif pendidikan seperti pembelajaran afektif, kognitif dan motivasi. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa setiap budaya menganggap imediasi nonverval sebagai bahagian penting dalam pengajaran yang berkesan, yang juga mendedahkan bahawa imediasi nonverbal yang positif berkait rapat dengan pengajaran yang berkesan (Ozmen, 2011)

KNV boleh memainkan peranan yang strategik yang memberi kesan terhadap peningkatan pencapaian, motivasi dan minat pelajar. KNV muncul dalam banyak variasi dalam bilik darjah. Dapatan kajian lepas menunjukkan penggunaan saluran KNV seperti persekitaran bilik darjah, penggunaan ruang, gerak isyarat, hubungan mata, nada, sentuhan, senyuman dan pakaian amat mempengaruhi motivasi pelajar (Ferrell, 2012).

Menurut (Ferrell, 2012) kontak mata guru membuktikan minat guru terhadap pelajar dan pengajaran serta mempunyai hubungan rapat dengan motivasi. Guru yang mempunyai hubungan mata akan diberi perhatian oleh pelajar. Motivasi memainkan peranan yang kritikal keupayaan guru untuk terus membangunkan kemahiran literasi pelajar (Wainwright, 2003).

Imediasi nonverbal telah dikaji secara berterusan sejak tiga dekad kerana ia membawa kesan positif terhadap keberkesanan pengajaran, motivasi pelajar, dan afektif atau kognitif hasil pembelajaran (Christophel, 1990); Rodriguez dan Plax, Kearney, 1996 ; Zhang dan Oetzel, 2006). Guru-guru terlatih Imediasi nonverbal mampu menjana sikap pelajar lebih positif terhadap pengajaran (Burroughs, 2007). Pogue dan AhYun (2006) menyatakan bahawa kesan imediasi nonverbal mampu menjana motivasi pelajar dan pembelajaran afektif. Menurut Ozmen (2011) Kajian literatur imediasi nonverbal sejak 30 tahun yang lalu menunjukkan bahawa imediasi adalah salah satu cara utama untuk meningkatkan hasil afektif pelajar, dan rasional bahawa pelajar mungkin bertindak balas terhadap tingkah laku yang membantu dalam hubungan interpersonal yang lebih kuat.

Gary (1992) menegaskan bahawa KNV seperti menukar intonasi suara, bergerak ke depan dan ke belakang kelas, kontak mata, dan mempelbagaikan postur badan sangat penting bagi mewujudkan pengajaran berkesan. Keupayaan guru mengaplikasikan aspek nonverbal dengan berkesan dapat mengekalkan momentum minat, kesungguhan, dan keseronokan para pelajar untuk terus mengikuti pengajarannya (Gary, 1992)

Kajian Zawawi Ismail, Nordin Halias, Rahimi Md Saad & Mohd Faisal Mohamed (2020) membuktikan terdapat hubungan antara KNV Guru Bahasa Arab dan pembentukan motivasi pelajar. Guru Bahasa Arab perlu mengamalkan semua

saluran KNV iaitu 1) Penampilan fizikal, 2) Kinesik, 3) Kronomik, 4) Haptik 5) Ekspresi wajah, 6) Okulesik, 7) Proksemik, 8) Paralinguistik 9) Persekitaran/ruang dan 10) Olfaktik dalam pengajaran mereka. Guru yang mahir dalam KNV mempunyai keupayaan untuk meningkatkan motivasi pelajar dan seterusnya memudahkan pembelajaran bahasa Arab

2.11 Reka Bentuk Pengajaran

Menurut Salmiah Md Salleh (2009) dan Hoi (2009) reka bentuk pengajaran adalah satu sistem prosedur bagi membentuk modul pengajaran secara konsisten dan dapat dipercayai. Model ADDIE merupakan model asas dalam pembinaan modul (Gustafson and Branch, 2007). Ini adalah kerana kelima-lima komponen ADDIE, Analysis, Design, Development, Implementation dan Evaluation terdapat dalam model-model pembinaan modul yang lain seperti model Morison, Ross, dan Kemp (2004) model Seels dan Glasgow (1998) dan model Dick dan Carey, (2005). Kelima-lima komponen ADDIE adalah saling berkaitan antara satu sama lain yang akan memandu pembentukan modul pengajaran, yang mana Output sesuatu tahap akan menjadi imput kepada tahap yang berikutnya.

Penggunaan model ADDIE dalam reka bentuk instruksional sebenarnya dapat membantu guru mencipta kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih dinamik berbanding kaedah pengajaran tradisional. Model ADDIE bukan sahaja mudah untuk difahami, malahan mudah untuk diamalkan oleh guru dan pelajar.

Menurut Hoi (2009) model ADDIE adalah berasaskan behaviourisme, bersifat preskriptif dan menggambarkan proses reka bentuk pengajaran sebagai kemajuan satu hala yang linear. Hoi (2009) menyatakan kebaikan model ADDIE ialah penggunaan prototaip cepat, maklum balas berterusan dan formatif diterima semasa bahan

pengajaran sedang dibentuk. Menurut Reiser (2007) walaupun model ADDIE terdapat kelemahan namun ia sangat berguna sekurang-kurangnya dari segi membekalkan rangka menyeluruh tentang aktiviti reka bentuk pengajaran.

Beberapa kajian yang telah dijalankan dengan menggunakan model ADDIE mendapati reka bentuk model ini memberi kesan yang positif terhadap output pengajaran dan pembelajaran. Baharuddin Aris, Rio Sumarni Sharifuddin, Manimgalai Subramanian (2002) menyatakan bahawa model ini adalah salah satu model reka bentuk pengajaran yang sistematik dalam penghasilan bahan pembelajaran yang berkesan dan mesra pengguna. Johari, Nor Hasniza dan Mohamad Yusof (2006) menyatakan bahawa model ADDIE berjaya memberi inpak yang positif sebagai alat pembelajaran tambahan. Menurut Megat Aman dan Nurul Shuhadah (2010), model ini berjaya menarik minat pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.

Model ADDIE juga merupakan satu reka bentuk instruksi yang asas yang boleh diintegrasikan dalam apa jua strategi pengajaran (Hall, 1997). Jansak pula berpendapat model ini adalah model jenerik, mempunyai pendekatan yang sistematik untuk proses mereka bentuk instruksi dan menyediakan pereka bentuk dengan satu rangka kerja yang teratur untuk memastikan bahawa produk-produk pendidikan yang dihasilkan adalah efektif dan proses-proses kreatif adalah sangat efisien.

Menurut Molenda et al. (1996) model ADDIE mempunyai ciri-ciri berikut:

1. Sistematik (langkah-langkah yang berhati-hati yang ditetapkan dan mengikut urutan yang logik).
2. Sistemik (langkah-langkah yang bertujuan untuk menampung semua proses kritikal untuk kejayaan;. Pereka bentuk sentiasa sedar tentang saling bergantung satu elemen sistem pengajaran seperti jumlah pelajar, tenaga pengajar, bahan-bahan, persekitaran).

3. Kebolehpercayaan yang tinggi (langkah-langkah yang dinyatakan secara terperinci supaya proses intelek boleh dijalankan dengan persamaan yang besar dari satu pereka yang lain, satu projek yang lain dan lebih masa).
4. Ia adalah lelaran (kitaran analisis reka bentuk pembangunan ujian-pindaan akan berulang beberapa kali dalam mana-mana projek yang diberikan).
5. Empirikal (perhimpunan data dibina ke dalam proses dan keputusan dibuat berdasarkan data).

2.12 Kerangka Teori

Terdapat tiga teori asas pembelajaran Bahasa yang menjadi teras kepada Pembangunan Pedagogi Modul Komunikasi Nonverbal Al Quran iaitu teori behaviorisme, teori kognitif dan teori pembelajaran social Bandura.

2.12.1 Teori Behaviorisme

Ahli-ahli psikologi seperti Pavlov, Thorndike, Hull dan Skinner adalah pelopor kepada teori behaviorisme. Skinner (1957) telah mengaitkan teori ini dalam pembelajaran bahasa. Pendokong behaviorisme menekankan kepentingan pengaruh persekitaran dalam pembelajaran bahasa, mereka menganggap sesuatu ujaran terbentuk kerana adanya ransangan dalam bentuk-bentuk bahasa dan bukan bahasa. Bahasa merupakan salah satu daripada tingkah laku-tingkah laku manusia (Bloomfield, 1935). Menurut Bloomfield (1935) bahasa memerlukan ransangan *(stimulus*) bagi melahirkan tindak balas (*response*) sebagaimana tingkah laku yang lain.

Menurut Theresia Kristianty (2006), dalam teori behaviorisme terdapat tiga konsep penting;

1. Ransangan (*stimulus*) yang disimbolkan dengan S, merujuk pada semua hal atau perubahan yang ada dalam persekitaran. Seperti kata-kata atau perkataan dalam tulisan ini. Rangsangan pula terbahagi kepada dua iaitu rangsangan luaran *(external stimulus*) seperti suara keras, suara manusia, ujaran dan sebagainya dan rangsangan dalaman *(internal stimulus)* seperti rasa lapar, dahaga atau keinginan untuk bercakap.
2. Respons *(response)* disimbolkan dengan R, merujuk kepada perubahan tingkah laku yang melibatkan adanya aktiviti yang disebabkan oleh otot dan kelenjar sama seperti Rangsangan terbahagi kepada dua iaitu respons luaran dan respons dalaman.
3. Pengukuhan *(reinforcement)* disimbolkan dengan P, iaitu peristiwa atau sesuatu yang dianggap sebagai hadiah atau hukuman yang menyebabkan makin besarnya kemungkinan stimulus(S) tertentu menghasilkan respons(R) tertentu.

Pendokong behaviorisme beranggapan bahawa bahasa adalah bahagian penting dari keseluruhan tingkah laku manusia, mereka menamakannya sebagai perilaku verbal (Theresia Kristianty, 2006). Menurut Angleis dan Martin (1980) dan Clark (1975) terdapat dua teori utama yang dipersembahkan oleh pakar behaviorisme iaitu pelaziman klasik dan pelaziman operan.

2.12.1.1 **Teori Pelaziman Klasik**

Teori ini juga dikenali sebagai teori *contiguity* (keterdekatan dua objek atau lebih tanpa diselangi hal lain) ahli fisiologi Rusia Ivan Petrovich Pavlov telah

melakukan eksperimen dengan menunjukkan makanan kepada anjing yang kemudian memakan makanan itu. John B. Watson mencipta istilah behaviorisme berdasarkan penemuan Pavlov ini. Dengan proses pelaziman klasik, dibentuk serangkaian kaitan stimulus-respons dan tingkah laku yang lebih rumit dipelajari dengan membentuk rangkaian-rangkaian respons.

Dalam ruang lingkup pemerolehan bahasa pertama, teori pelaziman klasik ini dapat menjelaskan bagaimana kita belajar makna perkataan. Banyak ransangan yang dapat menimbulkan emosi positif atau negatif. Rangsangan-ransangan bahasa seperti kata, frasa atau perkataan sering terjadi selaras dengan ransangan-ransangan persekitaran, maka pada akhirnya ransangan bahasa tersebut dapat menimbulkan respons emosional walaupun tanpa ransangan persekitaran.

2.12.1.2 **Teori Pelaziman Operan**

Skinner (1957) telah mengemukakan teori ini dalam bukunya Verbal behavior. Menurut Skinner, persekitaran memainkan peranan dalam pembentukan tingkah laku. Teori pelaziman operan merujuk kepada pelaziman dan pembiasaan di mana manusia memberi respons atau operan (perkataan atau ujaran) tanpa stimulus yang jelas: operan ini dipelajari secara pembiasaan atau conditioning. Peranan peniruan (*imitation*) adalah penting dalam proses pemerolehan bahasa pertama.

Skinner membuat kesimpulan bahawa perilaku atau respons yang dikuti oleh pengukuhan (*reinforce*) positif cenderung diulangi begitulah sebaliknya. Dalam ruang lingkup pembelajaran bahasa, pembelajaran perilaku bahasa yang efektif terdiri atas pemberian respons yang tepat terhadap ransangan yang ada, dan hubungan antara ransangan dan tanggapan menjadi kebiasaan kerana adanya pengukuhan (*reinforcement*)

Kesimpulannya, pendokong behaviorisme memberi penekanan terhadap peripentingnya peniruan dalam pembelajaran bahasa yang melibatkan pembentukan hubungan antara stimulus, respons dan pengukuhan. Pembentukan ini terjadi melalui proses pembiasaan dan pengulangan. Stimulus eksternal dan internal menjadikan seseorang memberi respons tertentu dalam bentuk ujaran. Sekiranya ujaran itu benar, dia akan menerima peneguhan dari orang di sekelilingnya. Bila hal ini terjadi berulang kali maka pengujaran terhadap ucapan tersebut telah dikuasai.

2.12.2 Teori Kognitif

Noam Chomsky, Piaget, Robert Lee, Robin Lakoff, Miller, Gestalt, Lenneberg dan Kohler merupakan tokoh-tokoh terkenal yang mempelopori kajian teori kognitif. Teori ini adalah teori pembelajaran yang berfokuskan fenomena dalaman mental, iaitu pemerolehan, pengurusan, pengkodan, penyimpanan dan pengeluaran sesuatu pengetahuan yang disimpan dalam bentuk skemata (Schunk, 1996).

Jean Piaget adalah pengkaji teori kognitif berpendapat proses pembelajaran adalah proses mental, tahap mental manusia dan saraf yang tinggi membolehkan manusia mempelajari berbagai-bagai-bagai perkara. Seorang kanak-kanak mampu menyerap maklumat dan data-data melalui pengetahuan sedia ada dalam otak yang diperolehi daripada persekitarannya. Kanak-kanak mampu mempelajari sesuatu apabila sampai tahap kematangan tertentu. Chomsky beranggapan pembelajaran bahasa merupakan proses mental. Seorang kanak-kanak telah mempunyai kecekapan semula jadi untuk menguasai bahasa semenjak kelahiran. Hipotesis-hipotesis terbentuk mengikut peraturan -peraturan masyarakat dan tahap kematangan kanak-kanak tersebut.

Menurut Chomsky (1965) lagi bahawa setiap manusia mempunyai kemampuan sejak lahir untuk memperoleh sistem komunikasi iaitu bahasa. Menurut Chomsky pendedahan yang diberikan kepada kanak-kanak sangat penting untuk penguasaan bahasa. Tanpa pendedahan kanak-kanak tidak mungkin dapat menguasai bahasa. Sebagaimana Gestalt, Chomsky menganggap pembelajaran berlaku melalui proses deduktif iaitu keseluruhan struktur dianggap satu unit dan tidak wajar diasingkan, contohnya dalam bidang bahasa dilihat satu pertalian antara pengajaran fonetik, fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik atau digabungjalinkan pengajaran mendengar, menutur, membaca dan menulis.

Menurut Griffiths (2003) pembelajaran bahasa melibatkan proses kognitif yang melibatkan usaha mental secara sedar dan berlaku dalam dimensi sosial pembelajaran melalui interaksi. Menurut Kamarul Shukri Mat Teh dan Mohamed Amin Embi (2012) faktor penyertaan individu dalam proses sosialisasi melalui interaksi interposonal dan intrapersonal adalah penting dalam pembelajaran bahasa. Ini membuktikan bahawa pembelajaran bahasa tidak hanya dipengaruhi oleh faktor pelajar atau kognisi, pembelajaran bahasa juga bukan sekadar pemprosesan maklumat tentang tatabahasa, perbendaharaan kata dan sistem fonetik (Kamarul Shukri Mat Teh dan Mohamed Amin Embi, 2012). Menurut Johnson (2004) persekitaran sosial menjadi sumber imput bahasa dan menjadi sumber perkembangan kognitif pelajar.

2.12.3 Teori Pembelajaran Sosial

Bandura (1977) adalah salah seorang pendokong teori pembelajaran sosial. Teori ini memberi penekanan kepada aspek interaksi antara manusia dengan persekitarannya (Bandura, 1997). Bandura (1977) mendefinisikan teori pembelajaran sosial sebagai satu pembelajaran berlaku dengan memerhatikan orang lain melakukan

sesuatu atau menjadikan seseorang sebagai model tingkahlaku. Tingkah laku seseorang terbentuk daripada latihan pemerhatian atau *modeling* (Bandura, 1977).

Seorang kanak-kanak mempelajari sesuatu melalui pemerhatian terhadap tingkah laku orang lain seperti interaksi dengan keluarga, rakan sebaya, media massa dan konsep kendiri individu (Bandura, 1997) ; Mahmood 2001). Menurut Bandura dan Walters (1959) dan Walters (1963) seseorang belajar melalui pengamatan terhadap perilaku model dan akibat yang ditimbulkannya atas model tersebut. Proses belajar seperti ini disebut *"observational learning"*. Kebanyakan pola percakapan, gaya berpakaian, tingkah laku langsung dan pelbagai tingkah laku lagi dipelajari oleh manusia melalui pemerhatian atau pemodelan (Ma'rof Redzuan dan Haslinda Abdullah, 2004)

Bandura menyatakan bahawa teori pembelajaran sosial membahaskan tiga perkara (Hassan Mustafa, 2011):

1. Bagaimana perilaku kita dipengaruhi oleh persekitaran melalui peneguhan dan *observational learning*.
2. Cara pandang dan fikir yang kita miliki terhadap informasi.
3. Bagaimana perilaku kita mempengaruhi persekitaran kita dan melahirkan peneguhan serta *observational opportunity* yang boleh diperhati dan diamati oleh orang lain.

Kanak-kanak lebih cenderung untuk meniru tingkah laku yang diberi peneguhan positif. Seandainya peneguhan tidak jelas maka mereka cenderung untuk meniru tingkah laku model yang berstatus tinggi, menarik,yang disukai dan berjaya (Bandura, 1977). Bandura (1977) menyatakan bahawa terdapat tiga faktor yang mempengaruhi tingkah laku iaitu kelakuan pelajar sendiri, pengaruh persekitaran dan interaksi kognitif.

Bandura dan Mishel (1986) menjelaskan lima 'variabel individu' berinteraksi dengan persekitaran bagi mempengaruhi tingkah laku mereka:

1. Kebolehan – apa yang terupaya atau boleh dilakukan seseorang itu seperti kecerdasan, kebolehan fizikal dan lalin-lain.
2. Strategi pengkodan – cara bagaimana manusia memilih dan menumpukan perhatian kepada ransangan luaran, mengekodkan dan membentuk kategori-kategori yang bermakna bagi dirinya.
3. Apa yang diharapkan – hasil daripada sesuatu tingkah laku yang dipaparkan oleh individu berkenaan.
4. Nilai subjektif – adakah sesuatu tingkah laku itu lebih bermakna bagi seseorang berbanding dengan individu lain.
5. Sistem pengendalian – apakah cara yang sesuai boleh digunakan oleh seseorang dan perancangan untuk mencapai matlamat.

Konsep ini dikenali sebagai konsep *determinisme* timbal balas dalam teori pembelajaran sosial. Hubungan timbal balas antara tingkah laku, persekitaran dan faktor peribadi membolehkan pelajar bahasa memerhati dan meniru model serta membina efikasi kendiri (Kamarul Shukri Mat Teh dan Mohamed Amin, 2012).

Bandura (1986) telah mencadangkan empat proses mental yang perlu beroperasi sewaktu proses pembelajaran berlaku;

1. Tumpuan iaitu pemerhati perlu memberi perhatian dan tumpuan sepenuhnya kepada apa yang diperkatakan atau yang dilakukan oleh model.
2. Ingatan iaitu pemerhati perlu mengekod maklumat dengan cara yang boleh diingati kembali untuk digunakan pada masa akan datang.

3. Kawalan motor iaitu pemerhati perlu berupaya menggunakan maklumat yang diingati untuk memandu tindakannya supaya dia dapat meniru tingkah laku yang telah dilihatnya.
4. Motivasi iaitu pemerhati perlu mempunyai sebab, peneguhan atau intensif untuk melakukan tingkah laku yang dilakukan oleh model. Tanpa dorongan dan motivasi peniruan tidak berlaku.

Implikasi teori ini menekankan bahawa keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai sekiranya guru cekap dan menarik agar mereka boleh dijadikan role model yang popular dalam kalangan pelajar (Abdul Said Ambotang, 2011). Demonstrasi guru hendaklah jelas serta menarik untuk membolehkan pelajar menirunya dengan mudah dan tepat, hasilan kerja guru juga haruslah baik dan bermutu tinggi untuk dicontohi Pelajar.

Pengkaji telah menggabungkan ketiga-tiga teori behaviriosme, teori kognitif dan teori pembelajaran sosial Bandura dalam modul pedagogi komunikasi nonverbal al Quran. Ketiga-tiga teori akan menjadikan modul ini lebih berkesan dala proses pembelajaran yang akan dijalankan oleh guru dalam bilik darjah.

2.13 Model Pengajaran

Pengajaran merupakan satu sistem aktiviti yang secara khusus ditujukan kepada murid-murid dengan tujuan membawa perubahan tingkah laku dalam kalangan mereka. Menurut Koh (1984) pengajaran adalah satu proses yang kompleks yang dipenuhi pelbagai unsur, termasuk kualiti pengajar, kecerdasan, bakat, minat, pengaruh motivasi, persekitaran sekolah dan dorongan ibu bapa terhadap murid itu sebagai satu proses, pengajaran merupakan suatu jaringan aktiviti yang dikendalikan oleh guru bagi menghubungkan murid-murid melalui pemahaman yang dijangka dapat

dipindahkan setelah hubungan itu dikawal dengan baik oleh kaedah tertentu yang digunakan.

Bagi menghasilkan pengajaran yang berkesan pakar-pakar pendidikan telah mengkaji dan mengenal pasti model-model pengajaran untuk diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Antaranya model SIM, model Taba, model inkuiri dan model pengajaran Robert Glaser.

2.13.1 Model Pengajaran Sim.

Model pengajaran SIM berasaskan lima komponen atau pemboleh ubah utama ; objektif pengajaran, guru, murid, isi pelajaran dan persekitaran (Asmah Hj Ahmad, 1989 dan Hayati, 2000). Proses interaksi yang berlaku dalam pengajaran SIM melibatkan salah satu atau lebih antara kelima-lima komponen tersebut (Abdul Said Ambotang, 2011).

Menurut Sim (1970) keberkesanan sesuatu proses pengajaran bergantung pada kebijaksanaan seorang guru menentukan objektif dan isi pelajaran yang berkaitan dengan komponen persekitarannya, serta kecekapannya menggunakan teknik pengajaran yang sesuai untuk menjalankan pengajaran melalui interaksi antara guru dan pelajar dengan objektif dan isi pelajaran dalam persekitarannya. Semasa interaksi berlaku salah satu komponen menjadi fokus iaitu komponen utama yang dititik beratkan dalam proses pengajaran.

Interaksi berikut boleh berlaku dalam dalam pengajaran yang dikemukakan oleh Sim.

1. Interaksi antara guru, murid dan objektif- objektif pelajaran hendaklah berpandukan kebolehan, keupayaan mental dan fizikal pelajar. Guru perlu menyediakan isi pelajaran yang bersesuaian dengan objektif yang dirancang.

Objektif yang dikemukakan oleh guru haruslah dapat membuktikan perubahan tingkah laku pelajar (*eksplisit*).

2. Interaksi antara guru, murid dan isi pelajaran – isi pelajaran yang dirancang oleh guru perlu mengambil kira dan bersesuaian dengan minat, keupayaan dan kebolehan pelajar. Isi pelajaran yang baik ialah yang tersusun dan mempunyai
3. Urutan yang sistematik supaya para pelajar dapat mengikutinya dengan mudah dan berkesan.
4. Interaksi antara guru, murid dan persekitaran – prasarana persekitaran belajar hendaklah memenuhi keperluan dan memperkayakan pengajaran serta dipastikan kemudahan bahan-bahan sokongan sesuai, berfungsi dengan baik dan sempurna. Guru harus memastikan persekitaran pengajaran dan pembelajaran mereka sesuai dengan perkembangan intelek, emosi, rohani dan jasmani serta sosial para pelajar.

Menurut Abdul Said Ambotang (2011) berdasarkan model pengajaran Sim Implikasi dalam pembelajaran berkesan ialah dalam situasi berikut ;

1. Objektif pelajaran harus ditentukan secara eksplisit dan mengikut kebolehan pelajar.
2. Isi pelajaran harus dipilih berdasarkan objektif pelajaran dan dirancang secara sistematik mengikut kaedah yang sesuai, di samping bahan-bahan yang dipilih hendaklah sesuai dengan minat dan kebolehan pelajar serta sesuai dengan masa yang diperuntukkan dalam proses pengajaran.
3. Guru hendaklah menggunakan kaedah mengajar dan strategi pengajaran yang berkesan.

4. Guru hendaklah memupuk perhubungan yang baik dengan pelajar supaya lahir interaksi yang sihat dan setimpal dengan suasana pengajaran dan pembelajaran berkesan.

Elemen-elemen persekitaran seperti kemudahan bilik darjah bersesuaian dengan sosioekonomi dan budaya pelajar perlu diberi pertimbangan sewajarnya oleh guru, supaya interaksi berkesan antara guru, murid, objektif, isi dan persekitaran dapat diwujudkan dan mencapai tahap optimum.

2.13.2 Model Pengajaran Behaviorisme

Model pengajaran ini dipelopori oleh ahli psikologi Pavlov, Thorndike, Hull dan Skinner. Menurut Skinner (1957) teori ini berkait rapat dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa di mana pengaruh persekitaran, rangsangan dalam bentuk-bentuk bahasa dan bukan bahasa yang melahirkan tindak balas. Terdapat tiga konsep yang mendasari model pengajaran behaviorisme (Theresia Kristianty, 2006) sebagaimana yang telah dibincangkan dalam sub topik kerangka teori iaitu:

1. Rangsangan (stimulus) yang merujuk kepada semua perubahan yang ada dalam persekitaran. Ada dua bentuk rangsangan iaitu rangsangan luaran seperti suara manusia dan rangsangan dalaman seperti keinginan untuk bercakap dan rasa lapar.
2. Tindak balas (Response) merujuk kepada tindak balas yang melibatkan aktiviti anggota badan.
3. Pengukuhan (reinforcement) sesuatu yang dianggap sebagai hadiah atau hukuman yang menyebabkan semakin berkembang rangsangan dan tindak balas.

Komunikasi nonverbal sangat berkait rapat dengan peningkatan motivasi belajar. Menurut Mar'at (1989) pendekatan stimulus-respons (S-R) dapat difahami melalui suatu analisis dari ransangan yang diberikan dan dapat mempengaruhi reaksi yang terjadi. Tingkah belajar itu terdapat hubungan yang rapat antara reaksi behavioral dengan ransangannya. Langer menyatakan bahawa salah satu keperluan utama manusia adalah keperluan simbolisasi (Mulyana, 2005).

Penggunaan lambang atau simbol berdasarkan kesepakatan seperti mengangkat ibu jari kepada siswa yang bererti baik atau bagus, penggunaan isyarat tangan ketika menjelaskan sesuatu, menyentuh bahu pelajar sambil memuji ketika siswa itu dapat menjawab soalan yang dilontarkan, Sentuhan berhemat ke atas para pelajar akan dapat melahirkan kedekatan psikologis, penggunaan intonasi suara guru ketika menyampaikan pengajaran dengan suara yang jelas dari segi sebutan, tidak monoton, dapat dibezakan kata tanya, kata seruan, kata tegahan dan suruhan, gaya yang bersemangat dan sebagainya akan berupaya meningkatkan dan membangkitkan motivasi belajar siswa semasa proses pengajaran berlangsung.

Jelas sekali kemampuan guru menerapkan komunikasi nonverbal dalam pengajaran mampu meningkatkan motivasi belajar dan pengukuhan tersendiri bagi seseorang. Menurut Sadtono (1999) metode pengajaran yang didasarkan atas keselarian antara pengucapan dan tindakan dengan mengaktifkan kegiatan psikometriknya atau gerakan badan keseluruhannya akan meningkatkan motivasi siswa dari segi konsentrasi pemikiran, perasaan yang menyentuh aspek efektif, perilaku dan sebagainya adalah disebabkan oleh guru yang menerapkan komunikasi nonverbal secara efektif ketika menyampaikan pengajaran. Menurut Skinner, jika seseorang dirangsang secara eksternal maka ada kecenderungan memberi reaksi atau respons (Hafied, 2004). Kemampuan guru menerapkan komunikasi nonverbal dalam

pengajaran boleh merangsang pelajar secara optimum untuk memberi respons positif yang berupa motivasi belajar

2.14 Kajian Lepas

Kajian-kajian komunikasi nonverbal telah dilakukan sejak akhir tahun 1960 atau awal 1970-an. Ilmuan dalam bidang psikologi, sosiologi, antropologi dan komunikasi ntelah membuat kajian-kajian nonverbal tetapi tidaklah begitu meluas. Kajian-kajian nonverbal ketika itu fakus kepada keistimewaan dan kepentingan penggunaan komunikasi nonverbal (Dobkin & Pace, 2000). Kajian-kajian nonverbal oleh pengkaji Melayu juga amat kurang dan terkemudian.

2.14.1 Kajian Komunikasi Nonverbal Dalam Negara

Kajian Azmi Abdullah (1993) 'maklum balas dalam perbualan tidak formal'. Hasil kajian beliau mendapati bahawa perlakuan nonverbal dalam komunikasi mempunyai fungsi tertentu yang menggambarkan makna bagi kedua-dua penutur dan pendengar dalam konteks perbualan. Aksi nonverbal spontan seperti renungan, anggukkan, pergerakan tangan, badan dan ekspresi wajah yang berbagai boleh berlaku mengiringi pertuturan semasa perbualan. Dalam kajian ini juga beliau mendapati elemen nonverbal yang paling menonjol dalam perbualan ialah ekspresi wajah dan pergerakan kepala. Beliau membuat kesimpulan hasil dari kajian beliau terdapat enam ciri maklum balas nonverbal semasa perbualan iaitu maklum balas nonverbal menyusuli selepas stimulus, maklum balas nonverbal sebagai penyokong bentuk-bentuk verbal, maklum balas nonverbal mendahului makna stimulus verbal, maklum balas nonverbal bekerjasama antara satu sama lain, maklum balas nonverbal

bertindanan dengan ujaran verbal dan maklum balas nonverbal boleh wujud bersendirian dalam keadaan tertentu.

Kajian bertajuk aktiviti komunikatif dalam pengajaran bahasa Arab sekolah menengah oleh Muhammad Azhar Zailani (2007) dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Secara kualitatif kajian ini menggunakan teknik pemerhatian, pembuktian dokumen dan temu bual. Kajian ini menggunakan seorang guru sebagai subjek kajian. Pemerhatian dijalankan selama lapan bulan dengan memfokuskan amalan komunikatif yang dipraktikkan oleh guru bahasa Arab semasa pengajarannya. Dalam kajian ini, Muhammad Azhar Zailani (2007) ada menyentuh secara langsung tentang strategi bukan verbal yang digunakan subjek kajiannya. Subjek kajiannya didapati telah menggunakan enam strategi bukan verbal. Ia digunakan sebagai satu strategi pengajaran untuk menggalakkan pelajar berkomunikasi secara lisan. Enam strategi tersebut ialah menggunakan 1) mimik muka, 2) senyapan, 3) sentuhan, 4) tulisan mengukuhkan verbal, 5) kawalan kelajuan ucapan dan 6) jarak kedudukan. Muhammad Azhar Zailani (2007) mendapati kesemua enam strategi bukan verbal yang digunakan guru telah membantu mempermudahkan pengajaran guru dan memantapkan pemahaman pelajar.

Puteri Roslina Abdul Wahid (1995) telah mengkaji penggunaan bahasa verbal dan nonverbal terhadap kanak-kanak Prasekolah. Kajian ini bertujuan untuk melihat bagaimana kanak-kanak menggunakan bahasa verbal dan nonverbal ketika berkomunikasi dengan manusia di sekelilingnya. Tujuh elemen komunikasi nonverbal telah dianalisis iaitu kontak badan, proksemik, postur, anggukkan kepala, ekspresif wajah, isyarat badan, dan kontak mata. Kajian ini mendapati kanak-kanak lebih banyak menggunakan komunikasi nonverbal ketika berhubung dengan ibu dan neneknya berbanding komunikasi verbal.

Kajian bertajuk *The Relationship Of Nonverbal Communication Cues And Student Satisfaction"* oleh Sarah Sabir Ahmad, Farah Merican Isahak Merican, Intan Nazrenee Ahmad, & Rosliza Md Zani (2010) menggunakan pendekatan kuantitatif. Kajian ini menggunakan 330 pelajar UiTM Kedah sebagai sampel responden kajian. Dua persoalan kajian telah dikemukakan iaitu mengenal pasti hubungan di antara komunikasi bukan lisan dengan kepuasan pelajar dan mengenal pasti jenis isyarat nonverbal yang sangat mempengaruhi kepuasan pelajar. Saluran KNV yang dikaji ialah Kinesik, Paralinguistik, Proksemik dan Penampilan Fizikal. Para pengkaji telah membandingkan persepsi responden terhadap komunikasi bukan lisan pensyarah dan kepuasan perkhidmatan pendidikan yang mereka terima telah dinilai. Hasil kajian menunjukkan kesemua saluran komunikasi bukan lisan adalah signifikan dan mempunyai hubungan positif terhadap kepuasan pelajar kecuali saluran penampilan fizikal. Kinesik dan paralinguistik dinyatakan sebagai faktor utama yang menjadi pemangkin kepada kepuasan pelajar kajian . Walau bagaimanapun secara keseluruhannya didapati pelajar-pelajar di UiTM Kedah berpuas hati terhadap komunikasi bukan lisan yang diekspresikan oleh para pensyarah.

Kajian Zulkifli Abdullah (1999) 'komunikasi nonverbal di kalangan masyarakat Melayu besut'. Beliau telah membuat kajian komunikasi nonverbal terhadap masyarakat Melayu Besut. Hasil kajian beliau mendapati masyarakat Melayu Besut banyak menerapkan elemen paralinguistik, kontak mata dan gerakan kepala di samping proksemik, kronemik dan artifaktual yang tersendiri. Kajian beliau juga mengaitkan penggunaan nonverbal dengan kesopanan yang merupakan etika hidup utama masyarakat Melayu.

Kajian bertajuk Komunikasi Lisan Dan Bukan Lisan Dalam Adat Perkahwinan Melayu oleh Abdul Rahman Ahmad Hanafiah (2004) dengan menggunakan kaedah

kualitatif. Kajian ini membincangkan komunikasi lisan dan bukan lisan dalam Adat Temenggung (Kuala Kangsar) dan Adat Pepatih (Negeri Sembilan) dalam adat perkahwinan mereka. Beliau telah mengkaji tatacara komunikasi lisan dan bukan lisan yang digunakan dalam adat perkahwinan bermula dengan adat merisik, bertunang dan akad nikah sehinggalah selesai majlis perkahwinan dijalankan. Komunikasi lisan yang dibahaskan ialah pertuturan yang membabitkan pengucapan pepatah-petitih, pantun, syair, gurindam, seloka dan lain-lain yang memperlihatkan masyarakat Melayu menggunakan bahasa sangat halus dan memberi pengertian mendalam. Kajiannya mendapati unsur KNV yang digunakan adalah melibatkan perantaraan lambang-lambang tertentu (seperti sirih, keris, tepak sirih) bunyi-bunyian (rebana) dan bau-bauan.

Kajian Nor Shafrin Ahmad, Fadzilah Amzah, dan Rahimi Che Aman (2009) 'Kemahiran Komunikasi Guru Pelatih Universiti Sains Malaysia' bertujuan mengenal pasti elemen komunikasi verbal dan nonverbal dalam kalangan guru pelatih pusat pengajian Ilmu pendidikan Universiti Sains Malaysia. Elemen nonverbal yang dikaji terhadap dua belas orang guru pelatih meliputi intonasi suara, ekspresi wajah, kontak mata dan sentuhan. Kajian ini mendapati guru pelatih kurang mahir menggunakan intonasi suara yang sesuai dalam proses pengajaran di mana suara monoton dan tidak menarik digunakan. Guru juga didapati tidak menggunakan ekspresi wajah yang serius semasa menerangkan isi-isi penting atau semasa menggambarkan sesuatu situasi. Dari segi kontak mata pula guru hanya memberi tumpuan kepada pelajar yang berada di hadapan kelas. Kajian ini juga mendapati hanya seorang guru sahaja yang membuat sentuhan kepada murid sebagai penghargaan atau galakan atau sokongan. Kajian ini menunjukkan bahawa guru pelatih tidak menguasai kemahiran komunikasi nonverbal yang boleh membantu keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Kajian bertajuk ‘Corak Berkomunikasi Bukan Verbal Di Kalangan Pelajar-Pelajar Bermasalah Pembelajaran Di Sekolah Menengah Di Daerah Raub’ telah dijalankan oleh Syed Abdillah Syed Kamaruddin (2003) secara kualitatif. Kajian ini menggunakan kaedah temuduga dan pemerhatian etnograpi. Kajian ini melibatkan 2 orang guru dan 17 orang pelajar yang bermasalah sindrown down, kerencatan akal, perkembangan mental lambat dan autisme di sebuah sekolah di Raub. Syed Abdillah melalui kajiannya cuba untuk menjawab beberapa persoalan antaranya 1) adakah wujud komunikasi bukan verbal dalam kalangan pelajar-pelajar khas, 2) apakah corak dan jenis KBV yang digunakan, 3) sejauh manakah mereka memahami sistem KBV, 4) dalam situasi manakah mereka sering gunakan KBV. Dapatan kajiannya menunjukkan subjeknya telah menggunakan empat jenis KBV iaitu pergerakan badan, sentuhan, ekspresi muka dan tenungan mata. Mereka berkomunikasi secara bukan verbal dengan hubungan mata ke mata, sentuhan badan ke badan, kedudukan berhadapan muka dengan jarak yang dekat. Mereka juga ada menggunakan bahasa verbal yang tidak difahami maknanya tetapi mesejnya difahami dengan sokongan KBV seperti gerakan badan, sentuhan dan ekspresi wajah. Mereka gunakan KBV dengan berjaya dan berkesan untuk 1) Memberi tahu sesuatu, 2) Menyatakan sesuatu keinginan atau kehendak, 3) Menceritakan sesuatu kejadian, 4) Menarik perhatian rakan atau guru, 5) Menjalin kemesraan silaturahim di antara mereka, 6) Menyatakan perasaan mereka kepada orang lain, 7) Menunjuk arah atau kedudukan sesuatu benda atau orang dan 8) Bergurau dan berkasih sayang di antara mereka

Kajian bertajuk ‘Komunikasi Pesakit Neuro Di Hospital’ oleh Che Rabaiaah Mohamed (1997)dengan menggunakan kaedah kualitatif. Kajian ini meneroka tentang komunikasi lisan dan bukan lisan yang berlaku dalam kalangan pesakit neuro. Kajian melibatkan sampel 12 pesakit yang dimasukkan di Wad Neuro Hospital Universiti

Sains Kubang Kerian. Selain bentuk komunikasi lisan, kajiannya cuba mengenal pasti bentuk atau saluran KNV yang digunakan dalam kalangan pesakit. Kajiannya mendapati pesakit neuro telah menggunakan KNV sebagai medum komunikasi seperti penggunaan tangan, jari dan kepala.

Mohd Zaikham Husin (2005) telah membuat kajian tentang 'pola komunikasi verbal dan nonverbal guru yang mengajar mata pelajaran elektif dalam bilik darjah dan kesannya terhadap tingkah laku delinkuen remaja'. Hasil kajian beliau mendapati beberapa elemen nonverbal digunakan dalam proses pengajaran dalam bilik darjah iaitu kontak mata, postur tubuh, gesture, ekspresi wajah, pakaian, perawakan dan penggunaan unsur humor. Kajian ini mendapati pola komunikasi guru mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku pelajar. oleh yang demikian guru perlu meningkatkan kemahiran komunikasi mereka.

2.14.2 Kajian Luar Negara

Kajian bertajuk Body In Mind: How Gestures Empower Foreign Language Learning dijalankan oleh Macedonia & Knosche (2011). Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti pengaruh gerak isyarat kepada kemampuan mengingat pelajar terhadap perkataan asing. Ujian ini dijalankan ke atas para peserta dengan menggunakan sebanyak 32 perkataan bahasa Itali yang telah dibahagikan kepada dua set. Satu set yang mengandungi enam 16 perkataan telah dikodkan secara audio sahaja tanpa diiringi oleh gerak isyarat manakala satu lagi set yang juga mengandungi 16 perkataan lagi dikodkan secara audio dan diiringi dengan gerak isyarat. Para peserta telah dilatih selama 6 hari. Prestasi memori telah dinilai setiap hari dengan menggunakan ujian yang berbeza. Keputusan keseluruhan menunjukkan bahawa pelajar mampu mengingati perkataan yang dikodkan dengan diiringi gerak isyarat dengan lebih baik

berbanding dengan perkataan yang dikodkan secara audio sahaja. Dalam ujian pembinaan ayat baru berdasarkan perkataan yang telah mereka perolehi juga didapati bahawa item atau perkataan yang dikodkan melalui isyarat digunakan dengan lebih kerap oleh para peserta. Ini menunjukkan bahawa secara nonverbal akses mereka dalam ingatan telah dipertingkatkan.

Kajian bertajuk *A reinvestigation of the relationship of teacher nonverbal immediacy and student compliance-resistance with learning* oleh Burrough (2007). Kajian telah dijalankan ke atas 564 pelajar universiti. Ukuran tingkah laku nonverbal guru dilakukan dengan menggunakan 14 item soal selidik *Immediacy Behaviour Scale-IBS* oleh Anderson (1978) yang dimodifikasi oleh Richmond, Gorham dan McCroskey (1987). Sikap pelajar diukur dengan menggunakan soal selidik *affective learning measure* yang dibina oleh mcCroskey (1994). Untuk ukuran kognitif, dengan menggunakan skala berjulat 0-9, pelajar dikehendaki menjawab dua soalan yang juga juga diasaskan oleh Richmond (1987) iaitu 1) sejauh manakah anda telah belajar dalam kelas dan 2) sejauh manakah anda rasa anda akan pelajari jika anda mendapat guru yang ideal. Pada aspek sikap, didapati pelajar lebih cenderung menentang atau menolak permintaan yang dibuat oleh guru yang lemah komunikasi nonverbalnya dan begitulah sebaliknya. Pada aspek kognitif dengan menggunakan teknik *learning loss score*, kajian didapati menyokong dapatan kajian terdahulu iaitu terdapat hubungan yang signifikan antara aspek kognitif pelajar dan tingkah laku nonverbal guru.

Selain itu terdapat beberapa jurnal dan kajian luar negara yang berkaitan dengan nonverbal guru. Antaranya jurnal bertajuk *Functions Of Nonverbal Communications In Teaching And Learning A Foreign Language* oleh Allen (1999), jurnal bertajuk *Students Perceptions Of Teachers' Nonverbal And Verbal Communication: A Comparison Of Best And Worst Professors Across Six Cultures*

oleh Georgakopoulos & Guerrero (2010) dan jurnal bertajuk *The Relations Between Teacher Management Communication Style And Affective Learning* oleh (Chorry & McCroskey, 1999). Antara artkel jurnal yang terbaru tentang KNV ialah bertajuk '*Emoji Face Renderings: Exploring the Role Emoji Platform Differences have on Emotional Interpretation'* yang membicarakan tentang pentafsiran emoji muka. Penggunaan emoji muka yang menggambarkan pelbagai emosi adalah saah satu bentuk KNV yang digunakan dalam pelbagai medium teknologi zaman moden (Courtny L. Franco· Jennifer M. B. Fugate (2020).

2.14.3 Kajian Komunikasi Nonverbal Al Quran Dalam Negara

Kajian Asep Dadan Wildan (2003) 'Prinsip-prinsip komunikasi dalam al Quran ; tumpuan terhadap surah al Hujurat' telah mengemukakan topik khusus tentang komunikasi nonverbal dalam al Quran. Beliau telah membincangkan empat elemen komunikasi nonverbal al Quran iaitu interaksi sosial, ekspresi wajah, gesture dan kontak mata. Beliau telah membawakan contoh-contoh ayat al Quran dan penjelasan elemen-elemen nonverbal yang berkaitan di samping sokongan daripada Pengkaji-Pengkaji barat tentang komunikasi nonverbal seperti Mehrabian, Tubbs dan Moss, Kenneth Little, Ekman dan Wallace dan McAuley. Kajian ini membuktikan kewujudan komunikasi nonverbal dalam al Quran secara jelas dan perlu diberi perhatian dalam berkomunikasi.

Mohd Farid Mohd Sharif (2009) telah membincangkan bentuk komunikasi yang berlaku antara tuhan dan para nabi yang diutuskan iaitu dalam bentuk verbal dan nonverbal. Beliau telah membawakan beberapa potong ayat al Quran bagi menjustifikasikan kenyataan beliau. Beliau membuat kesimpulan bahawa terdapat tiga bentuk komunikasi nonverbal yang berlaku antara Allah dan manusia iaitu komunikasi

dalam bentuk inspirasi seperti inspirasi melalui mimpi yang dialami oleh Nabi Ibrahim a.s yang membawa mesej bahawa anaknya Nabi Ismail a.s perlu disembelih sebagai korban. Mimpi itu sebenarnya hanyalah ujian kepada Nabi Ibrahim a.s.

Bentuk komunikasi nonverbal yang kedua ialah melalui fenomena alam semula jadi di mana komunikasi ini berlaku secara tidak langsung seperti ayat yang menerangkan tentang proses kejadian tanaman, penurunan hujan, fungsi daratan dan lautan yang membawa mesej kewajiapan memelihara alam semula jadi. Bentuk komunikasi nonverbal yang ketiga ialah melalui fenomena sejarah yang banyak diceritakan dalam al Quran seperti kisah 'Ashab al Kahf' yang bertujuan untuk dijadikan sebagai panduan dan teladan.

2.14.4 Kajian Nonverbal Al Quran Luar Negara

Kajian Rabayi'ah (2010) Lughat al Jasad Fi al Quran al Karim .Kajian beliau menjurus kepada bahasa badan yang terdapat dalam al Quran. Beliau telah membawakan dalil-dalil ayat al Quran untuk membuktikan kewujudan bahasa badan. Kajian beliau dibahagikan kepada enam bab yang meliputi definisi bahasa badan dari segi bahasa dan istilah, konsep bahasa badan menurut al Quran dan konsep bahasa badan moden, jenis-jenis komunikasi manusia dan peranan bahasa badan dalam komunikasi, kontak mata dan fungsinya yang terdapat dalam al Quran. Ekspresi wajah dan ciri-cirinya, bahasa isyarat yang melibatkan anggota badan seperti tangan, jari, kepala dan kaki dan Postur badan seperti berdiri, duduk, berbaring, berjalan dan berlari. Pengkaji mendapati kajian ini membincangkan bahasa badan yang terdapat dalam al Quran secara umum tanpa mengira kesesuaian penggunaannya dalam pengajaran.

Kajian ’Arar (2007). Al Bayan Bi La Lisan. Beirut: Dar al Kutub al’Ilmiyyah. Kajian beliau dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian pembukaan dibincangkan tentang bahasa badan yang merangkumi bahasa diam dan pergerakan anggota dalam komunikasi, beliau membezakan antara bahasa badan dan badan bahasa serta hubungan antara keduanya. Disentuh juga tentang pergerakan badan yang semula jadi seperti perasaan sedih, gembira, marah dan takut dan pergerakan yang dipelajari sama ada dengan cara peniruan, ikutan atau latihan. Bahagian kedua beliau telah menyusur sejarah bahasa badan yang telah dibincangkan oleh tokoh balaghah seperti al Jahiz, tokoh insiklopedia Arab seperti al Tha’alibiy, tokoh linguistik seperti Ibn Jinniy, tokoh fundementalis Islam seperti al Ghazaliy dan tokoh *Pyshsiognomy* Arab seperti al Razi. Bahagian ketiga beliau membicarakan tentang bahasa badan dalam al Quran, hadis dan kesusasteraan al ‘Isyq wa al ‘Ussyaq (kasih dan kekasih). Beliau mengulas dan membawakan contoh bahasa badan dalam setiap perbincangan.

Kajian Ahmad (2003). Al Ittisal Ghair al Lafzi fi al Quran al Karim memberi tumpuan khusus kepada saluran-saluran nonverbal al Quran. Beliau mendapati 4480 atau 72% ayat al Quran adalah terdiri dari komunikasi nonverbal. Kajian ini berdasarkan lima buah kitab tafsir yang masyhur iaitu tafsir *Jami’ al Bayan ‘An Ta’wiil Ayy al Quran’* oleh Imam al Tabariy, tafsir *al Kassyaf ‘An Haqa’iq al Tanzil wa ‘Uyun al Aqawil* oleh al Zamakhsyariy, *al Tafsir al Kabir wa Mafatih al Ghaib* oleh al Fakhr al Raziy, tafsir *al Tahrir wa al Tanwir* oleh Ibn ‘Asyur dan *Safwat al Tafasir* oleh Mohammad ‘Aliy al Sabuniy. Hadis-hadis Nabi dan pandangan-pandangan cendekiawan juga diselitkan ketika membincangkan nonverbal al Quran. Beliau membincangkan nonverbal al Quran dengan panjang lebar dan perbahasan yang panjang bagi membuktikan bahawa wujudnya saluran-saluran nonverbal al Quran.

Kajian ’Abdullah (2004) ‘Komunikasi nonverbal dan pengaruhnya yang mendalam terhadap seseorang berdasarkan al Quran dan Sunnah Nabawiyyah’ menyatakan bahawa komunikasi bukan hanya berlaku melalui dialog verbal tetapi melalui dialog jiwa. Senyap dan penampilan umum seseorang seperti kontak mata, ekspresi wajah dan pergerakan anggota badan boleh menyampaikan mesej tertentu dan boleh memberi kesan yang mendalam kepada penerima mesej. Beliau telah membawa hujah berdasarkan ayat al Quran dan Sunah Nabi bagi membuktikan kesan komunikasi nonverbal ini terhadap seseorang.

Kajian ’Ariniy (2011) bertujuan mengenal pasti sejauh mana pengamalan komunikasi nonverbal oleh pensyarah-pensyarah Universiti al Qasim Arab Saudi. Kajian ini memberi fokus khusus kepada penampilan fizikal, proksemik, kronemik dan kinesik. Seramai 420 orang responden yang terdiri daripada pelajar dipilih secara rawak untuk mendapat pandangan mereka tentang kemahiran komunikasi nonverbal pensyarah. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa para pensyarah mempunyai kemahiran komunikasi nonverbal pada tahap sederhana.

2.15 Rumusan

Bab ini secara keseluruhannya membincangkan tentang perkembangan bahasa Arab di Malaysia, isu-isu pengajaran bahasa Arab yang melibatkan pelajar, guru dan pengajaran dan pembelajaran berkesan. Bab ini juga menghuraikan perkembangan komunikasi nonverbal oleh pengkaji Islam dan pengkaji barat, fungsi-fungsi nonverbal, komunikasi nonverbal dan saluran komunikasi nonverbal yang sesuai digunakan dalam pengajaran. Diterangkan juga tentang komunikasi nonverbal al Quran dan saluran-salurannya yang menjadi asas kepada kajian ini. Seterusnya pengkaji menghuraikan tentang pembangunan modul dan model-model yang dijadikan

panduan dalam pembangunan MPKNVQ ini. Dalam bab ini juga dibincangkan tentang pengaruh komunikasi nonverbal terhadap sikap, motivasi dan pencapaian pelajar. Kerangka teori dan model-model pengajaran yang mendasari kajian ini juga di terangkan dalam bab ini. Seterusnya pengkaji mengemukakan kajian-kajian lepas tentang komunikasi nonverbal dan nonverbal al Quran dalam pengajaran dan pembelajaran.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan kaedah Pengkajian yang digunakan oleh Pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Pengkaji menghuraikan tentang reka bentuk kajian, populasi dan persampelan kajian, instrument kajian, prototaip MPKNVQ, kesahan dan kebolehpercayaan kajian, kajian rintis, kesahan dan keboleh percayaan soal selidik sikap dan motivasi dan prosedur atau tatacara pengumpulan data dan bagaimana data dianalisis.

3.2 Reka bentuk kajian

Kajian ini merupakan kajian reka bentuk dan pembangunan. Richey dan Klein (2007) menghuraikan definisi kajian reka bentuk dan pembangunan sebagai kajian sistematik pada reka bentuk, pembangunan dan proses penilaian dengan tujuan membentuk dasar empirikal untuk pembinaan produk instruksional dan bukan instruksional, alat-alatan, modul baru, atau ubahsuaian yang menetapkan perkembangan pembangunan produk. Seels dan Richey (1994) pula menjelaskan bahawa kajian pembangunan adalah kajian reka bentuk, pembangunan dan penilaian proses program instruksional dan produk yang sistematik yang menemukan ciri-ciri keberkesanan dalaman yang konsisten.

Salah satu daripada ciri-ciri berikut menepati kajian reka bentuk dan pembangunan seperti yang telah dinyatakan oleh (Richey, Klein, dan Nielson, 2004). Kajian tentang proses dan impak reka bentuk pengajaran yang spesifik dan usaha pembangunan

1. Seseorang pengkaji mereka bentuk pengajaran, membangun dan menilai, di samping mengkaji proses-proses tersebut.

2. Kajian proses yang holistik yang melibatkan reka bentuk, pembangunan dan penilaian atau proses satu bahagian tertentu.

Menurut Richey dan Nelson (1996) terdapat dua jenis kajian reka bentuk dan pembangunan Pertama: kajian tentang pembangunan produk atau program yang spesifik iaitu reka bentuk pembangunan dan penilaian produk tersebut. Kedua: kajian mengenai proses reka bentuk, pembangunan atau penilaian proses, peralatan atau model.

Reka bentuk kajian ini di adaptasi daripada model ADDIE (Gagne, Wager, dan Keller, 2005) yang mempunyai lima fasa iaitu fasa analisis, reka bentuk, pembangunan, implementasi dan penilaian. Menurut Norasikin Fabil (2009) model ADDIE adalah model yang generik dan sistematik yang menunjukkan proses reka bentuk yang berarahan. Pengkaji memilih untuk menggunakan model ini kerana ADDIE adalah model yang terbaik dan sesuai digunakan untuk pembangunan bahan pengajaran dan pembelajaran sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Siemens (2002). Model ini juga merupakan model yang dinamik, menyediakan panduan yang fleksibel dalam proses pembangunan yang efektif dan arahan yang berkesan (Norasikin Fabil, 2009). McGriff (2000) menyatakan bahawa model ini adalah model interaktif, hasil penilaian formatif yang melibatkan setiap fasa dalam model ini sangat berguna untuk digunakan dalam fasa berikutnya.

Kajian ini juga menggunakan kaedah kajian kuasi eksperimen dengan reka bentuk ujian pra-pasca kumpulan kawalan tidak seimbang (Gall et al. 2010; Fraenkel & Wallen 2009; McMillan 2008; Campbell & Stanley 1963). Jadual 2 meringkaskan

reka bentuk kajian kuasi eksperimen yang dijalankan dalam kajian ini (McMillan 2008). Dalam fasa pelakasanaan dan penilaian pengkaji telah menggunakan rekabentuk kuasi-eksperimen (quasi-experimental). Ia bertujuan melihat keberkesanan pendekatan pengajaran menggunakan MPKNVQ ke atas kumpulan rawatan dan membandingkan kesan pendekatan konvensional terhadap kumpulan kawalan. pengkaji memilih untuk menggunakan rekabentuk kuasi-eksperimen kerana pengkaji tidak dapat menggunakan prosedur perawakan sepenuhnya. Pengkaji telah menggunakan sampel yang telah sedia ada tanpa menngubah kedudukan mereka dalam kelas.

Ujian pra dan ujian pos kumpulan tidak seimbang telah digunakan oleh pengkaji (non-equivalent groups pre-post tests design). Rekabentuk ini mengandungi dua kumpulan responden yang tidak dipilih secara rawak. Menurut Mohd.Majid Konting (2000) rekabentuk ini sesuai digunakan untuk mengkaji masalah pembelajaran pelajar apabila kebanyakan subjek kajian telah sedia wujud dalam keadaan dan situasi tertentu. Dalam rekabentuk ini, pengkaji sukar untuk memilih sampel secara rawak bagi mewakili kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Ini kerana pengkaji tidak dapat menukar jantina, bangsa, pencapaian dan kedudukan pelajar di dalam kelas.

Dalam kajian kuasi-eksperimen ini, pengkaji hanya menggunakan dua buah kelas tingkatan tingkatan dua di KAA dalam daerah hulun Terengganu yang sedia ada tanpa mengubah kedudukan dan pencapaian pelajar. Rajah 3.1 menunjukkan rekabentuk kuasi-eksperimen bagi kaedah ujian pra-pos kumpulan - kumpulan tidak seimbang:

Jadual 3.1
Rekabentuk Kajian Kuasi-Eksperimen Kaedah Ujian Pra-Pos Tidak Seimbang

Kumpulan	**Ujian Pra**	**Pendekatan Pengajaran**	**Ujian Pasca**
Kumpulan rawatan	O_1	X_1 Pengajaran MPKNVQ	O_2
Kumpulan kawalan	O_3	X_2 Pengajaran konvensional	O_4

Petunjuk

O_1 & O_3= ujian Pra	X_1= Pengajaran MPKNVQ
O_2 & O_4= ujian Pra	X_2 = Pengajaran konvensional

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenalpasti umur, keputusan UPSR, pencapaian peperiksaan akhir tahun dan ujian TOV yang telah dibuat pada awal tahun persekolahan melalui demografi responden dalam soal selidik yang diedarkan, pencapaian akademik pelajar bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan adalah hampir sama dan setara. Ujian pra sikap dan motivasi yang diedarkan kepada kedua-dua kumpulan ini menunjukkan tahap sikap dan motivasi adalah setara.

Justeru itu, dalam rekabentuk kuasi-eksperimen ini, pengkaji menggunakan pasangan kumpulan responden yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama sebagai kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dari segi umur, pencapaian akademik, tahap sikap dan motivasi.

Manakala Guru yang menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab kelas rawatan dan kawalan adalah guru sedia ada yang telah ditentukan oleh pihak sekolah. Bagi memastikan kesahan kajian ini, pengkaji memastikan kedua-dua orang guru yang dilantik dalam kajian ini adalah mempunyai latarbelakang pendidikan yang sama dari segi kelulusan akademik, kelulusan ikhtisas dan pengalaman mengajar. Jadual 3.2 menerangkan secara ringkas latarbelakang guru yang dilantik oleh pentadbir dan mendapat persetujuan pengetua terlibat dalam kajian ini.

Jadual 3.2
Latar belakang Guru bahasa Arab kumpulan kawalan dan rawatan

Aspek	Guru kumpulan kawalan	Guru kumpulan rawatan
Jantina	perempuan	perempuan
Umur	43 tahun	45 tahun
Kelusan Akademik	BA Univ. Jordan	BA Univ al Azhar
Kelulusan ikhtisas	Diploma pendidikan	Diploma pendidikan
Pengaaman mengajar Bahasa arab	Lebih dari 10 tahun	Lebih dari 10 tahun
Pengalaman mengajar tingkatan 2	Lebih dari 5 tahun	Lebih dari 5 tahun

Berdasarkan jadual 3.2 di atas perbezaan kecil latar belakang guru hanya pada aspek negara tempat mereka belajar bahasa Arab dan dari segi umur. Walaupun terdapat perbezaan antara guru, pengkaji memberi sedikit taklimat dan bimbingan kepada guru-guru bagi mengendalikan kelas-kelas yang telah dipilih khususnya kepada guru kelas kumpulan rawatan yang menggunakan MPKNVQ dalam pengajaran.

Dalam kajian ini pengkaji perlu memastikan faktor-faktor luar tidak memberi kesan kepada sikap, motivasi dan pencapaian pelajar. Fraenkel Jack (1996) menamakan faktor luar ini dengan istilah variabel ekstranus iaitu variabel bebas yang boleh memberi kesan kepada variable bersandar iaitu min motivasi, sikap dan skor pencapaian pelajar dalam kajian ini. Menurut Mohd Majid Konting (2000), kewujudan faktor-faktor luar ini boleh mempengaruhi atau mendatangkan kesan kepada perubahan variabel bersandar. Dalam kajian kuasi-eksperimen, pengkaji perlu mengawal kesan pembolehubah ekstranus daripada mempengaruhi min motivasi, sikap dan skor pencapaian pelajar.

Terdapat beberapa variabel ekstranus dikenalpasti oleh pengkaji di antaranya ialah baka, pekerjaan, taraf pendidikan, taraf sosial ekonomi, latar belakang keluarga dan faktor guru seperti personaliti guru, gaya penyampaian dan gaya pengajaran guru. Oleh itu, pengkaji perlu peka dan mengawal kesan variabel ekstranus daripada mempengaruhi dan mendatangkan kesan kepada variabel bersandar dan variabel tidak bersandar. pengkaji telah memberi taklimat yang jelas kepada guru-guru yang terlibat dalam kajian ini bagi memastikan variabel ekstranus tidak mempengaruhi pencapaian pelajar.

3.2.1 Fasa Analisis Keperluan

Fasa analisis adalah asas bagi semua fasa yang lain dalam reka bentuk pengajaran. Fasa ini dijalankan untuk menentukan keperluan nonverbal al Quran yang sesuai digunakan dalam pengajaran bahasa Arab. Menurut Amani Dahaman (2013) analisis keperluan adalah aspek penting yang dititikberatkan dalam perancangan pendidikan. Tujuan utama analisis keperluan ialah untuk mengenal pasti jurang di antara situasi yang wujud sekarang dengan situasi yang dikehendaki (Pratt, 1994).

Menurut Mc Ardle (1998) menjalankan analisis keperluan bagi mengenal pasti masalah bilik darjah atau tempat kerja dan menentukan penambahbaikan pengajaran atau latihan adalah satu tindakan yang tepat. Morrison, Ross, dan Kemp (2007) menyatakan bahawa analisis keperluan, analisis tujuan dan analisis prestasi adalah langkah permulaan penyelesaian masalah instruksi dalam pembinaan modul. İsman (2011) pula menyatakan pembinaan modul perlu melalui tahap mengenal pasti keperluan, mengenal pasti matlamat atau objektif, penentuan kaedah pengajaran dan penentuan media instruksi.

Menurut Hoi (2009) tahap analisis membabitkan aktiviti menentukan masalah yang dihadapi, mengenal pasti sumber bagi masalah tersebut, dan menentukan penyelesaian yang munasabah bagi masalah itu. Tahap analisis mungkin membabitkan penggunaan teknik inkuiri atau kaedah kajian yang khusus seperti analisis atau taksiran keperluan, analisis pelajar, analisis kandungan, analisis teknikal, analisis kerja, dan analisis tugas. Antara lain, hasil atau output bagi tahap ini terdiri dari tujuan pengajaran dan satu senarai tugas yang perlu diajar. Output tersebut akan menjadi input bagi tahap reka bentuk (Hoi, 2009).

Cara bagaimana analisis keperluan diterapkan berbeza mengikut situasi termasuk melihat jumlah pengumpulan data ketika data dikumpul dan bila data tersebut dikumpul (Evans dan Maggie, 1998). Dapatan daripada analisis keperluan adalah merupakan suatu senarai realistik bagi bahasa, gagasan idea atau item kemahiran dengan mengambil kira tahap kompetensi, keperluan akan datang dan permintaan pelajar (Nation dan Macalister, 2010).

Menurut Merriam (2001), dokumen merupakan sumber sedia ada yang dapat membantu dalam sesuatu Pengkajian. Dokumen terdiri daripada bahan-bahan bercetak, bahan bertulis, rekod audio dan visual, sama ada yang bersifat umum (public record) atau peribadi (personal documents) yang didalamnya terkandung maklumat tentang sesuatu aktiviti, perkara atau sejarah.

Pada amnya, analisis dokumen ialah pecahan kaedah pengumpulan data Pengkajian daripada analisis kandungan yang merupakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan. Dalam kata lain, bahagian mesej itu dapat didengar, diperoleh dan dilihat dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa sahaja mesej yang telah dikomunikasikan (Sabitha Marican, 2009: 97; Babbie, 2010: 332)

Bukti dokumen adalah bahan sedia ada sebagai sumber data dan bersifat kekal peristiwa yang sudah berlaku untuk mendapat maklumat sebenar boleh dipercayai dan tepat bagi membantu dalam pendekatan kajian kualitatif (Patton, 2015). Dokumen tersebut antaranya bahan bertulis, rakaman, bahan dalam bentuk rekod audio visual, bahan yang bercetak yang sifatnya peribadi dan umum yang terkandung mengenai perkara-perkara dan aktiviti peserta kajian

Menurut Kamarul Jasmi (2012), Pengumpulan data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Dokumen adalah sumber yang paling mudah kepada pengkaji kerana maklumat yang diperlukan telah sedia ada dan sukar untuk menipu. Contoh dokumen yang boleh digunakan jika hendak mengkaji tentang guru: (1) Diari atau Jurnal (2) Sukatan Pelajaran dan Huraan SukatanPengajaran (3) Buku Rancangan Mengajar Harian (4) Buku teks dan buku rujukan (5) Kertas peperiksaan dan ujian bulanan (6) Tugasan atau buku latihan murid (7) Rekod pencapaian atau rekod adab (8) Minit mesyuarat panitia (9) Jadual Kedatangan Murid (10) Gambar foto

Dalam kajian ini, dokumen yang menjadi bahan rujukan untuk mendapatkan saluran nonverbal ialah al Quran al karim. Ayat-ayat al Quran yang berkaitan dengan nonverbal telah dikumpulkan dan disaring agar bersesuaian dan dapat digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab.

Rajah 3.1 Proses analisis keperluan bagi MPKNVQ

Rajah 3.1 di atas menunjukkan dalam kajian fasa pertama ini pengkaji menggunakan kaedah analisis dokumen terhadap komunikasi nonverbal yang terdapat dalam al Quran. Analisis dokumen adalah kaedah pengumpulan data Pengkajian yang diperoleh melalui kandungan bahan yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema dalam pelbagai bentuk. Pengkaji telah menyaring nonverbal al Quran berdasarkan sepuluh saluran nonverbal untuk pengajaran yang dinyatakan oleh Richmond dan McCroskey (2000), iaitu penampilan fizikal, gesture, ekspresi wajah, okulesik, paralinguistik, proksemik, haptik, enviromen, olfatik dan kronemik.

3.2.2 Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan

Hasil yang telah diperolehi dari fasa analisis telah digunakan untuk fasa kedua iaitu fasa reka bentuk dan pembangunan. Ia menjelaskan pandangan keseluruhan mengenai rupabentuk, struktur, pendekatan pengajaran, teori pembelajaran, jenis media yang akan terlibat (Jamalludin Harun dan Zaidatun Tasir, 2001). Pengkaji telah merancang strategi untuk menentukan sistem instruksi. Pengkaji membahagikan fasa ini kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama yang melibatkan proses reka bentuk modul dan bahagian kedua yang melibatkan proses pembangunan modul.

Dalam bahagian pertama fasa kedua ini, pengkaji telah mengedarkan soal selidik yang mengandungi item-item saluran nonverbal al Quran yang telah disaring kepada 17 orang pakar bahasa Arab. Pakar-pakar ini yang menentukan saluran-saluran nonverbal al Quran yang menjadi asas kepada pembinaan modul nonverbal al Quran dalam pengajaran bahasa Arab.

Rajah 3.2 Fasa reka bentuk dan pembangunan MPKNVQ

Rajah 3.2 diatas menjelaskan proses yang dijalankan oleh pengkaji untuk mereka bentuk Modul Pedagogi Komunikasi Nonverbal Al Quran Dalam Pengajaran Bahasa Arab. Pengkaji terlebih dahulu mengenal pasti teori dan model pembelajaran dan pengajaran yang bersesuaian supaya MPKNVQ ini dapat dibentuk dengan sempurna dan mencapai objektifnya. Mereka bentuk pengajaran dan pembelajaran adalah proses paling penting dalam reka bentuk modul bagi menentukan corak pengajaran dan pembelajaran yang dilalui oleh pengguna sasaran. Teori yang mendasari MPKNVQ ialah teori behaviorisme, kognitif dan teori pembelajaran sosial Bandura. Jadual 3.2 di bawah menunjukkan teori dan ciri-cirinya dalam MPKNVQ.

Jadual 3.3
Teori dan ciri-cirinya dalam MPKNVQ

Teori	Ciri-ciri
Behaviorisme	- Rangsangan nonverbal al Quran datang daripada guru - Respon pelajar terhadap rangsangan (peniruan) Dalaman-minat, motivasi, perhatian dll. Luaran – peniruan - Peneguhan dalam bentuk nonverbal al Quran
Kognitif	- Mengurus, mengekod, menyimpan dan mengeluarkan mesej nonverbal - Mentafsir mesej-mesej nonverbal al Quran
Pembelajaran sosial	- Mengamati dan mengingati mesej nonverbal al-Quran yang dilakukan oleh Guru - Pemodelan – guru adalah model yang diikuti dan contohi - Interaksi dengan Persekitaran pembelajaran

Tiga konsep penting dalam teori behaviorisme ialah pertamanya; rangsangan *(stimulus)* merujuk kepada semua hal atau perubahan yang ada dalam persekitaran. Rangsangan dibahagikan pula kepada dua iaitu rangsangan luaran *(external stimulus)* dan rangsangan dalaman *(internal stimulus)*. Kedua: Respons merujuk kepada perubahan tingkah laku yang melibatkan adanya aktiviti yang disebabkan oleh otot atau kelenjar. Respons juga terbahagi kepada dua bahagian iaitu respons dalaman dan

respons luaran. Manakala yang ketiga ialah peneguhan *(reinforcement)* iaitu peristiwa atau sesuatu yang dianggap sebagai hadiah atau hukuman yang menyebabkan makin besarnya kemungkinan stimulus (S) tertentu menghasilkan respons (R) tertentu.

Ketiga-tiga konsep ini memainkan peranan penting MPKNVQ. Seorang guru yang menggunakan komunikasi nonverbal (rangsangan) seperti pergerakan tangan, kepala, ekspresi wajah seperti sentiasa senyum dalam pengajarannya mempengaruhi dan mendorong pelajarnya untuk respons terhadap penyampaiannya. Respons pelajar mungkin berbentuk dalaman yang berupa minat dan motivasi yang tinggi atau respons luaran yang berbentuk ucapan atau peniruan (imitation).

Peneguhan pula adalah hadiah atau hukuman yang menyebabkan makin besarnya kemungkinan stimulus (S) tertentu menghasilkan respons (R) tertentu seperti sentuhan dan isyarat-isyarat simbolik daripada guru yang berupa peneguhan positif akan melahirkan minat dan motivasi serta imediasi antara guru dan pelajar.

Teori kognitif pula memainkan peranan mentafsir mesej-mesej nonverbal al Quran sebelum respons dilakukan. Proses mental ini sangat penting bagi mengurus, mengekod, menyimpan dan mengeluarkan maklumat atau makna yang telah ditafsirkan melalui mesej-mesej nonverbal yang disampaikan oleh guru sebelum mengeluarkan respons yang sewajarnya.

Teori pembelajaran sosial Bandura pula memberi penekanan kepada dua perkara iaitu pengamatan dan pemodelan. Menurut Bandura kebanyakan manusia belajar melalui pengamatan secara selektif dan mengingat tingkah laku orang lain.

Pembelajaran melalui pengamatan boleh berlaku melalui kedudukan yang dialami oleh orang lain seperti seorang pelajar melihat kawannya dipuji oleh guru kerana sikapnya maka dia terdorong untuk melakukan perbuatan yang sama untuk

mendapat pujian. Pembelajaran melalui pemodelan ialah pembelajaran melalui pemerhatian dan peniruan tingkah laku orang lain.

Guru merupakan model kepada pelajarnya, tingkah laku, pola percakapan, gaya berpakaian guru sama ada ketika proses pengajaran berlangsung atau di luar proses pengajaran akan menjadi perhatian pelajar dan akan dijadikan contoh atau model yang diikuti. Guru perlu menggunakan segenap peluang dan ruang dalam proses pengajaran untuk menarik minat dan perhatian pelajar untuk membolehkan pelajar menirunya dengan mudah.

Bandura juga memberi penekanan kepada interaksi seseorang dengan persekitaran. Faktor persekitaran sangat penting bagi mempengaruhi tingkah laku pelajar. Oleh itu guru perlu memberi tumpuan dalam membentuk persekitaran yang sesuai bagi membolehkan pelajar dapat belajar dengan berkesan. Rajah 3.3 menunjukkan Pengintegrasian antara ketiga-tiga teori ini dalam MPKNVQ boleh digambarkan seperti rajah di bawah:

Rajah 3.3 Integrasi teori behaviorisme, kognitif dan teori pembelajaran sosial Bandura dalam MPKNVQ

Pengkaji telah meneliti beberapa model pengajaran untuk dilaksanakan dalam MPKNVQ. Model pengajaran yang akan digunakan ialah model pengajaran Sim (1970). Pengkaji memilih model pengajaran Sim kerana model ini memberi penekanan kepada interaksi di antara lima komponen penting iaitu guru, pelajar, objektif, isi pelajaran dan persekitaran.

Proses pengajaran berkesan jika guru menggunakan kebijaksanaannya dalam menentukan objektif dan isi pelajaran dengan persekitarannya di samping kecekapan guru menggunakan teknik pengajaran yang sesuai melalui interaksi antara guru dan pelajar dengan objektif dan isi pelajaran dalam persekitarannya. Kelima-lima komponen ini dititik beratkan dalam MPKNVQ. Rajah 3.4 menggambarkan model pengajaran Sim (1970).

Rajah 3.4 Model Pengajaran Sims, (1970)

Model pengajaran Behaviorisme mempunyai hubungan yang rapat dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa dimana pengaruh persekitaran dan rangsangan-dalam bentuk bahasa dan bukan bahasa akan melahirkan tidak balas. Konsep pengajaran behaviorisme yang terdiri dari tiga elemen penting yang menjadi dasar

model pengajaran behaviorisme iaitu rangsangan (stimulus), tindak balas (Response) dan pengukuhan (reinforcement)

Bahagian kedua fasa ini melibatkan proses membangunkan modul yang akan diimplementasikan dalam fasa berikutnya. Dalam fasa ini pengintegrasian perancangan reka bentuk dengan kandungan bahan pengajaran yang dilaksanakan. Tiga aktiviti utama fasa ini iaitu:

a) Membangunkan dan menyediakan modul.

Hasil analisis dokumen dan pengesahan pakar berkaitan saluran komunikasi nonverbal al Quran yang sesuai diaplikasikan dalam proses pengajaran diterjemahkan dalam pembangunan modul MPKNVQ. Modul MPKNVQ dibangunkan berpandukan pengesahan pakar dengan mengambil kira pandangan dan komentar-komentar yang telah dilakukan oleh pakar dalam fasa pertama. Manakala teori-teori pembelajaran yang telah di reka bentuk pada fasa dua dan model pengajaran yang telah dipilih menjadi asas pembangunan modul ini supaya objektif yang telah dikemukakan menjadi kenyataan.

Model pembangunan modul yang dipilih oleh pengkaji ialah model Pembinaan Modul Sidek (2001). Model ini mengemukakan dua peringkat yang berbeza tujuannya. Peringkat pertama ialah peringkat penyediaan draf modul dan peringkat kedua ialah peringkat percubaan dan penilaian modul. Rajah 3.4 menunjukkan peringkat pertama pembinaan modul model Sidek (2001).

b) Mendapat pengesahan pakar-pakar bidang.

Teknik Delphi digunakan dalam fasa ini untuk menilai draf modul MPKNVQ yang telah dibangunkan. Menurut Norlidah Alias (2010) teknik Delphi adalah

kaedah terbaik bagi menentukan elemen-elemen reka bentuk dalam pembangunan modul MPKNVQ.

Pengkaji memilih pakar-pakar bidang kurikulum dan bahasa Arab bagi mengenal pasti elemen-elemen nonverbal yang bersesuaian dan mendapat persetujuan mereka untuk dimasukkan dalam MPKNVQ. Tujuan fasa ini adalah untuk memastikan kesesuaian dan keberkesanan reka bentuk instruksional yang dibangunkan.

c) Menjalankan kajian rintis

Dalam fasa ini MPKNVQ yang telah dibangunkan dan telah mendapat pengesahan pakar diimplementasikan dalam kajian rintis untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaannya. Kajian rintis dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat tentang mutu modul dari segi kesesuaian kandungan, aktiviti-aktiviti, kesesuaian bahasa dan aras bahasa serta kemungkinan wujudnya kesalahan-kesalahan bahasa (Abdul Hanid Halit, 2012). Komentar dan cadangan yang diperolehi dari kajian rintis digunakan untuk penambahbaikan draf MPKNVQ sebelum dijalankan dalam proses penyampaian sebenar pengajaran

3.2.3 Fasa Pelaksanaan dan Penilaian

Rajah 3.5 Fasa Pelaksanaan dan penilaian MPKNVQ

Dalam fasa ketiga ini pengkaji memilih dua kumpulan sebagai peserta kajian; kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan diajar melalui MPKNVQ, manakala kumpulan kawalan diajar melalui kaedah tradisional. Eksperimen ini berlangsung selama dua belas minggu. Tempoh 12 minggu eksperimen yang dijalankan oleh pengkaji adalah sesuai bagi menilai keberkesanan pencapaian pelajar. Salvin, Lake dan Groff (2009) telah membuat kajian dalam tempoh yang sama bagi melihat keberkesanan pembelajaran masteri yang telah dijalankan oleh beliau. Abdul Sukor Shaari dan Kalaidevi a/p Aplanaidu (2012) juga telah meninjau keberkesanan pendekatan pembelajaran masteri terhadap pencapaian dalam kemahiran membaca murid pemulihan sekolah rendah dalam tempoh yang sama.

Pengkaji melakukan penilaian keberkesanan MPKNVQ yang melibatkan Sikap, motivasi dan pencapaian pelajar. Soal selidik sikap dan motivasi yang telah diadaptasi dari pintrich dan DeGroot (1990).

Jadual 3.4
Kerangka Pmbangunan MPNVQ

PEMBANGUNAN MPKNVQ	
Analisis keperluan	• Mendapatkan maklumat tentang saluran nonverbal dalam pengajaran. • Mendapatkan maklumat tentang saluran nonverbal al Quran • Mendapatkan maklumat tentang kesesuaian saluran nonverbal al Quran dalam pengajaran B. Arab. • Mendapatkan pengesahan pakar tentang saluran nonverbal al Quran yang sesuai untuk digunakan dalam Pdan P.
Reka bentuk dan Pembangunan	• Teori pembelajaran - Teori behaviorisme - Teori kognitif - Teori Pembelajaran sosial Bandura - • Model Pengajaran - Sim - Behaviorisme • Membangun modul • Mendapat pengesahan pakar
Pelaksanaan dan Penilaian	• Kajian rintis • Penambahbaikan modul • Pelaksanaan MPKNVQ dalam pengajaran sebenar • Keberkesanan modul • Motivasi • Sikap • Pencapaian

3.3 Populasi dan persampelan kajian

Dalam fasa pertama 17 orang pakar dipilih untuk menentukan kesesuaian saluran nonverbal al Quran yang diguna pakai dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Segala komentar dan cadangan pakar diberi perhatian dan penambaikan dilakukan terhadap saluran nonverbal berdasarkan komen dan cadangan pakar.

Dalam fasa ketiga pengkaji akan memilih dan melantik 15 orang pakar yang terdiri dari pakar bahasa Arab, pakar kurikulum bahasa Arab dan pakar pembangunan

modul bertujuan meneliti dan memberi komen serta mengesahkan kesesuaian modul pengajaran MPKNVQ yang dibangunkan oleh Pengkaji. Kajian rintis dijalankan ke atas 30 orang pelajar bahasa Arab untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian MPKNVQ.

Dalam fasa implementasi Pengkaji menggunakan metode Sampel bertujuan (Purposive-sampling method) yang melibatkan dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan satu kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan akan mengikuti proses pengajaran MPKNVQ. Manakala kumpulan kawalan menerima pengajaran secara konvensional. Pengajaran MPKNVQ Kumpulan kawalan digunakan sebagai piawai di mana kesan pengajaran berdasarkan MPKNVQ pada kumpulan rawatan dibandingkan dengan kumpulan kawalan. Hasil perbandingan dua kumpulan ini menentukan sama ada wujud perbezaan atau tidak.

Sampel kajian dalam fasa keempat ini dipilih daripada 50 orang pelajar tingkatan dua yang mengambil mata pelajaran bahasa Arab di dua buah sekolah menengah di Terengganu. Bilangan responden kumpulan kawalan ialah seramai 22 orang manakala responden kumpulan rawatan pula ialah seramai 28 orang. Menurut Creswell (2002), Gay (1992), Fraenkel dan Wallen (2006) jumlah minimum untuk kumpulan eksperimen ialah 30 orang. Manakala Johnson dan Solso (1998) menyatakan kebiasaan sampel untuk setiap kumpulan adalah melebihi 10 orang. Jadual 3.3 menunjukkan jumlah sampel yang digunakan dalam setiap fasa MPKNVQ.

Pencapaian umum pelajar kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan adalah setara mengikut keputusan rawatan statistik mereka di penggal pertama tahun persekolahan. Kedua-dua kumpulan adalah sama dalam pencapaian kerana mereka telah diagihkan mengikut pencapaian mereka dalam kelas. Satu pra-ujian telah digunakan untuk memeriksa kesetaraan pencapaian antara kedua-dua kumpulan.

Fasa penilaian adalah fasa terakhir bagi menentukan keberkesanan modul. Kedua-dua kumpulan rawatan yang telah mengikuti MPKNVQ dan kumpulan kawalan yang tidak menerima rawatan dinilai dengan menggunakan ujian pra dan ujian pasca.

Jadual 3.5
Jumlah sampel MPKNVQ

Bil.	Fasa	Jumlah Sampel
1.	Reka bentuk	17 pakar
2.	Pembangunan	**Rintis** 30 orang pelajar seorang guru BA
3.	Pelaksanaan	**Kumpulan kawalan** 22 orang pelajar **Kumpulan eksperimen** 28 orang pelajar seorang guru BA
4.	Penilaian	Kedua-dua kumpulan pelajar yang akan terlibat dengan Ujian pra dan ujian pasca

3.4 Instrumen kajian

Satu ujian dibangunkan untuk menguji jenis sikap, tahap motivasi dan pencapaian pelajar sebelum dilaksanakan MPKNVQ pengajaran bahasa Arab. Ujian pra dijalankan untuk kedua-dua kumpulan rawatan dan kawalan sebelum pelajar daripada kumpulan rawatan diajar dengan menggunakan pengajaran MPKNVQ. Selepas ujian pra dijalankan, guru akan melaksanakan modul tersebut selama dua belas minggu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan modul terhadap pelajar mengenai jenis sikap, motivasi dan pencapaian selepas MPKNVQ dalam pengajaran dilaksanakan.

3.4.1 Soal Selidik Persetujuan Pakar

Dalam fasa kedua pengkaji menggunakan teknik Delphi untuk mendapat pandangan dan persetujuan pakar tentang keperluan dan kesesuaian penggunaan saluran nonverbal al Quran untuk dimasukkan dalam proses reka bentuk dan pembangunan MPKNVQ. Pengkaji telah membina soal selidik saluran nonverbal al Quran berdasarkan Richmond dan McCroskey (2000) yang menetapkan bahawa sepuluh saluran nonverbal yang sesuai digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Soal selidik fasa kedua ini mengandungi soalan yang melibatkan 5 skala likert (1) amat tidak setuju (2) tidak setuju (3) tidak pasti (4) setuju (5) sangat setuju dan ruangan komen serta cadangan panel pakar untuk penambahbaikan.

Soal selidik persetujuan pakar dalam kajian ini terdiri dari 2 bahagian iaitu bahagian A yang mengandungi maklumat demografi responden dan bahagian B yang mengandungi arahan dan soal selidik yang melibatkan 10 saluran nonverbal. Pakar yang ditanya tentang soal selidik ini boleh menandakan tahap persetujuan dalam ruangan skala likert yang telah ditentukan pengkaji. Ruang komen keseluruhan juga disediakan oleh pengkaji bagi pakar menyatakan komen yang sesuai mengikut pandangan mereka.

3.4.2 Soal Selidik Sikap

Satu set soal selidik dikemukakan kepada kedua-dua kumpulan pelajar untuk mengukur tahap sikap pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Tujuan soal selidik ini ialah untuk mengetahui jenis sikap pelajar sebelum dan selepas mengikuti MPKNVQ dalam pengajaran bahasa Arab dilaksanakan. Pengkaji telah mengadaptasi dan memodifikasi soal selidik Soal selidik *Measuring students Attitude*

Questionnaires MSAQ tentang jenis sikap daripada Al Noursi (2013) yang mengandungi 40 item yang melibatkan 5 skala Likert (1) amat tidak setuju (2) tidak setuju (3) tidak pasti (4) setuju (5) sangat setuju. Al Noursi telah menggunakan soal selidik ini untuk menentukan jenis sikap pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di Sekolah Tinggi Teknologi UAE.

Untuk menentukan tahap sikap pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebelum dan selepas menggunakan MPKNVQ, satru garis panduan interpretasi skor min telah digunakan. Interpretasi ini digunakan bagi menjelaskan atau mentafsir skor min yang diperolehi. Interpretasi skor min kajian ini dibuat berdasarkan garis panduan skor min yang digunakan oleh Nunnally dan Bernstein (1994). Dalam kajian ini, item min yang menggunakan skala likert lima mata telah dibahagikan kepada empat peringkat sahaja iaitu seperti mana jadual 3.6 Di bawah;

Jadual 3.6
Interpretasi skor min (Nunnally dan Bernstein, 1994)

Skor min	**Interpretasi skor min**
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana rendah
3.01-4.00	Sederhana tinggi
4.01-5.00	Tinggi

Dalam kajian ini, tafsiran skor min Nunnally dan Bernstein (1994) seperti jadual 3.6 di atas telah diberi satu interpretasi baru sebagai tambahan. Tafsiran semula dengan memberi makna baru ini perlu dibuat supaya interpretasi nilai min sesuai dan mampu menjawab soalan-soalan kajian yang dikemukakan. Tafsiran semula ini di buat seperti mana jadual 3.7 Interpretasi skor min ini telah digunakan sebagai rujukan tafsiran min kajian ini dalam dapatan kajian bab empat nanti.

Jadual 3.7
Interpretasi skor min untuk kajian ini.

Skor min	Interpretasi skor min	
	Nunnally dan Bernstein (1994)	**Kajian ini**
1.00-2.00	Rendah	Tidak positif
2.01-3.00	Sederhana rendah	Kurang positif
3.01-4.00	Sederhana tinggi	Positif
4.01-5.00	Tinggi	Sangat positif

3.4.3 Soal Selidik Motivasi

Soal selidik tahap motivasi pelajar dalam kajian ini diadaptasi dan dimodifikasi dari *Measures Students Motivation Toward Science Learning Questionnaire* (SMTSLQ) (Hsiao, Chi, dan Shyang, 2005). Soal selidik ini SMTLQ telah diadaptasi dan dimodifikasi dari soalan selidik *The Motivated Strategies for Learning Questionnaire (*MSLQ) (Pintrich dan DeGroot, 1990) yang mengandungi 56 item tentang motivasi pelajar, penggunaan strategi kognitif, penggunaan strategi meta kognitif, dan pengurusan usaha. Pintrich dan DeGroot (1990) Membangunkan soal selidik berskala Likert 5-mata (1 = sangat tidak benar untuk saya 5 = sangat benar untuk saya) dari segi tingkah laku mereka dalam sains atau kelas bahasa Inggeris.

Item-item MSLQ telah diadaptasikan daripada pelbagai instrumen yang digunakan untuk menilai motivasi pelajar, penggunaan strategi kognitif, dan meta kognisi (Eccles, 1983; Harter, 1981; Weinstein, Schulte, dan Palmer, 1987) Analisis item motivasi memperlihatkan tiga faktor motivasi yang berbeza: Efikasi kendiri, nilai intrinsik, dan ujian keinginan (Pintrich dan DeGroot, 1990).

Hsiao et al. (2005) menggunakan enam faktor motivasi untuk mereka bentuk skala soal selidik yang baru iaitu Efikasi kendiri, Strategi pembelajaran aktif, nilai

pembelajaran, matlamat pencapaian, matlamat prestasi, matlamat pencapaian dan rangsangan persekitaran pembelajaran.

Dalam pembinaan soal selidik terhadap tahap motivasi pelajar yang menjalani MPKNVQ dalam pengajaran Bahasa Arab Pengkaji telah mengambil kira 2 faktor motivasi yang telah digunakan oleh Gardner (1972) sebagaimana jadual di bawah:

Jadual 3.8
Faktor Motivasi

Bil	Faktor motivasi	Definisi	Soalan soal selidik terlibat
1.	Intergratif	Merujuk kepada pelajar yang mempelajari Bahasa untuk tujuan berinteraksi, mendekati, dan memahami komuniti.	21, 23, 25, 27, 29, 31, 33, 35, 37 dan 39.
2.	Instrumental	Merujuk kepada keinginan individu untuk memperoleh pengiktirafan sosial dan manfaat ekonomi melalui pengetahuan Bahasa asing	22, 24, 26, 28, 30, 32, 34, 36, 38 dan 40.

3.4.4 Ujian pencapaian

Pengkaji telah membina soalan-soalan ujian berdasarkan prinsip-prinsip pembinaan jadual spesifikasi ujian (JSU). Jadual Spesifikasi ujian juga dikenali dengan Jadual penentuan ujian. Jadual spesifikasi ujian merupakan *blue print* yang mengandungi ujian tentang topik-topik pelajaran dan perlu dibina setelah guru dapat menetapkan jenis dan kandungan ujian yang hendak dibina. Ujian yang dibina boleh berbentuk objektif, esei, amali, kertas kursus dan lain-lain manakala pemberatan (%) pada kandungan aras kemahiran berdasarkan lama masa mengajar dan kepentingan sesuatu kemahiran itu diajar. Menurut Mohd Najib (1997), Jadual Spesifikasi Ujian dinyatakan juga sebagai jadual penentu ujian (JPU) yang mengandungi item isi kandungan, tahap kemahiran dan jenis soalan.

Menurut Mehrens dan Lehman (1973) sesuatu jadual spesifikasi ujian seharusnya dibina dan ditulis sebelum pengajaran dimulakan. Item-item yang dibina hendaklah merangkumi semua kandungan pengajaran dari awal hingga akhir. Perkara ini adalah kerana jadual spesifikasi ujian ini akan menjadi panduan kepada para guru dalam menyampaikan kandungan pelajaran. Pembinaan Jadual spesifikasi ujian ini akan mengambil masa yang agak lama (Kubiszn dan Borich, 2003).

Menurut Linn dan Gronlund (2000), walaupun proses pembinaan jadual spesifikasi ujian mengambil dan memakan masa yang lama, tugas yang dijalankan dalam pembentukan jadual penentuan ujian akan membolehkan kerja persediaan lebih mudah pada masa depan. Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK (2001) pula menyatakan bahawa Jadual Spesifikasi Ujian dapat membantu guru melalui perancangan tajuk atau kemahiran yang akan diuji mengikut aras kognitif dalam Taksonomi Bloom. Di dalam Jadual Spesifikasi Ujian juga, bilangan soalan dipaparkan untuk setiap topik. Menurut Zimmaro (2004), JSU adalah merupakan jadual atau matriks yang mewakili bilangan item dalam ujian mengikut topik pelajaran dan aras kemahiran.

Ketepatan JSU menjamin keputusan yang tepat dalam mengukur keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran yang telah berlangsung. Terdapat 6 prinsip iaitu:

1- Kandungan ujian – kandungan ujian mestilah berdasarkan sukatan pelajaran dan buku teks yang digunakan oleh guru dalam proses pengajaran. Dalam konteks kajian ini kandungan ujian diambil daripada tajuk-tajuk yang telah dipilih berdasarkan buku teks Bahasa Arab Komunikasi tingkatan dua.

2- Kemahiran – mestilah meliputi kemahiranyng diuji biasanya kemahiran diuji menggunakan Taksonomi Bloom.

3- Wajaran – iaitu peratusan item mengikut bahagian atau tajuk berdasrkan masa pengajaran bagi setiap tajuk.

4- Bentuk ujian – Sama ada ujian yang dibina berbentuk esei, objektif, amali, lisan, kerja kursus dan sebagainya. Dalam kajian ini Pengkaji telah membina ujian dalam bentuk *Isti'aab wa al Fahm* (kefahaman), terjemahan *'Ibarah*, terjemahan *mufradat*, suaikan, garis perkataan yang betul dan mengisi tempat kosong.

5- Bilangan item – bilangan item hendaklah mengikut bentuk, aras kemahiran dan kandungan mata pelajaran.

6- Aras – kepayahan dan kesukaran item yang berada dalam lingkungan 20% hingga 80%.

Pengkaji juga telah mendapatkan pandangan pakar tentang item-item ujian yang telah dibina bertujuan mendapatkan pengesahan terhadap item-item yang telah dibina oleh Pengkaji. Satu kajian rintis juga telah diadakan kepada 30 orang pelajar salah sebuah sekolah kebangsaan di Terengganu bagi melihat kesalahan dan kesilapan item-item ujian yang telah dibina itu.

3.5 Prototaip MPKNVQ

Selepas mereka bentuk dan membangunkan prototaip MPKNVQ dalam pengajaran kosa kata bahasa Arab, pengkaji mendapatkan pandangan pakar tentang prototaip MPKNVQ. Soal selidik yang dibangunkan melibatkan item-item bagi mendapat ulasan pakar dari segi reka bentuk dan pembangunan MPKNVQ yang merangkumi

objektif pembelajaran, alat penilaian, strategi pembelajaran, bahan pembelajaran dan bentuk penilaian.

Jadual 3.9
Instrumen Kajian

Fasa	Jumlah Sampel	Instrumen	Bentuk
Analisis	• 17 pakar BA	• kesesuaian KNVQ yang akan digunakan dalam fasa II dan III	• 5 skala likert
Reka bentuk & Pembangunan	17 pakar BA 30 orang pelajar seorang guru BA	• Soal selidik persetujuan pakar tentang • Borang pengesahan pakar • Soal selidik kajian rintis	• Borang • 5 skala likert
Pelaksanaan & Penilaian	**Kumpulan kawalan** 22 orang pelajar seorang guru BA **Kumpulan eksperimen** 28 Orang pelajar seorang guru BA	• Ujian pra • Soal selidik Sikap Pra • Soal selidik motivasi Pra	• Kefahaman • Terjemah ke BM • suaikan • Lengkapkan ayat dengan perkataan yang sesuai daripada kategori perkataan • Padankan perkataan di sebelah kiri dengan definisi di sebelah kanan • 5 skala likert • 5 skala likert
	Kumpulan kawalan 22 orang pelajar seorang guru BA **Kumpulan eksperimen** 28 Orang pelajar seorang guru BA	• Ujian pasca • Soal selidik sikap pasca • Soal selidik motivasi pasca • Soal selidik MSAQ (al Noursi, 2013) • Soal selidik SMTALLQ (Pintrich dan DeGroot, 1990)	• Kefahaman • Terjemah ke BM • suaikan • Lengkapkan ayat dengan perkataan yang sesuai daripada kategori perkataan • Padankan perkataan di sebelah kiri dengan definisi di sebelah kanan • 5 skala likert • 5 skala likert

3.6 Kajian Rintis

Kajian rintis dilakukan bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan. Tujuan kajian rintis dijalankan untuk meneliti beberapa aspek soal-selidik terutama dari segi pemahaman kehendak soalan, tempoh masa menjawab soalan dan kesulitan lain yang mungkin dihadapi oleh responden sebenar kajian ini. Pengubahsuaian akan dibuat

berdasarkan hasil kajian rintis dari segi format kandungan soalan dan penyusunan soalan.

Pengkaji akan menjalankan kajian rintis untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan MPKNVQ. Menurut Sidek Mohd Noah (2002) Pengkaji perlu menjalankan kajian rintis untuk menentukan mutu item soal selidik yang telah dibentuk. Kesahan kandungan sesuatu ujian atau alat ukuran memberi fokus kepada kandungan item-item dalam ujian. Sejauh mana instrumen tersebut berupaya mengumpul data yang merangkumi isi kandungan sesuatu bidang yang hendak diukur. Kajian kesahan kandungan adalah untuk memastikan bahawa item-item yang terkandung dalam instrumen itu benar-benar mewakili bidang yang sepatutnya diukur (Sidek Mohd Noah., 2002).

Salah satu kaedah untuk menentukan kesahan kandungan Instrumen adalah dengan melalui pandangan pakar (Mohd Majid Konting, 1998). Bagi kajian rintis kesahan, Pengkaji akan merujukkan soal selidik MPKNVQ kepada empat orang panel penilai yang terdiri dari pakar-pakar yang telah dilantik berpandukan kajian rintis yang dijalankan oleh Abdul Hanid Halit (2014). Skala pengukuran yang digunakan ialah Skala Likert 5 mata. Pemilihan skala Likert dibuat bertujuan untuk meminta persetujuan daripada subjek kajian tentang kenyataan-kenyataan berkaitan dengan kesahan kandungan MPKNVQ.

Soal selidik MPKNVQ juga akan melalui proses kajian rintis kebolehpercayaan. Menurut Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2001) salah satu kaedah untuk menilai kebolehpercayaan instrumen ialah kaedah konsistensi dalaman melalui prosedur a*lpha Cronbach.* Dalam kajian ini, pengkaji akan menguji nilai kebolehpercayaan instrumen MPKNVQ dengan menggunakan kaedah konsistensi

dalaman melalui prosedur alpha *Cronbach* di dalam program SPSS *for windows* versi 10.0.

Umumnya kebanyakan pengkaji mencadangkan nilai pekali alpha yang melebihi 0.8 lazimnya menunjukkan aras kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima bagi sesuatu instrumen (Cohen et al., 2000; Bogden & Milken, 2003). Menurut Pallant (2001) pula, nilai indeks alpha sebanyak 0.7 atau ke atas adalah baik untuk skala instrumen yang mempunyai sepuluh atau lebih item, manakala nilai alpha sebanyak 0.5 pula dianggap baik untuk skala instrumen yang mempunyai kurang daripada sepuluh item.

Mohd Majid Konting (1998) menyatakan pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada .60 sering digunakan. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999) nilai pekali alpha 0.6 juga sudah memadai bagi soal selidik sains sosial seperti kajian dalam bidang pendidikan. Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2001) menyatakan bahawa sekiranya nilai pekali kebolehpercayaan yang diterima .60 ke atas maka bolehlah dianggap instrumen kajian yang akan digunakan mempunyai nilai pekali kebolehpercayaan yang baik. Jika nilai pekali kebolehpercayaan tidak mencapai .60 bermakna soal selidik berada pada tahap konsistensi kurang baik dan perlu diperbaiki.

Hair *et al*. (2006), pula menjelaskan nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* sesuatu instrumen kajian boleh menunjukkan bahawa responden telah menjawab soalan yang ditanya dalamkajian tersebut dalam keadaan konsisten. Penjelasan kekuatan hubungan *Alpha Cronbach* tersebut dapat diperhatian berdasarkan jadual 3.8.

Jadual 3.10
Jadual Nilai Alpha Cronbach dan Indikator

Nilai *Alpha Cronbach*	**Indikator**
< 0.6	Lemah
0.6 < 0.7	Sederhana
0.7 < 0.8	Baik
0.8 < 0.9	Sangat Baik
0.9	Terbaik

Dalam kajian ini, nilai *Alpha Cronbach* bagi setiap pemboleh ubah menunjukkan bacaan yang sangat baik. Bagi pemboleh ubah sikap pelajar (PT) nilai *Alpha Cronbach* dalam kajian rintis ialah 0.919 dan pemboleh ubah motivasi pelajar 0.812. Secara keseluruhannya nilai *Alpha Cronbach* untuk kajian ini dapat diperhatikan secara terperinci seperti dalam jadual 3.8.

Jadual 3.11
Jadual Pemboleh Ubah dan Nilai Alpha Cronbach Instrumen Kajian

Pemboleh ubah	**Nilai Alpha Cronbach**
Sikap	0.919
Motivasi	0.812

Kesimpulannya, jadual 3.9 di atas jelas menunjukkan bahawa nilai *Alpha Cronbach* bagi instrumen soal selidik bagi kajian ini ialah di antara 0.812 hingga 0.919. Ini menunjukkan bahawa nilai *Alpha Cronbach* kesemua pemboleh ubah soal selidik ini melepasi tahap kebolehpercayaan yang sangat baik. Oleh sebab itu, soal selidik ini sesuai untuk diguna pakai bagi menjalankan kajian sebenar.

Pengkaji akan menjalan kajian rintis untuk menilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian MPKNVQ ke atas 30 orang pelajar tingkatan dua di salah sebuah sekolah menengah di Terengganu. Dari segi saiz sampel untuk menjalankan ujian kebolehpercayaan MPKNVQ, pengkaji merujuk kepada pandangan Fraenkel dan Wallen (1996) menyatakan bahawa saiz sampel untuk kelompok besar adalah antara 15 hingga 30 orang memadai untuk kajian eksperimen.

3.7 Kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik sikap dan soal selidik motivasi

Alias Baba (1999) menyatakan kesahan merujuk kepada sejauh manakah sesuatu alat kajian benar-benar dapat mengukur perkara yang sepatutnya diukur. Oleh yang demikian, alat yang dapat mengukur dengan tepat sesuatu pemboleh ubah yang dikaji, dianggap sebagai alat yang sah sebagai pengukur pemboleh ubah tersebut. Ini bermakna instrumen itu dianggap sah sekiranya ia dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan semasa membentuknya. Menurut Alias Baba (1999), aspek penting dalam kesahan isi kandungan ialah persampelan soalan (item soal selidik) yang lengkap, menyeluruh dan dapat mengukur tajuk (konstruk) dengan baik dan ia lazimnya ditentukan oleh panel pemeriksa (pakar).

Dalam kajian ini, pengkaji juga telah merangka peta kerangka konsep yang menyatakan konstruk kajian dan dikemukakan kepada pakar untuk mendapatkan pandangan pakar-pakar dalam bidang berkaitan. Satu set borang soal selidik ini juga telah dikemukakan untuk penelitian panel pakar. Pakar yang dilantik adalah orang yang berpengetahuan dalam bidang tersebut (Alias Baba, 1999; Dalkey, 1969).

Pakar yang dilantik untuk menilai kesahan instrumen kajian ini adalah seramai 10 orang. Mereka terdiri dalam kalangan individu yang dikenal pasti berpengalaman dan berkepakaran dalam bidang Pengkajian dan pengajaran bahasa Arab di Malaysia.

Mereka terdiri dari kalangan pensyarah yang mempunyai ijazah doktor falsafah dan guru pakar bahasa Arab di Kementerian Pendidikan Malaysia. Jumlah lantikan seramai 10 pakar adalah memadai kerana Linstone & Turoff (1975) hanya mencadangkan bilangan panel pakar adalah di antara 10 hingga 15 orang. Malah menurut Wiersma & Jurs (2009) sebenarnya tidak terdapat ketetapan khusus mengenai jumlah pakar yang harus dilantik tetapi jumlah yang ideal adalah antara 10 hingga 30 orang.

Berdasarkan komentar dan pandangan daripada panel pakar, beberapa pembetulan dan penambahbaikan ke atas soal selidik telah dilakukan. Antaranya pakar mencadangkan agar beberapa item digabung atau dikurangkan dan ayat yang digunakan diubahsuai supaya lebih ringkas dan padat. Keseluruhannya, pakar memperakukan bahawa item soal selidik itu mampu mengukur sesuatu konstruk atau variabel yang dikaji. Oleh itu, dengan mengambil kira pandangan Mohammad najib Abdul Ghafar (2003) dan Alias Baba (1999), pengkaji sudah boleh mendakwa bahawa soal selidik pengkaji telah memiliki kesahan kerana telah dikemukakan dan disahkan oleh sekumpulan panel pakar.

Satu skala sikap dan motivasi telah disediakan oleh Pengkaji untuk mengukur kesan MPKNVQ perkembangan sikap dan motivasi pelajar terhadap bahasa Arab di kalangan pelajar tingkatan dua. Soal selidik ini dianggap sebagai instrumen dalam kajian ini, untuk mendapatkan data dan maklumat. Skala ini telah digunakan sebelum (Ujian pra) dan selepas eksperimen (Ujian pasca) bagi kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen.

Skala Likert lima mata digunakan untuk mengukur maklum balas pelajar. Tahap jawapan skala adalah seperti berikut: sangat setuju, setuju, tidak pasti, tidak bersetuju dan sangat tidak setuju. Pelajar-pelajar telah diminta untuk meletakkan (/)

tanda di bawah jawapan beliau. Skor 5-1 ditetapkan untuk tindak balas yang positif dan daripada 1 ke 5 bagi jawapan negatif.

Selepas menggunakan skala disampel kajian rintis (30), keputusan telah direkodkan dan dianalisis. Pengkaji menggunakan kesahan pakar dan kesahan konsistensi dalaman. Skala ini dikemukakan kepada panel pakar yang telah dilantik. Item skala sikap akan diubahsuai berdasarkan cadangan dan pandangan pakar.

Kebolehpercayaan pula adalah ketekalan sesuatu alat ukur (soal selidik) dalam mengukur sesuatu pemboleh ubah (Mohd Majid Konting, 1990, 2000). Mengikut Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003) dan Alias Baba (1999), kebolehpercayaan soal selidik boleh dibina dengan berbagai-bagai cara seperti kaedah "bahagi dua", "kaedah ulang uji" ataupun dengan menggunakan analisis statstik yang lebih konfleks seperti *Alpha Cronbach* atau *Kuder Richardson*.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah statistik atau indeks kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* bagi menentukan nilai kebolehpercayaan soal selidik. Kaedah *Alpha Cronbach* digunakan kerana ianya sesuai digunakan untuk mengukur kebolehpercayaan bagi item soal selidik yang menggunakan skala Likert.

Bacaan *Alpha Cronbach* kebolehpercayaan soal selidik akan diperoleh melalui hasil satu kajian rintis. Mengikut Hair et al. (2006), tahap penerimaan kebolehpercayaan sesuatu instrumen kajian menunjukkan bahawa responden telah menjawab soalan atau pernyataan dalam keadaan konsisten. Hair et al. (2006) telah memberi garis panduan bagi menilai bacaan indeks kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* yang menerangkan kekuatan hubungan seperti di dalam jadual di bawah:

Jadual 3.12
Pekali Saiz Cronbach's Alpha Hair et al. (2006)

Nilai Alpha Cronbach	Indikator
< 0.6	Lemah
0.6 < 0.7	Sederhana
0.7 < 0.8	Baik
0.8 < 0.9	Sangat Baik
0.9	Terbaik

Pengkaji telah melakukan kajian rintis yangt melibatkan 30 pelajar yang mempunyai ciri yang sama dengan sampel kajian sebenar. Data daripada kajian rintis telah diproses dan dianalisis menggunakan program SPSS versi 17.0. Indeks kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* bagi keseluruhan empat konstruk yang terdiri daripada 40 item adalah 0.98. Mengikut indicator nilai *Alpha Cronbach* yang dibuat oleh Hair et al. (2006), nilai bacaan tersebut adalah terbaik kerana melebihi 0.9. Daripada keputusan tersebut, data bagi semua konstruk soal selidik ini telah melepasi tahap kebolehpercayaan yang sangat baik.

3.8 Prosedur pengumpulan data kajian

Pengumpulan data dijalankan mengikut fasa kajian. Setiap fasa mempunyai prosedur pengumpulan data yang berbeza. Rumusan pengumpulan data adalah seperti jadual di bawah.

Jadual 3.13
Prosedur Pengumpulan data

Bil.	Fasa	Objektif	Kaedah pengumpulan data
1.	Analisis keperluan	• Mendapatkan maklumat tentang saluran KNVQ yang sesuai digunakan dalam pengajaran bahasa Arab. • Mengenal pasti teori dan model pengajaran dan pembelajaran bagi mereka bentuk MPKNVQ	• Analisis dokumen
2.	Reka bentuk dan Pembangunan	• Mendapat pengesahan pakar tentang kesesuaian MPKNVQ sebelum diimplimetasikan. • Mengenal pasti kelemahan item soal selidik sikap, motivasi dan ujian pencapaian.	• Analisis dokumen • Borang pengesahan pakar 17 pakar • Soal selidik kajian rintis pada 30 orang pelajar dan seorang guru.
3.	Pelaksanaan dan Penilaian	• Memastikan kedua-dua kumpulan pelajar itu mempunyai ciri keseragaman (homogenous) • Melihat jenis sikap sebelum pelaksanaan MPKNVQ • Melihat tahap motivasi pelajar sebelum pelaksanaan MPKNVQ • Menilai pencapaian pelajar tentang selepas fasa pelaksanaan MPKNVQ • Menilai jenis sikap pelajar terhadap pengajaran bahasa Arab selepas MPKNVQ • Menilai tahap motivasi pelajar selepas menjalani MPKNVQ	• Ujian pencapaian • Keputusan peperiksaan • Soal selidik sikap • Soal selidik motivasi • Ujian pasca (Pavlu, 2009) • Soal selidik MSAQ (al Noursi, 2013) • Soal selidik SMTALLQ (Pintrich dan DeGroot, 1990)

3.8.1 Pengumpulan Data Analisis.

Data analisis dokumen dikumpulkan sendiri oleh pengkaji melalui kajian literatur. Pengkaji telah meneliti buku-buku, jurnal-jurnal dan kajian-kajian terdahulu yang telah dijalankan berkaitan dengan komunikasi nonverbal. Tujuan pengkaji meninjau kajian-kajian lepas adalah untuk mengenal pasti kerangka acuan dan landasan saluran-saluran KNV yang bersesuaian dan mengemukakan fakta-fakta yang menjadi sokongan kepada pengkaji untuk mendapat kerangka KNVQ yang boleh digunakan dalam pengajaran bahasa Arab.

Melalui analisis dokumen ini pengkaji mendapati sepuluh saluran KNV yang telah dikemukakan Richmond dan McCroskey (2000) adalah sesuai untuk dijadikan sebagai kerangka acuan dan landasan untuk mendapatkan maklumat dan mengenal

pasti Komunikasi nonverbal al Quran (KNVQ) yang boleh digunakan dalam pembangunan MPKNVQ dalam pengajaran bahasa Arab.

Pengkaji telah menjadikan kerangka acuan dan landasan yang telah dikemukakan oleh Richmond dan Mccroskey ini untuk mendapatkan KNVQ. Pengkaji meneliti dan menganalisis al Quran al Karim dan mengenal pasti saluran-saluran KNVQ yang bersesuaian untuk pembangunan MPKNVQ pengajaran bahasa Arab.

Setelah saluran-saluran ini dikenal pasti dan disenaraikan pengkaji telah membina satu set soal selidik persetujuan pakar KNVQ untuk dikemukakan kepada 17 orang pakar yang terdiri daripada pakar kurikulum, reka bentuk modul dan pakar bahasa Arab. Pengkaji telah mengenal pasti pakar-pakar yang sesuai untuk dijadikan sampel kajian iatu pakar kurikulum, pakar bahasa dan pakar reka bentuk modul. Pakar-pakar yang telah dikenal pasti di senaraikan dan dikemukakan kepada pihak Universiti Malaya untuk dibuat perlantikan sebagai panel pakar.

Pengkaji datang sendiri berjumpa secara bersemuka dengan pakar tersebut untuk menyerahkan soal selidik persetujuan pakar. Tujuan soal selidik persetujuan pakar ini dikemukakan ialah untuk Mengenal pasti keperluan KNVQ dalam pengajaran kosa kata bahasa Arab dan mendapat kesahan pakar yang menjadi formaliti dalam setiap kajian. Pengkaji telah menganalisis maklum balas, komen dan cadangan yang dikemukakan oleh pakar.

Kamus *The Merriam-Webster* (2009) mendefinisikan seorang pakar sebagai 'mempunyai, melibatkan,atau mempamerkan kemahiran khas atau pengetahuan yang diperoleh dari latihan atau pengalaman. '." (Dalkey, 1972) mendefinisikan pakar dalam teknik delphi sebagai orang yang berpengetahuan dan mahir dalam sesuatu bidang tertentu. Berdasarkan dua tafsiran maksud "pakar" di atas, pemilihan pakar untuk kajian berdasarkan kepada kriteria:

a) Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah atau Sarjana dalam bidang bahasa Arab atau bidang pendidikan bahasa Arab atau bidang reka bentuk kurikulum

b) Guru-guru pakar/cemerlang yang telah dilantik khusus oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

c) Guru-guru bahasa Arab yang telah berkhidmat dan mempunyai pengalaman mengajar bahasa Arab melebihi 10 tahun.

d) Pensyarah-pensyarah Institut Perguruan yang terlibat secara langsung mendidik bakal-bakal guru bahasa Arab.

e) Pensyarah atau guru yang terlibat secara langsung dalam menjalankan kajian pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran.

17 orang telah dilantik sebagai panel pakar dalam kajian ini. Helmer dan Dalkey menggunakan panel pakar seramai tujuh orang dalam kajian asal mereka (Helmer, 1983).

3.8.2 Pengumpulan Data Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan

Fasa reka bentuk adalah fasa yang sangat penting dalam pembangunan modul kerana reka bentuk yang akan di bina akan menjadi tulang belakang modul yang akan dibangunkan. Dalam fasa ini pengkaji menggunakan kaedah analisis dokumen iaitu mendapatkan maklumat dan data tentang teori-teori yang akan digunakan dalam pembangunan MPKNVQ dalam pengajaran bahasa Arab. Buku-buku, jurnal dan kajian-kajian lepas menajdi bahan penelitian pengkaji. Data-data dari buku ini dipetik dan digabungkan bagi membentuk teori yang bersesuaian dengan MPKNVQ dalam pengajaran bahasa Arab.

Dalam kajian ini Pengkaji telah menggabungkan tiga teori iaitu teori behavioris, kognitif dan teori pembelajaran sosial Bandura bagi membentuk teori pembelajaran dalam MPKNVQ pengajaran bahasa Arab berdasarkan kepada ciri-ciri yang terdapat pada ketiga-tiga teori ini sebagaimana telah dinyatakan dalam kajian literatur. Manakala model pengajaran yang dipilih oleh Pengkaji ialah teori pembelajaran Sim (1970) dan model pengajaran behaviorisme.

Data dalam fasa pembangunan diperolehi melalui borang soal selidik pengesahan pakar. Pengkaji akan membangunkan prototaip MPKNVQ dalam pengajaran bahasa Arab. Prototaip modul MPKNVQ akan diserahkan kepada pakar yang telah dilantik bagi menentukan kesesuaian modul dari segi isi kandungan, bahasa yan digunakan, tempoh masa pelaksanaan, kaedah pengajaran, kesesuaian aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan penilaian menepati pengguna sasaran. Pandangan pakar tentang kelemahan, cadangan, komen pakar akan diberi perhatian bagi penambahbaikan kepada prototaip modul yang dibina. Pakar yang terlibat dalam memberi maklum balas borang soal selidik ini ialah seramai 17 pakar yang sama sebagaimana di fasa pertama.

Sebelum Prototaip MPKNVQ yang telah siap dilaksanakan dalam bilik darjah, pengkaji telah membina soal selidik untuk menentukan jenis sikap, tahap motivasi dan ujian pencapaian pelajar yang akan digunakan sebagai ujian pra sebelum pelaksanaan MPKNVQ. Kajian rintis akan dijalankan dalam fasa ini keatas 30 pelajar tingkatan dua dan seorang guru bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap soal selidik yang telah dibina.

3.8.3 Pengumpulan Data Fasa Pelaksanaan dan Penilaian

MPKNVQ yang telah siap dibangunkan akan diaplikasikan dalam bilik. 50 orang pelajar dari dua buah sekolah menengah di Terengganu telah dipilih sebagai sampel kajian. Sekolah pertama hanya mempunyai 28 orang pelajar diletakkan dalam sampel kumpulan kawalan dan sebuah sekolah lagi mempunyai 22 orang pelajar dan diletakkan dalam kumpulan eksperimen atau kumpulan rawatan. Kedua-dua kumpulan pelajar ini akan mengikuti ujian pra. Kedua-dua kumpulan pelajar ini juga akan menjawab soal selidik untuk menentukan jenis sikap, tahap motivasi pelajar sebelum pelaksanaan MPKNVQ bermula. Data tentang jenis sikap dan tahap motivasi ini akan dinilai dan dibandingkan dengan data yang akan diperolehi selepas pelaksanaan MPKNVQ nanti. Ujian juga akan dijalankan ke atas pelajar untuk menilai pencapaian pelajar dalam bahasa Arab. Ujian ini juga bertujuan memastikan kedua-dua kumpulan pelajar mempunyai ciri-ciri keseragaman dari segi pencapaian, jenis sikap dan tahap motivasi (homogenus).

Dalam fasa terakhir ini pengkaji akan membuat ujian pra yang melibatkan dua soal selidik dan satu ujian pencapaian. Kedua-dua soal selidik dan ujian pencapaian ini adalah soal selidik dan ujian pencapaian yang sama yang telah dijalankan ke atas kedua-dua kumpulan pelajar dalam ujian pra sebelum ini. Tujuannya ialah untuk melihat keberkesanan MPKNVQ dalam pembelajaran bahasa Arab. Perbandingan sebelum dan selepas pelaksanaan akan menjadi bukti keberkesanan MPKNVQ yang telah dijalankan.

3.8.4 Penganalisisan Data Kajian

Gay (1992) menyatakan kaedah analisis statistik yang digunakan dalam sesuatu kajian bergantung kepada reka bentuk kajian dan jenis skala pengukuran pemboleh ubah bersandar yang digunakan. Sementara Mohamed Othman (2001) menyatakan bahawa analisis data statistik mudah dilakukan dengan menggunakan bantuan perisian komputer program SPSS

Data-data yang telah diperolehi daripada borang soal selidik semua fasa akan dikodkan dan diproses serta dianalisis dengan menggunakan perisian *statistical package for the social science* (SPSS). Sidek Mohd Noah (2002) menyatakan bahawa pengkaji perlu menyatakan alat statistik yang akan digunakan untuk analisis data sama ada statistik deskriptif atau pun statistik inferensi Analisis statistik berikut telah digunakan: 1) Statistik deskriptif termasuk skor min dan sisihan piawai digunakan untuk mengukur sikap responden. 2) Statistik inferensi seperti (ujian-t) bagi dua sampel bergantung telah digunakan untuk membandingkan sikap pelajar dalam kedua-dua kumpulan

Maklum balas daripada semua peserta telah dimasukkan dan disimpan dalam program analisis. Kekerapan dan peratusan dikira bagi setiap soalan dengan menggunakan format berskala Likert, dengan setiap item dan secara keseluruhan. Tahap kepentingan telah ditetapkan pada 0.05, dan ujian-t untuk dua kumpulan bebas ditentukan berapa banyak variasi dalam cara boleh dikaitkan dengan pembolehubah yang berbeza.

Dalam fasa analisis pengkaji menggunakan instrumen soal selidik persetujuan pakar untuk menjawab persoalan kajian. Analisis kekerapan dan min digunakan untuk menentukan apakah KNVQ yang sesuai dalam reka bentuk MPKNVQ Pengajaran

bahasa Arab di Sekolah Menengah di Malaysia mengikut pandangan pakar yang terlibat.

Pengkaji telah memilih teknik Delphi ubah suaian dua pusingan kerana ia adalah teknik terbaik untuk mendapat persetujuan pakar untuk menentukan saluran dan sub-sub saluran yang sesuai digunakan dalam MPKNVQ. Pandangan beberapa orang pakar yang telah membuat keputusan adalah bersifat individu dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak (Delbeeq, Van De Ven & Gustafson, 1975; Linston & Turoff, 1975). Dalam kajian ini, ubah suai pelaksanaan teknk Delphi telah dilakukan oleh pengkaji berpandukan cadangan Saedah Siraj (2008) dan Skulmoski et al. (2007). Teknik Delphi Ubahsuaian ini telah dilaksanakan oleh Ahmad Sobri Shuib (2009) dan Norlidah Alias (2010).

Dalam fasa pembangunan pengkaji menggunakan soal selidik untuk menentukan jenis sikap dan tahap motivasi. Soal selidik akan dijawab oleh kedua-dua kumpulan rawatan dan kawalan.

3.8.5 Ujian Normaliti

Bagi memastikan data yang diperoleh adalah sesuai untuk dijalankan analisis, proses penyemakan terhadap data kajian telah dilakukan bagi memastikan data yang akan diguna pakai memenuhi syarat untuk dianalisis. Ujian kenormalan telah dilakukan dengan kaedah statistik dan grafik seperti *skewness* dan *kurtosis*, histogram dan q dan q plot. Keputusan ujian *skewness* dan *kurtosis* dianalisis berdasarkan kepada komponen MPKNVQ. Bagi kajian ini terdapat tiga elemen yang telah dijalankan ujian normaliti iaitu elemen pencapaian, sikap dan motivasi.

Ujian normaliti merujuk kepada sejauh mana data sampel mempunyai taburan normal. Sifat data yang normal merupakan prasyarat bagi melaksanakan teknik analisis statistik inferensi. Bagi kajian ini, nilai *skewness* dan *kurtosis* digunakan untuk mengesan ciri-ciri normaliti bagi pemboleh ubah yang dikaji. Data yang normal bagi pemboleh ubah adalah sangat penting dalam menentukan jenis ujian yang akan digunakan sama ada ujian parametrik atau bukan parametrik.

Bagi memastikan data yang diperoleh adalah sesuai untuk dijalankan analisis, proses penyemakan terhadap data kajian telah dilakukan bagi memastikan data yang akan diguna pakai memenuhi syarat untuk dianalisis. Ujian kenormalan telah dilakukan dengan kaedah statistik dan grafik seperti *skewness* dan *kurtosis*, histogram dan q dan q plot. Keputusan ujian *skewness* dan *kurtosis* dianalisis berdasarkan kepada komponen MPKNVQ.

Jadual 3.14
Nilai Skewness dan Kurtosis MPKNVQ Bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan

MPKNVQBA	*Skewness*		*Kurtosis*	
	Statistik	Ralat Piawai	Statistik	Ralat Piawai
B_SKP	-.728	.491	.799	.953
A_SKP	-.428	.491	-.453	.953
B_MTV	-.641	.491	.509	.953
A_MTV	.077	.491	-.590	.953
B_PCP	.169	.491	-1.014	.953
A_PCP	-.195	.491	-.584	.953

Ujian *skewness* dan *kurtosis* telah dijalankan bagi menguji tahap kenormalan data komponen kumpulan kawalan bagi MPKNVQ. Jadual 3 menunjukkan elemen MPKNVQ bagi nilai *skewness* dan nilai *kurtosis*. Berdasarkan kepada ujian, nilai *skewness* dan *kurtosis* bagi sikap untuk kumpulan kawalan adalah bertaburan secara normal dengan nilai *skewness* -.728 dan *kurtonis* .799, motivasi juga bertaburan

normal dengan nilai *skewness* -.641 dan nilai *kurtosis* .509, Pencapaian juga bertaburan secara normal dengan nilai *skewness* .169 dan *kurtosis* -1.014

Sementara itu, nilai bagi *skewness* dan nilai *kurtosis* untuk kumpulan rawatan pula menunjukkan kesemuanya bertaburan normal. Nilai *skewness* dan *kurtosis* untuk sikap adalah bertaburan secara normal dengan nilai *skewness* -.428 dan *kurtosis* -.453. Taburan normal juga bagi motivasi dengan nilai *skewness* -.077 dan *kurtosis* -.590, Pencapaian dengan nilai *skewness* -.195 dan *kurtosis* -.584 juga bertaburan secara normal.

Nilai yang digunakan bagi *skewness* dan *kurtosis* ialah seperti yang dicadangkan oleh Hair et al. (1998) iaitu taburan data adalah normal apabila nilai *skewness* berada antara jarak +1.00 dengan -1.00 manakala nilai antara jarak +3.00 dengan -3.00 bagi *kurtosis* adalah normal.

Kesimpulannya, analisis ujian *skewness* dan *kurtosis* yang telah dijalankan menunjukkan semua elemen MPKNVQ adalah bertaburan normal dan sesuai untuk dijalankan analisis inferensi dan ujian parametrik boleh dijalankan (Kline, 2005).

3.9 Rumusan

Bab ini telah membincangkan secara terperinci metodologi Pengkajian yang digunakan oleh Pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Pengkaji menghuraikan tentang reka bentuk kajian, populasi dan persampelan kajian, instrument kajian, prototaip MPKNVQ, kesahan dan kebolehpercayaan kajian, kajian rintis, kesahan dan keboleh percayaan soal selidik sikap dan motivasi dan prosedur atau tatacara pengumpulan data dan bagaimana data dianalisis.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini membentangkan dapatan kajian Pembangunan Modul Pedagogi Komunikasi Nonverbal al Quran (MPKNVQ) dalam pengajaran Bahasa Arab. Pembentangan dapatan dilakukan mengikut fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan modul, fasa pelaksanaan dan fasa penilaian modul. Perbahasan bab ini menjurus kepada menjawab soalan kajian berikut:

1) Apakah saluran komunikasi nonverbal al Quran yang sesuai digunakan oleh guru dalam pengajaran Bahasa Arab?

2) Apakah reka bentuk MPKNVQ yang dibangunkan sesuai untuk pengajaran Bahasa Arab?

3) Bagaimanakah MPKNVQ dibangunkan?

4) Apakah tahap sikap pelajar kumpulan kawalan dan rawatan sebelum pelaksanaan MPKNVQ?

5) Sejauh mana pelaksanaan MPKNVQ berkesan dalam meningkatkan tahap sikap pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab?

6) Apakah tahap motivasi pelajar kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sebelum pelaksanaan MPKNVQ?

7) Sejauh manakah pelaksanaan MPKNVQ berkesan dalam meningkatkan motivasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab?

8) Apakah tahap pencapaian pelajar kumpulan kawalan dan rawatan sebelum dan selepas pelaksanaan MPKNVQ?

9) Sejauh mana pelaksanaan MPKNVQ dapat meningkatkan pencapaian pelajar?

4.2 Dapatan Kajian Fasa Analisis Keperluan

Fasa analisis keperluan membentangkan dapatan kajian bagi menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu

1. Apakah saluran komunikasi nonverbal al Quran yang sesuai digunakan dalam pengajaran Bahasa Arab?

Fasa analisis dalam kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen. Analisis dokumen adalah kaedah pengumpulan data Pengkajian yang diperoleh melalui kandungan bahan yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema dalam pelbagai bentuk. Pengkaji telah meneliti dan mengeluarkan saluran komunikasi nonverbal dengan merujuk kepada teks al Quran dan menyenaraikannya berdasarkan teori yang telah dinyatakan oleh Richmond dan Mcroskey (2000).

Menurut Richmond dan Mcroskey (2000) ada sepuluh saluran nonverbal yang sesuai digunakan dalam pengajaran iaitu; (1) penampilan fizikal, (2) gerakan anggota tubuh, (3) ekspresi wajah, (4) okulesik, (5) vokalik, (6) proksemik, (7) haptik, (8) persekitaran, (9) olfaktik dan (10) kronemik

4.2.1 Penampilan fizikal dalam al Quran

Penampilan fizikal adalah salah satu saluran KNV yang melibatkan penampilan luaran seperti pakaian, aksesori dan fesyen rambut. Jadual 4.1 menunjukkan hasil dapatan analisis kepada ayat-ayat al Quran yang telah dilakukan oleh Pengkaji berkaitan KNV penampilan fizikal di dalam al Quran. Jadual ini menjelaskan tentang saluran penampilan fizikal, surah dan ayat yang berkaitan. Dapatan menunjukkan elemen pakaian yang bersih, pakaian cantik, pakaian kemas,

pemakaian perhiasan emas dan perak, warna pakaian, pakaian identiti, pakaian sopan dan pakaian menunjukkan keegoan adalah elemen-elemen saluran penampilan yang terdapat dalam al Quran. Dapatan ini menggambarkan tentang penggunaan nonverbal saluran penampilan fizikal.

Lapan elemen ini merupakan kesimpulan kepada perwatakan atau penampilan fizikal yang ditonjolkan oleh al Quran. Al Quran jelas menunjukkan kepentingan saluran penampilan fizikal.

Jadual 4.1
Penampilan fizikal dalam al Quran

Bil.	Penampilan fizikal	Surah	Ayat
1.	Pakaian yang bersih	al qasas/al muddathir	79/4
2.	Pakaian yang cantik	Al qasas/ Al A'raf	79/39
3.	Pakaian kemas	Al qasas	79
4.	Pemakaian perhiasan (emas dan perak)	Al A'raf	31
5.	Warna pakaian	Al Kahfi/al Qasas	31/79
6.	Pakaian yang menggambarkan identiti	Al Qasas/ al Hajj	79/23
7.	Pakaian yang sopan	Al Ahzab	59
8.	Pakaian yang menunjukkan keegoan	Al Qasas	79

4.2.2 Gerakan Anggota Tubuh dalam al Quran

Gerakan anggota tubuh seperti kedudukan tubuh, isyarat pergerakan jari, tangan, kepala dan kaki adalah salah satu dari saluran KNV. Jadual 4.2 menunjukkan isyarat gerakan anggota tubuh yang telah didapati oleh Pengkaji dalam al Quran al Karim.

Jadual 4.2
Isyarat gerakan anggota tubuh dalam al Quran.

Bil.	Gesture/gerakan anggota tubuh	Surah	Ayat
1.	Menggigit jari	Al Furqan	27
2.	Membolak balikkan tangan	Al kahfi	42
3.	Memukul muka	Al Zaariyaat	29
4.	Menutup mulut	Ibraahiim	9
5.	Bertepuk tangan	Al anfaal	35
6.	Berjabat tangan	Al fath	10
7.	Memasukkan jari dalam telinga	Al Baqarah	19
8.	Menghentakkan kaki	Al nuur	31
9.	Berjalan	Al Qasas	25
10.	Mendongakkan kepala	Ibrahim	43
11.	Menundukkan kepala	Al anbiyaa'	65
12.	Menggeleng kepala ke kiri dan kanan	Al munafiquun	5
13.	Menganggukkan kepala	Al israa'	51
14.	Berdiri	AAli Imran	191
15.	Duduk	AAli Imran	191
16.	Berbaring	AAli Imran	191
17.	Postur badan kemalasan	Al nisaa'	142
18.	Postur badan bersungguh-sungguh	Al jinn	19
19.	Mencondongkan badan	Al baqarah	43

Jadual 4.2 di atas menjelaskan tentang gerakan anggota tubuh, surah dan ayat yang berkaitan. Dapatan menunjukkan terdapat sembilan belas elemen gerakan anggota tubuh dalam al Quran yang melibatkan pergerakan anggota tangan seperti mengigit jari, membolak balikkan tangan, memukul muka, menutup mulut, bertepuk tangan dan memasukkan jari dalam telinga. Manakala yang melibatkan pergerakan kaki pula ialah hentakan kaki dan berjalan. Dapatan ini juga menunjukkan terdapat 4 elemen KNV yang melibatkan pergerakan kepala iaitu mendongak, menunduk, menggeleng dan mengangguk. Manakala elemen yang melibatkan postur badan pula ada tujuh iaitu berdiri, duduk, berbaring, condong, postur yang menunjukkan kemalasan dan kesungguhan. Elemen-elemen ini membuktikan wujudnya KNV yang melibatkan pergerakan anggota tubuh dalam al Quran.

Semua elemen-elemen ini merupakan kesimpulan kepada gerakan anggota badan atau Gestur yang merujuk kepada cara berjalan, berdiri, duduk atau mana-mana pergerakan badan yang mengiringi percakapan termasuk pergerakan kepala, tubuh, lengan dan kaki yang terdapat dalam al Quran.

4.2.3 Ekspresi Wajah dalam al Quran

Ekspresi wajah seperti mimik muka, senyuman, wajah sedih, muram, malu, gembira adalah salah satu saluran KNV. Jadual 4.3 menunjukkan bentuk-bentuk ekspresi wajah didapati oleh Pengkaji dalam al Quran.

Jadual 4.3
Ekspresi Wajah dalam al Quran

Bil.	Ekspresi wajah	Surah	Ayat
1.	Wajah bercahaya	Abasa	38-39
2.	Wajah berseri-seri	Al Ghasyiah	8
3.	Wajah manis ceria	Aali Imraan	106-107
4.	Wajah kegembiraan	Al Insaan	11
5.	Wajah khusyuk	Taahaa	111
6.	Wajah berkeinginan terhadap sesuatu	Al Baqarah	144
7.	Wajah muram	Al Qiyaamah	24
8.	Wajah marah	Al Nahl	58
9.	Wajah masam	Ali Imran	106
10.	Wajah sedih	Yusuf	84
11.	Wajah malu	Al Nahl/al Qasas	58/25
12.	Wajah ragu-ragu/keliru	Al Mulk	22
13.	Senyum	Al Naml	19

Jadual 4.3 di atas menunjukkan saluran komunikasi nonverbal al Quran ekspresi wajah, surah dan ayat. Dapatan menunjukkan tedapat 13 elemen ekspresi wajah iaitu wajah bercahaya, berseri-seri, manis ceria, kegembiraan, khusyuk, berkeinginan, muram, masam, sedih, malu, ragu-ragu dan senyum. Elemen-elemen ini membuktikan wujudnya KNV yang melibatkan ekspresi wajah dalam al Quran al Karim.

Semua elemen ini merupakan kesimpulan kepada ekspresi wajah yang merujuk kepada pergerakan muka atau gambaran emosi yang ditunjukkan oleh muka seperti mimik muka, mencebik bibir, berkerut, senyum, masam, marah, benci dan lain-lain yang terdapat dalam al Quran.

4.2.4 Okulesik (Kontak Mata) dalam al Quran

Okulesik (kontak mata) adalah tingkah laku mata yang membawa makna tertentu seperti sedih, gembira, minat dan kecewa. Okulesik merupakan salah satu saluran KNV. Jadual 4.4 menunjukkan saluran okulesik yang didapati oleh Pengkaji dalam al Quran.

Jadual 4.4
Okulesik (Kontak Mata) dalam al Quran

Bil.	Okulesik(kontak mata)	Surah	Ayat
1.	Menangis	Al Taubah	92
2.	Isyarat mata menghina/mengaibkan	Huud	31
3.	Mata terbelalak	Al Ahzaab	19
4.	Mencuri pandang	Ghaafir	19
5.	Pandangan memberi perhatian	Taahaa	131
6.	Renungan tajam	Al Qalam	51
7.	Pandangan keraguan/tidak tetap	Al Ahzaab	10
8.	Memandang ke bawah	Al Qalam	43
9.	Pengulangan pandangan	Al Mulk	3-4
10.	Mata terbuka tidak berkedip	Al Anbiyaa’	97
11.	Bertentangan mata	Al Taubah	127
12.	Pandangan lesu	Al Syuuraa	45

Jadual 4.4 di atas menunjukkan saluran KNV okulesik atau kontak mata, surah dan ayat. Dapatan menunjukkan terdapat 12 elemen okulesik iaitu menangis, isyarat mata menghina, mata terbelalak, mencuri pandang, pandangan perhatian, renungan tajam, pandangan keraguan, pandangan ke bawah, pengulangan pandangan, mata tidak berkedip, bertentangan mata dan pandangan lesu. Elemen-elemen ini membuktikan

wujudnya KNV yang melibatkan okulesik atau kontak mata dalam al Quran. Kesemua elemen ini merupakan kesimpulan kepada okulesik yang merujuk kepada peranan yang dimainkan oleh mata dalam berkomunikasi.

4.2.5 Vokalik dalam al Quran

Vokalik disebut juga sebagai paralinguistik adalah salah satu saluran KNV yang melibatkan nada suara, tekanan suara dan intonasi. Jadual 4.5 menunjukkan saluran KNV vokalik yang didapati Pengkaji dalam al Quran.

Jadual 4.5
Vokalik dalam al Quran

Bil.	Vokalik/paralinguistik	Surah	Ayat
1.	Suara bosan	Al Israa'	23
2.	Suara benci	Al israa'	23
3.	Suara kasihan belas	Huud	75
4.	Suara teriakan	Al mu'minuun	64-65
5.	Suara perlahan/bisikan	Fatir	37
6.	Siara keras	Al mu'minuun	64-65
7.	Suara helaan nafas atau rintihan	Huud	106
8.	Suara buruk	luqmaan	19
9.	Suara lunak	luqmaan	19
10.	Suara siulan	Al anfaal	35
11.	Suara menenking atau mengherdik	Al israa'	23
12	Suara lembut atau rendah	Al a'raaf	55
13.	Suara tegas	Al saaffaat	2
14.	Suara seruan	Ali imraan	193
15.	Diam	Al a'raaf	204

Jadual 4.5 menunjukkan saluran KNV vokalik, surah dan ayat yang berkaitan. Dapatan menunjukkan elemen suara bosan, benci, kasihan belas, perlahan, keras, rintihan, buruk, lunak, lembut, tegas, seruan, diam dan suara senada. Elemen-elemen ini membuktikan wujudnya KNV yang melibatkan vokalik dalam al Quran. Kesemua elemen ini merupakan kesimpulan kepada vokalik yang merujuk kepada bunyi perkataan yang diucapkan

4.2.6 Proksemik dalam al Quran

Proksemik adalah salah satu saluran KNV yang melibatkan ruang dan jarak seperti kedudukan seseorang samada dekat dan jauh atau ruang mempunyai makna tertentu. Jadual 4.6 menunjukkan saluran KNV proksemik yang didapati Pengkaji dalam al Quran.

Jadual 4.6
Proksemik dalam al Quran

Bil.	Proksemik(jarak dan ruang)	Surah	Ayat
1.	Dekat/hampir	Al Nisaa'	172
2.	Bersebelahan	Al Qasas	46
3.	Bersama-sama	Al Zukhruf	53
4.	Jauh	Aala Imran	30
5.	Memencilkan diri	Al Nisaa'	34
6.	Menjauhkan sesuatu	Fussilat	51
7.	Memisahkan	Al Maaidah	25
8.	Mencerobohi ruang	Al Baqarah	191
9.	Mengelilingi	Al Insan	19
10	Berada di hadapan	Al Ra'd	11
11	Berada di belakang	Al Ahzaab	53
12	Membelakangkan	Al Insaan/al Baqarah	27/101
13	Ruang bergerak	Al Mujadilah	11

Jadual 4.6 menunjukkan saluran KNV proksemik, surah dan ayat yang berkaitan. Dapatan menunjukkan elemen proksemik hampir, bersebelahan, jauh, bersama, memencilkan diri, menajuhkan sesuatu, memisahkan, mencerobohi ruang, mengeliligi, di hadapan, di belakang, membelakangkan dan ruang bergerak. Elemen-elemen ini membuktikan wujudnya KNV yang melibatkan proksemik dalam al Quran. Kesemua elemen ini merupakan kesimpulan kepada proksemik yang merujuk kepada jarak dan ruang.

4.2.7 Haptik dalam al Quran

Haptik adalah salah satu saluran KNV yang melibatkan sentuhan seperti bersalaman, memegang bahu dan mengusap kepala. Jadual 4.7 menunjukkan saluran KNV haptik yang didapati Pengkaji dalam al Quran.

Jadual 4.7
Haptik dalam al Quran

Bil.	Haptik(sentuhan)	Surah	Ayat
1.	Sentuhan	Al an'am	7
2.	Sentuhan sokongan	Taahaa	31
3.	Sentuhan kasih sayang	Tahaa	97
4.	Menggunakan alatan untuk kawalan	Taahaa	18
5.	Sentuhan kasar	Al Qamar	48
6.	Sentuhan berlainan jantina	Al Nisaa'	43

Jadual 4.7 menunjukkan saluran KNV haptik, surah dan ayat yang berkaitan. Dapatan menunjukkan elemen sentuhan yang menggambarkan sokongan, kasih sayang, kawalan, sentuhan kasar dan sentuhan berlainan jantina Elemen-elemen ini membuktikan wujudnya KNV yang melibatkan haptik dalam al Quran. Kesemua elemen ini merupakan kesimpulan kepada haptik yang merujuk kepada bunyi sentuhan.

4.2.8 Persekitaran dalam al Quran

Persekitaran adalah salah satu saluran KNV yang merujuk kepada susun atur perabut, pencahayaan, kebersihan. Jadual 4.8 menunjukkan saluran KNV persekitaran yang didapati oleh Pengkaji dalam al Quran.

Jadual 4.8
Persekitaran dalam al Quran

Bil.	Persekitaran	Surah	Ayat
1.	Susun atur persekitaran	Al Fatihah	2
2.	Pencahayaan yang sesuai	Yunus	5
3.	Perabut dan aksesori bersesuaian	Aali Imraan	190-191
4.	Persekitaran bermanfaat	Al Ghaasyiah/Yaasiin	13-16/55-57
5.	Perihatin dengan persekitaran	Al Baqarah	125
6.	Suasana persekitaran yang menarik	Aali Imraan	190-191
7.	Pengudaraan yang baik		
8.	Persekitaran yang bersih	Al Baqarah	125
9.	Persekitaran yang segar dan nyaman		

Jadual 4.8 menunjukkan saluran KNV Persekitaran, surah dan ayat yang berkaitan. Dapatan menunjukkan elemen persekitaran susun atur persekitaran, pencahayaan, perabut dan aksesori yang sesuai, persekitaran bermanfaat, perihatin dengan persekitaran, persekitaran menarik, pengudaraan yang baik, persekitaran bersih dan persekitaran yang segar dan nyaman. Elemen-elemen ini membuktikan wujudnya KNV yang melibatkan persekitaran dalam al Quran.

Kesemua elemen ini merupakan kesimpulan kepada persekitaran yang merujuk kepada susun atur dan cara pengaturannya, pencahayaan, pengudaraan dan suasana persekitaran.

4.2.9 Olfaktik dalam al Quran

Olfaktik adalah salah satu saluran KNV yang merujuk kepada bauan yang digunakan yang boleh mendekatkan seseorang atau menjauhkannya. Jadual 4.9 menunjukkan saluran KNV olfaktik yang didapati oleh Pengkaji dalam al Quran.

Jadual 4.9
Olfaktik dalam al Quran

Bil.	Olfaktif	Surah	Ayat
1.	Wangian yang sesuai	Al waaqiah	89
2.	Wangian sebagai identiti	Yusuf	94
3.	Aroma yang kondusif	Al waaqiah	89
4.	Bauan yang busuk	Al Saaffaat	62

Jadual 4.9 menunjukkan saluran KNV olfaktik, surah dan ayat yang berkaitan. Dapatan menunjukkan elemen olfaktik Wangian yang sesuai, wangian identiti, aroma kondusif dan bauan yang busuk. Elemen-elemen ini membuktikan wujudnya KNV yang melibatkan olfaktik dalam al Quran. Kesemua elemen ini merupakan kesimpulan kepada olfaktik yang merujuk kepada bauan.

4.2.10 Kronemik dalam al Quran

Kronemik adalah salah satu saluran KNV yang merujuk kepada penggunaan dan pengurusan masa. Jadual 4.10 menunjukkan saluran KNV kronemik yang didapati oleh Pengkaji dalam al Quran.

Jadual 4.10
Kronemik dalam al Quran

Bil.	Kronemik	Surah	Ayat
1.	Mementingkan masa	Al ‘Asr	1-2
2.	Mengurus masa dengan baik	Al ‘Asr	1-2
3.	Mengurus aktiviti	al Naba’	11
4.	Memberi ruang masa	Al Baqarah	197
5.	Menepati masa	Al A’raf	34
6.	Mengehadkan masa	Al Baqarah	185
7.	Membazir masa	Al ‘Asr	1-2

Jadual 4.10 menunjukkan saluran KNV kronemik, surah dan ayat yang berkaitan. Dapatan menunjukkan elemen kronemik mementingkan masa, pengurusan

masa yang baik, mengurus aktiviti, memberi ruang masa, menepati masa, mengehadkan masa dan membazir masa. Elemen-elemen ini membuktikan wujudnya KNV yang melibatkan Kronemik dalam al Quran. Kesemua elemen ini merupakan kesimpulan kepada kronemik yang merujuk kepada penggunaan dan pengurusan masa.

4.3 Dapatan Kajian Fasa Reka Bentuk Dan Pembangunan

Fasa ini membincangkan persoalan kajian berikut:

2. Apakah reka bentuk MPKNVQ yang dibangunkan sesuai untuk pengajaran bahasa Arab?
3. Bagaimanakah MPKNVQ dibangunkan?

Dalam membina reka bentuk MPKNVQ pengkaji telah mendapatkan pandangan pakar-pakar dalam bidang Bahasa Arab menggubal modul yang sesuai. Teknik Delphi ubahsuaian dua pusingan telah digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan data yang diperlukan untuk menggubal MPKNVQ.

Berdasarkan dapatan fasa analisis keperluan yang dijalankan, pengkaji telah menyediakan satu borang soal selidik MPKNVQ yang mengandungi saluran-saluran KNVQ untk mendapat persetujuan pakar. 10 saluran utama. Saluran dan elemen-elemen KNVQ sebagaimana yang telah disarankan oleh Richmond dan Mcroskey (2000) dan hasil penelitian pengkaji daripada al Quran al Karim telah dikemukakan kepada pakar-pakar untuk menentukan saluran KNVQ yang sesuai digunakan dalam pengajaran bahasa Arab. pengkaji memilih kaedah ini kerana ini adalah teknik yang terbaik untuk mendapatkan persetujuan pakar dalam menentukan saluran-saluran KNVQ bagi mereka bentuk dan membangunkan MPKNVQ. Ianya adalah hasil

pandangan beberapa pakar yang mana keputusan mereka adalah bersifat individu dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

Berikut adalah saluran dan elemen-elemen soal selidik yang telah dibangunkan oleh pengkaji dan telah dikemukakan untuk mendapat persetujuan pakar bagi membina rekabentuk MPKNVQ dalam pengajaran Bahasa Arab.

4.3.1 Dapatan Kajian Teknik Delphi Ubahsuaian Pusingan 1

Pengkaji menggunakan statistik deskriptif iaitu peratus, median, mod dan julat antara kuartil (IQR) bagi menganalisis dapatan pusingan pertama. Konsensus panel pakar terhadap semua item dalam soal selidik teknik Delphi ubahsuaian ini disusun mengikut susunan median, mod dan nilai julat antara kuartil (IQR) terkecil. Julat antara kuartil merupakan perbezaan antara kuartil 3 dan kuartil 1 yang digunakan untuk menentukan sejauh mana konsensus dan persetujuan pakar dicapai. Tahap konsensus atau persetujuan pakar berdasarkan nilai julat antara kuartil berdasarkan kajian Nik Zaharah Nik Yaacob (2007), Ahmad Sobri Shuib (2009) dan Norlidah Alias (2010) adalah seperti dibawah:

Konsensus tinggi	= julat antara kuartil	0	– 1.00
Konsensus sederhana	= julat antara kuartil	1.01	– 1.99
Tiada konsensus	= julat antara kuartil	2.00	– ke atas

pengkaji menetapkan dalam kajian ini bahawa item yang mempunyai nilai IQR 0 adalah konsensus yang sangat tinggi, nilai IQR 1 adalah konsensus tinggi di mana kedua-dua nilai IQR 0 dan 1.00 sebagai item yang mendapat konsensus pakar. Manakala item yang mempunyai nilai IQR melebihi nilai 1.00 sebagai item yang tidak mencapai konsensus pakar. Pengkaji juga melihat nilai median, mod dan peratusan

sangat setuju dan setuju yang tertinggi dalam susunan pemilihan item bagi setiap saluran.

4.3.1.1 **Penampilan Fizikal Yang Dipersetujui Pakar**

Penampilan fizikal adalah saluran pertama dalam komunikasi nonverbal al Quran (*KNVQ).* Konstruk pada bahagian ini mempertimbangkan perwatakan seorang guru ketika menjalani proses pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 4.11 menunjukkan peratusan, mode, median, julat antara kuartil dan nilai konsensus pakar terhadap pemilihan saluran penampilan fizikal dalam al Quran untuk Modul Pedagogi Komunikasi Nonverbal Dalam Pengajaran Bahasa Arab (MPKNVQ). Sebanyak lapan item mendapat persetujuan pakar dengan nilai mod dan median antara skala 4 hingga skala 5 (setuju dan sangat setuju). Sementara semua item mempunyai nilai konsensus pakar yang sangat tinggi dengan julat antara kuartil 0 hingga 1. Tiada tambahan cadangan oleh panel pakar dalam saluran ini.

Jadual 4.11
Saluran penampilan fizikal

Bil.	Penampilan fizikal	S	SS	Mod	Med	Iqr	Konsensus
1.	Berpakaian kemas	5.9%	94.1%	5	5	0	Tinggi
2.	Berpakaian yang bersih	11.8%	88.2%	5	5	0	Tinggi
3.	Berpakaian yang sopan	0%	100.0%	5	5	0	Tinggi
4.	Memakai yang memperlihatkan identiti seorang guru	23.6%	76.4%	5	4.50	0.5	Tinggi
5.	Berpakaian yang cantik	58.8%	41.2%	5	4	1	Tinggi
6.	Memakai perhiasan atau aksesori seperti emas dan perak	52.9%	47.1%	5	4	1	Tinggi
7.	Memilih warna pakaian yang bersesuaian	52.9%	47.1%	5	4	1	Tinggi
8.	Mengelak berpakaian yang menunjukkan keegoan	35.3%	64.7%	5	4	1	Tinggi

Berpandukan jadual di atas semua item saluran penampilan fizikal mendapat nilai kesepakatan pakar yang tinggi iaitu berpakaian kemas, berpakaian bersih, berpakaian sopan, pakaian menunjukkan identiti guru, berpakaian cantik, memakai aksesori, memakai pakaian yang bersesuaian dan mengelak dari berpakaian yang menunjukkan keegoan.

Dapatan kajian ini menunjukkan tidak terdapat item saluran penampilan fizikal yang berada pada tahap sederhana dan rendah. Ini membuktikan bahawa semua pakar bersepakat bahawa item-item saluran penampilan fizikal yang dikemukakan oleh pengkaji boleh digunakan oleh guru dalam proses perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

4.3.1.2 Gerakan Anggota Tubuh Yang Dipersetujui Pakar

Gerakan anggota tubuh merupakan saluran komunikasi nonverbal al Quran yang kedua. Konstruk Gerakan anggota tubuh guru ketika melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran adalah sangat penting bagi memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 4.12 menunjukkan peratusan, mode, median, julat antara kuartil dan nilai konsensus pakar terhadap pemilihan saluran gerakan anggota tubuh dalam al Quran untuk Modul Pedagogi Komunikasi Nonverbal Dalam Pengajaran Bahasa Arab (MPKNVQ). Semua Sembilan belas item mendapat persetujuan pakar dengan nilai mod dan median antara skala 4 hingga skala 5 (setuju dan sangat setuju). Semua item mempunyai nilai konsensus pakar yang tinggi dengan julat antara 0.5 hingga 1. Tiada tambahan cadangan oleh panel pakar dalam saluran ini.

Jadual 4.12
Gerakan Anggota Tubuh

BIL.	Gesture (Gerakan Anggota Tubuh)	S	SS	Mod	Med	IQR	Konsensus
1.	Mempelbagai isyarat tangan bagi mengilustrasi sesuatu	17.6	82.4	5	5	0	Tinggi
2.	Menghindari diri dari menunjukkan postur badan kemalasan	11.8	88.2	5	5	0	Tinggi
3.	Bertepuk tangan utk menarik perhatian pelajar	76.5	23.5	4.50	4	0.5	Tinggi
4.	Menghentakkan kaki untuk menarik perhatian	76.5	23.5	4.50	4	0.5	Tinggi
5.	Menganggukkan kepala untuk membenarkan	23.5	76.5	5	4.50	0.5	Tinggi
6.	Menggigit jari untuk menunjukkan kemarahan	64.7	35.3	5	4	1	Tinggi
7.	Membolak balikkan tangan untuk memperlihatkan penyesalan	52.9	47.1	5	4	1	Tinggi
8.	Memukul muka untuk menunjukkan kehairanan	47.1	52.9	5	4	1	Tinggi

9.	Menutup mulut menggambarkan keraguan	70.6	29.4	5	4	1	Tinggi
10.	Berjabat tangan menunjukkan kemesraan	29.4	70.6	5	4	1	Tinggi
11.	Menggunakan isyarat tangan bagi menggambarkan situasi ketakutan seperti meletakkan jari dalam telinga	47.1	52.9	5	4	1	Tinggi
12.	Mengangkat kepala untuk memberi perhatian	47.1	52.9	5	4	1	Tinggi
13.	Menundukkan kepala menggambarkan perasaan malu atau terhina	64.7	35.3	5	4	1	Tinggi
14.	Menggeleng kepala ke kiri dan kanan menunjukkan penolakkan	52.9	47.1	5	4	1	Tinggi
15.	Berdiri dalam proses pengajaran	29.4	70.6	5	4	1	Tinggi
16.	Menggunakan postur badan bagi menunjukkan situasi tertentu seperti duduk dan berbaring	58.8	41.2	5	4	1	Tinggi
17.	Mengelakkan diri dari duduk semasa proses pengajaran	52.9	47.1	5	4	1	Tinggi
18.	Menghindarkan diri dari postur badan tidak bersungguh-sungguh	58.8	41.2	5	4	1	Tinggi
19.	Mencondongkan badan kearah pelajar untuk menunjukkan minat.	47.1	52.9	5	4	1	Tinggi

Berdasarkan jadual di atas terdapat Sembilan belas item gerakan anggota tubuh yang mendapat nilai kesepakatan pakar yang tinggi iaitu mengilustrasi sesuatu dengan tangan, berjabat tangan, berdiri, bertepuk tangan, menundukkan kepala, menggelengkan kepala, menganggukkan kepala, menggunakan postur badan, duduk, postur kemalasan, gerakkan anggota tubuh, mengangkat kepala, membalikkan tangan, memukul muka, menutup mulut, meletakkan jari dalam telinga, menggigit jari dan menghentakkan kaki, postur ketidak sungguhan dan mencondongkan badan kepada pelajar.

Tiada item gerakkan anggota tubuh yang berada pada tahap sederhana dan rendah. Ini menunjukkan bahawa semua item gerakkan anggota tubuh disenaraikan mendapat persepakatan penuh panel pakar.

Dapatan kajian ini menunjukkan semua item saluran gerakan anggota tubuh komunikasi nonverbal al Quran ini telah membuktikan kesepakatan pakar pada tahap

tinggi. Dapatan kajian ini juga menunjukkan tidak terdapat item saluran gerakan anggota tubuh yang berada pada tahap sederhana rendah dan rendah. Ini juga membuktikan bahawa semua pakar bersepakat bahawa item-item saluran gerakan anggota tubuh yang dikemukakan oleh pengkaji boleh digunakan oleh guru dalam proses perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

4.3.1.3 **Ekspresi Wajah Yang Dipersetujui Pakar**

Jadual 4.13 menunjukkan peratusan, mode, median, julat antara kuartil dan nilai konsensus pakar terhadap pemilihan saluran ekspresi wajah dalam al Quran untuk Modul Pedagogi Komunikasi Nonverbal Dalam Pengajaran Bahasa Arab (MPKNVQ). Semua item mendapat persetujuan pakar dengan nilai mod dan median antara skala 4 hingga skala 5 (setuju dan sangat setuju). Sementara semua item mempunyai nilai konsensus pakar yang tinggi dengan julat antara 0.5 hingga 1.

Jadual 4.13
Ekspresi Wajah

Bil.	Ekspresi Wajah	S	SS	Mod	Med	Iqr	Konsensus
1.	Menunjukkan wajah manis ceria dan ceria	23.5	76.5	5	4.50	0.5	Tinggi
2.	Menunjukkan wajah bercahaya dan berseri-seri	47.1	52.9	5	4	1	Tinggi
3.	Menunjukkan perasaan rendah diri dengan menundukkan wajah	47.1	52.9	5	4	1	Tinggi
4.	Menggambarkan berkeinginan melalui ekpresi wajah	41.2	58.8	5	4	1	Tinggi
5.	Mengekspresi wajah dengan jelas ketika marah	41.2	58.8	5	4	1	Tinggi
6.	Menunjukkan wajah yang masam bila berhadapan dengan sesuatu yang tidak disukai	58.8	41.2	5	4	1	Tinggi
7.	Mengekspresi wajah dalam situasi tertentu seperti sedih malu dan marah	47.1	58.8	5	4	1	Tinggi
8.	Menghindari diri dari mengekspresi wajah keliru dan ragu-ragu	52.9	47.1	5	4	1	Tinggi
9.	Sentiasa senyum semasa proses pengajaran	29.4	70.6	5	4	1	Tinggi

Berdasarkan jadual di atas terdapat semua item ekspresi wajah yang mendapat nilai kesepakatan pakar yang tinggi iaitu wajah berseri-seri, berwajah manis, menundukkan wajah, sentiasa senyum, menunjukkan, menghindari wajah keliru, menggambarkan wajah berkeinginan, berwajah masam, mengekspresi wajah marah, mengekspresi wajah sedih dan.

4.3.1.4 **Okulesik (Kontak Mata) Yang Dipersetujui Pakar**

Jadual 4.14 menunjukkan peratusan, mode, median, julat antara kuartil dan nilai konsensus pakar terhadap pemilihan saluran okulesik dalam al Quran untuk Modul Pedagogi Komunikasi Nonverbal Dalam Pengajaran Bahasa Arab (MPKNVQ). Semua dua belas item mendapat persetujuan pakar dengan nilai mod dan median antara

skala 4 dan skala 5 (setuju dan sangat setuju). Sementara dua belas item mempunyai nilai konsensus pakar yang sangat tinggi dengan julat 0.5 hingga 1.

Jadual 4.14
Okulesik (Kontak Mata)

Bil.	Okulesik (Kontak Mata)	S	SS	Mod	Med	Iqr	Konsensus
1.	Mengulang Pandangan Sebagai Tumpuan Dan Perhatian	23.5	76.5	5	4.50	0.5	Tinggi
2.	Menangis menggambarkan Perasaan Sedih	64.7	35.3	5	4	1	Tinggi
3.	Menghindari Isyarat Mata Yang Menghina /Mengaibkan	41.2	58.8	5	4	1	Tinggi
4.	Menggambarkan Ketakutan Dengan Mata Terbelalak	58.8	41.2	5	4	1	Tinggi
5.	Mencuri Pandang Dalam Situasi Tertentu	58.8	41.2	5	4	1	Tinggi
6.	Menunjukkan Perhatian Dan Tumpuan Melalui Pandangan	35.3	64.7	5	4	1	Tinggi
7.	Menunjukkan Renungan Tajam Yang Menggambarkan Kemarahan	58.8	41.2	5	4	1	Tinggi
8.	Menghindari Pandangan Yang Tidak Tetap Kerana Keraguan	47.1	52.9	5	4	1	Tinggi
9.	Mengelak Dari Hanya Memandang Ke Bawah Semasa Proses Pengajaran	35.3	64.7	5	4	1	Tinggi
10.	Menunjukkan Mata Terbuka Tidak Berkedip Menggambarkan Situasi Tercengang Dan Terkejut	64.7	35.3	5	4	1	Tinggi
11.	Bertentangan Mata Ketika Bercakap Dengan Pelajar	29.4	70.6	5	4	1	Tinggi
12.	Mengelak Dari Menunjukkan Pandangan Lesu Ketika Mengajar	17.6	82.4	5	5	1	Tinggi

Responden kajian berdasarkan kehadiran ke kelas tuisyen Bahasa Arab dalam jadual 4.34 di atas menunjukkan 100% responden kumpulan kawalan tidak menghadiri kelas tuisyen Bahasa Arab. Responden kajian mengikut pekerjaan ibu dan bapa dalam jadual 4.34 menunjukkan bapa responden kumpulan kawalan 4 orang bekerja sebagai pegawai kerajaan mewakili 18.1% dan 18 orang bekerja sendiri mewakili 81.8% keseluruhan ibubapa responden kumpulan kawalan. 21 orang bekerja sendiri mewakili 95.4% daripada keseluruhan responden kumpulan kawalan.

Dapatan kajian mengikut tahap pendidikan ibubapa responden dalam jadual 4.24 menunjukkan bapa responden kumpulan kawalan seorang (1) sahaja yang berada pada tahap diploma dan ke atas mewakili 4.5% dan 21 orang pada tahap diploma ke bawah mewakili 95.4% daripada keseluruhan responden kumpulan kawalan. Manakala ibu responden kumpulan kawalan 2 orang pada tahap diploma dan ke atas mewakili 9.1% dan 20 orang pada tahap diploma ke bawah mewakili 90.4% keseluruhan responden kumpulan kawalan.

4.4.3 Demografi responden kumpulan rawatan

Jadual 4.35 di bawah menunjukkan demografi responden kumpulan rawatan bagi salah sebuah sekolah menengah kebangsaan yang mengambil mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi tingkatan dua di daerah Hulu Terengganu. Kumpulan rawatan terdiri dari 28 orang pelajar.

Jadual 4.35
Demografi responden kumpulan rawatan

Taburan responnden mengikut kategori		Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	4	14.3
	Perempuan	24	85.7
Keputusan UPSR	2A	9	32.1
	3A	10	35.7
	4A	9	32.1
Akhir tahun	Lemah	14	50.0
	Sederhana	13	46.4
	Tinggi	1	3.6
Take off value(TOV)	Lemah	17	60.7
	Sederhana	10	35.7
	Tinggi	1	3.6
Tusyen	Ada	0	0
	Tiada	22	100
Pekerjaan bapa	Kerajaan	8	28.6
	Sendiri	20	71.4
Tahap pendidikan bapa	Diploma ke atas	11	39.4
	Diploma ke bawah	17	60.6

Demografi jantina dalam jadual 4.35 di atas menunjukkan taburan jantina responden kajian. Jumlah responden lelaki bagi kumpulan rawatan pula ialah seramai 4 orang mewakili 14.3% manakala jumlah responden perempuan ialah seramai 24 orang mewakili 85.7% daripada jumlah keseluruhan responden kumpulan rawatan.

Responden kajian mengikut keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah(UPSR) dalam jadual 4.35 menunjukkan responden pelajar kumpulan rawatan terdiri dari pelajar yang mendapat 4A seramai 9 orang mewakili 32.1% manakala 3A seramai 10 orang mewakili 35.7% dan 2A seramai 9 orang mewakili 32.1% daripada keseluruhan responden kumpulan rawatan.

Jadual 4.35 juga menunjukkan keputusan peperiksaan akhir tahun Bahasa Arab bagi responden kumpulan rawatan. Keputusan peperiksaan akhir itu dibahagikan kepada 3 tahap iaitu lemah (F, E dan D), sederhana (CdanB) dan tinggi (A). Keputusan peperiksaan akhir bagi kumpulan rawatan pula ialah 14 orang tahap lemah mewakili 50.0%, 13 orang tahap sederhana mewakili 46.4% dan seorang tahap tinggi mewakili 3.6% daripada keseluruhan responden kumpulan rawatan.

TOV ialah nilai letak kerja seseorang murid berdasarkan potensi sedia ada seperti pencapaian akademik. Hasil kajian mengikut TOV dalam jadual 4.35 menunjukkan kumpulan rawatan iaitu 17 orang mendapat keputusan tahap lemah mewakili 60.7%, 10 orang tahap sederhana mewakili 35.7% dan seorang tahap tinggi mewakili 3.6% daripada keseluruhan responden kumpulan rawatan. Responden kajian berdasarkan kehadiran ke kelas tuisyen Bahasa Arab dalam jadual 4.35 di atas menunjukkan 100% responden kumpulan rawatan tidak menghadiri kelas tuisyen Bahasa Arab.

Responden kajian mengikut pekerjaan ibubapa dalam jadual 4.35 menunjukkan bapa responden kumpulan rawatan menunjukkan 8 orang bekerja sebagai pegawai kerajaan mewakili 28.65 dan 20 orang bekerja sendiri mewakili 71.4%.

Dapatan kajian mengikut tahap pendidikan ibubapa responden bagi kumpulan rawatan pula mendapati 11 orang bapa rersponden kumpulan kawalan mewakili 39.4%

berada pada tahap diploma dan ke atas dan 17 orang bapa pada tahap diploma ke bawah mewakili 60.6% daripada jumlah keseluruhan ibubapa responden kumpulan rawatan. Berdasarkan pencapaian pelajar dalam keputusan peperiksaan UPSR, peperiksaan akhir tahun dan TOV menunjukkan pencapaian pelajar bagi kedua-dua kumpulan hampir setara dan kedua-dua kumpulan adalah sesuai untuk dijadikan sampel bagi pelaksanaan MPKNVQ.

4.4.4 Sikap Pelajar Kumpulan Kawalan Sebelum Dan Selepas pengajaran.

Pengkaji akan menganalisi dan menghuraikan dapatan kajian sikap pelajar kumpulan kawalan sebelum dan selepas pengajaran. Tujuannya ialah supaya pengkaji dapat melihat perbezaan sikap pelajar dan akan membuat perbandingan dengan sikap kumpulan rawatan yang menggunakan MPKNVQ.

4.4.4.1 **Sikap Pelajar Kumpulan Kawalan Sebelum Pelaksanaan MPKNVQ.**

Dapatan jadual 4.36 di bawah menunjukkan sikap responden kumpulan kawalan sebelum 12 minggu pengajaran dan pembelajaran BA tanpa pelaksanaan MPKNVQ.

Jadual 4.36
Sikap Pelajar Kumpulan Kawalan sebelum pengajaran.

Bil	Soalan Kajian	Kekerapan					Min	S.P	Inter pretasi
		STS	TS	TP	S	SS			
1.	Saya berkeinginan mempelajari BA dengan baik.	0 0%	1 4.5%	4 18.2%	5 22.7%	12 54.5%	4.27	.94	T
2.	Belajar BA merugikan masa	11 50.0%	7 31.8%	2 9.1%	0 0%	2 9.1%	4.14	1.21	T
3.	Saya telah berusaha bersungguh mempelajari BA.	1 4.5%	0 0%	4 18.2%	12 54.5%	5 22.7%	3.91	.92	ST
4.	Belajar BA adalah penting	2 9.1%	2 9.1%	4 18.2%	5 22.7%	9 40.9%	3.77	1.34	ST
5.	Saya tidak pernah terfikir untuk menambah baik BA saya.	0 0%	1 4.5%	9 40.9%	9 40.9%	3 13.6%	3.64	.79	ST
6.	Saya bercita-cita untuk mempelajari BA sebanyak mungkin	0 0%	3 13.6%	8 36.4%	7 31.8%	4 18.2%	3.55	.96	ST
7.	Saya berpendapat mempelajari BA membosankan	2 9.1%	7 31.8%	12 54.5%	1 4.5%	0 0%	3.45	.74	ST
8.	Saya dapati belajar BA sangat menarik.	0 0%	2 9.1%	9 40.9%	11 50.0%	0 0%	3.41	.67	ST
9.	BA menjadi mata pelajaran wajib di sekolah	1 4.5%	3 13.6%	9 40.9%	6 27.3%	3 13.6%	3.32	1.04	ST
10.	Saya seronok belajar Bahasa Arab.	0 0%	2 9.1%	14 63.6%	6 27.3%	0 0%	3.18	.59	ST
11.	Saya akan menyelesaikan latihan BA dengan segera	0 0%	1 4.5%	17 77.3%	3 13.6%	1 4.5%	3.18	.59	ST
12.	Saya rasa tertekan bila mempelajari BA	0 0%	6 27.3%	13 59.1%	3 13.6%	0 0%	3.14	.64	ST
13.	Saya suka belajar BA	1 4.5%	4 18.2%	9 40.9%	7 31.8%	1 4.5%	3.14	.94	ST
14.	Saya tidak minat belajar BA	2 9.1%	4 18.2%	9 40.9%	4 18.2%	3 13.6%	3.09	1.15	ST
15.	Kelas BA saya membosankan	1 4.5%	5 22.7%	10 45.5%	4 18.2%	2 9.1%	2.95	1.00	SR
16.	Saya memaksa diri mendengar pengajaran guru BA.	1 4.5%	5 22.7%	10 45.5%	3 13.6%	3 13.6%	2.91	1.07	SR
17.	Saya lebih suka membaca pelajaran pelajaran lain berbanding BA.	0 0%	3 13.6%	13 59.1%	5 22.7%	1 4.5%	2.82	.73	SR
18.	Saya akan membaca bahan bacaan dalam BA sekerap mungkin	1 4.5%	7 31.8%	1 4.5%	13 59.1%	0 0%	2.57	.58	SR
19.	Menyiapkan latihan BA adalah sukar.	0 0%	4 18.2%	4 18.2%	13 59.1%	1 4.5%	2.50	.86	SR
20.	Belajar BA adalah sukar	0 0%	2 9.1%	5 22.7%	10 45.5%	5 22.7%	2.18	.91	SR
	Purata min						**3.26**		

Pengkaji mendapati item *berkeinginan mempelajari BA dengan baik* berada pada tahap paling tinggi (min = 4.27 dan S.P = 0.94). Manakala item *belajar BA merugikan masa* berada pada tahap yang kedua tinggi (min = 4.14 dan S.P = 1.21). Hal ini menunjukkan bahawa responden kumpulan kawalan mempunyai sikap yang sangat positif terhadap kedua-dua item tersebut sebelum 12 minggu pengajaran dan pembelajaran BA tanpa pelaksanaan MPKNVQ.

Terdapat 12 item yang menunjukkan para responden memperoleh nilai min pada tahap sederhana tinggi iaitu pelajar telah berusaha besungguh-sungguh mempelajari BA (min = 3.91 dan S.P = 0.92), belajar Bahasa Arab adalah penting (min = 3.77 dan S.P = 1.34), tidak pernah terfikir untuk menambah BA (min = 3.64 dan S.P = 0.79), bercita-cita mempelajari BA sebanyak mungkin (min = 3.55 dan S.P = 0.96), mempelajari BA membosankan (min = 3.45 dan S.P = 0.74), belajar BA sangat menarik (min = 3.41 dan S.P = 0.67), BA menjadi Mata pelajaran wajib di sekolah (min = 3.32 dan S.P = 1.04), seronok dengan kelas BA (min = 3.18 dan S.P = 0.59), menyelesaikan latihan BA dengan segera (min = 3.18 dan S.P = 0.59), tertekan bila mempelajari BA (min=3.14 dan s.p = 0.64), suka belajar BA (min = 3.14 dan S.P = 0.94) dan tidak minat belajar BA (min = 3.09 dan S.P = 1.15).

Hal ini membuktikan responden mempunyai tahap sikap positif yang sederhana tinggi sebelum 12 minggu pengajaran dan pembelajaran BA tanpa pelaksanaan MPKNVQ. Terdapat 6 item yang menunjukkan sikap responden kumpulan kawalan sebelum pelaksanaan MPKNVQ memperolehi tahap sederhana rendah iaitu kelas BA membosankan (min = 2.95 dan S.P = 1.00), memaksa diri mendengar pengajaran guru (min = 2.91 dan S.P = 1.07), suka membaca pelajaran lain berbanding BA (min = 2.82 dan S.P = 0.73), membaca bahan bacaan BA sekerap mungkin (min = 2.57 dan S.P = 0.58), menyiapkan latihan adalah sukar (min = 2.50 dan S.P = 0.86) dan belajar BA adalah sukar (min = 2.18 dan S.P = 0.91).

Dapatan kajian menunjukkan 6 item berada pada tahap sederhana rendah sebagaimana yang telah dinyatakan yang memberi makna bahawa sikap responden kumpulan kawalan sebelum 12 minggu pengajaran dan pembelajaran BA tanpa pelaksanaan MPKNVQ adalah pada tahap kurang positif. Kajian ini juga mendapati tiada seorang pun responden pelajar mempunyai nilai min pada tahap yang rendah yang bermaksud tiada responden pelajar yang bersikap sangat tidak positif sebelum sebelum 12 minggu pengajaran dan pembelajaran BA tanpa pelaksanaan MPKNVQ.

4.4.4.2 **Sikap Pelajar Kumpulan Kawalan Selepas Pengajaran**

Dapatan jadual 4.37 di bawah menunjukkan sikap responden kumpulan kawalan selepas 12 minggu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tanpa mengikuti pelaksanaan MPKNVQ.

Jadual 4.37
Sikap Pelajar Kumpulan Kawalan selepas pengajaran.

Bil	Soalan Kajian	Kekerapan					**Min**	**S.P**	**Inter pretasi**
		STS	TS	TP	S	SS			
1.	Saya berkeinginan mempelajari BA dengan baik.	0 0	2 9.1	0 0	8 36.4	12 54.5	4.36	.90	T
2.	Belajar BA merugikan masa	1 4.5	1 4.5	1 4.5	8 36.4	11 50.0	4.23	1.07	T
3.	Saya telah berusaha bersungguh mempelajari BA.	0 0	0 0	2 9.1	16 72.7	4 18.2	4.09	.53	T
4.	Belajar BA adalah penting	0 0	0 0	5 22.7	12 54.5	5 22.7	4.00	.69	T
5.	Saya dapati belajar BA sangat menarik.	0 0	0 0	5 22.7	12 54.5	5 22.7	4.00	.69	T
6.	Saya tidak pernah terfikir untuk menambah baik BA saya.	0 0	0 0	6 27.3	12 54.5	4 18.2	3.91	.68	ST
7.	Saya bercita-cita untuk mempelajari BA sebanyak mungkin	0 0	1 4.5	5 22.7	11 50.0	5 22.7	3.91	.81	ST
8.	Saya suka belajar BA	0 0	1 4.5	6 27.3	10 45.5	5 22.7	3.86	.83	ST
9.	Saya tidak minat belajar BA	0 0	2 9.1	7 31.8	8 36.4	5 22.7	3.73	.94	ST
10.	Kelas BA membosankan	1 4.5	2 9.1	7 31.8	7 31.8	5 22.7	3.59	1.10	ST
11.	Saya seronok dengan kelas BA.	0 0	1 4.5	10 45.5	9 40.9	2 9.1	3.55	.74	ST
12.	Saya berpendapat mempelajari BA membosankan	1 4.5	3 13.6	6 27.3	7 31.8	5 22.7	3.55	1.14	ST
13.	Saya akan menyelesaikan latihan BA dengan segera	0 0	1 4.5	12 54.5	6 27.3	3 13.6	3.50	.80	ST
14.	Saya rasa tertekan bila mempelajari BA	0 0	2 9.1	10 45.5	8 36.4	2 9.1	3.45	.80	ST
15.	BA menjadi mata pelajaran wajib di sekolah	0 0	1 4.5	14 63.6	6 27.3	1 4.5	3.32	.65	ST
16.	Saya akan membaca bahan bacaan dalam BA sekerap mungkin	0 0	0 0	17 77.3	5 22.7	0 0	3.23	.43	ST
17.	Saya memaksa diri mendengar pengajaran guru BA.	2 9.1	5 22.7	3 13.6	10 45.5	2 9.1	3.23	1.19	ST
18.	Saya lebih suka membaca pelajaran lain berbanding pelajaran BA.	2 9.1	4 18.2	11 50.0	5 22.7	0 0	2.86	.89	SR
19.	Menyiapkan latihan BA adalah sukar.	1 4.5	10 45.5	6 27.3	5 22.7	0 0	2.68	.89	SR
20.	Belajar BA adalah sukar	0 0	13 59.1	3 13.6	6 27.3	0 0	2.68	.89	SR
	Purata min						**3.59**		

Pengkaji mendapati item *berkeinginan mempelajari BA dengan baik* berada pada tahap paling tinggi (min = 4.36 dan S.P = 0.90). Manakala item *belajar BA merugikan masa* berada pada tahap yang kedua tinggi (min = 4.23 dan S.P = 1.07).

Item yang ketiga tertinggi pula ialah *pelajar telah berusaha besungguh-sungguh mempelajari BA* (min = 4.09 dan S.P = 0.53), manakala item keempat dan kelima tertinggi iaitu *belajar Bahasa Arab adalah penting* (min = 4.00 dan S.P = 0.69) dan *belajar BA sangat menarik* (min = 4.00 dan S.P = 0.69). Hal ini menunjukkan bahawa responden kumpulan kawalan mempunyai sikap yang sangat positif terhadap lima-lima item tersebut.

Terdapat 12 item yang menunjukkan para responden memperolehi nilai min pada tahap sederhana tinggi iaitu *pelajar tidak pernah terfikir untuk menambah BA* (min = 3.91 dan S.P = 0.68), item-item berikutnya *pelajar bercita-cita mempelajari BA sebanyak mungkin* (min = 3.91 dan S.P = 0.81), *suka belajar BA* (min = 3.86 dan S.P = 0.83), *minat belajar BA* (min = 3.73 dan S.P = 0.94), *kelas BA membosankan* (min = 3.59 dan S.P = 1.10) *seronok dengan kelas BA* (min = 3.55 dan S.P = 0.74) *mempelajari BA membosankan* (min = 3.55 dan S.P = 1.14) *menyelesaikan latihan BA dengan segera* (min = 3.50 dan S.P = 0.80), *tertekan bila mempelajari BA* (min=3.45 dan s.p = 0.80) *BA menjadi Mata pelajaran wajib disekolah* (min = 3.32 dan S.P = 0.65), *membaca bahan bacaan BA sekerap mungkin* (min = 3.23 dan S.P = 0.43) dan *memaksa diri mendengar pengajaran guru* (min = 3.23 dan S.P = 1.19). 12 item ini membuktikan pelajar mempunyai sikap tahap positif selepas 12 minggu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tanpa mengikuti pelaksanaan MPKNVQ.

Terdapat 3 item yang menunjukkan sikap pelajar kumpulan kawalan selepas 12 minggu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tanpa mengikuti pelaksanaan MPKNVQ yang memperolehi tahap sederhana rendah iaitu *suka membaca pelajaran BA* (min = 2.86 dan S.P = 0.89), *menyiapkan latihan adalah sukar* (min = 2.68 dan S.P = 0.89) dan *belajar BA adalah sukar* (min = 2.68 dan S.P = 0.89). Hal ini menunjukkan

bahawa responden kumpulan kawalan mempunyai sikap yang kurang positif terhadap ketiga-tiga item tersebut.

Kajian ini juga mendapati tiada seorang pun responden pelajar mempunyai nilai min pada tahap yang rendah yang bermaksud tiada responden pelajar yang bersikap tidak positif selepas 12 minggu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tanpa mengikuti pelaksanaan MPKNVQ.

4.4.5 Sikap Pelajar Kumpulan Rawatan Sebelum Dan Selepas Pelaksanaan MPKNVQ

Pengkaji akan menganalisi dan menghuraikan dapatan kajian sikap pelajar kumpulan rawatan sebelum dan selepas pengajaran. Hasil dapatan ini akan dibandingkan dengan tahap sikap kumpulan kawalan yang telah dihuraikan sebelum ini bagi melihat keberkesanan MPKNVQ yang telah dijalankan kepada pelajar kumpulan rawatan.

4.4.5.1 **Sikap pelajar kumpulan rawatan sebelum pelaksanaan MPKNVQ**

Dapatan jadual 4.38 di bawah menunjukkan sikap responden kumpulan rawatan sebelum pelaksanaan MPKNVQ.

Jadual 4.38
Sikap pelajar kumpulan rawatan sebelum pelaksanaan MPKNVQ

Bil	Soalan Kajian	Kekerapan					**Min**	**S.P**	**Inter pretasi**
		STS	TS	TP	S	SS			
1.	Saya seronok dengan kelas BA.	0 0	2 7.1%	6 21.4%	9 32.1%	11 39.3%	4.04	.96	ST
2.	Belajar BA adalah penting	0 0%	0 0%	8 28.6%	13 46.4%	7 25.0%	3.96	.74	ST
3.	Saya dapati belajar BA sangat menarik.	0% 0	1 3.6%	7 25.0%	13 46.4%	7 25.0%	3.93	.81	ST
4.	Saya telah berusaha bersungguh mempelajari BA.	0 0%	0 0%	9 32.1%	14 50.0%	5 17.9%	3.86	.71	ST
5.	Saya bercita-cita untuk mempelajari BA sebanyak mungkin	0% 0	1 3.6%	6 21.4%	13 46.4%	8 28.6%	3.82	1.02	ST
6.	Saya berkeinginan mempelajari BA dengan baik.	1 3.6%	6 21.4%	4 14.3%	7 25.0%	10 35.7%	3.68	1.28	ST
7.	Saya tidak minat belajar BA	2 7.1%	2 7.1%	11 39.3%	7 25.0%	6 21.4%	3.46	1.14	ST
8.	BA menjadi mata pelajaran wajib di sekolah	2 7.1%	2 7.1%	11 39.3%	7 25.0%	6 21.4%	3.46	1.14	ST
9.	Saya akan menyelesaikan latihan BA dengan segera	0 0%	7 25.0%	10 35.7%	8 28.6%	3 10.7%	3.25	.97	ST
10.	Saya suka belajar BA	0 0%	7 25.0%	10 35.7%	8 28.6%	3 10.7%	3.25	.97	ST
11.	Saya rasa tertekan bila mempelajari BA	1 3.6%	0 0%	19 67.9%	8 28.6%	0 0%	3.21	.63	ST
12.	Saya berpendapat mempelajari BA membosankan	1 3.6%	0 0%	19 67.9%	8 28.6%	0 0%	3.21	.63	ST
13.	Saya memaksa diri mendengar pengajaran guru BA.	1 3.6%	5 17.9%	15 53.6%	7 25.0%	0 0%	3.00	.77	ST
14.	Saya tidak pernah terfikir untuk menambah baik BA saya.	1 3.6%	5 17.9%	15 53.6%	7 25.0%	0 0%	3.00	.77	ST
15.	Belajar BA merugikan masa	2 7.1%	8 28.6%	7 25.0%	9 32.1%	2 7.1%	3.04	1.11	ST
16.	Menyiapkan latihan BA adalah sukar.	1 3.6%	7 25.0%	13 46.4%	4 14.3%	3 10.7%	3.04	1.00	ST
17.	Belajar BA adalah sukar	2 7.1%	8 28.6%	7 25.0%	9 32.1%	2 7.1%	3.04	1.11	ST
18.	Kelas BA membosankan	1 3.6%	5 17.9%	16 57.1%	6 21.4%	0 0%	2.96	.74	SR
19.	Saya lebih suka membaca pelajaran lain berbanding pelajaran BA.	1 3.6%	5 17.9%	16 57.1%	6 21.4%	0 0%	2.96	.74	SR
20.	Saya akan membaca bahan bacaan dalam BA sekerap mungkin	1 3.6%	7 25.2%	16 57.1%	4 14.3%	0 0%	2.82	.72	SR
	Purata min						**3.35**		

Pengkaji mendapati item *seronok dengan kelas BA* berada pada tahap tertinggi (min = 4.04 dan S.P = 0.96). Manakala tahap terendah ialah item pelajar membaca bahan bacaan dalam BA sekerap mungkin (min = 2.82 dan S.P = 0.72). Terdapat 16

item berada pada tahap sederhana tinggi, dan 3 item berada pada tahap sederhana rendah.

16 item yang menunjukkan para responden memperolehi nilai min pada tahap sederhana tinggi ialah *belajar BA adalah penting* (min = 3.96 dan S.P = 0.74), *belajar BA sangat menarik* (min = 3.93 dan S.P = 0.81), *pelajar telah berusaha besungguh-sungguh mempelajari BA* (min = 3.86 dan S.P = 0.71), *bercita-cita mempelajari BA sebanyak mungkin* (min = 3.82 dan S.P = 1.02), *berkeinginan mempelajari BA dengan baik* (min = 3.68 dan S.P = 1.28), *tidak minat belajar BA* (min = 3.46 dan S.P = 1.14) *BA menjadi Mata pelajaran wajib di sekolah* (min = 3.46 dan S.P = 1.14), *menyelesaikan latihan BA dengan segera* (min = 3.25 dan S.P = 0.97), *suka belajar BA* (min = 3.25 dan S.P = 0.97), *tertekan bila mempelajari* BA (min=3.21 dan s.p = 0.63), *mempelajari BA tidak membosankan* (min = 3.21 dan S.P = 0.63), *memaksa diri mendengar pengajaran guru* (min = 3.00 dan S.P = 0.77), *pelajar tidak pernah terfikir untuk menambah baik BA* (min = 3.00 dan S.P = 0.77), *belajar BA merugikan masa* (min = 3.04 dan S.P = 1.11), *menyiapkan latihan adalah sukar* (min = 3.04 dan S.P = 1.00), *belajar BA adalah tidak sukar* (min = 3.04 dan S.P = 1.11). 16 item ini menunjukkan responden memperolehi nilai min pada tahap sederhana tinggi yang membuktikan responden mempunyai tahap sikap positif sebelum pelaksanaan MPKNVQ.

Terdapat 3 item yang menunjukkan sikap responden kumpulan kawalan sebelum pelaksanaan MPKNVQ memperolehi tahap sederhana rendah iaitu item *kelas BA membosankan* (min = 2.96 dan S.P = 0.74), item *suka membaca pelajaran lain berbanding BA* (min = 2.96 dan S.P = 0.74) dan item *membaca bahan bacaan BA sekerap mungkin* (min = 2.82 dan S.P = 0.72). Ketiga-tiga item ini menunjukkan responden mempunyai tahap sikap kurang positif sebelum pelaksanaan MPKNVQ. Kajian ini juga mendapati tiada seorang pun responden pelajar mempunyai nilai min pada tahap yang rendah yang bermaksud tiada responden pelajar yang bersikap tidak positif sebelum pelaksanaan MPKNVQ.

4.4.5.2 **Sikap Pelajar kumpulan rawatan Selepas Pelaksanaan MPKNVQ**

Dapatan jadual 4.39 di atas menunjukkan sikap responden kumpulan rawatan selepas pelaksanaan MPKNVQ.

Jadual 4.39
Sikap pelajar kumpulan rawatan selepas pelaksanaan MPKNVQ

Bil	Soalan Kajian	Kekerapan STS	TS	TP	S	SS	Min	S.P	Inter pretasi
1.	Belajar BA merugikan masa	0 0%	0 0%	0 0%	7 25.0%	21 75.0%	4.75	.44	**T**
2.	Kelas BA membosankan	1 3.6%	1 3.6%	8 28.6%	1 3.6%	17 60.7%	4.48	.88	**T**
3.	Belajar BA adalah penting	0 0%	0 0%	3 10.7%	11 39.3%	14 50.0%	4.39	.69	**T**
4.	Saya seronok dengan kelas BA.	0 0%	0 0%	2 7.1%	14 50.0%	12 42.9%	4.37	.62	**T**
5.	Saya berkeinginan mempelajari BA dengan baik.	1 3.6%	1 3.6%	1 3.6%	9 32.1%	16 57.1%	4.36	.99	**T**
6.	Saya telah berusaha bersungguh mempelajari BA.	0 0%	0 0%	3 10.7%	12 42.9%	13 46.4%	4.36	.68	**T**
7.	Saya berpendapat mempelajari BA membosankan	0 0%	0 0%	4 14.3%	12 42.9%	12 42.9%	4.29	.71	**T**
8.	Saya suka belajar BA	0 0%	1 3.6%	1 3.6%	17 60.7%	9 32.1%	4.21	.69	**T**
9.	Saya tidak minat belajar BA	0 0%	0 0%	4 14.3%	14 50.0%	10 35.7%	4.21	.69	**T**
10.	Saya tidak pernah terfikir untuk menambah baik BA saya.	1 3.6%	0 0%	2 7.1%	14 50.0%	11 39.3%	4.21	.88	**T**
11.	Saya dapati belajar BA sangat menarik.	1 3.6%	0 0%	2 7.1%	14 50.0%	11 39.3%	4.21	.88	**T**
12.	Saya bercita-cita untuk mempelajari BA sebanyak mungkin	0 0%	1 3.6%	3 10.7%	15 53.6%	9 32.1%	4.14	.76	**T**
13.	Saya memaksa diri mendengar pengajaran guru BA.	0 0%	3 10.7%	4 14.3%	13 46.4%	8 28.6%	3.93	.94	**ST**
14.	Saya rasa tertekan bila mempelajari BA	0 0%	2 7.1%	7 25.0%	13 46.4%	6 21.4%	3.82	.86	**St**
15.	BA menjadi mata pelajaran wajib di sekolah	1 3.6%	2 7.1%	7 25.0%	10 35.7%	8 28.6%	3.79	1.06	**ST**
16.	Belajar BA adalah sukar	0 0%	2 7.1%	7 25.0%	14 50.0%	5 17.9%	3.79	.83	**ST**
17.	Saya akan menyelesaikan latihan BA dengan segera	0 0%	3 10.7%	10 35.7%	11 39.3%	4 14.3%	3.57	.88	**ST**
18.	Menyiapkan latihan BA adalah sukar.	0 0%	5 17.9%	9 32.1%	9 32.1%	5 17.9%	3.50	1.00	**ST**
19.	Saya akan membaca bahan bacaan dalam BA sekerap mungkin	0 0%	2 7.1%	12 42.9%	13 46.4%	1 3.6%	3.46	.69	**ST**
20.	Saya lebih suka membaca pelajaran lain berbanding pelajaran BA.	0 0%	3 10.7%	19 67.9%	4 14.3%	2 7.1%	3.18	.72	**ST**
	Purata min						**4.05**		

Pengkaji mendapati item *belajar BA merugikan masa* berada pada tahap tertinggi (min = 4.75 dan S.P = 0.44). Manakala tahap terendah ialah item *pelajar lebih suka membaca pelajaran lain berbanding BA* (min = 3.18 dan S.P = 0.72). Terdapat 12 item berada pada tahap tinggi, 8 item berada pada tahap sederhana tinggi dan tiada item berada pada tahap sederhana rendah dan rendah.

12 item yang menunjukkan para responden memperolehi nilai min pada tahap sangat tinggi ialah *belajar BA merugikan masa* (min = 4.75 dan S.P = 0.44), *kelas BA membosankan* (min = 4.48 dan S.P = 0.88), *belajar BA dalah penting* (min = 4.39 dan S.P = 0.69), *seronok dengan kelas BA* (min = 4.37 dan S.P = 0.62), *pelajar berkeinginan belajar BA dengan baik* (min = 4.36 dan S.P = 0.99), *pelajar telah berusaha besungguh-sungguh mempelajari BA* (min = 4.36 dan S.P = 0.68), *mempelajari BA membosankan* (min = 4.29 dan S.P = 0.71), *suka belajar BA* (min = 4.21 dan S.P = 0.69), *tidak minat belajar BA* (min = 4.21 dan S.P = 0.69), *pelajar tidak pernah terfikir untuk menambah baik BA* (min = 4.21 dan S.P = 0.88), *belajar BA sangat menarik* (min = 4.21 dan S.P = 0.88), *bercita-cita mempelajari BA sebanyak mungkin* (min = 4.14 dan S.P = 0.76). 12 item ini menunjukkan responden kumpulan rawatan berada pada tahap sikap sangat positif selepas menjalani MPKNVQ selama 12 minggu pengajaran.

8 item yang menunjukkan responden memperolehi nilai min pada tahap sederhana tinggi ialah *memaksa diri mendengar pengajaran guru* (min = 3.93 dan S.P = 0.94), *tertekan bila mempelajari* BA (min=3.82 dan s.p = 0.86), *BA menjadi Mata pelajaran wajib di sekolah* (min = 3.79 dan S.P = 1.06), *belajar BA adalah sukar* (min = 3.79 dan S.P = 0.83), *menyelesaikan latihan BA dengan segera* (min = 3.57 dan S.P = 0.88), *menyiapkan latihan adalah sukar* (min = 3.50 dan S.P = 1.00), membaca bahan bacaan BA sekerap mungkin (min = 3.46 dan S.P = 0.69) dan *suka membaca pelajaran lain berbanding BA* (min = 3.18 dan S.P = 0.72). 8 item ini membuktikan responden mempunyai tahap sikap positif selepas pelaksanaan MPKNVQ.

Kajian ini juga mendapati tiada seorang pun responden pelajar mempunyai nilai min pada tahap sederhana rendah dan rendah yang bermaksud tiada responden pelajar yang bersikap kurang positif dan tidak positif selepas pelaksanaan MPKNVQ.

4.4.6 Perbandinngan Skor Min Sikap Kumpulan Kawalan Dan Rawatan

Jadual 4.40 di atas menunjukkan perbandingan skor min sikap pra dan pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

Jadual 4.40
Perbandingan skor Min sikap pra dan pasca kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

Kumpulan	**Min**		**Perbezaan**	**interpretasi**
	Sikap Pra	**Sikap pasca**		
Kawalan	3.26	3.59	0.33	Meningkat
Rawatan	3.35	4.05	0.70	Meningkat

Dapatan kajian menunjukkan responden kumpulan kawalan memperoleh skor min 3.26 dalam sikap pra dan 3.59 dalam sikap pasca. Perbezaan min antara ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan ialah 0.33. Pengkaji mendapati pencapaian kumpulan kawalan mengalami peningkatan yang tidak ketara dalam sikap pasca berbanding sikap pra.

Dapatan kajian juga menunjukkan responden kumpulan rawatan memperoleh skor min 3.35 dalam sikap pra dan 4.05 dalam sikap pasca. Perbezaan min antara ujian pra dan ujian pasca kumpulan rawatan ialah 0.70. Pengkaji mendapati sikap kumpulan rawatan meningkat dengan ketara dalam ujian pasca. Keputusan ini membuktikan MPKNVQ yang dijalankan terhadap kumpulan rawatan adalah mampu meningkatkan sikap rersponden dan sangat berkesan. Soal selidik sikap yang dijalankan terhadap kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan telah menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan MPKNVQ telah memberi kesan yang signifikan kepada kumpulan rawatan.

4.4.7 Motivasi Pelajar Kumpulan Kawalan Sebelum Dan Selepas Pelaksanaan PdanP.

Pengkaji akan menganalisi dan menghuraikan dapatan kajian motivasi pelajar kumpulan kawalan sebelum dan selepas pengajaran. Tujuannya ialah supaya pengkaji dapat melihat perbezaan motivasi pelajar kumpulan kawalan untuk membuat perbandingan motivasi kumpulan rawatan yang menggunakan MPKNVQ.

4.4.7.1 **Motivasi Pelajar Kumpulan Kawalan Sebelum Menjalani Proses PdanP**

Dapatan jadual 4.41 di bawah menunjukkan motivasi responden kumpulan kawalan sebelum menjalani proses PdanP selama 12 minggu.

Jadual 4.41
Motivasi Pelajar Kumpulan Kawalan Sebelum Menjalani Proses PdanP

Bil	Soalan Kajian	Kekerapan STS	TS	TP	S	SS	Min	S.P	Interp
1.	Belajar BA membolehkan saya bergaul dengan orang yang bertutur dalam BA.	0 0%	0 0%	5 22.7%	12 54.5%	5 22.7%	4.00	.69	T
2.	Belajar BA penting bagi memudahkan saya menjalankan urusan dengan orang Arab.	0 0%	2 9.1%	4 18.2%	9 40.9%	7 31.8%	3.95	.95	ST
3.	Saya belajar BA kerana ingin melanjutkan pelajaran ke negara Arab.	1 4.5%	1 4.5%	5 22.7%	8 36.4%	7 31.8%	3.86	1.08	ST
4.	Belajar BA membolehkan saya merasai pengalaman budaya Arab.	0 0%	0 0%	8 36.4%	12 54.5%	2 9.1%	3.73	.63	ST
5.	Belajar BA penting untuk mendapat pekerjaan yang baik.	0 0%	1 4.5%	10 45.5%	5 22.7%	6 27.3%	3.73	.94	ST
6.	Belajar BA menjadikan saya seorang yang berpengetahuan luas.	0 0%	1 4.5%	7 31.8%	12 54.5%	2 9.1%	3.68	.72	ST
7.	Belajar BA membolehkan saya menghargai seni dan kesusasteraan arab	0 0%	0 0%	12 54.5%	8 36.4%	2 9.1%	3.55	.67	ST
8.	Belajar BA penting kerana ia adalah matapelajaran wajib bagi saya.	1 4.5%	0 0%	10 45.5%	8 36.4%	3 13.6%	3.55	.91	ST
9.	Belajar BA membolehkan saya bersahabat dengan kawan-kawan berbangsa Arab.	0 0%	2 9.1%	7 31.8%	12 54.5%	1 4.5%	3.55	.74	ST
10.	Belajar BA membolehkan saya mengambil bahagian dengan cergas dalam aktiviti-aktiviti kumpulan BA.	0 0%	1 4.5%	11 50.0%	9 40.9%	1 4.5%	3.45	.67	ST
11.	Belajar Ba membolehkan saya memahami cara hidup orang Arab.	0 0%	0 0%	12 54.5%	10 45.5%	0 0%	3.45	.51	ST
12.	Belajar BA membolehkan saya untuk mempelajari sejarah kehidupan orang Arab.	0 0%	1 4.5%	11 50.0%	10 45.5%	0 0%	3.41	.59	ST
13.	Belajar BA membolehkan saya memahami media elektronik yang berbahasa Arab.	0 0%	3 13.6%	9 40.9%	8 36.4%	2 9.1%	3.41	.85	ST
14.	Belajar BA adalah penting kerana saya perlu lulus peperiksaan PT3	0 0%	4 18.2%	8 36.4%	9 40.9%	1 4.5%	3.32	.84	ST
15.	Belajar BA membolehkan saya membaca bahan bercetak dalam BA.	0 0%	4 18.2%	8 36.4%	9 40.9%	1 4.5%	3.32	.84	ST
16.	Belajar BA penting kerana saya ingin melancong ke negara arab.	0 0%	4 18.2%	8 36.4%	9 40.9%	1 4.5%	3.32	.84	ST
17.	Tujuan utama saya belajar BA ialah untuk mendapat maklumat tentang negara Arab.	0 0%	2 9.1%	16 72.7%	4 18.2%	0 0%	3.09	.53	ST
18.	Belajar BA penting memenuhi harapan kedua ibubapa saya.	0 0%	2 9.1%	16 72.7%	4 18.2%	0 0%	3.09	.53	ST
19.	Saya belajar BA kerana saya mahu menjawab soalan peperiksaan dengan baik.	0 0%	2 9.1%	16 72.7%	4 18.2%	0 0%	3.09	.53	ST
20.	Belajar BA penting kerana orang lain akan lebih menghormati saya.	2 9.1%	6 27.3%	7 31.8%	6 27.3%	1 4.5%	2.91	1.07	SR
	Purata min						**3.47**		

Pengkaji mendapati item Belajar BA adalah penting kerana saya perlu lulus peperiksaan PT3 berada pada tahap tertinggi (min = 4.45 dan S.P = 0.86). Manakala

tahap terendah ialah item Belajar BA penting kerana orang lain lebih menghormati saya. (Min = 2.91 dan S.P = 1.07). Terdapat 3 item berada pada tahap sangat tinggi, 16 item berada pada tahap sederhana tinggi dan 1 item berada pada tahap sederhana rendah. Tiada item berada pada tahap rendah.

3 item yang menunjukkan para responden memperolehi nilai min pada tahap motivasi sangat tinggi ialah *Belajar BA adalah penting kerana saya perlu lulus peperiksaan PT3* (min = 4.45 dan S.P = 0.86), *Belajar BA membolehkan saya bergaul dengan orang yang bertutur dalam BA*. (Min = 4.00 dan S.P = 0.69), *Saya belajar BA kerana saya mahu menjawab soalan peperiksaan dengan baik.* (Min = 4.00 dan S.P = 0.87),

16 item yang menunjukkan responden memperolehi nilai min pada tahap sederhana tinggi ialah *Belajar BA penting memenuhi harapan kedua ibubapa saya* (min = 3.95 dan S.P = 0.84), *Belajar BA membolehkan saya membaca bahan bercetak dalam BA* (min = 3.95 dan S.P = 0.65), *Belajar BA penting bagi memudahkan saya menjalankan urusan dengan orang Arab* (min = 3.95 dan S.P = 0.95), *Saya belajar BA kerana ingin melanjutkan pelajaran ke negara Arab* (min = 3.86 dan S.P = 1.08), *Belajar BA membolehkan saya merasai pengalaman budaya Arab* (min=3.73 dan s.p = 0.63), *Belajar BA penting untuk mendapat pekerjaan yang baik* (min = 3.73 dan S.P = 0.94), *Belajar BA menjadikan saya seorang yang berpengetahuan luas*. (Min = 3.68 dan S.P = 0.72), *Belajar BA membolehkan saya menghargai seni dan kesusasteraan Arab* (min = 3.55 dan S.P = 0.67), *Belajar BA penting kerana ia adalah matapelajaran wajib bagi saya* (Min = 3.55 dan S.P = 0.91), *Belajar BA membolehkan saya bersahabat dengan kawan-kawan berbangsa Arab* (min = 3.55 dan S.P = 0.74). *Belajar BA membolehkan saya mengambil bahagian dengan cergas dalam aktiviti-aktiviti kumpulan BA* (Min = 3.45 dan S.P = 0.67) *Belajar Ba membolehkan saya*

memahami cara hidup orang Arab (min = 3.45 dan S.P = 0.51). *Belajar BA membolehkan saya untuk mempelajari sejarah kehidupan orang Arab* (min = 3.41 dan S.P = 0.59). *Belajar BA membolehkan saya memahami media elektronik yang berbahasa Arab* (min = 3.55 dan S.P = 0.91). *Belajar BA penting kerana saya ingin melancong ke negara Arab* (min = 3.32 dan S.P = 0.84). *Tujuan utama saya belajar BA ialah untuk mendapat maklumat tentang negara Arab* (min = 3.09 dan S.P = 0.53). 16 item ini membuktikan responden mempunyai tahap motivasi yang sederhana sebelum pelaksanaan MPKNVQ.

Terdapat satu item yang menunjukkan motivasi responden kumpulan kawalan sebelum pelaksanaan PdanP selama 12 minggu memperolehi tahap sederhana rendah iaitu *Belajar BA penting kerana orang lain lebih menghormati saya*. (Min = 2.91 dan S.P = 1.07). Item ini menunjukkan responden kurang bermotivasi sebelum pelaksanaan PdanP selama 12 minggu.

Kajian ini juga mendapati tiada seorang pun responden pelajar mempunyai nilai min pada tahap yang rendah yang bermaksud tiada responden pelajar yang tidak bermotivasi sebelum menjalani proses PdanP selama 12 minggu.

4.4.7.2 **Motivasi Pelajar Kumpulan Kawalan Selepas Pelaksanaan MPKNVQ**

Dapatan jadual 4.42 di atas menunjukkan motivasi responden kumpulan kawalan selepas menjalani proses PdanP selama 12 minggu.

Jadual 4.42
Motivasi Pelajar Kumpulan Kawalan Selepas Pelaksanaan MPKNVQ

Bil	Soalan Kajian	Kekerapan STS	TS	TP	S	SS	Min	S.P	Inter
1.	Belajar BA adalah penting kerana saya perlu lulus peperiksaan PT3	0 0 %	0 0%	2 9.1%	6 27.3%	14 63.6%	4.55	.67	T
2	Saya belajar BA kerana saya mahu menjawab soalan peperiksaan dengan baik.	0 0%	0 0%	1 4.5%	12 54.5%	9 40.9%	4.36	.58	T
3.	Belajar BA membolehkan saya bergaul dengan orang yang bertutur dalam BA.	0 0%	1 4.5%	2 9.1%	12 54.5%	7 31.8%	4.14	.77	T
4.	Belajar BA penting bagi memudahkan saya menjalankan urusan dengan orang Arab.	0 0%	0 0%	6 27.3%	10 45.5%	6 27.3%	4.00	.77	T
5.	Belajar BA menjadikan saya seorang yang berpengetahuan luas.	0 0%	1 4.5%	5 22.7%	11 50.0%	5 22.7%	3.91	.81	ST
6.	Belajar BA penting untuk mendapat pekerjaan yang baik.	0 0%	1 4.5%	7 31.8%	8 36.4%	6 27.3%	3.86	.89	ST
7.	Belajar BA penting memenuhi harapan kedua ibubapa saya.	0 0%	1 4.5%	9 40.9%	5 22.7%	7 31.8%	3.82	.96	ST
8.	Belajar BA membolehkan saya menghargai seni dan kesusasteraan arab	0 0%	0 0%	9 40.9%	9 40.9%	4 18.2%	3.77	.75	ST
9.	Belajar BA membolehkan saya membaca bahan bercetak dalam BA.	0 0%	1 4.5%	8 36.4%	10 45.5%	3 13.6%	3.68	.78	ST
10.	Belajar BA membolehkan saya merasai pengalaman budaya Arab.	0 0%	1 4.5%	8 36.4%	11 50.0%	2 9.1%	3.64	.73	ST
11.	Belajar Ba membolehkan saya memahami cara hidup orang Arab.	0 0%	2 9.1%	5 22.7%	14 63.6%	1 4.5%	3.64	.73	ST
12.	Belajar BA penting kerana ia adalah matapelajaran wajib bagi saya.	0 0%	0 0%	10 45.5%	11 50.0%	1 4.5%	3.59	.59	ST
13.	Belajar BA membolehkan saya bersahabat dengan kawan-kawan berbangsa Arab.	1 4.5%	1 4.5%	7 31.8%	10 45.5%	3 13.6%	3.59	.96	ST
14.	Belajar BA membolehkan saya untuk mempelajari sejarah kehidupan orang Arab.	0 0%	1 4.5%	9 40.9%	11 50.0%	1 4.5%	3.55	.67	ST
15.	Belajar BA membolehkan saya memahami media elektronik yang berbahasa Arab.	1 4.5%	3 13.6%	6 27.3%	9 40.9%	3 13.6%	3.45	1.06	ST
16.	Saya belajar BA kerana ingin melanjutkan pelajaran ke negara Arab.	2 9.1%	4 18.2%	3 13.6%	9 40.9%	4 18.2%	3.41	1.26	ST
17.	Belajar BA membolehkan saya mengambil bahagian dengan cergas dalam aktiviti-aktiviti kumpulan BA.	1 4.5%	1 4.5%	10 40.5%	10 45.5%	0 0%	3.32	.78	ST
18.	Belajar BA penting kerana orang lain akan lebih menghormati saya.	1 4.5%	3 13.6%	9 40.9%	9 40.9%	0 0%	3.18	.85	ST
19.	Belajar BA penting kerana saya ingin melancong ke negara arab.	1 4.5%	5 22.7%	8 36.4%	6 27.3%	2 9.1%	3.14	1.04	ST
20.	Tujuan utama saya belajar BA ialah untuk mendapat maklumat tentang negara Arab.	2 9.1%	4 18.2%	9 40.9%	6 27.3%	1 4.5%	3.00	1.02	SR
	Purata min						**3.51**		

Pengkaji mendapati item Belajar BA adalah penting kerana saya perlu lulus peperiksaan PT3 berada pada tahap tertinggi (min = 4.55 dan S.P = 0.67). Manakala tahap terendah ialah item Tujuan utama saya belajar BA ialah untuk mendapat

maklumat tentang negara Arab (min = 3.00 dan S.P = 1.02). Terdapat 4 item berada pada tahap sangat tinggi, 15 item berada pada tahap sederhana tinggi, satu item berada pada tahap sederhana rendah dan tiada item yang berada pada tahap rendah.

4 item yang menunjukkan para responden memperolehi nilai min pada tahap motivasi sangat tinggi ialah *Belajar BA adalah penting kerana saya perlu lulus peperiksaan PT3* (min = 4.55 dan S.P = 0.67), *Saya belajar BA kerana saya mahu menjawab soalan peperiksaan dengan baik* (min = 4.36 dan S.P = 0.58), *Belajar BA membolehkan saya bergaul dengan orang yang bertutur dalam BA* (min = 4.14 dan S.P = 0.77) dan *Belajar BA penting bagi memudahkan saya menjalankan urusan dengan orang Arab* (min = 4.00 dan S.P = 0.77).

15 item yang menunjukkan responden memperolehi nilai min pada tahap sederhana tinggi ialah *Belajar BA menjadikan saya seorang yang berpengetahuan luas*. (min = 3.91 dan S.P = 0.81), *Belajar BA penting untuk mendapat pekerjaan yang baik* (min = 3.86 dan S.P = 0.89), *Belajar BA penting memenuhi harapan kedua ibubapa saya* (min = 3.82 dan S.P = 0.96), *Belajar BA membolehkan saya menghargai seni dan kesusasteraan Arab* (min = 3.77 dan S.P = 0.75), *Belajar BA membolehkan saya membaca bahan bercetak dalam BA* (min = 3.68 dan S.P = 0.78), *Belajar BA membolehkan saya merasai pengalaman budaya Arab* (min=3.64 dan S.P = 0.73) *Belajar Ba membolehkan saya memahami cara hidup orang Arab* (min = 3.64 dan S.P = 0.73). *Belajar BA penting kerana ia adalah matapelajaran wajib bagi saya* (min = 3.59 dan S.P = 0.59), *Belajar BA membolehkan saya bersahabat dengan kawan-kawan berbangsa Arab* (min = 3.59 dan S.P = 0.96).

Belajar BA membolehkan saya untuk mempelajari sejarah kehidupan orang Arab (min = 3.55 dan S.P = 0.67) Belajar BA membolehkan saya memahami media elektronik yang berbahasa Arab (min = 3.45 dan S.P = 1.06). Saya belajar BA kerana

ingin melanjutkan pelajaran ke negara Arab (min = 3.41 dan S.P = 1.26), Belajar BA membolehkan saya mengambil bahagian dengan cergas dalam aktiviti-aktiviti kumpulan BA (min = 3.32 dan S.P = 0.78). Belajar BA penting kerana orang lain akan lebih menghormati saya (min = 3.18 dan S.P = 0.85). Belajar BA penting kerana saya ingin melancong ke negara Arab (min = 3.14 dan S.P = 1.04).. 15 item ini membuktikan responden mempunyai tahap motivasi yang sederhana tinggi selepas pelaksanaan MPKNVQ. Satu item yang berada pada tahap sederhana rendah ialah item tujuan utama saya belajar BA ialah untuk mendapat maklumat tentang negara Arab (min = 3.00 dan S.P = 1.02).

Kajian ini juga mendapati tiada seorang pun responden pelajar mempunyai nilai min pada tahap rendah yang bermaksud tiada responden pelajar yang tidak bermotivasi selepas menjalani proses PdanP selama 12 minggu.

4.4.8 Motivasi Pelajar Kumpulan Rawatan Sebelum Dan Selepas Pelaksanaan MPKNVQ.

Pengkaji akan menganalisi dan menghuraikan dapatan kajian motivasi pelajar kumpulan rawatan sebelum dan selepas pengajaran. Hasil dapatan ini akan dibandingkan dengan tahap motivasi kumpulan kawalan yang telah dihuraikan sebelum ini bagi melihat keberkesanan MPKNVQ yang telah dijalankan kepada pelajar kumpulan rawatan..

4.4.8.1 Motivasi Pelajar Kumpulan Rawatan Sebelum Pelaksanaan MPKNVQ

Dapatan jadual 4.43 di bawah menunjukkan motivasi responden kumpulan rawatan sebelum pelaksanaan MPKNVQ.

Jadual 4.43
Motivasi Pelajar Kumpulan Rawatan Sebelum Pelaksanaan MPKNVQ

Bil	Soalan Kajian	Kekerapan STS	TS	TP	S	SS	Min	S.P	Inter pretasi
1.	Belajar BA membolehkan saya bergaul dengan orang yang bertutur dalam BA.	0 0%	1 3.6%	8 28.6%	9 32.1%	10 35.7%	4.00	.90	T
2.	Belajar BA membolehkan saya membaca bahan bercetak dalam BA.	0 0%	0 0%	6 21.4%	16 57.1%	6 21.4%	4.00	.67	T
3.	Belajar BA adalah penting kerana saya perlu lulus peperiksaan PT3	0 0%	8 28.6%	2 7.1%	2 7.1%	16 57.1%	3.93	1.36	ST
4.	Belajar BA menjadikan saya seorang yang berpengetahuan luas.	0 0%	2 7.1%	5 17.9%	15 53.6%	6 21.4%	3.89	.83	ST
5.	Saya belajar BA kerana saya mahu menjawab soalan peperiksaan dengan baik.	0 0%	4 14.3%	8 28.6%	6 21.4%	10 35.7%	3.79	1.10	ST
6.	Belajar BA penting kerana ia adalah matapelajaran wajib bagi saya.	1 3.6%	2 7.1%	8 28.6%	9 32.1%	8 28.6%	3.75	1.08	ST
7.	Belajar BA membolehkan saya mengambil bahagian dengan cergas dalam aktiviti-aktiviti kumpulan BA.	0 0%	3 10.7%	8 28.6%	12 42.9%	5 17.9%	3.68	.91	ST
8.	Belajar BA penting untuk mendapat pekerjaan yang baik.	0 0%	3 10.7%	8 28.6%	13 46.4%	4 14.3%	3.64	.87	ST
9.	Belajar BA membolehkan saya merasai pengalaman budaya Arab.	0 0%	2 7.1%	10 35.7%	12 42.9%	4 14.3%	3.64	.83	ST
10.	Belajar BA membolehkan saya bersahabat dengan kawan-kawan berbangsa Arab.	1 3.6%	0 0%	12 42.9%	12 42.9%	3 10.7%	3.57	.84	ST
11.	Belajar BA membolehkan saya menghargai seni dan kesusasteraan arab	0 0%	0 0%	15 53.6	11 39.3%	2 7.1%	3.54	.64	ST
12.	Belajar BA penting bagi memudahkan saya menjalankan urusan dengan orang Arab.	1 3.6%	2 7.1%	11 39.3%	9 32.1%	5 17.9%	3.54	1.00	ST
13.	Belajar BA membolehkan saya memahami media elektronik yang berbahasa Arab.	1 3.6%	2 7.1%	11 39.3%	10 35.7%	4 14.3%	3.50	.96	ST
14.	Saya belajar BA kerana ingin melanjutkan pelajaran ke negara Arab.	1 3.6%	3 10.7%	11 39.3%	8 28.6%	5 17.9%	3.46	1.04	ST
15.	Belajar BA membolehkan saya untuk mempelajari sejarah kehidupan orang Arab.	1 3.6%	0 0%	19 67.9%	8 28.6%	0 0%	3.21	.63	ST
16.	Belajar BA membolehkan saya memahami cara hidup orang Arab.	1 3.6%	5 17.9%	15 53.6%	7 25.0%	0 0%	3.00	.77	ST
17.	Belajar BA penting kerana saya ingin melancong ke negara arab.	2 7.1%	6 21.4%	13 46.4%	7 25.0%	0 0%	2.89	.88	SR
18.	Tujuan utama saya belajar BA ialah untuk mendapat maklumat tentang negara Arab.	2 7.1%	8 28.6%	15 53.6%	2 7.1%	1 3.6%	2.71	.85	SR
19.	Belajar BA penting kerana orang lain akan lebih menghormati saya.	7 25.0%	1 3.6%	14 50.0%%	5 17.9%	1 3.6%	2.71	1.15	SR
20.	Belajar BA penting memenuhi harapan kedua ibubapa saya.	8 28.6%	8 28.6	2 7.1%	5 17.9%	5 17.9%	2.68	1.52	SR
	Purata min						**3.46**		

Pengkaji mendapati 2 item iaitu Belajar BA membolehkan saya bergaul dengan orang yang bertutur dalam BA (min = 4.00 dan S.P = 0.90). Belajar BA membolehkan saya membaca bahan bercetak dalam BA (min = 4.00 dan S.P = 0.67). Manakala tahap terendah ialah item Belajar BA penting memenuhi harapan kedua ibubapa saya (min = 2.68 dan S.P = 1.52). Terdapat 2 item berada pada tahap sangat tinggi, 14 item berada pada tahap sederhana tinggi, 4 item berada pada tahap sederhana rendah dan tiada item yang menunjukkan tahap rendah sebelum pelaksanaan MPKNVQ.

2 item menunjukkan responden memperolehi nilai min pada tahap sangat tinggi sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini. 14 item yang menunjukkan responden memperolehi nilai min pada tahap sederhana tinggi iaitu Belajar BA adalah penting kerana saya perlu lulus peperiksaan PT3 (min = 3.93 dan S.P = 1.36), Belajar BA menjadikan saya seorang yang berpengetahuan luas (min = 3.89 dan S.P = 0.83). Saya belajar BA kerana saya mahu menjawab soalan peperiksaan dengan baik (min = 3.79 dan S.P = 1.10). Belajar BA penting kerana ia adalah mata pelajaran wajib bagi saya (min = 3.75 dan S.P = 1.08). Belajar BA membolehkan saya mengambil bahagian dengan cergas dalam aktiviti-aktiviti kumpulan BA (min = 3.68 dan S.P = 0.91). Belajar BA penting untuk mendapat pekerjaan yang baik (min = 3.64 dan S.P = 0.87). Belajar BA membolehkan saya merasai pengalaman budaya Arab (min = 3.64 dan S.P = 0.83). Belajar BA membolehkan saya bersahabat dengan kawan-kawan berbangsa Arab (min = 3.57 dan S.P = 0.64). Belajar BA membolehkan saya menghargai seni dan kesusasteraan Arab (min = 3.54 dan S.P = 0.64). Belajar BA penting bagi memudahkan saya menjalankan urusan dengan orang Arab (min = 3.54 dan S.P = 1.00). Belajar BA membolehkan saya memahami media elektronik yang berbahasa Arab (min = 3.50 dan S.P = 0.96). Saya belajar BA kerana ingin melanjutkan pelajaran ke negara Arab (min = 3.46 dan S.P = 1.04). Belajar BA membolehkan saya untuk

mempelajari sejarah kehidupan orang Arab (min = 3.21 dan S.P = 0.63). Belajar BA membolehkan saya memahami cara hidup orang Arab (min = 3.00 dan S.P = 0.77). 14 item ini membuktikan responden mempunyai tahap motivasi yang sederhana tinggi sebelum pelaksanaan MPKNVQ.

Kajian ini juga mendapati 4 orang responden mempunyai nilai min pada tahap yang sederhana rendah iaitu Belajar BA penting kerana saya ingin melancong ke negara Arab (min = 2.89 dan S.P = 0.88). Tujuan utama saya belajar BA ialah untuk mendapat maklumat tentang negara Arab (min = 2.71 dan S.P = 0.85). Belajar BA penting kerana orang lain akan lebih menghormati saya (min = 2.71 dan S.P = 1.15). Belajar BA penting memenuhi harapan kedua ibubapa saya (min = 2.68 dan S.P = 1.52).dan tiada seorang pun responden yang memperolehi nilai min pada tahap rendah yang bermaksud tiada responden pelajar yang tidak bermotivasi sebelum pelaksanaan MPKNVQ.

4.4.8.2 **Motivasi Pelajar Kumpulan Rawatan Selepas Pelaksanaan MPKNVQ**

Dapatan jadual 4.44 di bawah menunjukkan motivasi responden kumpulan rawatan selepas pelaksanaan MPKNVQ.

Jadual 4.44
Motivasi Pelajar Kumpulan Rawatan Selepas Pelaksanaan MPKNVQ

Bil	Soalan Kajian	Kekerapan STS	TS	TP	S	SS	Min	S.P	Inter pretasi
1.	Belajar BA penting kerana ia adalah matapelajaran wajib bagi saya.	0 0%	2 7.1%	10 35.7%	8 28.6%	8 28.6%	4.82	0.79	T
2.	Belajar BA adalah penting kerana saya perlu lulus peperiksaan PT3	1 3.6%	1 3.6%	1 3.6%	7 25.0%	18 64.3%	4.43	.98	T
3.	Belajar BA penting bagi memudahkan saya menjalankan urusan dengan orang Arab.	0 0%	1 3.6%	2 7.1%	16 57.1%	9 32.1%	4.18	.72	T
4.	Belajar BA membolehkan saya bergaul dengan orang yang bertutur dalam BA.	1 3.6%	1 3.6%	3 10.7%%	12 42.9%	11 39.3	4.11	.99	T
5.	Belajar BA menjadikan saya seorang yang berpengetahuan luas.	0 0%	0 0%	6 21.4%	13 46.4%	9 32.1%	4.11	.74	T
6.	Belajar BA membolehkan saya membaca bahan bercetak dalam BA.	0 0%	2 7.1%	5 17.9%	13 46.4%	8 28.6%	3.96	.88	ST
7.	Belajar BA membolehkan saya mengambil bahagian dengan cergas dalam aktiviti-aktiviti kumpulan BA.	0 0%	1 3.6%	5 17.9%	16 57.1%	6 21.4%	3.96	.74	ST
8.	Belajar BA penting memenuhi harapan kedua ibubapa saya.	1 3.6%	2 7.1%	8 28.6%	4 14.3%	13 46.4%	3.93	1.18	ST
9.	Belajar BA membolehkan saya memahami media elektronik yang berbahasa Arab.	0 0%	1 3.6%	8 28.6%	12 42.9%	7 25.0%	3.89	.83	ST
10.	Belajar BA penting untuk mendapat pekerjaan yang baik.	0 0%	2 7.1%	6 21.4%	15 53.6%	5 17.9%	3.82	.82	ST
11.	Belajar BA membolehkan saya merasai pengalaman budaya Arab.	0 0%	2 7.1%	8 28.6%	12 42.9%	6 21.4%	3.79	.88	ST
12.	Belajar BA membolehkan saya bersahabat dengan kawan-kawan berbangsa Arab.	0 0%	2 7.1%	5 17.9%	18 64.3%	3 10.7%	3.79	.74	ST
13.	Saya belajar BA kerana saya mahu menjawab soalan peperiksaan dengan baik.	0 0%	4 14.3%	9 32.1%	7 25.0%	8 28.6	3.68	1.06	ST
14.	Belajar BA membolehkan saya menghargai seni dan kesusasteraan arab	0 0%	1 3.6%	13 46.4%	12 42.9%	2 7.1%	3.54	.69	ST
15.	Saya belajar BA kerana ingin melanjutkan pelajaran ke negara Arab.	1 3.6%	2 7.1%	13 46.4%	10 35.7%	2 7.1%	3.36	.87	ST
16.	Belajar BA penting kerana saya ingin melancong ke negara arab.	0 0%	5 17.9%	12 42.9%	8 28.6%	3 10.7%	3.32	.91	ST
17.	Belajar Ba membolehkan saya memahami cara hidup orang Arab.	0 0%	2 7.1%	19 67.9%	7 25.0%	0 0%	3.18	.55	ST
18.	Belajar BA penting kerana orang lain akan lebih menghormati saya.	0 0%	3 10.7%	19 67.9%	5 17.9%	1 3.6%	3.14	.65	ST
19.	Belajar BA membolehkan saya untuk mempelajari sejarah kehidupan orang Arab.	0 0%	4 14.3%	18 64.3%	4 14.3%	2 7.1%	3.14	.76	ST
20.	Tujuan utama saya belajar BA ialah untuk mendapat maklumat tentang negara Arab.	2 7.1%	8 28.6%	14 50.0%	4 14.3%	0 0%	2.71	.81	SR
	Purata min						**3.74**		

Pengkaji mendapati item yang mendapat nilai min yang paling tinggi ialah *belajar BA penting kerana ia adalah matapelajaran wajib bagi saya* (min = 4.82 dan S.P = 0.79). Manakala tahap terendah ialah item *tujuan utama saya belajar BA ialah untuk mendapat maklumat tentang negara Arab* (min = 2.71 dan S.P = 0.81). Terdapat 5 item berada pada tahap sangat tinggi, 14 item berada pada tahap sederhana tinggi, satu item berada pada tahap sederhana rendah dan tiada item yang menunjukkan tahap rendah selepas pelaksanaan MPKNVQ.

5 item menunjukkan responden memperolehi nilai min pada tahap sangat tinggi selepas pelaksanaan MPKNVQ iaitu *Belajar BA penting kerana ia adalah matapelajaran wajib bagi saya* (min = 4.82 dan S.P = 0.79). *Belajar BA adalah penting kerana saya perlu lulus peperiksaan PT3* (min = 4.43 dan S.P = 0.98) *Belajar BA penting bagi memudahkan saya menjalankan urusan dengan orang Arab* (min = 4.18 dan S.P = 0.72). *Belajar BA membolehkan saya bergaul dengan orang yang bertutur dalam BA* (min = 4.11 dan S.P = 0.99). *Belajar BA menjadikan saya seorang yang berpengetahuan luas* (min = 4.11 dan S.P = 0.74). Pengkaji mendapati responden sangat bermotivasi dalam kelima-lima item selepas pelaksanaan MPKNVQ.

14 item yang menunjukkan responden memperolehi nilai min pada tahap sederhana tinggi iaitu Belajar BA membolehkan saya membaca bahan bercetak dalam BA (min = 3.96 dan S.P = 0.88).. Belajar BA membolehkan saya mengambil bahagian dengan cergas dalam aktiviti-aktiviti kumpulan BA (min = 3.96 dan S.P = 0.74). Belajar BA penting memenuhi harapan kedua ibubapa saya (min = 3.93 dan S.P = 1.18). Belajar BA membolehkan saya memahami media elektronik yang berbahasa Arab (min = 3.89 dan S.P = 0.83). Belajar BA penting untuk mendapat pekerjaan yang baik (min = 3.82 dan S.P = 0.82). Belajar BA membolehkan saya merasai pengalaman budaya Arab (min = 3.79 dan S.P = 0.88). Belajar BA membolehkan saya bersahabat dengan kawan-kawan berbangsa Arab (min = 3.79 dan S.P = 0.74). Saya belajar BA kerana saya mahu menjawab soalan peperiksaan dengan baik (min = 3.68 dan S.P = 1.06). Belajar BA membolehkan saya menghargai seni dan kesusasteraan Arab (min = 3.54 dan S.P = 0.69). Saya belajar BA kerana ingin melanjutkan pelajaran ke negara Arab (min = 3.36 dan S.P = 0.87). Belajar BA penting kerana saya ingin melancong ke negara Arab (min = 3.32 dan S.P = 0.91). Belajar BA membolehkan saya memahami cara hidup orang Arab (min = 3.18 dan S.P = 0.55). Belajar BA penting

kerana orang lain akan lebih menghormati saya (min = 3.14 dan S.P = 0.65). Belajar BA membolehkan saya untuk mempelajari sejarah kehidupan orang Arab (min = 3.14 dan S.P = 0.76).

Satu item menunjukkan responden memperolehi nilai min tahap sederhana rendah selepas pelaksanaan MPKNVQ iaitu *Tujuan utama saya belajar BA ialah untuk mendapat maklumat tentang negara Arab* (min = 2.71 dan S.P = 0.81). 14 item ini membuktikan responden mempunyai tahap motivasi yang sederhana tinggi selepas pelaksanaan MPKNVQ.

Kajian ini juga mendapati tiada seorang pun responden yang memperolehi nilai min pada tahap rendah yang bermaksud tiada responden pelajar yang tidak bermotivasi selepas pelaksanaan MPKNVQ.

4.4.9 Perbandinngan Skor Min motivasi Pra Dan Pasca Bagi Kumpulan Kawalan Dan Rawatan

Jadual 4.45 di bawah menunjukkan perbandingan skor min motivasi pra dan pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

Jadual 4.45
Perbandingan skor Min motivasi pra dan pasca kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

Kumpulan	**Min**		**Perbezaan**	**interpretasi**
	MTV Pra	**MTV pasca**		
Kawalan	3.47	3.51	0.04	Meningkat
Rawatan	3.46	3.74	0.28	Meningkat

Dapatan kajian menunjukkan responden kumpulan kawalan memperoleh skor min 3.47 dalam motivasi pra dan 3.51 dalam motivasi pasca. Perbezaan min antara

soal selidik motivasi pra dan soal selidik motivasi pasca bagi kumpulan kawalan ialah 0.04 sahaja. Pengkaji mendapati pencapaian kumpulan kawalan mengalami peningkatan yang sangat tidak ketara dalam motivasi pasca berbanding motivasi pra.

Dapatan kajian juga menunjukkan responden kumpulan rawatan memperoleh skor min 3.46 dalam motivasi pra dan 3.74 dalam motivasi pasca. Pengkaji mendapati pencapaian kumpulan rawatan meningkat dengan peningkatan lebih ketara. Perbezaan min antara soal selidik motivasi pra dan soal selidik motivasi pasca bagi kumpulan rawatan ialah 0.28. Peningkatan amat ketara ini berlaku setelah kumpulan rawatan menjalani MPKNVQ selama 12 minggu. Keputusan ini membuktikan MPKNVQ yang dijalankan terhadap kumpulan rawatan adalah mampu meningkatkan motivasi rersponden dan sangat berkesan. Soal selidik motivasi yang dijalankan terhadap kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan telah menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan MPKNVQ telah memberi kesan yang signifikan kepada kumpulan rawatan.

4.4.10 Ujian Pencapaian Pelajar Kumpulan Rawatan

Pengkaji akan menganalisis dan menghuraikan dapatan kajian pencapaian pelajar kumpulan rawatan sebelum dan selepas pengajaran. Hasil dapatan ini akan dibandingkan dengan pencapaian kumpulan kawalan yang akan dihuraikan selepas ini bagi melihat keberkesanan MPKNVQ yang telah dijalankan kepada pelajar kumpulan rawatan.

4.4.10.1 **Keputusan Ujian Pra Kumpulan Rawatan**

Satu ujian telah dilakukan oleh Pengkaji untuk melihat pencapaian responden kumpulan rawatan sebelum dan selepas mereka melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Tujuan ujian pra dan pasca ini dilakukan ialah untuk menjawab persoalan kajian. Apakah tahap pencapaian responden kumpulan rawatan?

Pengkaji mengguna pakai standard gred dan tafsiran penilaian PT3 yang diamalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi menentukan tahap pencapaian responden. Standard peratusan markah, gred dan tafsiran itu adalah seperti dalam jadual 4.46 berikut:

Jadual 4.46
Standard peratusan markah, gred dan tafsirannya

Peratusan markah	**Gred**	**Tafsiran**
85-100	A	Cemerlang
70-84	B	Kepujian
60-69	C	Baik
50-59	D	Memuaskan
40-49	E	Mencapai tahap minima
1-39	F	Belum mencapai tahap minima

Jadual 4.47 di bawah menunjukkan pencapaian pelajar kumpulan rawatan dalam ujian pra sebelum perlaksanaan MPKNVQ. Pengkaji mendapati 2 orang responden berada pada tahap baik dengan memperoleh markah 69% dan 67%. Seorang berada pada tahap memuaskan dengan memperoleh 56%.

Jadual 4.47
Keputusan ujian pra kumpulan rawatan.

Bil	Pelajar	Skor % Ujian Pra	Gred	Tafsiran
1.	S1	69	C	Baik
2.	S2	67	C	Baik
3.	S3	56	D	Memuaskan
4.	S4	47	E	Tahap Minima
5.	S5	47	E	Tahap Minima
6.	S6	44	E	Tahap Minima
7.	S7	41	E	Tahap Minima
8.	S8	38	F	Belum capai tahap minima
9.	S9	38	F	Belum capai tahap minima
10.	S10	38	F	Belum capai tahap minima
11.	S11	37	F	Belum capai tahap minima
12.	S12	36	F	Belum capai tahap minima
13.	S13	35	F	Belum capai tahap minima
14.	S14	34	F	Belum capai tahap minima
15.	S15	33	F	Belum capai tahap minima
16.	S16	33	F	Belum capai tahap minima
17.	S17	32	F	Belum capai tahap minima
18.	S18	32	F	Belum capai tahap minima
19.	S19	31	F	Belum capai tahap minima
20.	S20	28	F	Belum capai tahap minima
21.	S21	28	F	Belum capai tahap minima
22.	S22	28	F	Belum capai tahap minima
23.	S23	26	F	Belum capai tahap minima
24.	S24	26	F	Belum capai tahap minima
25.	S25	24	F	Belum capai tahap minima
26.	S26	23	F	Belum capai tahap minima
27.	S27	21	F	Belum capai tahap minima
28.	S28	19	F	Belum capai tahap minima
	Purata min	**35.96**		

4 orang responden berada pada tahap mencapai tahap minima dengan memperoleh markah antara 40% hingga 49% dan 21 orang berada pada tahap belum mencapai tahap minima dengan memperoleh markah antara 1% hingga 39%. Dapatan kajian menunjukkan tiada responden yang berada pada tahap kepujian dan cemerlang. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa majoriti responden kumpulan rawatan berada pada tahap yang rendah dalam ujian pra pencapaian Bahasa Arab.

4.4.10.2 **Keputusan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan**

Jadual 4.48 di bawah menunjukkan pencapaian responden kumpulan rawatan dalam ujian pasca selepas pelaksanaan MPKNVQ.

Jadual 4.48
keputusan ujian pasca kumpulan rawatan

BIL	PELAJAR	SKOR % UJIAN POST	Gred	Tafsiran
1.	S1	100	A	Cemerlang
2.	S2	100	A	Cemerlang
3.	S3	100	A	Cemerlang
4.	S4	97	A	Cemerlang
5.	S5	97	A	Cemerlang
6.	S6	97	A	Cemerlang
7.	S7	97	A	Cemerlang
8.	S8	95	A	Cemerlang
9.	S9	95	A	Cemerlang
10.	S10	94	A	Cemerlang
11.	S11	93	A	Cemerlang
12.	S12	92	A	Cemerlang
13.	S13	91	A	Cemerlang
14.	S14	85	A	Cemerlang
15.	S15	83	B	Kepujian
16.	S16	83	B	Kepujian
17.	S17	81	B	Kepujian
18.	S18	81	B	Kepujian
19.	S19	81	B	Kepujian
20.	S20	80	B	Kepujian
21.	S21	78	B	Kepujian
22.	S22	74	B	Kepujian
23.	S23	73	B	Kepujian
24.	S24	71	B	Kepujian
25.	S25	69	C	Baik
26.	S26	58	D	Memuaskan
27.	S27	55	D	Memuaskan
28.	S28	53	D	Memuaskan
	Purata min	**84.21**		

Pengkaji mendapati 14 orang responden berada pada tahap cemerlang dengan memperoleh markah antara 85% hingga 100%. Seorang responden berada pada tahap baik dengan memperoleh markah 69%. Manakala 3 orang responden berada pada tahap memuaskan dengan memperoleh markah antara 53% hingga 58%.

Dapatan juga menunjukkan tiada seorang responden yang berada pada tahap pencapaian minima dan belum mencapai tahap minima dalam ujian pasca. Dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden kumpulan rawatan berada pada tahap cemerlang dan memuaskan iaitu seramai 24 dalam ujian pasca pencapaian Bahasa Arab selepas pelaksanaan MPKNVQ. Dapatan ini membuktikan penggunaan modul MPKNVQ dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab sangat berkesan dan mampu meningkatkan pencapaian pelajar.

4.4.10.3 **Perbandingan Keputusan Ujian Pra Dan Ujian Pasca**

Jadual 4.49 di bawah menunjukkan perbandingan peratusan markah pencapaian ujian pra dan ujian pasca kumpulan rawatan.

Jadual 4.49
Perbandingan pencapaian ujian pra dan ujian pasca kumpulan rawatan.

Bil	Skor %		% Peningkatan
	Ujian pra	Ujian post	
1.	47	100	53
2.	67	100	33
3.	69	100	31
4.	56	97	41
5.	47	97	50
6.	36	97	61
7.	31	97	66
8.	41	95	54
9.	38	95	57
10.	26	94	68
11.	33	93	60
12.	28	92	64
13.	32	91	59
14.	24	85	61
15.	28	83	55
16.	28	83	55
17.	37	81	44
18.	44	81	37
19.	21	81	60
20.	34	80	46
21.	38	78	40
22.	38	74	36
23.	19	73	54
24.	32	71	39
25.	23	69	46
26.	33	58	25
27.	35	55	20
28.	26	53	27
	35.96	84.21	**48.25**

Dapatan kajian menunjukkan keseluruhan responden kumpulan rawatan memperoleh peningkatan markah yang sangat ketara dalam ujian pasca berbanding ujian pra. Pengkaji mendapati 3 orang responden memperoleh peningkatan antara 20-27 markah, 5 orang responden memperoleh peningkatan antara 31-39 markah, 5 orang responden memperoleh peningkatan antara 40-49 markah, 8 orang responden memperoleh peningkatan antara 50-59 markah dan 7 orang responden memperoleh peningkatan antara 60-68 markah.

Kajian juga mendapati 14 orang responden memperoleh markah pada tahap cemerlang dalam ujian pasca berbanding tiada seorang pun responden mendapat

markah tahap cemerlang dalam ujian pra. Responden yang memperolehi markah tahap kepujian pula ialah 10 orang dalam ujian pasca berbanding berbanding tiada seorang pun dalam ujian pra.

Seorang responden mendapat markah tahap baik dalam ujian pasca berbanding 2 orang responden dalam ujian pra, 3 orang responden memperoleh markah tahap memuaskan dalam ujian pasca berbanding tiada seorang pun responden berada pada tahap memuaskan dalam ujian pra. Tiada seorang pun responden yang memperoleh markah tahap pencapaian minima dalam ujian pasca berbanding berbanding 4 orang berada pada tahap mencapai tahap minima dalam ujian pra.

Tiada seorang pun responden yang berada pada tahap belum mencapai tahap minima dalam ujian pasca berbanding 26 orang responden berada pada tahap belum mencapai tahap minima dalam ujian pra. Dapatan ini menunjukkan pencapaian keseluruhan pelajar kumpulan rawatan adalah sangat ketara dan sangat tinggi dan membuktikan MPKNVQ yang digunakan adalah sangat berkesan.

4.4.11 Ujian Pencapaian Pra Dan Pasca Kumpulan Kawalan

Ujian pencapaian telah dilakukan oleh Pengkaji untuk melihat pencapaian responden kumpulan kawalan sebelum dan selepas mereka melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Tujuan ujian pra dan pasca ini dilakukan ialah untuk menjawab persoalan kajian. Apakah tahap pencapaian responden kumpulan kawalan sebelum dan selepas proses pengajaran dan pembelajaran?

Pengkaji mengguna pakai standard gred dan tafsiran penilaian PT3 yang diamalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi menentukan tahap

pencapaian responden. Standard gred dan tafsiran itu adalah seperti dalam jadual yang telah dinyatakan sebelum ini.

4.4.11.1 **Keputusan Ujian Pra Kumpulan Kawalan**

Jadual 4.50 di bawah menunjukkan pencapaian pelajar kumpulan kawalan dalam ujian pra.

Jadual 4.50
Keputusan ujian pra kumpulan kawalan

Bil	Pelajar	Skor % Ujian pra	Gred	tafsiran
1.	S1	48	E	Capai tahap minima
2.	S2	41	E	Capai tahap minima
3.	S3	39	F	Belum Capai tahap minima
4.	S4	38	F	Belum Capai tahap minima
5.	S5	38	F	Belum Capai tahap minima
6.	S6	37	F	Belum Capai tahap minima
7.	S7	33	F	Belum Capai tahap minima
8.	S8	29	F	Belum Capai tahap minima
9.	S9	26	F	Belum Capai tahap minima
10.	S10	26	F	Belum Capai tahap minima
11.	S11	26	F	Belum Capai tahap minima
12.	S12	23	F	Belum Capai tahap minima
13.	S13	22	F	Belum Capai tahap minima
14.	S14	22	F	Belum Capai tahap minima
15.	S15	21	F	Belum Capai tahap minima
16.	S16	19	F	Belum Capai tahap minima
17.	S17	18	F	Belum Capai tahap minima
18.	S18	17	F	Belum Capai tahap minima
19.	S19	16	F	Belum Capai tahap minima
20.	S20	13	F	Belum Capai tahap minima
21.	S21	12	F	Belum Capai tahap minima
22.	S22	9	F	Belum Capai tahap minima
Purata min		**27.05**		

Pengkaji mendapati 2 orang responden memperoleh markah mencapai tahap minima dengan markah 41% dan 48%. 20 orang responden berada pada tahap belum mencapai tahap minima dengan memperoleh 9% hingga 49%. Tiada responden yang memperoleh markah pada tahap cemerlang, kepujian, baik dan memuaskan. Dapatan

ini menunjukkan bahawa majoriti responden kumpulan kawalan berada pada tahap belum mencapai tahap mina dalam ujian pra pencapaian Bahasa Arab.

4.4.11.2 **Keputusan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan**

Jadual 4.51 di bawah menunjukkan pencapaian ujian pasca pelajar kumpulan kawalan.

Jadual 4.51
Keputusan ujian pasca kumpulan kawalan.

Bil	Pelajar	Skor % **Ujian Pasca**	Gred	Tafsiran
1.	S1	64	C	Baik
2.	S2	56	D	Memuaskan
3.	S3	55	D	Memuaskan
4.	S4	53	D	Memuaskan
5.	S5	50	D	Memuaskan
6.	S6	50	D	Memuaskan
7.	S7	47	E	Capai tahap minima
8.	S8	47	E	Capai tahap minima
9.	S9	46	E	Capai tahap minima
10.	S10	43	E	Capai tahap minima
11.	S11	43	E	Capai tahap minima
12.	S12	40	E	Capai tahap minima
13.	S13	39	F	Belum capai tahap minima
14.	S14	39	F	Belum capai tahap minima
15.	S15	39	F	Belum capai tahap minima
16.	S16	38	F	Belum capai tahap minima
17.	S17	34	F	Belum capai tahap minima
18.	S18	33	F	Belum capai tahap minima
19.	S19	31	F	Belum capai tahap minima
20.	S20	24	F	Belum capai tahap minima
21.	S21	22	F	Belum capai tahap minima
22.	S22	17	F	Belum capai tahap minima
Purata min		**40.18**		

Pengkaji mendapati seorang responden berada pada tahap baik dengan memperoleh markah antara 64%. 5 orang responden berada pada tahap memuaskan dengan memperoleh markah antara 50% hingga 56%. Manakala 6 orang responden memperoleh markah mencapai tahap minima dengan memperoleh markah antara 40% hingga 47% dan 10 orang responden memperoleh markah belum mencapai tahap

minima dengan memperoleh markah antara 17% hingga 39%. Dapatan kajian juga menunjukkan tiada seorang responden yang berada pada tahap cemerlang dan kepujian dalam ujian pasca.

Dapatan membuktikan bahawa majoriti responden kumpulan kawalan berada pada tahap mencapai tahap minima dan belum mencapai tahap minima iaitu seramai 16 orang responden dalam ujian pasca pencapaian Bahasa Arab.

4.4.11.3 **Perbandingan Keputusan Ujian Pra Dan Ujian Pasca**

Jadual 4.52 di bawah menunjukkan perbandingan peratusan markah pencapaian ujian pra dan ujian pasca kumpulan kawalan.

Jadual 4.52
Perbandingan pencapaian ujian pra dan ujian pasca kumpulan kawalan

Bil	**Skor %**		**% peningkatan**
	Ujian pra	**Ujian pasca**	
1.	48	64	20
2.	41	56	15
3.	39	55	16
4.	38	53	15
5.	38	50	12
6.	37	50	13
7.	33	47	14
8.	29	47	18
9.	26	46	20
10.	26	43	17
11.	26	43	17
12.	23	40	17
13.	22	39	17
14.	22	39	17
15.	21	39	18
16.	19	38	19
17.	18	34	16
18.	17	33	16
19.	16	31	15
20.	13	24	11
21.	12	22	10
22.	9	17	8
Purata min	**27.05**	**40.18**	**13.13**

Dapatan kajian menunjukkan responden kumpulan kawalan memperoleh peningkatan markah yang tidak ketara berbanding ujian pra. Pengkaji mendapati 2 orang responden memperoleh peningkatan markah sebanyak 20%, seorang responden memperoleh peningkatan 19% markah, 2 orang responden memperoleh peningkatan markah sebanyak 18%, 5 orang responden yang memperoleh peningkatan markah sebanyak 17%, 3 orang responden memperoleh peningkatan markah sebanyak 16%, 3 orang responden memperoleh peningkatan markah sebanyak 15%, seorang responden memperoleh peningkatan markah sebayak 14%, seorang rersponden memperoleh peningkatan markah sebanyak 13%, seorang responden memperoleh peningkatan markah sebanyak 12%, seoarang responden memperolh peningkatan 11%, seoarang responden memperoleh peningkatan sebanyak 10% dan seorang memperoleh peningkatan sebanyak 8%.

Kajian juga mendapati tiada seorang pun responden memperoleh markah pada tahap cemerlang dan kepujian dalam ujian pasca dan ujian pra. Responden yang memperolehi markah tahap baik pula ialah seorang sahaja dalam ujian pasca berbanding tiada seoarang pun dalam ujian pra. 5 orang responden yang mendapat markah tahap memuaskan dalam ujian pasca berbanding tiada seorang responden dalam ujian pra, 6 orang responden memperoleh markah pada tahap pencapaian minima dalam ujian pasca berbanding 2 orang responden dalam ujian pra dan 10 orang responden memperoleh markah belum mencapai tahap minima dalam ujian pasca berbanding 20 orang responden dalam ujian pra. Dapatan ini menunjukkan peningkatan pencapaian keseluruhan pelajar kumpulan kawalan adalah tidak terlalu ketara dan kurang memuaskan.

4.4.12 Perbandingan Skor Min Ujian Pra Dan Pos Bagi Kumpulan Kawalan Dan Rawatan

Jadual 4.53 di bawah menunjukkan perbandingan skor min ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

Jadual 4.53
Perbandingan skor Min ujian pra dan ujian pasca kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

Kumpulan	Min		Perbezaan	interpretasi
	Ujian pra	Ujian pasca		
Kawalan	27.05	40.18	13.13	Meningkat
rawatan	35.96	84.21	48.25	Meningkat

Dapatan kajian menunjukkan responden kumpulan kawalan memperoleh skor min 26.045 dalam ujian pra dan 41.363 dalam ujian pasca. Pengkaji mendapati pencapaian kumpulan kawalan meningkat sebanyak 15.318 dalam ujian pasca berbanding ujian pra. Peningkatan ini berlaku kemungkinan disebabkan proses pengajaran dan pembelajaran yang dilalui oleh responden kumpulan kawalan ini sepanjang 12 minggu.

Dapatan kajian juga menunjukkan responden kumpulan rawatan memperoleh skor min 36.107 dalam ujian pra dan 84.036 dalam ujian pasca. Pengkaji mendapati pencapaian kumpulan rawatan meningkat dengan peningkatan amat ketara sebanyak 47.929 dalam ujian pasca berbanding ujian pra. Peningkatan amat ketara ini berlaku setelah kumpulan rawatan menjalani MPKNVQ selama 12 minggu. Keputusan ini membuktikan MPKNVQ yang dijalankan terhadap kumpulan rawatan adalah sangat berkesan. Ujian pencapaian yang dijalankan terhadap kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan telah menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran yang

menggunakan MPKNVQ telah memberi kesan yang signifikan kepada kumpulan rawatan.

4.4.13 Ujian T

Pengkaji akan menghuraikan prasyarat ujian T, keputusan ujian T bagi elemen pencapaian, sikap dan motivasi pelajar.

4.4.13.1 **Prasyarat Ujian – T**

Ujian–t digunakan untuk membandingkan dua nilai min, sama ada terdapat terdapat perbezaan yang signifikan antara dua nilai tersebut atau tidak (Chua, 2009; Mohd Yusri, 2010). Ujian-t telah diasaskan oleh Gosset pada tahun 1908 dengan menggunakan nama samara "student". Beliau telah menghasilkan ujian perbezaan ini, iaitu perbezaan antara sampel berdasarkan pengiraan varians dan min. Ujian-t dinamakan "student's test" dan diringkaskan menjadi "t-test" (Mohd Yusri, 2010). Antara syarat-syarat ujian-t adalah seperti berikut:

1. Data adalah dalam skala pengukuran selang atau nisbah.
2. Data kajian dipilih secara rawak daripada populasi yang hendak dikaji.
3. Data hendaklah bertabur secara normal dalam populasi.

4.4.13.2 **Ujian-t Bagi Elemen Pencapaian MPKNVQ**

Ujian–t telah dijalankan bagi menguji elemen pencapaian terhadap MPKNVQ. Ujian ini dibuat untuk melihat perbezaan antara kumpulan kawalan dan rawatan. Jadual 4.54 menunjukkan hasil analisis ujian-t antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawataan.

Jadual 4.54
Perbezaan Nilai Min, Sisihan Piawai Elemen Pencapaian bagi Ujian Pra dan Pasca MPKNVQ

Kumpulan	N	Min	S.P
Kumpulan Kawalan Pra - Elemen Pencapaian	22	27.05	10.92
Kumpulan Rawatan Pra - Elemen Pencapaian	28	35.96	12.46
Kumpulan kawalan Pasca - Elemen Pencapaian	22	40.18	12.67
Kumpulan Rawatan Pasca - Elemen Pencapaian	28	84.21	13.92

Hasil analisis ujian yang telah dijalankan, min skor MPKNVQ kumpulan rawatan adalah lebih tinggi (Min = 35.96, SP = 12.46) daripada min skor kumpulan kawalan (Min = 27.05, SP = 10.91). Manakala ujian pasca pula mununjukkan hasil yang sama iaitu kumpulan rawatan adalah lebih tinggi (Min = 84.21, Sp = 13.92) daripada min skor kumpulan kawalan (Min = 40.18, SP = 13.92). Dapatan ini menunjukkan bahawa kumpulan rawatan telah menunjukkan peningkatan dalam pencapaian MPKNVQ berbanding pencapaian MPKNVQ kumpulan kawalan.

4.4.13.3 **Ujian-t Bagi Elemen Sikap MPKNVQ**

Ujian –t juga telah dijalankan bagi menguji elemen sikap bagi MPKNVQ. Ujian ini dibuat untuk melihat perbezaan antara kumpulan kawalan dan rawatan. Jadual 4.55 menunjukkan hasil analisis ujian-t antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawataan.

Jadual 4.55
Perbezaan Nilai Min, Sisihan Piawai Elemen Sikap bagi Ujian Pra dan Pasca MPKNVQ

Kumpulan	N	M	SP
Kumpulan Kawalan Pra - Elemen Sikap	22	3.26	.492
Kumpulan Rawatan Pra - Elemen Sikap	28	3.35	.557
Kumpulan kawalan Pasca - Elemen Sikap	22	3.59	.387
Kumpulan Rawatan Pasca - Elemen Sikap	28	4.05	.425

Hasil analisis ujian pra yang telah dijalankan, min skor elemen sikap MPKNVQ kumpulan rawatan adalah lebih tinggi (Min = 3.35, SP = .557) daripada min skor kumpulan kawalan (Min = 3.26, SP = .492). Manakala ujian pasca pula mununjukkan hasil yang sama iaitu kumpulan rawatan adalah lebih tinggi (Min = 4.05, Sp = 425) daripada min skor kumpulan kawalan (Min = 3.59, SP = 387). Dapatan ini membuktikan kumpulan rawatan telah menunjukkan peningkatan dalam aspek sikap berbanding sikap kumpulan kawalan.

4.4.13.4 **Ujian-t Bagi Elemen Motivasi MPKNVQ**

Ujian t juga telah dijalankan bagi menguji elemen motivasi bagi MPKNVQ. Ujian ini dilaksanakan untuk melihat perbezaan antara kumpulan kawalan dan rawatan. Jadual 4.56 menunjukkan hasil analisis ujian-t antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawataan.

Jadual 4.56
Perbezaan Nilai Min, Sisihan Piawai Elemen Motivasi bagi Ujian Pra dan Pasca MPKNVQ

Kumpulan	N	M	SP
Kumpulan Kawalan Pra - Elemen Motivasi	22	3.47	.349
Kumpulan Rawatan Pra - Elemen Motivasi	28	3.46	.432
Kumpulan kawalan Pasca - Elemen Motivasi	22	3.51	.403
Kumpulan Rawatan Pasca - Elemen Motivasi	28	3.74	.469

Hasil analisis soal selidik motivasi pra yang telah dijalankan, min skor elemen motivasi kumpulan kawalan adalah lebih tinggi (Min = 3.47, S.P = .349) daripada min skor kumpulan rawatan (Min = 3.46, SP = .432). Manakala ujian pasca pula menunjukkan hasil min skor kumpulan rawatan adalah lebih tinggi (Min = 3.74, S.P = .469) daripada min skor kumpulan kawalan (Min = 3.51, S.P = .403). Dapatan ini menunjukkan bahawa kumpulan rawatan telah menunjukkan peningkatan dalam motivasi MPKNVQ berbanding motivasi MPKNVQ kumpulan kawalan.

4.5 Rumusan

Kesimpulannya dalam bab 4 ini, Pengkaji telah menjalankan analisis data berdasarkan setiap fasa bermula dari fasa analisis keperluan MPKNVQ hingga fasa penilaian berdasarkan kepada soalan-soalan yang telah diditetapkan. Pengkaji telah melaporkan dan membuat perbincangan ke atas analisis dan dapatan kajian yang diperoleh. Hasil dapatan kajian yang telah dianalisis oleh Pengkaji menunjukkan keberkesanan pelaksanaan MPKNVQ yang ketara dari aspek sikap, motivasi dan pencapaian.

BAB 5

PERBINCANGAN KAJIAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan dapatan kajian yang telah dilaporkan dalam bab 4. Perbincangan dibuat dalam lima bahagian. Bahagian pertama adalah ringkasan kajian. Ringkasan kajian dihuraikan untuk memberi penjelasan yang dilakukan meliputi persoalan kajian, metodologi, pemilihan sampel dan lokasi kajian, dan penganalisisan data. Bahagian kedua pula perbincangan dapatan kajian yang mengupas persoalan kajian berkaitan yang merangkumi dapatan kajian setiap fasa, dapatan analisis keperluan fasa pertama, dapatan fasa reka bentuk dan pembangunan seterusnya dapatan fasa pelaksanaan dan penilaian.

Bahagian ketiga adalah kesimpulan dapatan kajian yang mengutarakan rumusan-rumusan dapatan utama berdasarkan persoaloan kajian. Bahagian keempat adalah implikasi dapatan kajian terhadap pengetahuan dari aspek teori dan pengajaran Bahasa Arab di Malaysia. Bahagian kelima pula mengutarakan cadangan-cadangan kepada pihak-pihak berkepentingan terhadap kajian ini iaitu Kementerian pendidikan Malaysia, bahagian pendidikan guru, pihak pentadbir, pelaksana kurikulumbahas Arab dan Pengkajian lanjutan. Perbahasan bab ini diakhiri dengan penutup yang mengandungi rumusan pembentangan bab.

5.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini adalah kajian reka bentuk dan pembangunan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membangunkan Modul Pedagogi Komunikasi Nonverbal al Quran Dalam

Pengajaran Bahasa Arab (MPKNVQ) dan mengenal pasti keberkesanannya terhadap proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Dalam kajian ini beberapa soalan kajian dibentuk bagi memandu kajian ini. Soalan-soalan kajian tersebut adalah seperti berikut:

1) Apakah saluran komunikasi nonverbal al Quran yang sesuai digunakan oleh guru dalam pengajaran Bahasa Arab?

2) Apakah reka bentuk MPKNVQ yang dibangunkan sesuai untuk pengajaran Bahasa Arab?

3) Bagaimanakah MPKNVQ dibangunkan?

4) Apakah tahap sikap pelajar kumpulan kawalan dan rawatan sebelum pelaksanaan MPKNVQ?

5) Sejauh mana pelaksanaan MPKNVQ berkesan dalam meningkatkan tahap sikap pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab?

6) Apakah tahap motivasi pelajar kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sebelum pelaksanaan MPKNVQ?

7) Sejauh manakah pelaksanaan MPKNVQ berkesan dalam meningkatkan motivasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab?

8) Apakah tahap pencapaian pelajar kumpulan kawalan dan rawatan sebelum dan selepas pelaksanaan MPKNVQ?

9) Sejauh mana pelaksanaan MPKNVQ dapat meningkatkan pencapaian pelajar?

Kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Data yang diperolehi menerusi kajian kualitatif ialah data analisis dokumen yang menyenaraikan saluran-saluran komunikasi nonverbal yang terdapat dalam al Quran. Data kajian kuantitatif pula diperolehi melalui soal selidik persetujuan pakar, soal

selidik sikap dan motivasi pra dan pasca serta ujian pra dan pasca pencapaian pelajar. Kajian ini telah dilakukan di dua buah sekolah di daerah Hulu Terengganu yang mengambil mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi.

Responden kajian dibahagikan kepada kumpulan kawalan dan rawatan. Responden kumpulan kawalan terdiri daripada dua puluh dua orang manakala kumpulan rawatan pula terdiri dari dua puluh lapan orang responden. Pakar yang dilantik untuk menilai pembangunan modul ini ialah 17 orang yang terdiri dari pensyarah universiti, pensayarah IPG, guru pakar Bahasa Arab dan guru-guru berpengalaman melebihi 10 tahun dalam bidang pengajaran Bahasa Arab.

Reka bentuk kajian ini adalah berdasarkan reka bentuk dan pembangunan Richey dan Klein (2007). Menurut Seels dan Richey (1994) kajian pembangunan adalah kajian reka bentuk, pembangunan, penilaian proses program instruksional dan produk yang sistematik yang menemukan ciri-ciri keberkesanan dalaman yang konsisten.

Antara ciri-ciri kajian reka bentuk dan pembangunan ialah pengkaji mereka bentuk pengajaran, membangun dan menilai disamping mengkaji proses-proses tersebut (Richey, Klein dan Nelson, 2004). Richey dan Nelson (1996) menyatakan bahawa kajian tentang pembangunan produk ialah kajian reka bentuk pembangunan dan penilaian produk tersebut.

Reka bentuk kajian ini di adaptasi daripada model ADDIE (Gagne, Wager, dan Keller, 2005) yang mempunyai tiga fasa iaitu fasa analisis, fasa reka bentuk dan pembangunan seterusnya fasa pelaksanaan dan penilaian. Menurut Norasikin Fabil (2009) model ADDIE adalah model yang generik dan sistematik yang menunjukkan proses reka bentuk yang berarahan. Pengkaji memilih untuk menggunakan model ini kerana ADDIE adalah model yang baik dan sesuai diadaptasikan untuk pembangunan

bahan pengajaran dan pembelajaran MPKNVQ sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Siemens (2002).

Dalam fasa analisis keperluan pengkaji telah menjalankan kajian melalui kaedah tinjauan literatur untuk mendapatkan saluran-saluran sesuai yang telah dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian literatur ini menjadi acuan untuk menentukan kesesuaian saluran komunikasi nonverbal al Quran yang akan dilakukan oleh pengkaji melalui kaedah analisis dokumen. Sepuluh saluran Komunikasi Nonverbal dalam pengajaran sebagaimana yang dinyatakan oleh Richmond dan McCroskey menjadi asas penelitian Pengkaji dalam menganalisis 6236 ayat al Quran untuk mendapat komunikasi nonverbal al Quran.

Fasa reka bentuk dan pembangunan adalah fasa bahan dikenalpasti, dinilai dan dimurnikan. Dalam fasa ini, data dikumpulkan menerusi instrumen persetujuan pakar 5 skala likert komunikasi nonverbal al Quran yang diperolehi dalam fasa analisis keperluan telah dikemukakan kepada 17 orang pakar bagi menentukan kesesuaian dan untuk mendapat persetujuan mereka. Teknik Delphi dua pusingan yang melibatkan 17 orang pakar yang terdiri dari pakar kurikulum dan reka bentuk pengajaran, pakar pembangunan modul dan pakar mata pelajaran bahasa Arab. Bahan-bahan yang dibangunkan juga adalah berdasarkan teori behaviorisme, teori kognitif dan teori pembelajaran sosial. Manakala model pengajaran yang terlibat ialah model pengajaran SIM dan model pengajaran behaviorisme.

Dalam fasa ini modul dibangunkan dengan menggunakan bahan-bahan, teori-teori dan model yang telah dikenalpasti dan bersesuaian untuk melengkapkan pembangunan modul sebagaimana yang telah didapati dalam fasa reka bentuk. Model yang digunakan oleh Pengkaji dalam fasa ini ialah Model Pembinaan Modul Sidek

(2001) yang melibatkan penetapan objektif, pemilihan kandungan, pemilihan strategi, pemilihan logistik, pemilihan media dan penyatuan draf modul MPKNVQ.

Modul yang telah disatukan telah nilai oleh pakar untuk mendapat pengesahan sebelum dilaksanakan. Seramai 17 orang pakar telah dilantik mengikut kategori iaitu pakar kandungan, pakar pembangunan modul dan pakar pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Pakar terbabit telah menilai Modul Pedagogi Komunikasi Nonverbal Al Quran (MPKNVQ) secara keseluruhannya.

Fasa pelaksanaan dan penilaian adalah fasa terakhir di mana modul yang telah disahkan oleh pakar dilaksanakan dalam situasi sebenar dan dinilai keberkesanannya. Analisis data fasa penilaian menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS). Pengkaji telah menjalankan MPKNVQ di dua buah sekolah Daerah Hulu Terengganu. Pelajar yang terlibat ialah pelajar tingkatan dua aliran KAA yang mengambil mata pelajaran Bahasa Arab. Seramai dua puluh dua orang pelajar salah Sebuah sekolah telah dijadikan sebagai kumpulan kawalan. Mereka hanya mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara konvensional tanpa MPKNVQ. Manakala pelajar sebuah sekolah lagi dijadikan sebagai kumpulan rawatan iaitu seramai dua puluh lapan orang pelajar yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab berasaskan MPKNVQ. MPKNVQ ini dijalankan selama 12 minggu pembelajaran seperti yang disarankan oleh Slavin, Lake dan Groff (2009).

Pengkaji telah menggunakan 3 bentuk penilaian iaitu menilai tahap sikap, motivasi dan pencapaian pelajar terhadap keberkesanan MPKNVQ. Penilaian sikap dan motivasi dilakukan dengan menggunakan satu set soal selidik yang adaptasi dari al Noursi (2013) dan Pintrich dan De Groot (1990). Soal selidik sikap dan motivasi ini diedarkan kepada kedua-dua kumpulan kawalan dan rawatan sebelum pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran bermula. Soal selidik sikap dan motivasi ini sekali

lagi diedarkan kepada kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan bagi mengetahui tahap sikap dan motivasi pelajar setelah menjalani proses pengajaran dan pembelajaran selama 12 minggu. Hanya kumpulan rawatan sahaja yang menggunakan MPKNVQ.

Manakala ujian pencapaian pula telah dibangunkan oleh Pengkaji berdasarkan prinsip-prinsip Pembinaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU). JSU adalah penting untuk mengukur keberkesanan pencapaian pelajar. Soalan-soalan ujian telah dibina berdasarkan prinsip-prinsip Pembinaan JSU iaitu kandungan ujian berdasarkan MPKNVQ yang digunakan oleh guru. Kemahiran diuji berdasarkan taksonomi, wajaran peratusan item soalan mengikut bahagian atau tajuk yang dipelajari, mengenal pasti bentuk ujian, bilangan item mengikut bentuk, aras kemahiran dan kandungan mata pelajaran dan aras kesukaran item yang berada dalam lingkungan 20%-80%.

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Bahagian ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu perbincangan dapatan kajian analisis keperluan, perbincangan dapatan fasa reka bentuk dan pembangunan dan perbincangan dapatan kajian fasa pelaksanaan dan penilaian.

5.3.1 Perbincangan Dapatan Kajian Analisis Keperluan

Perbincangan dapatan kajian bahagian ini berdasarkan soalan kajian berikut: Soalan kajian :

1) Apakah saluran komunikasi nonverbal al Quran yang sesuai digunakan dalam pengajaran bahasa Arab?

Bagi menjawab persoalan kajian ini Pengkaji telah mengumpulkan data secara kualitatif iaitu dengan menggunakan kaedah analisis dokumen. Al Quran al Karim adalah sumber atau dokumen yang dijadikan sumber utama untuk dianalisis.

Pengkaji telah mengenal pasti dan menyenaraikan saluran-saluran kominkasi nonverbal yang terdapat dalam 6236 ayat al Quran. Berdasarkan dapatan analisis pengkaji memilih sebanyak sepuluh saluran komunikasi nonverbal yang yang akan digunakan dalam kajian ini. Kesemua saluran ini bertepatan dengan teori KNV guru yang telah dioerkenalkan oleh Richmond dan McCroskey. Saluran ini juga telah digunakan oleh Pengkaji lain iaitu Ahmad (2003), Rabayi'ah (2010), al 'Ariniy (2011) dan Nordin Halias (2016). Sepuluh saluran KNV kajian yang selaras dengan KNV Richmond dan McCroskey (2000) ialah penampilan fizikal, gerakan anggota badan, ekspresi wajah, okulesik, vokalik, proksemik, haptik, persekitaran, olfaktik dan kronemik.

5.3.1.1 **Penampilan fizikal**

Dapatan menunjukkan terdapat lapan elemen komunikasi nonverbal penampilan fizikal yang ditemui oleh Pengkaji dalam al Quran. Elemen-elemen tersebut berkait dengan pakaian dan perhiasan yang ditonjolkan oleh watak-watak yang terdapat dalam al Quran. Elemen yang melibatkan pakaian ialah berpakaian bersih, cantik, kemas, sopan, warna pakaian, pakaian mengambarkan identiti dan menunjukkan keegoan. Saluran yang melibatkan perhiasan yang dipakai oleh watak-watak pula ialah berkait dengan aksesori emas dan perak.

Saluran-saluran penampilan fizikal ini menunjukkan kepentingannya dalam menzahirkan watak. Kepentingan ini disokong oleh kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Pease (1991). Menurut Pease (1991) salah satu elemen yang

mempengaruhi Interpretasi mesej nonverbal ialah pakaian. Manakala Richmond & McCroskey (2000) menyatakan bahawa watak dan penampilan pakaian adalah sangat penting samada formal atau tidak formal mempengaruhi komunikasi antara guru dan pelajar.

5.3.1.2 **Gerakan Anggota Badan**

Dapatan menunjukkan terdapat Sembilan belas sub saluran komunikasi nonverbal gerakan anggota badan yang ditemui oleh Pengkaji dalam al Quran. Sub saluran tersebut diserlahkan melalui pergerakan empat anggota utama iaitu tangan dan jari, gerakan kepala, pergerakan kaki dan postur badan. Kesemua pergerakan ini telah ditonjolkan oleh watak-watak yang terdapat dalam al Quran.

Melalui pergerakan tangan dan jari terdapt tujuh sub saluran yang paling banyak dilakukan iaitu menggigit jari, memasukkan jari dalam telinga, membolak balikkan tangan, memukul muka, menutup mulut, bertepuk tangan dan berjabat tangan.

Melalui pergerakan kaki terdapat dua sub saluran iaitu menghentakkan kaki dan berjalan. Manakala melalui pergerakan kepala pula terdapat empat saluran iaitu mendongakkan kepala, menundukkan kepala, menggeleng kepala dan menganggukkan kepala. Manakala saluran postur tubuh pula terdapat enam sub saluran iaitu berdiri, duduk, berbaring, postur badan kemalasan, postur badan bersungguh-sungguh, mencondongkan badan.

Saluran-saluran pergerakan anggota badan ini jelas sekali terdapat dalam al Quran dan membawa mesej yang tersendiri. Kepentingan pergerakan anggota badan ini disokong oleh kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Syed Qutb (1992), Ibn ‘Adil

(t.t), al Raziy (2000), Rabayi'ah (2010), al Mawardy (t.t), Ibn Kathir (1994) dan al Qurtubiy (2006). Begitu juga para sarjana barat seperti Richmond & McCroskey (2000), Floyd (2009), Wood (2010) dan Mc Auley (1992) yang menyatakan peri pentingnya pergerakan anggota badan.

5.3.1.3 **Ekspresi Wajah dalam al Quran**

Dapatan menunjukkan terdapat tiga belas saluran ekspresi wajah. Saluran tersebut melibatkan wajah bercahaya, berseri-seri, manis ceria, kegembiraan, khusyuk, berkeinginan, muram, masam, sedih, malu, ragu-ragu dan senyum. Dapatan ini membuktikan didalam al Quran wujudnya komunikasi nonverbal ekspresi wajah dalam al Quran.

Semua saluran ini merupakan kesimpulan kepada ekspresi wajah yang merujuk kepada pergerakan muka atau gambaran emosi yang ditunjukkan oleh muka seperti mimik muka, mencebik bibir, berkerut, senyum, masam, marah, benci dan lain-lain (Darwin, 1965a; Richmond & MCCroskey, 2000; Floyd, 2009; Zamri Mahamod, 2007a; 'Abdullah, 2005).

5.3.1.4 **Okulesik Dalam Al Quran**

Okulesik adalah tingkah laku mata yang membawa makna dan menzahirkan emosi tertentu. Dapatan menunjukkan terdapat dua belas saluran okulesik iaitu menangis, isyarat mata menghina, mata terbelalak, mencuri pandang, pandangan perhatian, renungan tajam, pandangan keraguan, pandangan ke bawah, pengulangan pandangan, mata tidak berkedip, bertentangan mata dan pandangan lesu.

Saluran-saluran ini membuktikan wujudnya KNV yang melibatkan okulesik atau kontak mata dalam al Quran.

Kesemua saluran ini merupakan kesimpulan kepada okulesik yang merujuk kepada peranan yang dimainkan oleh mata dalam berkomunikasi. Dapatan ini merupakan kesimpulan kepada okulesik yang merujuk kepada peranan yang dimainkan oleh mata dalam berkomunikasi. Kepentingan okulesik atau tingkah laku mata ini disokong oleh kajian-kajian yang dijalankan oleh Rabayi'ah (2010), Floyd (2009), Devito (2007) dan Richmond & McCroskey (2000).

5.3.1.5 **Vokalik Dalam al Quran**

Dapatan menunjukkan terdapat lima belas saluran nonverbal iaitu suara bosan, benci, kasihan belas, teriakan, bisikan, keras, rintihan, buruk, lunak, siulan, menengking, lembut tegas, seruan dan diam. Saluran-saluran ini membuktikan wujudnya komunikasi nonverbal yang melibatkan vokalik dalam al Quran.

Kesemua saluran ini merupakan kesimpulan kepada vokalik yang merujuk kepada bunyi perkataan yang diucapkan. Kepentingan vokalik ini disokong oleh kajian-kajian yang dijalankan oleh Richmond & McCroskey (2000), Ahmad (2003), Floyd (2009), Knapp, Hall, & Horgan, (2014) O'Rourke, (2010).

5.3.1.6 **Proksemik dalam al Quran**

Dapatan menunjukkan terdapat tiga belas saluran komunikasi nonverbal proksemik dalam al Quran iaitu hampir, bersebelahan, jauh, bersama, memencilkan diri, menajauhkan sesuatu, memisahkan, mencerobohi ruang, mengeliligi, di hadapan, di belakang, membelakangkan dan ruang bergerak.

Saluran-saluran ini membuktikan wujudnya KNV yang melibatkan proksemik dalam al Quran. Kesemua saluran ini merupakan kesimpulan kepada proksemik yang merujuk kepada jarak dan ruang. Kepentingan proksemik ini disokong oleh kajian-kajian yang dijalankan oleh Richmond & McCroskey (2000), Neil & Caswell (1993), Ainon Mohd & Abdullah Hassan (1999).

5.3.1.7 **Haptik dalam al Quran**

Dapatan kajian menunjukkan terdapat enam saluran komunikasi nonverbal dalam al Quran iaitu sentuhan secara umum, sentuhan sokongan, sentuhan kasih sayang, sentuhan kawalan, sentuhan kasar dan sentuhan berlainan jantina.

Kesemua saluran ini merupakan kesimpulan kepada haptik yang merujuk kepada bunyi sentuhan. Kepentingan haptik ini disokong oleh kajian-kajian yang dijalankan oleh Richmond & McCroskey (2000), Ainon Mohd & Abdullah Hassan (1999), Ahmad (2003) dan Neil & Caswell (1993).

5.3.1.8 **Persekitaran dalam al Quran**

Dapatan menunjukkan Sembilan saluran persekitaran susun atur persekitaran, pencahayaan, perabut dan aksesori yang sesuai, persekitaran bermanfaat, perihatin dengan persekitaran, persekitaran menarik, pengudaraan yang baik, persekitaran bersih dan persekitaran yang segar dan nyaman. Saluran-saluran ini membuktikan wujudnya KNV yang melibatkan persekitaran dalam al Quran.

Kesemua saluran ini merupakan kesimpulan kepada persekitaran yang merujuk kepada susun atur dan cara pengaturannya, pencahayaan, pengudaraan dan suasana persekitaran. Kepentingan KNV persekitaran ini disokong oleh kajian-kajian yang

dijalankan oleh Richmond & McCroskey (2000), Floyd (2009), Knap et al (2004) dan Esah Sulaiman (2004).

5.3.1.9 **Olfaktik dalam al Quran**

Dapatan menunjukkan terdapat empat saluran olfaktik iaitu wangian yang sesuai, wangian identiti, aroma kondusif dan bauan yang busuk. Saluran-saluran ini membuktikan wujudnya KNV yang melibatkan olfaktik dalam al Quran. Kesemua saluran ini merupakan kesimpulan kepada olfaktik yang merujuk kepada bauan.

Kesemua saluran ini merupakan kesimpulan kepada olfaktik yang merujuk kepada bauan. Kepentingan KNV bauan ini disokong oleh kajian-kajian yang dijalankan oleh Richmond & McCroskey (2000), Parviz Birjandi & Musa Nushi (2010).

5.3.1.10 **Kronemik dalam al Quran**

Dapatan menunjukkan tujuh saluran kronemik iaitu mementingkan masa, pengurusan masa yang baik, mengurus aktiviti, memberi ruang masa, menepati masa, mengehadkan masa dan membazir masa. Saluran-saluran ini membuktikan wujudnya KNV yang melibatkan Kronemik dalam al Quran.

Kesemua saluran ini merupakan kesimpulan kepada kronemik yang merujuk kepada penggunaan dan pengurusan masa. Kepentingan KNV kronemik ini disokong oleh kajian-kajian yang dijalankan oleh Richmond & McCroskey (2000), Bull (1983), Orbe & Brues (2005), Floyd (2009), Atan Long (1983).

5.4 Perbincangan Fasa Reka Bentuk Dan Pembangunan

Fasa reka bentuk dan pembangunan dilaksanakan setelah selesai fasa pertama iaitu fasa analisis keperluan. Perbincangan fasa reka bentuk dan pembangunan ini berdasarkan soalan kajian berikut:

Soalan kajian:

2) **Apakah reka bentuk MPKNVQ yang sesuai untuk pengajaran Bahasa Arab?**

Dapatan kajian pusingan pertama telah menjadi asas bagi membina reka bentuk dan pembangunan MPKNVQ. Pada fasa reka bentuk dan pembangunan ini, Teknik Delphi dua pusingan telah digunakan untuk mendapatkan kesepakatan pakar. Dalam hal ini pengkaji telah mendapat persetujuan daripada 17 orang. Mereka adalah golongan pakar yang telah dipilih berdasarkan ktitteria pakar yang ditetapkan pengkaji berdasarkan pengalaman dan latar belakang akademik mereka.

Dapatan Teknik Delphi yang telah dijalankan ke atas 17 orang Panel pakar menunjukkan bahawa mereka telah bersetuju dan menyokong kesesuaian sepuluh saluran komunikasi nonverbal al Quran yang telah dicadangkan oleh pengkaji untuk dijadikan sebagai MPKNVQ dalam pengajaran Bahasa Arab.

Pada pusingan pertama teknik Delphi 2 pusingan, pengkaji telah mengedarkan soal selidik kepada 17 orang panel pakar untuk mendapatkan tahap persetujuan mereka. Dalam soal selidik pengkaji telah mengemukakan item-item yang berkaiatan dengan 10 saluran komunikasi KNVQ berdasarkan dapatan fasa analisis yang telah dijalankan dalam fasa analisis keperluan. Item ini mengadungi lima skala likert skill yang menyatakan tahap persetujuan mereka bermula sangat tidak setuju, kurang setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju.

Pakar telah memberi persetujuan berdasarkan soal selidik yang diedarkan kepada mereka. Pengkaji telah memberikan masa yang secukupnya kepada mereka selama antara dua hingga empat minggu. Pada pusingan pertama ini kesemua pakar telah menyatakan persetujuan pada semua item yang telah dikemukakan kepada mereka oleh pengkaji.

Dalam pusingan kedua pula, pengkaji sekali lagi mengedarkan soal selidik yang sama kepada panel pakar yang sama. Pengkaji telah memberikan masa yang secukupnya seperti pusingan pertama bagi mereka menyatakan persetujuan terhadap soal selidik yang telah dikemukakan. Tujuan soal selidik diedarkan kali yang kedua ini ialah untuk melihat konsistensi pakar dalam menyatakan persetujuan terhadap item-item tersebut. Dapatan menunjukkan pada pusingan kedua ini juga pakar pakar telah menyatakan persetujuan mereka keatas semua item-item yang telah dikemukakan. Konsistensi para pakar ini juga telah menunjukkan bahawa saluran yang dicadangkan oleh Pengkaji sesuai untuk dijadikan saluran dalam MPKNVQ.

10 saluran komunikasi nonverbal yang menjadi saluran MPKNVQ dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab ialah penampilan fizikal, gerakan anggota badan, ekspresi wajah, okulesik, vokalik, proksemik, haptic, persekitaran, olfaktik dan kronemik. 10 saluran komunikasi nonverbal al Quran ini selaras dengan saluaran KNV yang telah dikemukakan oleh Richmond dan McCroskey (2000).

Persetujuan pakar melalui Teknik Delphi ini bertepatan dengan kelebihan dan kekuatan yang ada pada KNV. Hal ini kerana reka bentuk MPKNVQ dapat mempelbagaikan lagi teknik penyampaian para guru dalam bilik darjah. Dengan menggunakan MPKNVQ guru tidak lagi hanya memberi penumpuan penyampaian secara lisan.

Penggunaan saluran-saluran komunikasi nonverbal ini juga akan menjadikan para pelajar memberi perhatian yang lebih baik dan mampu menarik minat pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab serta meningkatkan pencapaian mereka dalam peperiksaan. Rumusan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Darling, Hammond dan Youngs (2002) yang menunjukkan kualiti seorang guru dalam penyampaian mempengaruhi pencapaian pelajar. keberkesanan penyampaian guru dalam bilik darjah dengan menggunakan komunikasi nonverbal al Quran akan meningkat dan mempengaruhi pencapaian hasil pembelajaran yang disasarkan sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Cooper (1999) dan Walsh (2001).

Fungsi nonverbal yang digunakan oleh guru utntuk mempertegaskan atau meneguhkan ucapan verbal mampu menjayakan sesi pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, komunikasi nonverbal yang telah dipersetujui dan disepakati oleh pakar untuk dipraktikan oleh guru akan memberi kesan positif yang ketara kepada para pelajar dalam proses pembelajaran yang mereka. Rumusan ini bertepatan dengan kenyataan Burgoon dan Saine (1973) bahawa isyarat nonverbal sentiasa digunakan untuk membuat penegasan dan peneguhan terhadap apa yang diungkapkan seccara verbal. Begitu juga al ‘Ariniy (2011) menyatakan bahawa penegasan melalui tekanan dan nada suara, isyarat pergerakan anggota badan, postur badan, ekspresi wajah adalah sangat berkesan khususnya untuk memberi penegasan pada babak-babak yang melucukan.

Soalan kajian:

3) Bagaimanakah MPKNVQ dibangunkan?

Bagi menjawab persoalan kajian keempat ini, pengkaji telah terlebih dahulu memilih model yang sesuai untuk membangunkan MPKNVQ. Pada peringkat ini pengkaji telah menggabungkan antara model ADDIE dan Model Sidek. Hal ini kerana

pada peringkat ini, Model ADDIE tidak menjelaskan secara khusus bagaimana seharusnya sesuatu modul itu dibangunkan. Justeru itu, pengkaji telah mengadaptasikan model pembinaan modul sidek (2001) sebagai panduan untuk peringkat pembangunan MPKNVQ. Model Sidek digunakan pada peringkat ini kerana Sidek (2001) ini menyatakan secara terprrinci tentang langkah-langkah pembangunan.

Berdasarkan Model Sidek sesuatu modul yang hendak dibangunkan perlu mempunyai beberapa elemen supaya modul terarah dan Berjaya. Elemen yang diperlukan berdasarkan Siعك (2001) ialah penetapan objektif, pemilihan kandungan, pemilihan strategi pemilihan logistik, pemilihan media dan menyatukan draf modul.

Pengkaji telah menetapkan empat objektif utama untk membangunkan MPKNVQ. Dimana fokus objektif MPKNVQ ini melibatkan kemampuan guru dalam penyampaian proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Fokus pertama ialah penggunaan komunikasi nonverbal al Quran yang menjadikan penyampaian guru lebih menarik dan berkesan. Fokus kedua pula tentang pengaplikasian komunikasi nonverbal al Quran yang mampu memotivasikan pelajar untuk belajar Bahasa Arab. Fokus yang ketiga MPKNVQ melibatkan penggunaan kmunikasi nonverbal al Quran yang akan meningkatkan sikap positif pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Manakala fokus objektif yang keempat ialah untuk meningkatkan pencapaian para pelajar dalam ujian atau peperiksaan yang diadakan. Menurut Sidek (2001) penetapan objektif ini adalah sangat penting kerana ia akan menentukan isi kandungan modul dan aktiviti yang perlu dilakukan dalam pelaksanan MPKNVQ dengan berkesan.

Media adalah sangat penting bagi memastikan kejayaan dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (Sidek, 2001). Justeru, dalam menentukan media untuk membangunkan MPKNVQ, pengkaji telah memilih kaedah Mubasyarah atau

kaedah langsung dan tidak menggunakan kaedah terjemahan. Ini adalah kerana kaedah secara langsung menggabungkan kaedah psikologi, kaedah fonetik dan kaedah semulajadi. Gabungan ini membolehkan pelajar berfikir secara semula jadi tanpa perlu kepada terjemahan (al Naaqah, 1985).

Buku teks Bahasa Arab tingkatan dua Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia adalah bahan utama yang digunakan oleh pengkaji. Dua belas topik daripada buku teks ini telah dipilih sebagai isi kandungan MPKNVQ. Penelitian telah dilakukan oleh pengkaji keatas topik-topik tersebut untuk mengenal pasti perkataan dan ungkapan (ibarah) yang yang sesuai untuk mengaplikasikan komunikasi nonverbal al Quran kepada para pelajar. pengkaji telah memasukkan perkataan dan ibarah yang telah dipilih dalam perancangan pengajaran guru bagi setiap topik.

Penyediaan bahan-bahan MPKNVQ tidaklah begitu rumit bagi pengkaji kerana dalam MPKNVQ ini tidak dperlukan bahan-bahan yang banyak. Ini disebabkan kaedah pengajaran secara langsung boleh menggunakan bahan yang telah tersedia dalam persekitaran pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Beberapa bahan seperti gambar-gambar berkaitan, penyediaan *powerpoint* bagi topik tertentu dan kertas mahjung yang telah disediakan oleh pengkaji.

5.5 Perbincangan Dapatan Kajian Fasa Pelaksanaan Dan Penilaian

Fasa pelaksanaan dan penilaian merupakan fasa terakhir dalam kajian ini. Dalam fasa ini soalan kajian keempat, kelima, keenam, ketujuh, kelapan dan kesembilan dihuraikan.

Soalan kajian:

4) **Apakah tahap sikap pelajar kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sebelum pelaksanaan MPKNVQ?**

5) **Sejauh mana pelaksanaan MPKNVQ berkesan dalam meningkatkan sikap pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab?**

Para pelajar kumpulan kawalan telah menjawab 20 item soal selidik yang menentukan tahap sikap mereka terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Mereka telah menjawab soal selidik pra dan soal selidik pasca yang di lakukan oleh pengkaji. Soal selidik ini dilakukan sebanyak dua kali bertujuan melihat dan meneliti perbezaan sikap mereka sebelum dan selepas proses pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan tanpa menggunakan MPKNVQ. Dapatan kajian tahap sikap kumpulan kawalan sebelum dijalankan proses pengajaran dan pembelajaran menunjukkan majoriti item memperolehi skor min yang melebihi tahap sederhana. Purata min keseluruhan pula menunjukkan tahap sikap kumpulan kawalan sebelum dijalankan proses pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap sederhana tinggi (min = 3.26).

Dapatan kajian tahap sikap terhadap kumpulan kawalan selepas dijalankan proses pengajaran dan pembelajaran selama 12 minggu secara konvensional. Dapatan menunjukkan skor min yang diperolehi mereka masih berada pada tahap yang sama iaiatu tahap sederhana tinngi (min = 3.59).

Pengkaji merumuskan bahawa para pelajar kumpulan kawalan mempunyai sikap positif yang sama tahapnya samada sebelum pelaksanaan atau selepas pelaksanan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab yang dijalankan selama 12 minggu. Hasil perbandingan antara sikap pra dan sikap pasca menunjukkan

perbezaan yang tidak ketara (0.33). ini menunjukkan pengajaran dan pembelajaran secra konvensional tidak membawa perubahan sikap mereka. Kemungkinan sikap positif ini telah tersedia ada dalam diri mereka disebabkan faktor-faktor lain.

Manakala dapatan kajian yang dijalankan ke atas kumpulan rawatan juga menunjukkan responden kumpulan rawatan memperoleh skor min sederhana tinggi dalam sikap pra (Min=3.35). namun demikian setelah pelaksanaan MPKNVQ dijalankan selama 12 minggu, didapati sikap pasca kumpulan rawatan telah meningkat dengan memperolehi tahap min yang sangat tinggi (min = 4.05).

Hasil perbandingan antara sikap pra dan pasca kumpulan rawatan mendapati perbezaan skor min antara ujian pra dan ujian pasca kumpulan rawatan adalah sangat berbeza (0.70). Pengkaji mendapati sikap kumpulan rawatan meningkat dengan ketara dalam ujian pasca. Sikap mereka telah berubah daripada dari sederhana positif kepada sangat positif selepas para responden selepas rawatan menggunakan MPKNVQ dijalankan kepada selama 12 minggu. Perubahan sikap ini membuktikan MPKNVQ yang dijalankan terhadap kumpulan rawatan adalah sangat berkesan dalam meningkatkan sikap rersponden terhadap pembelajaran Bahasa Arab.

Hasil Soal selidik sikap yang dijalankan terhadap kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan telah menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan MPKNVQ telah memberi kesan yang signifikan kepada kumpulan rawatan.

Keberkesanan pengaplikasian MPKNVQ yang memberi tumpuan kepada penggunaan saluran komunikasi nonverbal bertepatan dengan gardner (1985). Gardner menegaskan bahawa tiga komponen utama sikap iaitu kognitif, afektif dan konatif dipengaruhi oleh KNV. Beliau menafsirkan bahawa komponen kognitif merujuk

kepada kepercayaan terhadap bahasa, komponen afektif merujuk kepada reaksi emosi dan komponen konatif yang dikaitkan dengan tindakan tingkah laku.

Menurut Nordin Halias (2016) Komunikasi nonverbal guru dan sikap pelajar adalah dua variable yang saling berkaitan, jika guru mempunyai kemahiran dalam komunikasi nonverbal maka sikap pelajar terhadap guru dan mata pelajaran adalah tinggi dan begitulah sebaliknya. Zurina Mahmud dan Mohamad Yaacob (2007) juga mendapati keputusan yang sama iaitu sikap pelajar banyak dipengaruhi oleh tingkah laku guru, pelajar lebih cenderung untuk belajar dengan guru yang baik komunikasi nonverbal. Dapatan kajian ini juga selaras dengan kenyataan Crow & Crow (1983) yang mendapati bahawa komunikasi nonverbal guru adalah faktor utama dalam membina sikap positif pelajar terhadap sesuatu Bahasa.

Soalan kajian:

6) **Apakah tahap motivasi pelajar kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan sebelum pelaksanaan MPKNVQ?**

7) **Sejauh manakah pelaksanaan MPKNVQ berkesan dalam meningkatkan motivasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab?**

Para responden kumpulan kawalan telah menjawab 20 item soal selidik yang menentukan tahap motivasi mereka terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Mereka telah menjawab soal selidik pra dan soal selidik pasca yang di lakukan oleh pengkaji. Soal selidik ini juga dilakukan sebanyak dua kali bertujuan melihat dan meneliti perbezaan motivasi mereka sebelum dan selepas proses pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan tanpa menggunakan MPKNVQ. Berdasarkan dapatan kajian tahap motivasi kumpulan kawalan sebelum pelaksanaan proses

pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab secara konvesional adalah sedeRhana tinggi (Min = 3.47). Manakala dapatan kajian tahap motivasi kumpulan rawatan sebelum menjalani proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dengan menggunakan MPKNVQ adalah juga sederhana tinggi (min = 3.46)

Dapatan ini menunjukkan tahap motivasi bagi kedua-dua kumpulan adalah sama dan tidak mempunyai perbezaan yang ketara dari segi perbezaan min (0.01). ini membuktikan bahawa kedua-dua kumpulan ini adalah bersifat homogenus dan sekaligus memenuhi prasyarat pelaksanaan kajian (Patton 1990). Pengkaji cuba memilih peserta kajian yang mempunyai ciri-ciri persamaan dan strategi ini juga dikenali sebagai persampelan homogenus (Patton, 1990). Ini bertujuan bagi memperolehi data secara lebih mendalam dan berfokus.

Setelah berakhir tempoh pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab selama 12 minggu. Dapatan menunjukkan tahap motivasi kumpulan kawalan adalah masih lagi berada pada tahap sederhana tinggi (min=3.51). Ini membuktikan tiada peningkatan ketara terhadap motivasi pelajar kumpulan kawalan.

Manakala dapatan kajian yang dijalankan ke atas kumpulan rawatan juga menunjukkan responden kumpulan rawatan memperoleh skor min sederhana tinggi dalam motivasi pra (Min=3.47). namun demikian setelah pelaksanaan MPKNVQ dijalankan selama 12 minggu, didapati motivasi pasca kumpulan rawatan telah meningkat dengan memperolehi tahap min yang sangat tinggi (min = 3.74).

Hasil perbandingan antara motivasi pra dan pasca kumpulan rawatan masih berada pada tahap yang sama iaitu sederhana tinggi selepas para responden menjalani rawatan menggunakan MPKNVQ dijalankan kepada selama 12 minggu. Namun demikian meskipun tahapnya masih sama tetapi perbezaan skor min antara ujian pra dan ujian pasca kumpulan rawatan adalah sangat berbeza (0.28). Pengkaji mendapati

motivasi kumpulan rawatan meningkat dengan ketara dalam ujian pasca. Perubahan sikap ini membuktikan MPKNVQ yang dijalankan terhadap kumpulan rawatan adalah sangat berkesan dalam meningkatkan sikap rersponden terhadap pembelajaran Bahasa Arab.

Meskipun kedua-dua kumpulan kawalan dan rawatan berada pada tahap yang sama iaitu sederhana tinggi selepas menjalani proses pengajaran dan pembelajaran, namun peningkatan motivasi bagi kumpulan rawatan adalah lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan.

Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Lisa Hsu (2010) di mana dapatan kajian beliau menunjukkan tingkah laku Nonverbal guru berkait rapat dalam peningkatan motivasi pelajar. Guru yang menggunakan komunikasi nonverbal seperti, senyum, isyarat, postur badan yang santai, dan menggunakan pelbagai nada suara akan mendorong pelajar lebih bermotivasi untuk belajar (Lisa Hsu, 2010)

Dapatan ini juga bertepatan dengan hasil kajian Nordin Halias (2016) yang menunjukkan perkaitan yang rapat antara penggunaan komunikasi nonverbal yang kerap dan cekap oleh guru dengan tahap motivasi pelajar. Kecekapan dan kekerapan guru menggunakan komunikasi nonverbal dalam pengajaran akan meningkatkan tahap motivasi pelajar terhadap pelajaran. Semakin kerap guru menggunakan komunikasi nonverbal semakin tinggi tahap motivasi yang ditunjukkan oleh pelajar terhadap pelajaran Bahasa Arab (Nordin Halias, 2016).

Dapatan kajian ini juga selari dengan hasil kajian Zuria Mahmud dan Mohammad Yaacob (2007) yang menunjukkan motivasi pelajar berkait rapat dengan tingkah laku nonverbal guru. Begitu juga hasil kajian Muhammad Azhar Zailani (20017) yang menunjukkan subjek kajiannya mengamalkan komunikasi nonverbal sebagai satu pendekatan pengajaran komunkatif.

Soalan kajian:

8) **Apakah tahap pencapaian pelajar kumpulan kawalan dan rawatan sebelum pelaksanaan MPKNVQ?**

9) **Sejauh mana pelaksanaan MPKNVQ dapat meningkatkan pencapaian pelajar?**

Para pelajar kumpulan kawalan telah menjawab soalan ujian yang digubal. Ujian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap pencapaian mereka dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Mereka telah menjawab ujian pra dan ujian pasca yang dilakukan oleh pengkaji. Ujian ini dilakukan sebanyak dua kali bertujuan melihat dan meneliti perbezaan pencapaian mereka sebelum dan selepas proses pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan tanpa menggunakan MPKNVQ.

Dapatan kajian tahap pencapaian kumpulan kawalan sebelum dijalankan proses pengajaran dan pembelajaran menunjukkan majoriti pelajar kumpulan kawalan belum mencapai tahap minima (gred F). Didapati seramai dua puluh orang daripada dua puluh dua responden berada pada tahap ini dan hanya dua orang sahaja yang mencapai tahap pencapaian minima (Gred E). selain daripada itu, purata min (peratus) keseluruhan juga menunjukkan tahap pencapaian kumpulan kawalan sebelum dijalankan proses pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap belum mencapai tahap minima (min = 27.05).

Selepas dijalankan proses pengajaran dan pembelajaran selama 12 minggu secara konvensional, Dapatan kajian ujian pasca kumpulan kawalan menunjukkan ada sedikit perubahan. Didapati jumlah responden yang masih berada pada tahap belum mencapai tahap minima telah berkurangan daripada 20 orang kepada 10 orang. Baki

responden telah melepasi tahap minma dengan taburan 6 orang mencapai tahap minima, 5 orang mencapai tahap memuaskan dan seorang mencapai tahap baik. Selain daripada itu, Purata min (peratusan) pencapaian keseruruhan bagi ujian pasca juga mengalami perubahan iaitu daripada tahap belum capai tahap minima kepada mencapai tahap minima (min = 40.18).

Berdasarkan dapatan ujian pra dan pasca, pengkaji merumuskan bahawa para pelajar kumpulan kawalan ada sedikit perubahan. Sebahagian responden telah berubah ke tahap yang lebih baik dan min juga telah meningkat. Namun demikian, perubahan ini adalah tidak begutu ketara kerana masih terdapat 10 orang yang belum mencapai tahap minima. Begitu juga dengan perubahan purata min dimana perubahannya tidak terlalu berbeza. Peningkatan yang diperolehi hanyalah sedikit sahaja antara pra dan pasca (beza min 13.13).

Dapatan kajian yang dijalankan ke atas kumpulan rawatan pula menunjukkan responden kumpulan rawatan memperoleh skor min pada tahap belum mencapai tahap minima dalam ujian pra (Min=35.96), manakala dalam ujian pasca kumpulan rawatan memperolehi tahap min yang sangat baik dalam ujian pasca (min = 84.21).

Hasil perbandingan antara ujian pra dan pasca kumpulan rawatan mendapati perbezaan skor min antara ujian pra dan ujian pasca kumpulan rawatan (beza min = 48.25). Pengkaji mendapati pencapaian kumpulan rawatan meningkat dengan ketara dalam ujian pasca. Perubahan berlaku dari pencapaian yang kurang baik kepada pencapaian yang sangat baik selepas para responden menjalani proses pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan MPKNVQ selama 12 minggu. Dapatan ini membuktikan MPKNVQ yang dijalankan terhadap kumpulan rawatan adalah mampu meningkatkan pencapaian rersponden dan sangat berkesan. Ujian pencapaian yang dijalankan terhadap kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan telah menunjukkan

bahawa pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan MPKNVQ telah memberi kesan yang signifikan kepada kumpulan rawatan.

5.6 Kesimpulan Dapatan Kajian

Pengkaji telah dapat membangunkan MKNVQ dan telah menjalankan kajian menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen keatas dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan rawatan. Hasil dapatan dari pelaksanaan MPKNVQ keatas kumpulan rawatan telah membuktikan bahawa MPKNVQ yang telah dibangunkan oleh pengkaji telah dapat meningkatkan tahap sikap, motivasi dan pencapaian.

Perubahan sikap daripada sederhana positif kepada sangat positif selepas menerima pengajaran MPKNVQ keatas pelajar kumpulan kawalan membuktikan MPKNVQ adalah sangat berkesan dalam meningkatkan sikap positif responden terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab.

Perubahan tahap motivasi responden kumpulan rawatan yang meningkat dengan ketara berbanding tahap motivasi kumpulan kawalan berdasarkan min daripada (min=3.47) kepada (min=3.74) iaitu perbezaan (0.28) membuktikan MPKNVQ juga mampu untuk meningkatkan tahap motivasi pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Perubahan tahap pencapaian responden kumpulan rawatan adalah sangat ketara berbanding kumpulan kawalan iaitu dari skor min (min=35.96) kepada skor min (min=84.21) iaitu perbezaan min antara ujian pra dan ujian pasca adalah (beza min= 48.25). ini membuktikan pelaksanaan MPKNVQ adalah sangat berkesan dalam meningkatkan pencapaian pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab.

5.7 Implikasi Kajian

Perbincangan bahagian ini tertumpu kepada implikasi dan cadangan kajian. Ini berdasarkan perbincangan dapatan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji sebelum ini. Implikasi kajian ini dapat diperhatikan melalui dua aspek iaitu aspek teori dan amalan. Implikasi dari aspek teori adalah perbincangan untuk perbandingan hasil dapatan kajian dengan teori dan model yang menjadi asas utama yang digunakan dalam kajian ini. Implikasi amalan pula merupakan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak-pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Institut pendidikann Guru Malaysia, pensyarah IPG para guru, para pelajar dan sumbangan terhadap ilmu bidang.

5.7.1 Implikasi Dari Segi Teori

Kajian Pembangunan Modul Pedagogi Komunikasi Nonverbal Al Quran Dalam Pengajaran Bahasa Arab (PMPKNVQ) didasari model ADDIE yang menjadi model asas dalam kajian ini. Model ADDIE ini pula telah digabungkan dengan dua model iaitu model pengajaran SIM dan model pengajaran behaviorisme. Proses yang berlaku dalam pengajaran SIM yang melibatkan pemboleh ubah utama iaitu objektif pengajaran, guru, murid, isi pelajaran dan persekitaran dilihat telah membantu guru dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan dalam bilik darjah dengan mengunakan MPKNVQ. Model SIM yang berasaskan interaksi yang berlaku antara guru, murid dan ojektif. Interaksi juga boleh berlaku antara guru, murid dan isi pelajaran serta persekitaran. Dapatan ini menyokong dakwaan Abdul Said Ambotang (2011), Asmah Hj Omar (1989) dan Hayati (2000).

Model pengajaran behaviorisme pula sangat membantu dalam pelaksanaan MPKNVQ dimana model ini melibatkan tiga kongsep utama pertama ialah rangsangan yang merujuk kepada rangsangan luaran seperti suara dan rangsangan dalaman seperti keinginan bercakap. Kongsep kedua ialah tindak balas yang melibatkan akriviti anggota badan dan kongsep yang ketiga ialah pengukuhan seperti hadiah atau hukuman yang menjadikn mereka mempunyai motivasi yang tinggi umtuk tindak balas. Penggunaan model pengajaran behaviorisme dalam mengajaran akan mengaktifkan dan meningkatkan motivasi para pelajar seterusnya meningkatkan keberkesanan dalam pencapaian.

Kenyataan ini telah menyokong dakwaan Mar'at (1989) yang menyatakan komunikasi nonverbal sangat berkait rapat dengan peningkatan motivasi pelajar. begitu juga kenyataan ini diperkukuhkan lagi Sadtono (1999) yang menyatakan model ini mampu mengaktifkan kegiatan psikometrit atau gerak badan yang memberi kesan kepada motivasi, sikap dan pencapaian pelajar.

Seterusnya dalam fasa pembangunan pula model pembinaan modul Sidek (2001) telah digunakan oleh pengkaji. Pengabungan model ADDIE dan Modul Sidek dibuat oleh pengkaji dalam membangunkan MPKNVQ disebabkan oleh ADDIE adalah sebuah model mpdul yang umum manakala Model Sidek telah memperincikan langkah-langkah secara jelas dan bersesuaian dengan pembangunan MPKNVQ. Gabungan antara model ADDIE, model pengajaran SIM, model pengajaran behaviorisme dan model pembinaan modul sidek telah melengkapkan MPKNVQ. Rajah 5.1 menunjukkan kaitan dan hubungan yang berlaku setelah digabungkan oleh pengkaji.

Rajah 5.1 Model Modul Komunikasi Nonvewrbal Al Quran Gabungan Model ADDIE dan Model Pembinaan Modul Sidek (2001)

Implikasi dan cadangan terhadap teoritis juga melibatkan tiga teori utama. Ketiga-tiga teori ini mendasari kajian Modul Pedagogi Komunikasi Nonverbal Al Quran Dalam Pengajaran Bahas Arab. Teori yang terlibat tersebut ialah teori

Behaviorisme, teori Kognitif dan teori Pembelajaran Sosial Bandura. Teori-teori ini digabungkan bagi melaksanakan strategi dan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran Modul Pedagogi Komunikasi Nonverbal al Quran dalam pengajaran bahasa Arab.

Teori Behaviorisme berasaskan tiga konsep utama iaitu rangsangan, tindak balas dan pengukuhan. Pembelajaran bahasa sangat menekankan pengaruh persekitaran pembelajaran yang boleh membentuk rangsangan-rangsangan positif dalam pelbagai bentuk tindak balas yang akan melahirkan pelajar yang bersikap positif dan bermotivasi tinggi dalam mempelajari bahasa Arab.

Persekitaran sangat penting dalam pembentukkan tingkah laku yang membentuk pembiasaan atau pelaziman. Pelaziman juga boloeh berlaku dalam bentuk ucapan atau ujaran tanpa rangsangan yang jelas. Peniruan adalah antara elemen yang penting dalam pemerolehan bahasa. Peniruan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa akan melibatkan pembentukan hubungan antara rangsangan, tindak balas dan pengukuhan. Pembentukan ini terjadi melalui proses pembiasaan dan pengulangan.

Dalam konteks MPKNVQ ini saluran-saluran nonverbal al Quran merupakan rangsangan-rangsangan yang akan menarik perhatian para pelajar untuk membentuk tidak balas dengan cara peniruan nonverbal yang dilakukan oleh guru. Pengulangan yang dilakukan oleh guru dan pelajar akan menjadi kebiasaan yang diamalkan ketika berkomunikasi.

Manakala teori Kognitif yang melibatkan proses mental dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tahap mental manusia yang tinggi membolehkan manusia mempelajari berbagi-bagi perkara, menyerap maklumat melalui pengetahuan sedia ada dalam otak yang diperolehi darpada persekitarannya. Pembelajaran bahasa

juga melibatkan proses kognitif yang melibatkan usaha mental secara sedar danberlaku dalam dimensi sosial pembelajaran melalui interaksi.

Teari Pembelajaran sosial Bandura pula memberi penekanan kepada aspek interaksi antara pelajar dengan persekitarannya. Teori ini boleh berlaku melalui pemerhatian terhadap orang lain sebagai model tingkah laku. Seorang pelajar mempelajari sesuatu melalui permerhatian terhadap guru yang menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Kebanyakan pola percakapan, gaya berpakaian, tingkah laku langsung dipelajari oleh pelajar melalui pemerhatian atau pemodelan.

Seorang guru yang cekap dan mampu menarik perhatian pelajar boleh menjadi model dan contoh kepada para pelajar akan menatijahkan pengajuaran dan pembelajaran yang berkesan. Rajah 5.2 menunjukkan bagaimana pengkaji menggabungkan ketiga-tiga teori dalam Modul Pedagogi Komunikasi Nonverbal al Quran dalam Pengajaran bahasa Arab.

Rajah 5.2 Model Modul Pedagogi Komunikasi Nonverbal al Quran gabungan 3 teori

Dalam fasa pelaksanaan dan penilaian, pengkaji telah menyatukan bahan-bahan pada fasa pertama dan kedua menjadi draf modul MPKNVQ yang lengkap sebagaimana yang telah disarankan oleh Sidek (2001). Seorang Guru telah dipilih untuk menggunakan prototaip modul MPKNVQ tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran terhadap pelajar kumpulan Rawatan. Kumpulan kawalan dan seorang guru pula dipilih. Mereka tidak menggunakan modul MPKNVQ. Guru kumpulan ini akan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran secara konvensional. Kedua-dua kumpulan ini akan menggunakan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dalam tempoh 12 minggu.

Tujuan pemilihan kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan ini adalah untuk melihat sejauh mana keberkesanan pelaksanan modul MPKNVQ yang dijalankan oleh kumpulan rawatan. Tiga bentuk penilaian telah dilakukan oleh pengkaji iaitu penilaian tahap sikap, motivasi dan pencapaian pelajar. penilaian tahap sikap adalah berdasarkan soal selidik kajian yang telah dilakukan oleh al Noursi (2013) dan penilaian tahap motivasi pula adalah berdasarkan soal selidik tahap motivasi yang telah dijalankan oleh Pintrich dan DeGroot (1990).

5.7.2 Implikasi Dari Segi Amalan

Kajian yang dijalankan ini turut memberi implikasi kepada pihak kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Institut Pendidikan Guru (IPG), Pensyarah IPG, Bidang pengajaran dan pembelajaran Bahasa arab, guru-guru Bahasa Arab, para pelajar dan sumbangan kepada ilmu Bidang.

5.7.2.1 Implikasi dan cadangan Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia

Kementerian Pendidikan Malaysia adalah pihak yang bertanggungjawab dalam penggubalan sesuatu kurikulum pelajaran dalam sistem Pendidikan di Malaysia. Ia merangkumi Kurikulum di peringkat sekolah rendah, menengah dan institut Pendidikan guru.

Kelemahan pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab dari segi pencapaian dan kemampuan mereka berkomunikasi dalam Bahasa Arab perlu dipandang serius oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebab-sebab kelemahan ini boleh diteliti samada berpunca dari sikap dan motivasi pelajar atau kelemahan guru dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab atau berkemungkinan datang dari kedua-dua belah pihak.

Kementerian Pendidikan Malaysia dapat mengambil manfaat dari MPKNVQ ini khususnya saluran-saluran KNVQ yang telah dianalisis dan dieksperimen dalam kajian ini dimasukkan dalam huraian sukatan matapelajaran bahasa Arab. Saluran-saluran KNVQ ini perlu dipraktikkan oleh para guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Dapatan kajian ini menunjukkan penggunaan Modul pedagogi Komunikasi Nonverbal al Quran mampu meningkatkan tahap sikap, motivasi dan pencapaian pelajar. Oleh yang demikian, Pengkaji mencadangkan agar MPKNVQ digunakan sebagai satu bahan pengajaran yang dapat digunakan secara menyeluruh di sekolah-sekolah yang berada dibawah kementerian Pendidikan Malaysia.

5.7.2.2 Implikasi Dan Cadangan Kepada Institut Pendidikan Guru Malaysia

Guru berperanan sebagai agen utama untuk menjayakan sesuatu kurikulum. seorang guru juga berperanan sebagai tonggak penting bagi merealisasikan kejayaan dasar-dasar yang digariskan di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia. Seorang guru yang berkemahiran akan mampu melahirkan jenerasi pelajar yang berketerampilan dari pelbagai sudut. Untuk merealisasikan aspirasi kerajaan dan Kementerian Pendidikan Malaysia, guru mesti dipersiapkan dengan kemahiran-kemahiran dan penguasaan ilmu yang mantap dalam bidang-bidang ikhtisas.

Peranan IPG sangat besar bagi melahirkan guru-guru terlatih yang mampu mendidik jenerasi pelajar yang cemerlang. IPG perlu melatih guru-guru dengan pelbagai kemahiran. Terutamanya kemahiran-kemahiran yang boleh mengubah sikap dan motivasi serta pencapaian para pelajar perlu diberi penekanan yang serius.

Dapatan kajian ini juga dapat dimanfaatkan oleh IPG dengan menjadikan MPKNVQ ini sebagai panduan dalam sesi latihan perguruan. Latihan perguruan perlu memberi penekanan terhadap kemahiran berkomunikasi para guru. IPG perlu melatih bakal-bakal guru dengan kemahiran berkomunikasi samada secara verbal atau nonverbal. Pengajaran dan pembelajaran Bahasa khususnya Bahasa arab sangat memerlukan guru-guru yang mahir berkomunikasi. Guru-guru perlu dilatih menggunakan kemahiran berkomunikasi secara sedar. Penggunaan komunikasi nonverbal al Quran yang berfungsi sebagai pentafsir, peneguh, penguat, lagi komunikasi verbal guru samada dalam bilik darjah atau diluar bilik darjah akan mampu melahirkan pelajar yang bersikap positif dan bermotivasi serta menatijahkan pencapaian yang cemerlang.

Kemahiran komunikasi nonverbal al Quran perlu didedah dan dilatih kepada guru-guru pelatih Bahasa Arab secara sedar. Latihan tersebut akan mempersiapkan bakal guru untuk mendidik pelajar dengan jayanya. Dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa Kemahiran komunikasi nonverbal al Quran telah berjaya meningkatkan sikap positif, tahap motivasi dan pencapaian pelajar.

5.7.2.3 **Implikasi Dan Cadangan Kepada Para Guru**

Dapatan kajian telah membuktikan MPKNVQ dapat meningkatkan tahap sikap, motivasi dan pencapaian pelajar. Guru-guru boleh menggunakan MPKNVQ ini dengan baik dan berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa arab dibilik darjah.

Ini adalah kerana MPKNVQ ini telah disusun dan dinyatakan saluran-saluran komunikasi nonverbal al Quran yang perlu digunakan oleh para guru secara jelas. Walaupun para guru telah menggunakan komunikasi nonverbal dalam penyampaian mereka dalam bilik darjah, namun dengan berpandukan kepada MPKNVQ ini penggunaan komunikasi nonverbal al Quran akan dapat dilaksanakan secara sedar dan tersusun seterus mampu membawa kesan positif kepada para pelajar.

MPKNVQ juga boleh menjadi garis panduan kepada para guru dalam penyampaian dibilik darjah. Guru perlu menjadi kreatif dan berkemampuan mempelbagaikan penggunaan komunikasi nonverbal dalam pengajarannya. Usaha untuk meningkatkan kemahiran komunikasi nonverbal al Quran dalam kalangan guru Bahasa Arab harus diberi perhatian yang sewajarnya. Keberkesanan MPKNVQ yang melibatkan sepuluh saluran komunikasi nonverbal al Quran iaitu penampilan fizikal, gerakan anggota badan, ekspresi wajah, okulesik, vokalik, proksemik, haptik, persekitaran, olfaktik dan kronemik perlu diberi perhatian khusus. Guru Bahasa Arab

perlu melatih dan membiasakan diri mereka dengan sepuluh saluran komunikasi nonverbal al Quran bagi menjamin keberkesanan penyampaian mereka dalam bilik darjah seterusnya mampu memberi inpak positif terhadap sikap, motivasi dan penyampaian.

Rajah 5.3 merupakan kerangka cadangan Modul Pedagogi Komunikasi Nonverbal al Quran dalam pengajaran bahasa Arab untuk dipraktikkan oleh para guru. Kerangka cadangan ini adalah berpandukan kepada kajian MPKNVQ yang telah dijalankan oleh pengkaji selama dua belas minggu. Hasil kajian tersebut telah menampakkan kesan yang positif dari aspek peningkatan tahap sikap, motivasi dan pencapaian pelajar.

Rajah 5.3 Kerangka cadangan MPKNVQ Bahasa Arab di sekolah

Para guru boleh membuat pemilihan perkataan atau ibarah yang sesuai untuk diterapkan saluran-saluran KNVQ berpandukan topik-topik yang akan diajar. Pemilihan ibarah dan perkataan yang sesuai dengan KNVQ ini akan memudahkan para guru menggunakannya ketika proses pengajaran dan npembelajaranh berlangsung.

5.7.2.4 **Implikasi Dan Cadangan Kepada Pelajar**

Dapatan kajian ini berkait secara langsung dengan para pelajar iaitu MPKNVQ dapat meningkatkan sikap positif dan motivasi serta pencapaian pelajar. Guru yang menggunakan saluran komunikasi nonverbal al Quran dalam proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadikan para pelajar memberi perhatian dan tumpuan terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab.

Sikap positif pelajar akan meningkat terhadap mata pelajaran Bahasa Arab dan motivasi pelajar pula akan bertambah baik. Sikap positif dan motivasi melalui penggunaan MPKNVQ ini akan menjadikan persekitaran bilik darjah yang lebih aktif dan hidup. Para pelajar tidak akan berasa bosan apabila penyampaian guru secara verbal diringi dengan pelbagai saluran komunikasi nonverbal dalam bilik darjah. Secara umumnya apabila pelajar menunjukkan sikap positif dan bermotivasi untuk belajar maka pencapaian pelajar juga turut meningkat. Para pelajar perlu dibiasakan dengan saluran-saluran komunikasi nonverbal al Quran supaya mereka dapat memahami maksud-maksud disebalik komunikasi nonverbal yang disampaikan oleh para guru seterusnya memperolehi kesan baik dalam mata pelajaran Bahasa Arab.

5.7.2.5 **Implikasi Kepada Ilmu Bidang**

Kajian ini telah berjaya memberi sumbangan kepada ilmu bidang khususnya Pendidikan Bahasa Arab. Satu model pembangunan modul telah berjaya diperkenalkan oleh pengkaji. Model pembangunan modul ini adalah berasaskan komunikasi nonverbal al Quran yang telah Berjaya dilaksanakan pengkaji dimana dapatan kajian dari MPKNVQ ini telah berjaya meningkatkan tahap sikap, motivasi dan pencapaian pelajar.

Kajian ini juga telah berjaya mengenal pasti saluran-saluran penting dalam modul pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan komunikasi nonverbal al Quran. Saluran-saluran tersebut ialah penampilan fizikal, gerakan anggota badan, ekspresi wajah, okulesik, vokalik, proksemik, haptik, persekitaran, olfaktik dan kronemik. Saluran-saluran dan sub-sub saluran telah dikenalpasti dan disahkan oleh panel pakar melalui Teknik Delphi dua pusingan.

Penggunaan MPKNVQ ini telah memberi sumbangan yang melibatkan perancangan pengajaran dan elemen-elemen yang berkaitan dengannya bagi guru-guru Pendidikan Bahasa Arab. Perkataan-perkatan dan ibarah yang telah dikenalpasti dalam buku teks Bahasa arab tingkatan dua telah menjadi panduan yang berguna kepada guru untuk mempraktikkan komunikasi nonverbal al Quran dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab.

Dapatan kajian keberkesanan penggunaan modul ini yang merangkumi sikap, motivasi dan pencapaian pelajar telah menunjukkan bahawa penggunaan komunikasi nonverbal al Quran telah berjaya meningkatkan ketiga-tiga elemen tersebut. Hubungan antara komunikasi nonverbal al Quran yang digunakan oleh guru dengan sikap, motivasi dan pencapaian pelajar adalah sangat berkait rapat. Sikap dan motivasi merupakan dua elemen yang sangat penting dan menjadi penentu kepada pencapaian pelajar. Oleh itu, para guru hendaklah memberi penekanan yang sewajarnya terhadap penggunaan komunikasi nonverbal al Quran dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab.

5.8 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian MPKNVQ telah dijalankan kepada pelajar tingkatan dua di sekolah luar bandar. Kajian lanjutan boleh dijalankan kepada pelajar-pelajar tingkatan lain. Selain itu kajian

lanjutan boleh juga dijalankan kepada pelajar-pelajar yang berada di Kawasan bandar dan kota yang mungkin membawa kesan yang berbeza dengan kajian di luar bandar.

Penggunaan saluran komunikasi nonverbal yang telah disahkan oleh pakar melibatkan sepuluh saluran komunikasi nonverbal al Quran dengan menggunakan Teknik Delphi 2 pusingan sebagaimana yang telah dinyatakan. Kajian lanjutan boleh juga dijalankan yang melibatkan saluran-saluran komunikasi nonverbal yang lain seperti humor.

pelajar yang terlibat dengan kajian yang telah dijalankan ialah melibatkan bangsa bangsa melayu sahaja. Kajian lanjutan atas bangsa-bangsa lain seperti pelajar-pelajar berbangsa Arab, india dan cina yang berkemungkinan akan menghasilkan dapatan yang berbeza. Seterusnya perbandingan boleh dilakukan antara bangsa-bangsa yang terlibat.

kajian ini dilakukan keatas pelajar sekolah menengah, oleh itu, kajian seterusnya boleh dikembangkan kepada para pelajar diperingkat institut pengajian tinggi. Pernbandiangan antara kedua-dua kumpulan boleh dijalankan dan dilihat perbezaan atau persamaan yang wujud.

kajian ini dijalankan kepada pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Arab. Kajian lanjutan boleh dikembangkan kepada subjek-subjek lain. Seperti Pendidikan Islam, Bahasa-bahasa asing yang lain.

5.9 Rumusan

Dalam bab ini, perbincangan ringkasan hasil dapatan kajian telah dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji juga telah membuat perbandingan hasil dapatan kajian ini dengan hasil dapatan kajian yang telah dilakukan sebelum ini. Rumusan keseluruhan kajian yang dilakukan ini ialah MPKNVQ yang telah dilaksanakan telah berjaya

meningkatkan tahap sikap, motivasi dan pencapaian pelajar. MPKNVQ yang telah dibangunkan oleh pengkaji sangat bermanfaat khususnya kepada pelaksana kurikulum dan juga pelajar.

RUJUKAN

’Abdullah, ’Audah 'Abd 'Audah. (2004). *al Ittisal al Samit Wa “Umquhu al Ta”thiriy Fi al Akharin Fi Dau’ al Quran al Karim Wa Sunnah al Nabawiyyah*. Majallah Al Muslim Al Mu’asir, 112.

’Abdullah, ’Audah 'Abd 'Audah. (2005). *Adab al Kalam Wa Athi Bina’ al “ilaqat al Insaniyah Fi Dau” al Quran al Karim* (1st ed.). ’Amman: Dar al Nafa’is.

Abdullah Basmeih. 2010. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur’an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir. cetakan. 12

Abdul Hanid Halit. (2012). Career Skills In Youth Career Module Among Adolescence In Secondary School. *The International Journal of Social Science*, 2, 1–16.

Abdul Hanid Halit. (2014). The Validity And Reliability Test For Career Intervention Program Questionnaire (CIPQ). *The International Journal of Social Science*, 19(1), 45–54.

’Arar, M. A. (2007). *al Bayan Bi La Lisan: Dirasat Fi Lughat al Jasad* (1st ed.). Beirut: Dar al Kutub al ’Ilmiyyah.

’Ariniy, A. B. ’Abdullah bin S. al. (2011). *Mada Tawaafur Mahaaraat al Ittisaal Ghair al Lafziyah lada Hai’ah al Tadriis Fii Kulliyyah al “Uluum Bi Jaami”ah al Qasiim Min Wijhat Nazar al Talabah*. al Akademiyyah al ’Arabiyyah Fi Denmark.

’Asyur, M. al T. I. (2000). *al Tahrir wa al Tanwir*. Beirut: Mu’asasah al Tarikh al 'Arabiy.

Ab Halim Mohamad. (2005). *Kelayakan Guru Bahasa Arab Dalam Pengajaran Bahasa Arab : Satu Kajian Kes*. In Prosiding Wacana Pendidikan islam siri 4 (pp. 323–333).

Abd. Rahim Ismail. (1993). *The Teaching of Arabic in the Faculty of Islamic Studies in the National University of Malaysia.* University of Salford.

Abdul Ghani Abdullah, Abd Rahman Abd. Aziz, & Abdul Rashid Mohamed. (2007). *Humor Dalam Pengajaran*. Kuala Lumpur: PTS Publications.

Abdul Ghani Jalil. (1993). *Masalah Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab.* Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdul Rahman Ahmad Hanafiah. (2004). Komunikasi Budaya Dalam Adat Perkahwinan Melayu. In Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka

Abdul Razak Habib, dan Khalid Abdullah. (2000). *Pengajaran Pensyarah Yang Berkesan Daripada Perspektif Pelajar Fakulti Pendidikan*. In Prosiding Kolokium Pendidikan Guru Alaf Baru Ke 7. (Pp. 42–56).

Abdul Said Ambotang. (2011). *Sumbangan Pengetahuan Pedagogi , Kandungan, Daya Kreativiti dan Inovatif Terhadap Efikasi Kendiri Guru Dalam Pengajaran Ekonomi.* Universiti Malaysia Sabah.

Abdullah Hassan, & Ainon Mohd. (2002). *Kemahiran Interpersonal Untuk Guru* (2nd ed.). Bentong: PTS Publications.

Abdullah Hassan, & Ainol Mohd. (2000a). *Kemahiran Interpersonel Untuk Guru Bestari* (Utusan Pub.). Kuala Lumpur.

Abdullah Hassan. (1987). *Isu-isu pdanp bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Abdullah Nasih Ulwan. (1983). *Tarbiyyah Al-Aulad Fil Islam* (p. Jilid 1). Kaherah: Daru Salam.

Abdul Salam Yussof. (2003). *Pendidikan Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication And Distributors Sdn.Bhd.

Abdul Sukor shaari & Kalaidevi a/p Aplanaidu. (2012). Kesan Pendekatan Pembelajaran Masteri Terhadap Pencapaian Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Pemulihan Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*-JBPM(Malay Language Education Journal-Mylej) Fakulti Pendidikan UKM.. ISSN: 2180-4842. Vol. 2, Bil. 2 (Nov. 2012): 92-103.

Ahmad, M. al A. M. (2003). *al Ittisal Gahir al Lafziy Fi al Quran al Karim* (1st ed.). Hukumah al Syariqah: Da'irat al Thaqafat Wa al I'lam.

Ahmad Naim Jaafar. (2004). *Kuasa Karisma: Teknik Membina Ketokohan Dan Keterampilan Diri*. Bentong: PTS Publications.

Ahmad Sobri Shuib (2009). *Reka Bentuk Kurikulum M-Pembelajaran Sekolah Menengah*. Unpublished Philosophy Doctorate Thesis: Universiti of Malaya.

Ainon Mohd, dan Abdullah Hassan. (1999). *Komunikasi untuk Guru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd.

Al Ghazaliy, al I. A. H. M. ibn M. (1994). *Al Mustasfa Fi 'Ulum al 'Usul*. (I. Ramadhan, Ed.). Beirut: Dar al Arqam.

Al Jahiz, A. U. 'Amru I. B. (1990). *Al Bayan Wa al Tabyiin*. (Abdul Al Salam Harun, Ed.). Beirut: Dar al Jail.

Alkhasawneh, S., Rahman, F., Abd, Ayub, AF bin M, Daud, dan S bin M. (2012). Developing Multimedia Text for Reading Comprehension Based on Cognitive

Theory of Multimedia Teaching. *International Journal of Innovative Ideas (IJII)*, 12(4).

Al Noursi, O. (2013). Attitiude Towards Learning English : The Case Of the UAE Technological High School. *Educational Research*, *4*(1), 21–30. Retrieved from Available online@http://www.interesjournals.org/er

Al-Agha, I. (1996). *Educational Research, its Elements, Methodology and Tools. The Internal Consistency Validity.* (4th ed.). Gaza, Palestine: Islamic University.

al Quran dan Terjemahannya ke Bahasa Indonesia. (n.d.). Madinah al Munawwarah: Mujamma' al Malik Fahd Li Tiba'at al Mushaf al Syarif.

Al Razi, F. M. I. 'Umar. (1982). *al Firasah*. (Ibrahim Madkur. Jld 1., Ed.). Kaherah: al Hai'ah al Masriyyah al 'Ammah li al Kitab.

Al Shatibi, I. b. M. (1995). *Al I'tisam*. Beyrut: Dar al Kutub al 'Ilmiyyah.

Al Suyuti, A. R. bin A. B. (1984). *Al Ijtihad.* (F. Abd al Mun'im, Ed.). Iskandariyah: Muassasah al Syabab al Jami'ah.

Al Suyuti Abd Rahman b. Abu Bakr . (1991). *al Itqan Fi Ulum al Quran*. Beyrut: Dar al Kutub al Ilmiyyah.

Al Tha'alibiy, A. M. abd al M. I. M. (1997). *Feqh al Lughah Wa Sirru al 'Arabiyyah*. (Mustafa al Saqa et. al, Ed.). Damsyiq: Dar al Fikr.

Al-Nasafi, A. A. bin A. bin M. (n.d.). *Madarik al-Tanzil wa Haqa'iq al-Ta'wil*. Kaherah: Dar al-Fikr.

Allen, E., dan Valette, R. (1977). *Classroom Techniques: Foreign Languages and English As a Second Language.* New York: Harcourt Brace Jovanovich.

Allen, L. Q. (1999). *Functions Of Nonverbal Communication In Teaching And Learning A Foreign Language*. *The French Review*, *Vol 72*(No 3).

Al Tabary, Abu Ja'far Mohammad Ibn Jariir. (1999). *Tafsir al Tabary (al Mussamma Jaami' al Bayaan Fii Ta'wiil al Quran)*. Beiruut : Dar al Kutub al Ilmiyyah.

Alusiy, A. al F. M. al. (n.d.). *Ruh al Ma'aniy Fi Tafsir al Quran al Azim Wa al Sab' al Mathaniy*. Beirut: Dar Ihya' al Turath al 'Arabiy.

Al Zamakhshari. (1993). *al Mufassal fi Sina'at al I'rab* . Beyrut: Dar al Maktabat al Hilal.

al Naaqah, M.K. (1985). *Ta'liim al Lughat al Arabiyyah li al Naatiqiin Bi Lughaat Ukhra: Ususuhu- Madaakhiluhu - Turuq Tadriisuhu*. Jami'ah Ummu al Qura Makkah al Mukarramah.

Angleis, P. J., dan Martin, C. J. (1980). *Psycholinguistic: Two Views Language and Communication.* (E. Helmut Esan, Ed.). Columbia: SC: Hornbeam Press, Incorporated.

Argyle, M. (1975). *Bodily Communication*. London: Methuen dan Co. Ltd.

Arkes, H. R. (1981). *Psychological Theories of Motivation*. Monterey, CA: Brooks.

Ary, D., Jacobs, L. C., dan Razavieh, A. (1985). *Introduction to research in education* (3rd ed.). New York: Holt, Rinehart and Winston.

Asep Dadan Wildan. (2003). *Prinsip-Prinsip Komunikasi Dalam al Quran ; Tumpuan Terhadap Surah al Hujurat*. Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Asha Kaul. (2007). *Effective Business Communication*. New Delhi: Prentice Hall of India.

Asher, J. ., dan Price, B. . (1967). *The Learning Strategy of The Total Physical Response: Some Age Differences*. Child Development, 38, 1219–1227.

Asmah Haji Omar. (1989). *Pengajaran bahasa untuk kemahiran berkomunikasi : pendekatan wacana. Kaedah pengajaran bahasa. Kuala Lumpur : DBP.* (A. H. Omar, Ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Asmah Hj Ahmad. (1989). *Pedagogi I*. Kuala Lumpur: Longman Sdn Bhd.

Asmah Omar. (1992). *Aspek Bahasa Dan Kajiannya- Kumpulan Siri Ceramah Peristilahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Atan Long. (1983a). *Pedagogi: Kaedah Am Mengajar*. petaling jaya: pelajar bakti.

Atan Long. (1983b). *Pedagogi: Kaedah Am Mengajar*. petaling jaya: Fajar Bakti Sdn.Bhd.

Atkinson, E. (1999). (1999). *Key factors influencing pupil motivation in design and technology.* Web Page. Retrieved October 19, 2012. From http://scholar.lib.vt.edu/ejournals/JTE/v10n2/atkindon.html.

Azhar Ahmad, Hossen Marip, dan Morsalin Pawi. (2008). *Kajian tinjauan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah menengah di Negeri Sarawak*. In Prosiding wacana pendidikan islam siri 6 (pp. 635–645).

Azmi Abdullah. (1993). *Maklum Balas Dalam Perbualan Tidak Formal*. Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Baghawi, al H. bin M. al. (1997). *Ma'alim al Tanzil* (4th ed.). al Madinah al Munawwarah: Dar al Tayyibah Li al Nasyr wa al Tauzi'.

Bandura, A. (1977). *Self Efficacy: Toward a Unifying Theory of Behavioral Change*. Psychological Review, 84(2), 191–215.

Bandura, A. (1986). *The explanatory and predictive scope of self-efficacy theory*. Journal of Clinical and Social Psychology, 4, 359–373.

Bandura, A. (1997). *Self Efficacy: The Exercise of Control*. New York: Freeman.

Bandura, A., dan Walters, R. H. (1959). *Adolescent aggression*. New York: Ronald Press.

Bani Yunus, M. M. (2007). *Psikologia al Waqi'iyyah Wa al 'Infi'alat* (1st ed.). Amman: Dar al Masirah cet. 1.

Belmechri, F., dan Hummel, K. (1998). *Orientations and Motivation in the Acquisition of English as a Second Language Among High School Students in Quebec*. Language Learning, 48(2), 219–244.

Bernard, J. (2010). *Motivation in foreign Language Learning : The Relationship Between Classroom Activities, Motivation, and Outcomes in a University Language Learning Enviroment*. Carnergie Mellon University.

Berschield, E. (1997). Attraction And Interpersonel Relationships. In *Encyclopedia Of Human Biologicy-Volume 1*. Academic Press.

Birdwhistel, R. (1973). *Kinesic and Contex : Essay on Body Motion Communication* . Norwich: Penguin Books.

Bull, P. (1983) . *Body Movement And Interpersonel Communication*. New York: John Wiley & Sons.

Burgoon, J. K., dan Saine, T. (1973). *The Unspoken Dialogue An Introduction to Nonverbal Communication*. Boston: Houghton Mifflin Company.

Burroughs, N. F. (2007). *A Reinvestigation of the Relationship of Teacher Nonverbal Immediacy and Student Compliance-Resistance with Learning*. Communication Education, 56(4), 453–475. doi:PreviewView full textDownload full text Access options DOI: 10.1080/03634520701530896

Butcher, C. D. dan Highton, M. (2006). *Designing learning : from module outline to Effective teaching*. London: Routledge.

Campbell, D. & Stanley, J. 1963. *Experimental and Quasiexperimental Designs for Research*. Chicago, IL: RandMcNally.

Carter, R., dan McCarthy, M. (1988). *Vocabulary and Language Teaching*. Uk London.: Longman Group.

Che Rabaiaah Mohamed. (1997). *Komunikasi Pesakit Neuro Di Hospital*. (Disertasi Sarjana Yang Tidak Diterbitkan). Kuala Lumpur. Universiti Malaya.

